



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**19 MEI 2017,
22 MEI 2017 HINGGA 25 MEI 2017**

24 MEI 2017 (RABU)

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGGAJ PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

24 MEI 2017 (RABU)

Kandungan	Muka Surat
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 16 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa)	6
Soalan No. 17 – Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man)	8
Soalan No. 18 – Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah)	9
Soalan No. 20 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey)	10
Soalan No. 21 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	12
Soalan No. 22 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	13
Soalan No. 23 – Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor)	16
Soalan No. 24 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen)	17
Soalan No. 28 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady)	18
Soalan No. 29 – Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee)	18
Soalan No. 30 – Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)	19
Soalan No. 32 – Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)	19
Soalan No. 34 – Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	21
SESI PENGULUNGAN	
Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	22
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	32
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari</i>	

Kandungan	Muka Surat
<i>Dewan disambung semula pada jam 2.00 petang</i>	
SESI PENGGULUNGAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) menyambung semula sesi penggulungan	43
Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	52
Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	58
PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI	63
SESI PENGGULUNGAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang) menyambung semula sesi penggulungan	64
Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	69
Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	76
<i>Dewan ditangguh pada jam 7.15 malam</i>	
<i>Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam</i>	
SESI PENGGULUNGAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	94
Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	101
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 malam</i>	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 24 MEI 2017(RABU)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
33.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
35.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
36.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
37.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
2.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Doa”.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

YB. Dato' Yang di-Pertua, soalan saya ialah soalan 16.

- No. 16. Kelembapan ekonomi telah menyaksikan kilang-kilang terpaksa melakukan pemberhentian pekerja. Setakat hari ini, berapakah kadar pengangguran di Pulau Pinang? Sektor yang manakah yang paling tinggi melakukan pemberhentian pekerja? Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menubuhkan skim/tabung pengangguran?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Berdasarkan laporan daripada Tenaga Buruh melalui Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Pulau Pinang pada tahun 2015 adalah 1.6% bagi tahun 2016 adalah 2.1%, berdasarkan statistik daripada Jabatan Tenaga Kerja, jumlah pekerja yang diberhentikan kerja di Pulau Pinang bagi tahun 2016 adalah seramai 4,923 orang, sektor yang paling tinggi melakukan pemberhentian pekerja adalah sektor pembuatan. Bilangan kerja yang diwujudkan ekoran kemasukan pelaburan adalah 3,000 pekerjaan baru pada tahun 2016. Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan skim tabung pengangguran walaupun adalah usaha dari sebuah parti yang telah minat tentang skim tabung pengangguran dan saya rasa mereka pun jumpa sama saya tahun lepas mengenai sokongan di peringkat Pulau Pinang tentang skim tabung pengangguran, tetapi sama ada skim tabung pengangguran ini boleh diterima oleh Kerajaan Pusat saya pun tidak pasti namun Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT (*Penang Career Assistance & Talent Centre*) menjalankan pemadanan jawatan kepada semua pencari kerja sama ada pekerja yang dihentikan kerja atau pekerja baru dengan yang ditawarkan oleh industri. Sejak penubuhan Pusat CAT pada 2009 sehingga April 2017 seramai 9,352 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,000 lebih 6,000 pemadanan jawatan telah dijalankan, pemadanan ini adalah *job matching*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan, terima kasih Yang Berhormat, kita mendapati bahawa sejak kebelakangan ini kebanyakan pekerja-pekerja di pusat-pusat makanan (dengan izin), KFC (*Kentucky Fried Chicken*), McDonald's dan sebagainya mahupun tempat-tempat *kiosk* petrol adalah merupakan pekerja-pekerja asing. Saya ingin tanya sama ada kita boleh menyeru Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan kemasukan pekerja-pekerja asing, warganegara asing kerana kita mendapati sudah menjadi satu trend untuk majikan untuk menggaji pekerja-pekerja asing kerana saya difahamkan satu boleh kita membayar gaji yang kurang, kedua minta pekerja-pekerja ini untuk bekerja untuk masa yang lebih lama tetapi daripada sektor daripada kesan lama kita mendapati bahawa warganegara Malaysia khususnya di Pulau Pinang yang telah pun menunggu untuk selepas pelepasan sekolah dan sebagainya ingin berkerja tidak mendapat peluang untuk berkerja. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya dan boleh memberi pendapat berkenaan dengan perkara ini. Kedua saya juga mendapati bahawa kalau di Singapura semua warga emas juga digalakkan untuk bekerja selepas mereka telahpun pencen di mana kerja-kerja seperti *desk job telephonist* ataupun kerja-kerja lain, *counter jobs...*(dengan izin) diberikan peluang kepada mereka untuk bekerja tetapi perkara ini tidak dilakukan di Malaysia, kita lihat juga jawatan-jawatan seperti ini juga sejak akhir-akhir ini sedang diambil alih oleh pekerja asing, jadi bolehkah Yang Berhormat menjawab soalan saya sama ada Kerajaan Persekutuan sepatutnya mengambil tindakan atau langkah-langkah untuk mengurangkan pengambilan warganegara asing supaya warganegara Malaysia dan di Pulau Pinang boleh diberi peluang pekerjaan yang lebih banyak. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih YB. Seri Delima, isu pekerja asing ini merupakan satu topik yang kontroversi bukan di Malaysia sahaja tapi juga di negara-negara lain. Tapi negara-negara yang tertentu misalnya seperti Jepun dan lain-lain menunjukkan bahawa mereka tidak memerlukan pekerja asing untuk membangunkan negara. Jadi dari segi ini dasar mereka ini adalah baik, teratur dan memang mereka memikirkan bagaimana mereka akan menggunakan pekerja, tetapi di Malaysia ini kita kelam kabut dasar kita tentang pekerja asing kelam kabut saya minta maaf sebab *responsibility* atau tanggungjawab mengenai kemasukan pekerja asing dan *exit* pekerja asing adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat, kita Kerajaan Negeri mana-mana Kerajaan Negeri tidak ada peranan langsung cuma kita boleh memperbaiki keadaan di misalnya di Jepun, jadi kalau kita anggap bahawa lebih 15 juta pekerja di Malaysia kira *rule of thumb...* (dengan izin), adalah pekerja kita kependudukan Malaysia adalah 32 atau 33 *million* penduduk dan biasanya separuh adalah pekerja dan daripada separuh pekerja ini ataupun bilangan pekerja asing saya rasa mungkin sudah capai 30%, sangat-sangat tinggi dan oleh kerana Kerajaan Pusat ini sangat-sangat liberal mengenai kemasukan pekerja asing jadi katakan kilang-kilang khususnya kilang-kilang yang masih beroperasi sebab kilang-kilang yang memerlukan tenaga pekerja yang murah mengambil kesempatan sebab saya rasa mereka boleh capai keuntungan yang begitu tinggi apabila mereka menggunakan pekerja asing sebab pekerja asing ini sangat-sangat patuh jadi tidak ada insentif untuk menggunakan pekerja tempatan. Jadi kita nampak mana-mana petrol *kiosk* ka, restoran kesemuanya pekerja asing tapi kita Malaysia ini kita tidak ada kurangnya dan saya rasa dari segi ini Kementerian Sumber Manusia ini sudah gagal memberi kita satu hala tuju bagaimana kita akan mengurangkan pekerja asing jadi tadi Yang Berhormat ambil kes Singapura di mana warga asing boleh digunakan sebagai tenaga pekerja saya rasa itu memang saya rasa kecerdikan pemimpin-pemimpin Singapura tetapi di sini lain jadi soalnya bagaimana kita akan mengurangkan pekerja tetapi dasar kita sangat-sangat mengelirukan sebab tidak ada satu usaha untuk mengurangkan pekerja asing, saya tidak ada apa-apa terhadap pekerja asing sama ada dari Bangladesh, dari Burma dari mana-mana kalau mereka datang sini untuk mencari makan saya tidak ada apa-apa tapi apa yang kita rasa penting kita bincang dalam isu bagaimana pekerja asing datang sini mengambil pekerjaan-pekerjaan yang untuk apa ini yang mungkin saya rasa dikhaskan untuk pekerja tempatan. Ini adalah satu situasi yang sangat sedih, nampaknya tidak ada satu usaha untuk mengurangkan pekerja mungkin saya rasa isu ini sangat *complex* sebab syarikat-syarikat yang membawa pekerja ke Malaysia adalah syarikat-syarikat kroni. Mereka boleh mencapai keuntungan yang begitu besar. Jadi sistem ini lebih *complex* ini bukan *full factor or demand factor* yang membawa pekerja di sini. Jadi asalkan pekerja pusat ini ditadbirkan oleh Barisan Nasional saya tidak nampak satu resolusi kepada masalah ini so lebih baik kita menuju ke Putrajaya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, soalan YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan tambahan, Skim Pekerja adalah satu langkah yang penting untuk mengambil kebajikan pekerja yang diberhentikan kerja apabila syarikat bankrap ataupun masa krisis ekonomi. Bolehkah cadangan ini ditimbang oleh Kerajaan Negeri.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Yang Berhormat daripada Batu Uban, saya dari segi prinsip saya dari segi peribadi saya tidak ada apa-apa masalah untuk Skim atau Tabung pengangguran tapi sama ada ini adalah satu isu yang boleh dibawa oleh Kerajaan Negeri mungkin saya rasa mereka boleh bagi satu sokongan moral saya rasa mungkin boleh mungkin tidak tapi ini adalah satu perkara yang kita rasa kita rasa tidak mempunyai kuasa untuk menentukan jadi inilah perbincangan saya dengan beberapa pihak dari segi *principle* tak ada masalah, mungkin saya rasa Kerajaan Negeri pun tak ada masalah tapi *the point is...* (dengan izin), *can we go and interfere when it is not rightfully within our domain especially* apabila kita menubuhkan satu Skim Tabung Pengangguran itu saya rasa itulah pihak yang bertanggungjawab ini mereka sedang berusaha supaya ini diterima oleh Kerajaan Pusat. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah lebih dari tiga....(gangguan), boleh itu nanti tapi di Dewan peraturan cuma tiga.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

It's not right how can...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey...(gangguan). YB. Permatang Pasir yang lain tolong aturkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

YB. Dato' Speaker soalan saya soalan nombor 17.

- No. 17. (i) Apakah langkah-langkah proaktif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi peranan wanita di dalam meningkatkan pembangunan negeri di dalam pelbagai sektor.
- (ii) Apakah Kerajaan mempunyai perancangan melalui Bridged Wanita bagi mewujudkan industri kampung atau perusahaan makanan ringan yang difikirkan sesuai untuk golongan wanita bagi setiap KADUN disamping menambahkan pendapatan mereka?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain diam. Saya nak dengar dari YB. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Dato' Speaker, saya jawab soalan nombor 17 ya. Kerajaan Negeri telah mengetengahkan agenda Kesaksamaan Gender sejak tahun 2012 dalam perancangan serta pembangunan negeri. Kerajaan Negeri melalui Penang Women's Development Corporation (PWDC) berusaha untuk memastikan wanita di Pulau Pinang mendapat peluang, hak dan sumber yang saksama. Antara usaha PWDC bagi meningkatkan peranan wanita di dalam pelbagai sektor adalah :

(a) Penglibatan dan Penyertaan Komuniti

Melalui Program Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB), golongan wanita dilibatkan dalam proses dan program pembangunan komuniti bersama dengan Kerajaan Tempatan. Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang menggunakan pendekatan GRPB dan telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai Penang Model. Melalui Program GRPB, Program Pembersihan Komuniti PPR Jalan Sungai dan Ampangan dimulakan di mana penduduk menjadi rakan kongsi Kerajaan Tempatan di mana pengurusan kebersihan dilaksanakan oleh komuniti PPR tersebut. Melalui pendekatan ini, penduduk PPR termasuk wanita mendapat peluang pekerjaan. Kini, pelaksanaan Program GRPB dipanjangkan kepada rancangan perumahan Kerajaan Negeri yang lain.

- Kepimpinan Wanita Peringkat Komuniti & Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

Melalui program GRPB, pemilihan Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk juga telah dirombak semula dengan memasukkan klausa keseimbangan gender dalam pucuk pimpinan dan pembuatan keputusan supaya wanita dan lelaki mempunyai peluang yang sama dalam menjawat jawatan dalam persatuan. Selain itu, kursus kepimpinan bagi wanita pada peringkat komuniti dan JKKK turut dianjurkan.

- Melalui Kepimpinan Wanita Peringkat Kerajaan Tempatan

Program Latihan Kepimpinan Wanita dalam tadbir urus Kerajaan Tempatan mulai dilaksanakan sejak tahun 2015 untuk mewujudkan *talent pool* wanita yang berbakat dan berpotensi untuk menjadi Ahli Majlis.

- Kepimpinan Wanita di Arena Politik

Persidangan Gender & Electoral Reform telah dianjurkan pada Ogos 2016. Program ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi untuk meningkatkan perwakilan politik wanita kepada sekurang-kurangnya 30%.

- Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan khusus untuk Bridged Wanita mewujudkan industri kampung atau perusahaan makanan ringan. Bridged Wanita adalah pasukan sukarelawati yang ditubuhkan bagi meningkatkan akses kaum wanita kepada program-program Kerajaan Negeri seperti program kebajikan wanita, program

Mammogram, mikro kredit negeri (PTSR) dan lain-lain. Melalui usaha Brigid Wanita, kaum wanita lebih sedar peluang-peluang yang ada dan memperolehi manfaat terutamanya daripada program mikro kredit bagi membangunkan perniagaan mereka, sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya berkenaan dengan peranan Brigid Wanita dalam industri sebagai dia ketua kepada rumah dan makanan di rumah, jadi saya nak saya ada buat soalan la berkenaan dengan sama ada elaun yang telah dijawab tadi yang kelmarin rasanya elaun Brigid Wanita tahun ini tidak disambung tetapi dengan YB. Sungai Puyu ada memberitahu yang Pulau Pinang akan memulakan *state white* pada bulan Jun 2017 apa yang telah dilakukan di Permatang Pauh, Penanti, Permatang Pasir dan di Seberang Jaya iaitu program *food bank* di mana makanan-makanan diselamatkan. Jadi kalau program ini dilakukan bulan Jun sempena *I think* banyak pembaziran lebih pada bulan Ramadhan. Saya ada mempunyai soalan bertanya sama ada elaun atau pun boleh diberi untuk membantu mereka Brigid Wanita dan juga AJK yang mengedar dan mengambil makanan yang terbuang yang tak habis ataupun kepada anak-anak muda yang menganggur tak dapat pekerjaan jadi kita dapat, saya nak tanya sama ada Brigid Wanita boleh dijadikan sebagai rakan kongsi dalam program *food bank* dan satu peruntukan boleh diberikan juga kepada mereka dan juga kepada anak-anak muda yang menganggur, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Boleh dikaji, terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Kebun Bunga, sila.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Berkaitan dengan isu wanita saya ada satu soalan iaitu baru-baru ini di dalam surat khabar ada isu perogol kahwin dengan mangsa rogol. Apakah pendirian sebagai satu institusi kerajaan di Pulau Pinang ataupun pendirian yang sepatutnya diambil oleh masyarakat majmuk ataupun masyarakat Pulau Pinang di atas isu ini dan apakah cadangan kita.....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Kebun Bunga, ini adalah usul, adalah satu usul yang sama dengan apa yang dibawa oleh, yang tanya pendirian kerajaan. Kalau soalan ini untuk ini saya rasa nanti elok dalam perbahasan usul.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Okey, terima kasih. Silakan YB. Telok Bahang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 18.

No.18. Berapakah kos Kajian EIA dan DEIA bagi Projek Jalan-Jalan Utama dan Pembinaan Terowong. Apakah status kajian EIA dan DEIA sehingga kini? Huraikan dengan terperinci.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada YB. Telok Bahang, beliau bertanya berapa kos kajian EIA dan DEIA bagi projek jalan-jalan utama dan pembinaan terowong. Apakah status kajian EIA dan DEIA sehingga kini. YB. Dato' Speaker, kos kajian terperinci impak alam sekitar (DEIA) bagi projek jalan-jalan utama yang melibatkan 3 pakej jalan mengikut perjanjian adalah berjumlah RM6.3 juta. Manakala kos DEIA bagi projek terowong adalah berjumlah RM2.9 juta.

Laporan DEIA bagi projek jalan-jalan utama telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 April 2017 dan sedang menunggu maklumbalas kelulusan daripada pihak JAS. Manakala DEIA bagi projek terowong belum dimulakan memandangkan kajian kebolehlaksanaan terowong belum disiapkan. Pelaksanaan EIA terowong ini adalah tertakluk kepada laporan kajian kebolehlaksanaan terowong yang kini berada pada kemajuan 87%. Kajian kebolehlaksanaan terowong ini pada awalnya dijangkakan akan siap pada Disember 2016. Walau bagaimanapun, pelanjutan masa telah diberikan kepada pihak kontraktor sehingga September 2017 setelah mengambil kira keperluan penyelarasan maklumat kajian yang melibatkan pelan induk projek tebus guna laut di sekitar Bagan Ajam oleh Syarikat Rayston Consortium Butterworth Sdn. Bhd (RCBSB) yang masih belum dimuktamadkan, sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya akan dibekalkan bertulis kan jawapan tersebut. Soalan saya bagaimanakah gangguan *maritime movement* dalam proses EIA dan DEIA ini, kita *control the movement of maritime*, bagaimanakah proses dan *how much the cost....*(dengan izin), dan berlaku atau tidak kemalangan ketika program ini berlaku.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat bertanya mengenai *feasibility study* di selat utara di mana ada laluan kapal. Saya telah kata *feasibility study* untuk terowong ini 87% siap tetapi kami belum melaksanakan laporan DEIA. So pada masa kita membuat kajian *feasibility study* memang ada *pontoon* di atas laut untuk membuat ujian tanah dan juga *hydraulic flow* dan sebagainya *so far* tak ada apa-apa kemalangan berlaku itu saja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan 19. YB. Pinang Tunggal masih dalam cuti sakit. Soalan 19 dilangkaukan soalan 20, saya silakan YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih Yang Berhormat, soalan saya nombor 20.

- No.20.
- (i). Apakah pandangan Kerajaan tentang kebajikan pejalan kaki dan peranan mereka dalam pengurusan lalu lintas?
 - (ii). Apakah polisi dan garis panduan yang ditetapkan bagi menggalakkan lebih banyak berjalan kaki?
 - (iii). Sila berikan contoh garis panduan yang diwajibkan bagi infrastruktur lampu isyarat pejalan kaki dan siar kaki dan sama ada diwajibkan di seluruh negeri?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan YB. Pulau Tikus berhubung dengan isu pejalan kaki sukacita dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan kebajikan pejalan kaki di dalam pengurusan lalu lintas. Polisi dan garis panduan yang ditetapkan bagi menggalakkan lebih banyak orang berjalan kaki adalah:

- menetapkan KPI MBPP untuk mengeluarkan 60 halangan kekal dan sementara di laluan pejalan kaki setahun bagi menyediakan laluan pejalan kaki yang bebas halangan.

- Mensyaratkan penyediaan laluan pejalan kaki kepada setiap pembangunan baru dan projek-projek pembinaan/ pelebaran jalan.
- Memasang lampu isyarat pejalan kaki di lokasi yang mempunyai bilangan pejalan kaki melebihi 50 orang sejam dan isipadu kenderaan melebihi 1,000 ukp sejam pada waktu puncak.

Contoh garis panduan yang diwajibkan bagi pemasangan lampu isyarat pejalan kaki yang digunapakai oleh MBPP dan MPSP adalah seperti berikut :

- Arahan Teknik Jalan (JKR) dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan;
- Garis Panduan Pemasangan *Railling*, Laluan Pejalan Kaki Jenis Konkrit dan *Ramp* Mengikut Rekabentuk Sejagat (*Universal Design*);
- Rekabentuk Bandar Selamat / *Crime Prevention Through Enviromental Design (CPTED)*; dan
- Garis Panduan Pembangunan Eco City Batu Kawan, sekian.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya ingin memohon pandangan daripada Yang Berhormat buat masa sekarang seolah-olah pengendalian infrastruktur untuk pejalan kaki tertakluk kebanyakan di atas kuasa Jabatan Kejuruteraan namun di banyak negara reka bentuk serta kesediaan infrastruktur pejalan kaki melibatkan juga Jabatan Landskap kerana adanya kehijauan akan melembutkan infrastruktur dan juga mengurangkan suhu kawasan. Yang kedua, ada juga melibatkan jabatan bangunan bersama dengan arkitek landskap kerana adalah dianggap bahawa estetik dan kesenanggunaan untuk manusia dan sebagainya, adalah lebih kepada kemahiran seseorang arkitek atau pun landskap arkitek, dan ketiga ia juga melibatkan banyak jabatan-jabatan...gangguan...kena jelaskan soalan...jadi perancangan dilibatkan kerana kena memahami pergerakan manusia tersebut. Jadi pandangan Yang Berhormat tentang penglibatan ketiga-tiga jabatan ini iaitu landskap, bangunan, perancangan dalam usaha meningkatkan infrastruktur pejalan kaki di Pulau Pinang, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya setuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat dan saya percaya melalui garis panduan yang digubalkan semua jabatan perlu dilibatkan untuk memberi pandangan dan input berdasarkan kepada kepakaran masing-masing dan ini akan dilaksanakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat, saya juga ingin bertanyakan tentang cara penyelarasan bersama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR), ini adalah kerana di Pulau Pinang sebenarnya kebanyakan kawasan adalah tertakluk di bawah bidang kuasa JKR dan bukannya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Siar kaki, pengurusan kontraktor-kontraktor yang membuat siar kaki di kawasan JKR, semuanya tertakluk kepada JKR dan ada aduan-aduan penduduk tempatan tentang kualiti kerja dan reka bentuk yang mungkin dianggap kurang sesuai untuk pejalan kaki

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sekali lagi, terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, bahagian Kerajaan Tempatan (KT) telah selesaikan kerja-kerja penyelarasan di antara semua jabatan di Negeri Pulau Pinang, khususnya PBT, JKR kemungkinan JPS dan lain-lain untuk menggariskan secara jelas bidang kuasa-bidang kuasa agensi masing-masing supaya tidak ada apa-apa pertikaian berhubung dengan bidang kuasa tanggungjawab atas kemudahan awam mahu pun sistem perparitan, siarkaki, tanda jalan dan isu-isu yang kita dapat nampak di tempat awam akan dimuktamadkan sedikit masa lagi dan kita berharap semua agensi-agensi yang mengambil bahagian dalam penyelarasan bidang kuasa dan tanggungjawab ini dapat menjaga bidang kuasa masing-masing dan menjalankan kewajipan-kewajipan dan juga mematuhi segala syarat-syarat atau pun garis panduan yang digunapakai di Negeri Pulau Pinang

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Serterusnya YB. Machang Bubuk

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih, YB. Dato' Yang di-Pertua, soalan saya, soalan 21

- No. 21. (i). Terangkan dasar sewa tanah industri yang dibangunkan oleh PDC untuk pengusaha dan pengilang dalam dan luar negara?
- (ii). Jelasnya perubahan ke atas kadar sewa dari 10sen psf setahun kepada 10% daripada jumlah sewaan untuk *consent fees*?
- (iii). Kenapa penyewa perlu bayar 3 tahun *consent fees* terlebih dahulu sedangkan dalam perusahaan wujud ketidakpastian?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Machang Bubuk, mengenai dengan dasar sewa tanah industri Kerajaan Negeri melalui *Penang Development Corporation* (PDC) tidak melaksanakan dasar sewa tanah industri tetapi melaksanakan dasar penjualan tanah industri yang diwujudkan bertujuan untuk menggalakkan pelaburan perindustrian oleh pelabur dalam dan luar negara. Sewa yang wujud adalah diantara pemilik tanah dengan pihak ketiga sekiranya tanah industri tersebut mempunyai ruang kosong yang boleh dibina atau dijadikan kilang yang baru. Harga jualan tanah perindustrian yang ditetapkan di bawah dasar penjualan tanah industri ini haruslah kompetitif dan amat menggalakkan untuk pelabur memulakan pelaburan awal di Pulau Pinang. Dengan ini, ianya mampu menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi dengan penajaan peluang pekerjaan dan pewujudan industri-industri kecil yang menyokong pertumbuhan aktiviti perindustrian tersebut. Berdasarkan dasar ini, maka PDC harus memastikan agar penjualan tanah industri ini sentiasa dikawal selia dan mengikut terma-terma yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri agar usaha ini dapat mencapai hasratnya serta dapat mengelakkan pihak-pihak berpentingan untuk mengambil kesempatan terhadap dasar penjualan tanah perindustrian ini. Untuk itu, suatu mekanisme kawalan melalui pelaksanaan kebenaran untuk penyewaan di mana suatu fi bagi kelulusan daripada PDC telah dibenarkan ke arah pemeliharaan hasrat dan objektif yang telah ditetapkan ini sentiasa terkawal dan dipatuhi.

Perubahan ke atas kadar *consent fee* dari 10 sen sekaki persegi setahun kepada 10% daripada jumlah sewaan adalah bertujuan meningkatkan kawalan serta mengukuhkan lagi dasar sedia ada. Sehubungan dengan itu, PDC telah mengkaji semula bayaran *consent fee* agar perkara ini dapat diatasi dengan sewajarnya. Hasilnya adalah, lebih daripada 90% daripada syarikat-syarikat tersebut telah menjelaskan bayaran *consent fee*.

Bayaran *consent fees* yang dikenakan bagi permohonan penyewaan adalah selaras dengan perjanjian penyewaan di antara tuan tanah dan juga penyewa tersebut. Contohnya, jika perjanjian penyewaan adalah setahun maka bayaran *consent fees* hanyalah untuk setahun sahaja bukan yang ditanyakan untuk tiga tahun, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih, YB. Pantai Jerejak yang telah memberi penjelasan, saya hanya hendak bangkitkan tanya soalan berkenaan tentang *consent fees* itu seperti sebelum perubahan yang atas sewa, apa yang saya difahamkan, adalah sebelum ini adalah 10 sen sekaki persegi dan sekarang sudah bertukar menjadikan jumlah adalah 10% dikenakan ke atas jumlah sewaan yang sebagai satu *consent fees* masalahnya jika kontrak, tadi YB. Pantai Jerejak mengatakan kontraknya sewa satu tahun tetapi mana ada kilang yang hanya sewa satu tahun, sekiranya dalam kontrak itu dia tandatangan itu dia hendak sewa tiga (3) tahun atau ke lima (5) tahun, maka *consent fees* yang kena dibayar itu adalah lima (5) tahun, tetapi dalam perusahaan mana boleh kita jangka *business* dia akan diteruskan lima (5) tahun itu pada hal PDC akan kutip *all in advance* secara pendahuluan lima (5) tahun, walaupun lima (5) tahun atau tiga (3) tahun belum lagi menjadi realiti lagi, hanya di atas perjanjian itu, maka saya hendak bertanya apakah tindakan itu adalah rasional atau tidak?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih di atas soalan tambahan itu, kalau Yang Berhormat perhatikan jawapan tadi ialah bahawa penyewaan ini bukan ke atas PDC, dia kepada tuan tanah tersebut yang telah membelinya daripada PDC, tuan tanah tersebut yang mendirikan jika ada bangunan atau pun ruang pada tanah beliau, jadi ia membayar kepada tuan tanah yang baru, jadi biasanya kalau sesuatu industri yang ingin menyewa atau pun menumpang di tanah yang (dengan izin)....*no more belongs to* PDC, jadi biasanya kalau industri itu ingin berdaya maju 5 tahun atau 10 tahun, dia tidak akan kekal lama dalam penyewaan tersebut, maknanya dalam perkiraan untung rugi industri tersebut mungkin dalam tempoh masa yang singkat untuk dia berjumpa semula dengan PDC *instead of* menyewa lebih baik tanya pada PDC bagi membeli tanah yang lebih besar lagi untuk dia mengembangkan industri tersebut

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Dato' Pantai Jerejak, saya rasa soalan itu, memang saya faham kerajaan atau PDC hanya menjual tanah, tetapi tuan tanah yang ingin menyewakan premis atau tanah dia kepada pihak ketiga maka dalam dasar yang kita ada sekarang, PDC yang ada sekarang yang sewa tanah itu kepada pihak ketiga, yang ingin melabur dalam Pulau Pinang ini mereka kena membayar *consent fees* kepada PDC, sekarang yang dahulunya hanya 10 sen kaki persegi, sekarang kita menukar ke 10% dan bukan sekadar itu, dia kena bayar mengikut tandatangan perjanjian itu sekiranya pihak ketiga yang sewa kepada tuan tanah itu katakan tiga tahun atau lima tahun, maka *consent fees* itu kena bayar tiga tahun kepada PDC pihak tuan tanah itu, so, itu sekaligus, jika itu pun tidak boleh dibayar secara ansuran itulah yang saya hendak tanya adakah cara atau dasar ini akan membantu dasar-dasar untuk menarik pelaburan asing untuk datang ke sini.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Yang Berhormat, daripada dasar yang telah kita laksanakan ini dengan perubahan daripada 10 sen kaki persegi kepada 10% *consent fees* setakat ini dapat sambutan yang boleh diterima kerana telah yang saya katakan tadi. Lebih daripada 90% daripada syarikat-syarikat telah pun menerima cadangan ini tetapi sekiranya ada *feedback* sebagaimana yang YB. sebutkan tadi, maka kita boleh angkat semula, boleh dibincangkan tetapi setakat hari ini 90% syarikat-syarikat telah menjelaskan *consent fees* mereka, maknanya *response* itu agak baik daripada dasar yang telah kita lakukan ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Satu soalan tambahan lagi, mungkin saya juga boleh minta YB. Pantai Jerejak untuk bagi satu senarai yang tentang sepenuhnya 10% tuan tanah-tuan tanah yang menyewa kepada pihak ketiga itu berapa kutipan yang telah kita buat dan berapa lama tempoh perjanjian itu, jika 5 tahun berapa yang kita kutip, terima kasih.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan:

YB. Sungai Pinang

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

YB. Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 22

- No.22. Tarif air Pulau Pinang adalah paling rendah tetapi penggunaan air domestik pula paling tinggi di Malaysia.
- (i) Apakah perancangan/usaha kerajaan negeri supaya penggunaan air tidak melebihi kadar penggunaan air yang disyorkan. Sila huraikan.
 - (ii) Adakah inisiatif kerajaan negeri membawa impak positif atau kesedaran mengurangkan pembaziran air di kalangan pengguna?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada YB. dari Sungai Pinang mengenai tarif air di Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Pulau Pinang merupakan negeri yang mengenakan tarif air paling rendah dalam Negara kita iaitu RM0.32 setiap 1000 liter atau satu *cubic meter* untuk 35,000 *cubic meter* pertama berbanding dengan RM1.32 untuk Negeri Johor. Ini merupakan amnya 25% daripada harga air Johor. Air merupakan sumber terpenting dalam kehidupan manusia dan alam sekitar. Manusia

menggunakan air bagi kegunaan seharian, melakukan aktiviti pertanian dan tidak dikecuali sektor perindustrian. Selain daripada itu, air juga penting bagi alam sekitar di dalam kitaran menstabilkan suhu global. Di Malaysia, secara amnya sumber bekalan air mentah adalah dari kawasan tadahan air termasuk sungai, tasek dan badan-badan air yang lain. Namun demikian, permintaan air iaitu *water demand* ke atas sumber air semakin meningkat selaras dengan perkembangan pesat ekonomi dan juga populasi manusia menjadikan kekurangan bekalan air sebagai salah satu cabaran terhadap negara.

Bagi Negeri Pulau Pinang, sumber air mentah dengan anggaran 80% adalah dari Sungai Muda, manakala baki 20% adalah dari sumber kawasan tadahan air negeri yang telah diwartakan. Air dari aliran kawasan tadahan ini terus mengalir ke tiga (3) buah empangan utama iaitu, Empangan Teluk Bahang, Empangan Ayer Itam dan juga Empangan Mengkuang. Pulau Pinang seperti yang diketahui adalah negeri yang pesat membangun dari segi ekonominya dan permintaan air juga meningkat. Bacaan terkini, penyaluran harian air terawat telah mencapai 1juta 53.7 MLD (*million litre day*) manakala penggunaan air domestik perkapita di Pulau Pinang adalah yang tertinggi di Malaysia dengan mencatatkan 286 *litres capital day, (l/c/d)* berbanding purata kebangsaan iaitu 209 *little capita day*. Di dalam masa yang sama, Pulau Pinang masih mengekalkan tarif air yang terendah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia iaitu untuk penggunaan domestik bagi 35,000 liter sebulan hanya RM0.32 untuk setiap 1,000 liter manakala purata kebangsaan adalah sebanyak RM0.70.

Bagi memastikan kelestarian sumber air, pembekalan yang berterusan dan dalam masa yang sama mengelak daripada sebarang krisis atau catuan air pada masa depan, dengan mengambil kira situasi semasa kadar tarif air, Kerajaan Negeri menerusi PBAPP telah mengambil langkah-langkah yang amat wajar dan munasabah iaitu untuk meningkatkan *Water Conservation Surcharge (WCS)* dari RM0.48 kepada RM1.00 per 1,000 liter bagi penggunaan melebihi 35,000 liter sebulan. WCS dilihat hanya akan menjejaskan 25% daripada jumlah pengguna domestik yang menggunakan air lebih daripada 35,000 liter sebulan dan dalam masa yang sama dapat mendidik dan memberi kesedaran terhadap penjimatan air kepada penduduk Pulau Pinang khususnya. Permohonan ini telah pun dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bertarikh 28 April 2017 dan masih menunggu keputusan terhadap permohonan tersebut.

Sumber air adalah sumber yang amat bernilai untuk terus dipelihara. Oleh yang demikian adalah penting di dalam memastikan penggunaan sumber ini dapat dijimatkan dan kesedaran mengenai pembaziran air perlu disampaikan kepada pengguna. Pada tahun 2010, WCS (*Water Conservation Surcharge*) diperkenalkan Kerajaan Negeri pada kadar RM0.24 per 1,000 liter manakala pindaan WCS pada tahun 2013 pada kadar RM0.48 per 1,000 liter telah menunjukkan impak dan kesedaran yang amat positif kepada pengguna. Pengenalan WCS telah membuktikan penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang tidak terus meningkat sehingga mencecah 315 *l/c/d* pada tahun 2016. Ia menunjukkan penurunan kepada hanya 286 *l/c/d* di mana ia hampir sama dengan penggunaan pada tahun 2009. Terdapat hubungan kait antara pengguna dan juga harga air, di mana pengguna air adalah rendah apabila harga air adalah tinggi. Perlu diingatkan juga, walaupun nilai WCS telah dicadangkan untuk dinaikkan dari RM0.48 per 1,000 liter kepada RM1.00 per 1,000 liter, ia tidak melibatkan tarif air. Sebaliknya dijangkakan hanya 25% daripada pengguna domestik akan terkesan dengan kenaikan ini dan di masa yang sama ia dapat menyedarkan pengguna terhadap penjimatan air seterusnya menjamin kelestarian sumber air di Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB. Bagan Jermal. Soalan tambahan saya adalah kami memang berterima kasih bahawa kadar tarif air di Pulau Pinang adalah terendah sekali di Malaysia. Tetapi selalunya sesuatu yang murah atau yang percuma tidak akan dihargai. Jadi apakah pandangan dan tindakan oleh Kerajaan Negeri jika pembaziran air ini berlaku misalnya air dibiarkan mengalir bazir di kawasan awam seperti di kompleks makanan di bawah PBT, sebab kita semua tahu kalau di kawasan awam, di kompleks seperti kompleks di bawah PBT, tarif air akan ditanggung oleh PBT. Jadi yang ini kita boleh nampak kerap kali ada berlaku. Jadi selain daripada menaikkan WCS di domestik, saya rasa apakah pandangan dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan lagi satu ialah kes-kes paip air PBA yang bocor. Selalunya tindakan diambil lambat dan pada pandangan orang awam, rakyat jelata bahawa pembaziran air telah berlaku apabila paip air PBA bocor dan ini *waste of resources*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Jadi pandangan dan tindakan Kerajaan Negeri selain daripada WCS untuk domestik. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih kepada soalan tambahan dari YB. Sungai Pinang. Saya ucap terima kasih kepada semua ADUN-ADUN yang berada dalam Dewan ini, mereka sedar dan memahami bahawa tarif air tidak naik. Yang Berhormat daripada Telok Bahang, tolong jelaskan kepada pengguna-pengguna di kawasan bahawa tarif air memang tidak ada naik tetapi cuma diputarbelitkan orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Masih kekal kepada RM0.32 untuk satu *cubic meter* untuk 35,000 *cubic meter* pertama satu bulan. Jadi tadi Yang Berhormat dari Sungai Pinang mengatakan kalau barang itu percuma maka pengguna atau rakyat tidak akan menghargainya seperti satu bulan bil air cuma RM11.40 kalau berbanding dengan *hand phone*, satu bulan pun berpuluh-puluh ringgit atau ratus ringgit. Kalau berbanding dengan bil elektrik, kurang-kurang pun RM100 lebih. Malah IWK pun *charge* RM8.00 satu tandas. Jadi air adalah memang di Pulau Pinang ini memang murah tetapi air adalah yang terpenting sekali dalam kehidupan. Jadi Kerajaan Negeri memang sedar bahawa bekalan-bekalan air kepada kompleks-kompleks penjaja atau tempat-tempat awam itu ditanggung oleh kerajaan baik pun Kerajaan Tempatan. Justeru itu sudah ada usaha untuk kita membatalkan meter pusat itu. Dan kita mencadangkan supaya penjaja-penjaja di tempat-tempat kompleks penjaja, mereka memasang meter sendiri. Sekiranya mereka mereka memasang meter sendiri baik untuk bekalan elektrik atau bekalan air maka penjaja itu akan menghargainya kerana duit dari kocek beliau sendiri. Memang betul kita nampak air dibuka sepanjang air mengalir ke longkang sahaja dan ini telah menyebabkan seperti saya mengatakan satu tunggakan RM30,000 lebih satu kompleks makanan dan pihak PSUK kena menanggungnya.

Mengenai kebocoran paip air, kita memang berharaplah semua orang ramai boleh melaporkan dalam masa singkat kepada pihak PBA dan kini PBA telah melaksanakan satu *apps* iaitu menggunakan telefon, mereka cuma buat *apps* kepada PBA dan PBA akan memperhatikan perkara ini dan ada *team* untuk menjalankan pembaikan ini 24 jam. So kalau dapat laporan, maka team PBA akan datang untuk membaikinya. Tetapi kadang-kadang kerana ada banyak tempat paip pecah dan mereka kena atur siap satu tempat pergi ke satu tempat yang lain dan bukan sahaja sekarang juga telefon, sekarang juga dia datang. Dia kena atur kepada *schedule* mereka masing-masing. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Bagan Jermal. Saya tadi ada sebut tentang meter pukal. Memang saya setuju bahawa setiap penjaja atau setiap peniaga perlu ada meter individu tetapi yang masalahnya sekarang adalah dari paip PBA hendak sambung ke setiap meter individu itu, kos itu yang perlu ditampung atau dibiayai oleh setiap penjaja-penjaja tersebut. Kadang kala kos itupun sangat tinggi. Adakah kerajaan atau PBA boleh memberi insentif kepada atau diskaun kepada peniaga-peniaga kecil khususnya mereka dari penyambungan paip utama PBA ke meter individu tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Memang PBA mengamalkan permohonan untuk bekalan air kepada pengguna-pengguna. Kalau katalah sesebuah gerai atau sesebuah kompleks penjaja di tepi jalan yang dibina atas tanah kerajaan, atau bangunan itu adalah dimiliki oleh pihak Kerajaan Tempatan maka tuan tanah perlu memberi *consent* atau keizinan mereka memasang meter atau saluran paip. Itu macam tidak jadi masalah di Raja Uda seperti di kawasan Yang Berhormat daripada Sungai Puyu, Appollo apabila mereka menukar dari meter pukal ke meter individu cuma kita minta borang itu diisi oleh *license plumber*, minta kepada Pejabat Tanah untuk mereka menurunkan tandatangan untuk mengizinkan pemasangan kerana kompleks ini adalah di atas tanah kerajaan. Dan tidak perlu ada apa sambungan *sub-main* daripada *main water pipe* kerana sudah sedia ada satu meter pukal dan cuma mereka kena buat satu-satu meter untuk setiap gerai itu sahaja. Dan Pengurus Besar iaitu CEO PBA memang ada duduk di sini, beliau akan menimbangkan

segala pertimbangan yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu baik pihak kerajaan dan juga pengguna-pengguna. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan saya soalan 23.

- No. 23.
- (i). Apakah peranan, kepentingan dan keutamaan Kerajaan Negeri dalam pembangunan Projek Penang Sentral? Huraikan.
 - (ii). Berapakah nilai sumbangan kewangan Kerajaan Negeri dalam pembinaan Projek Penang Sentral?
 - (iii). Milik siapakah tanah Projek Penang Sentral dan huraikan peranan Penang Sentral dalam membangunkan Hub Pengangkutan Awam Negeri Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Ini berturut-turut, 22 dan 23. YB. Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sungai Dua menanya mengenai projek Penang Sentral. Projek Penang Sentral adalah projek Pengkalan Feri di Butterworth. Kerajaan Negeri berperanan memberi sokongan yang diperlukan dalam pembangunan projek Penang Sentral khususnya dalam urusan kelulusan Kebenaran Merancang, Pelan Pembangunan dan juga Pelan-Pelan Kejuruteraan di peringkat Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri juga telah memberi sokongan penuh dalam urusan permohonan pemberian milik tanah-tanah Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan Penang Sentral. Tindakan *Fast Track Approval* diakui sendiri oleh pengusaha projek Penang Sentral sebagai kritikal untuk projek ini dimulakan dan berjalan dengan lancar. Dari segi kepentingan, projek pembangunan Penang Sentral ini memangnya mendukung hasrat Kerajaan Negeri dalam menambahbaik kemudahan pengangkutan awam kepada rakyat Pulau Pinang khususnya di seberang.

Projek ini juga adalah selaras dengan Rancangan Tempatan dan juga Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, *Penang Transport Master Plan* dibawah Kerajaan Negeri. Projek ini merupakan inisiatif pihak swasta iaitu MRCB melalui kerajaan persekutuan. Tiada sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri. Tanah projek Penang Sentral yang melibatkan 28 lot tanah di kawasan Seksyen Bandar Butterworth, telah diberi milik kepada Penang Sentral Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh Malaysia Resources Corporation Bhd.

Penang Sentral Sdn. Bhd. berperanan untuk membangunkan Hub Pengangkutan Awam bagi Koridor Utara di Butterworth, sebagai salah sebuah projek inisiatif pihak swasta untuk kepentingan awam selaras dengan '*blue print*' pembangunan Koridor Utara di bawah pihak '*Northern Corridor Implementation Authority*' (NCIA). Hub Pengangkutan Awam Penang Sentral akan menggabungkan kesemua jenis pengangkutan awam di Butterworth termasuk bas, teksi, feri, keretapi dan sekiranya berjaya *Penang Sky Cab* juga di bawah satu bumbung yang menawarkan satu sistem pengangkutan awam yang komprehensif. Selain itu, ia merupakan pemangkin kepada Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang iaitu *Penang Transport Masterplan* yang dapat merealisasikan perancangan di dalam pelan tersebut. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan. Cuma apa yang saya lihat terdapat ramai para peniaga yang sedia ada lot perniagaan di bangunan asal, tapak asal. Apakah peranan ataupun apakah mereka-mereka akan diberi lot gerai perniagaan di tapak yang baru?. Kalau boleh diberi keutamaan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Yang kedua tentang Hub Pengangkutan Awam, jadi apakah peranan jabatan agensi-agensi lain untuk membangunkan hub ini supaya menjadi satu kenyataan yang baik untuk membantu melicinkan perjalanan ataupun pengangkutan awam di kawasan seberang?

Yang ketiganya tentang kesesakan. Kawasan ini agak sesak dengan sekolah yang berdekatan dan sebagainya. Apakah perkara ini dilihat dan akan diselesaikan masalah dari segi kesesakan yang bakal berlaku jika pembangunan Penang Sentral ini menjadi kenyataan? Saya rasa ianya akan berlaku kesesakan yang mungkin lebih hebat daripada yang ada sekarang ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih mengenai penjaja-penjaja yang berjaja di kawasan ini. Sebelum pembangunan ini dilaksanakan, mereka berselerak di rata-rata tempat. Selepas MRCB mengambil *take position* atau mengambil tapak itu, mereka membina satu pusat penjaja berbumbung. Dan semua penjaja-penjaja ini telah di beri tempat dalam pusat penjaja berbumbung ini. Tetapi apabila sampai satu tahap di mana tapak penjaja berbumbung ini perlu diguna untuk penyuraian trafik atau membina jalan-jalan raya, maka mereka sekali lagi diminta untuk keluar daripada kompleks penjaja berbumbung ini. Dan mereka telah diberi satu jumlah pampasan yang agak lumayan. Saya difahamkan, setiap gerai atau setiap penjaja dalam pusat penjaja berbumbung ini di beri satu jumlah yang agak besar dan selepas itu mereka diberi satu jumlah pampasan yang lumayan, mereka di minta untuk mencari tempat sendiri untuk sementara waktu. Jadi, mereka buat masa ini masih berselerak di kalangan di sekeliling perhentian bas dan juga di sekitar pangkalan itu.

MRCB memang mengamalkan mereka mengatakan apabila siap Kompleks Penang Sentral di mana ada ramai, ada banyak gerai-gerai dalam itu seperti di Kuala Lumpur di mana itu Puduraya ada gerai-gerai untuk mereka. Cuma saya khuatir, sama ada kadar sewa bulanan bolehkah penjaja-penjaja ini menanggungnya kerana ini memang satu kompleks yang moden, berhawa dingin dan serba lengkap semua ada pasti kadar sewanya akan tinggi dan sama ada mereka boleh tahan sewa itu sahaja. Yang itu kita khuatirkan, memang gerai-gerai telah disediakan. Bolehkah mereka ambil atau bertahan lama, itu kita tidak tahu.

Mengenai Hub untuk Pengangkutan Awam memang tadi saya sudah kata semua pengangkutan awam akan berada di sana. Integrasi, sekolah trafik sistem, Sekolah Convent dan juga Sekolah Tamil dan juga Sekolah Kebangsaan di Bagan Dalam memang kesemua ini telah di ambil kira di mana pemaju perlu melebarkan dan *upgrade interchange-interchange* dan juga jalan-jalan di sana bahkan mereka perlu meroboh jejantas yang sedia ada untuk pergi ke feri. Mereka kena roboh dan membuat baru dan kita nampak sekarang di depan MRCB atau Sentral sekarang telah dibina jejambat baru. Saya cuma dan kompleks ini mengikut jadual, mereka akan siap pada akhir tahun ini. Itupun telah lambatlah, kalau lambat kita bersyukur habis akhirnya projek ini dapat disiapkan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. Soalan saya adalah soalan nombor 24.

- No. 24. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memartabatkan fungsi *check and balance* Dewan Undangan Negeri dengan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan yang mempunyai kuasa untuk menjalankan pendengaran awam (*public enquiry*) secara terbuka tersebut? Sekiranya ya, apakah perkembangannya? Sekiranya tidak, mengapa?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Penubuhan Jawatankuasa Pilihan yang mempunyai kuasa untuk menjalankan pendengaran awam (*public enquiry*) secara terbuka masih dalam peringkat kajian dan pertimbangan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Sebanyak dua kali mesyuarat telah dijalankan bagi mengkaji dan mempertimbang kewajaran penubuhan Jawatankuasa Pilihan ini, dalam mesyuarat kedua, Yang Berhormat ADUN Kawasan Bukit Tengah telah dijemput hadir bagi memperjelaskan cadangan penubuhan jawatankuasa ini kepada Ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat.

Sehubungan itu, cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan ini masih diperingkat kajian dan pertimbangan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bayan Lepas. YB. Bayan Lepas tidak ada dalam Dewan, maka soalan 25 dilangkaukan. Soalan seterusnya, soalan YB. Sungai Acheh nombor 26. YB. Sungai Acheh tidak ada dalam Dewan. Soalan 26 dilangkaukan. Seterusnya soalan 27, YB. Seri Delima. YB. Seri Delima tidak ada dalam Dewan, soalan dilangkaukan. Seterusnya soalan 28, saya jemput YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 28.

No. 28. Apakah cadangan untuk membangunkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih. YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bagan Dalam. Beliau menanya mengenai cadangan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa di Pulau Pinang.

Jawapannya adalah singkat sahaja. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Cadangan pembesaran lapangan terbang ini telah dipohon melalui Rolling Plan 3 RMKe-11 pada tahun ini dan keputusan permohonan tersebut dijangka akan diperolehi pada suku keempat tahun ini iaitu akhir tahun ini. Itu sahaja Yang Berhormat dan YB. Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ingin saya silakan YB. Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan 29.

No. 29. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan terhadap insiden lori penguatkuasa MBPP yang telah dirampas oleh dua orang lelaki pada 4 Mei 2017 tersebut?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab YB. Pengkalan Kota, sukacita saya maklumkan kepada Dewan 'Insiden Lori Penguatkuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang di rampas oleh 2 orang lelaki pada 4 Mei 2017 yang lalu telah dibuat laporan polis oleh Jabatan Penguatkuasaan pada hari yang sama iaitu pada jam 8.45 malam. Dianggarkan seramai 20 orang terlibat dalam kes tersebut. Setakat ini pihak PDRM memaklumkan kedua-dua suspek telah di tahan reman mulai 5 Mei 2017 sehingga 9 Mei 2017 selama 4 hari dan kemudian telah dituduh di Mahkamah Majistret George Town pada 9 Mei 2017 di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan. Kedua-dua suspek ditawarkan jaminan RM7,000.00 setiap seorang. Kedua-duanya mengaku tidak bersalah dan tarikh sebutan akan ditetapkan pada 14 Julai 2017. Kedua-dua tertuduh membayar jaminan tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih jawapan daripada YB. Padang Kota. Adakah pihak PBT mengeluarkan satu, sebarang idea macam manakah hendak *protect* penguatkuasa supaya memastikan perkara-perkara sebegitu tidak akan berlaku pada masa hadapan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih atas soalan tambahan dari YB. Pengkalan Kota. Memang setelah insiden ini, pihak pengurusan MBPP telah mencadangkan untuk melihat dan mengkaji semula SOP Penguatkuasaan dan juga memperkasakan anggota penguatkuasa dalam menangani isu-isu seperti gangguan semasa menjalankan tugas dan MBPP juga sedang membuat permohonan bagi menubuhkan Polis Bantuan di bawah MBPP supaya dapat menjalankan tugas penguatkuasaan dan sebagainya dan mempunyai kuasa-kuasa yang lebih termasuk sitaan, rampasan dan sebagainya. MBPP juga telah membuat permohonan bagi menubuhkan Warden Lalulintas dan mengharap permohonan ini dapat diluluskan oleh

Menteri Pengangkutan. Kita berharap dengan langkah-langkah ini termasuk menghantar anggota penguatkuasa untuk menerima latihan mempertahankan diri seperti tidak tahulah mungkin silat, kungfu untuk memastikan mereka dapat menjaga diri bukan untuk menyerang apabila diserang dalam keadaan-keadaan yang mendesak ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seterusnya saya ingin silakan YB. KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB.Teh Lai Heng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 30.

No. 30. Penempatan semula penjaja dari Jalan Kuala Kangsar ke Jalan Chowrasta telah menyebabkan penjaja mengalami suasana yang agak panas. Masalah ini telah menjejaskan perniagaan mereka.

- (i) Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan membina bumbung tetap di Jalan Chowrasta?
- (ii) Kawasan KOMTAR tidak mempunyai balai rakyat, bolehkah tingkat 3, Pasar Chowrasta dijadikan sebagai balai rakyat?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri untuk menjawab soalan YB. KOMTAR berhubung dengan Chowrasta saya sukacita memaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang sedang mengkaji kaedah dan kesesuaian bagi membantu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh penjaja di Jalan Chowrasta iaitu termasuk cadangan untuk pembinaan bumbung tetap di Jalan Chowrasta yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sendiri, MBPP akan mengkaji kesesuaian untuk membina bumbung di kawasan tersebut memandangkan kawasan berkenaan terlibat dengan tapak warisan dunia tapi saya baru terima satu lukisan oleh arkitek yang membuat cadangan-cadangan tertentu dan kita akan lihat sama ada cadangan mendirikan bumbung tetap di Jalan Chowrasta dapat dilaksanakan. Keduanya, MBPP masih belum berhasrat untuk menggunakan ruang komersial di tingkat 3 pasar Chowrasta, balai raya dan MBPP perlulah meneliti cadangan Yang Berhormat dengan lebih mendalam sama ada apa-apa alternatif dapat dicari untuk memastikan tingkat 3 ini dapat berfungsi sebagai satu ruang awam yang berguna bukan saja kepada peniaga tetapi kepada masyarakat awam keseluruhannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, seterusnya saya ingin menjemput soalan 31 daripada YB. Pulau Betong, YB. Pulau Betong untuk makluman Dewan mengambil cuti sakit. Dan soalan 31 dilangkaukan dan seterusnya YB. Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya soalan yang ke 32.

No. 32. Sila senaraikan Projek Kajian MESRA Kehijauan Alam dengan pihak tempatan dan Agensi antarabangsa. Apakah hasil dan faedah kepada negeri dan negara?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Yang Berhormat daripada Paya Terubong, tanya projek-projek kajian mesra di jalan dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi antarabangsa dapat hasil dan faedah pada negeri dan negara. Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier, Happier Penang* telah melaksanakan pelbagai projek kehijauan ke arah merealisasi hasrat untuk menjadi Pulau Pinang sebagai negeri hijau atau *green state* bagi mencapai hasrat ini Kerajaan Negeri telah menjalankan kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada United Nation Environment Program (UNEP), *United Nations Center Regional Development (UNCRD)*, *International Environment Technology Center (IETC)*, *Japan International & Cooperation Agency (JICA)*, *Global Environment Center (GEC)*, *Climate & Clean Air Coalition (CCAC)*, *International Partnership for Expanding Waste Management Services of Local Authorities (IPLA)* dan juga *Compact of Mayors on International Council for Local Environment Initiatives (ICLEI)* memang senarai begitu panjang. Atas dasar keyakinan terhadap kapisiti dan serta kesokongan Kerajaan Negeri untuk menjalankan, menjadi Pulau Pinang sebagai negeri hijau. Pertubuhan-pertubuhan tersebut telah bersetuju menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi yang melaksana projek hijau berikut iaitu mereka menggunakan Pulau Pinang sebagai *Centre of*

Excellence. Program yang terlibat adalah *Household eWaste Management Program*, di mana kerajaan Pulau Pinang melalui PBT telah menjalankan langkah-langkah mewujudkan mekanisme atau *collection metologi* dan juga syarat syarat untuk kutip *Household eWaste Management* dan ini sedang diguna pakai oleh Kerajaan Pusat dan akan kuatkuasa pada tahun 2018. kedua adalah *CCAC Project for Short Lived Climate Pollutant* Fasa 1 dan Fasa 2, Fasa 3 dan ini telah disempurnakan laporan khas telah dibentangkan kepada CCAC, *Management of Mercury Waste from Household Fluorescent Lamp Waste*. Yang itu, kata pada kini negara kita Malaysia telah menangani di mana harus kawal sisa-sisa daripada lampu di mana *mercury flush* pada *dicolected flush* kini terbuang dalam perparitan, dalam tempat tidak ada satu metalogi urus *end of line*. Kerajaan Negeri telah bersetuju dan mengambil langkah-langkah untuk menjalankan siasatan dan juga mewujudkan metalogi akan tetapi saya rasa amat kecewa kerana dalam *list of Household eWaste Management* juga ada dan mengapa telah dikeluarkan daripada senarai *Household eWaste Management*.

Ini adalah satu industri yang dikata *sunset industry* tetapi harus diambil untuk lindung *bio diversity* bukannya di Pulau Pinang, tetapi jika dapat diwujudkan satu sistem dan diterima pakai boleh dipakai untuk semua Malaysia dan juga IMGT. Berdasarkan penilaian pelepasan *gas house*, rumah hijau yang itu kata *green house* peringkat negeri, tempatan dan juga pelan tindakan mengurangkan pelepasan *gas green house* ini ada banyak kata terlibat diri dengan (WED) *Waste To Energy*, senarai yang panjang Yang Berhormat minat saya akan bagi senarai semua di sana. Projek-projek hijau tersebut telah memberi pelbagai impak dan faedah yang signifikan kepada Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya di mana ia telah berjaya membentuk kerjasama yang erat di antara Pulau Pinang dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa sebagai pemangkin polisi yang terlibat penggunaan teknologi hijau di rantau Asia Tenggara. Apa yang kita berjaya di rakamkan laporan Kerajaan Negeri akan kongsi kepada semua bukan hanya pada Asia Pasific Region akan tetapi untuk *African nation* mereka juga hantar wakil-wakil mereka ke Pulau Pinang dan belajar daripada kedua-dua PBT. Memberi pengiktirafan kepada Pulau Pinang sebagai satu *excellent*, dan aspek kajian *methodology* pelaksanaan dan aplikasi teknologi hijau di Asia Tenggara, menjadi Pulau Pinang sebagai rujukan terhadap pelaksanaan aplikasi teknologi hijau kepada negara membangun seperti Afrika Selatan dan Asia Pasifik.

Di sini kami menghadapi masalah *disclaimer change* di mana bukannya hak Pulau Pinang saja yang menghadapi masalah-masalah banjir kilat tetapi seluruh dunia kini seperti macam di Auckland. Auckland pun ada *flooding* mana tempat ada *flooding*, tetapi di dalam Dewan yang mulia ada pihak tertentu lebih dari satu gambar hak seolah-olah haknya di Pulau Pinang ada banjir kilat. Itu adalah kerana otak mereka belum bersih bila kata bersih bersih bukan haknya fizikal tetapi mental dan juga hati kena ikhlas bersihkan. Wujudkan platform pada wakil Kerajaan Negeri untuk mendapat hadir dekat forum persidangan antarabangsa sebagai penceramah moderator membentangkan kertas kerja hasil *success* program kehijauan di negeri Pulau Pinang, iaitu kata Negeri Pulau Pinang telah diberi satu kerusi di IEC *International Enviroment Technology Centre based in* Osaka, di mana sukses *story* Negeri Pulau Pinang selalu dibentangkan dan rakyat negara-negara kini telah berjumpa dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menghadiri persidangan untuk membentangkan kertas kerja seperti Y.A.B. Perdana Menteri di.... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Peringatan kepada YB. Sungai Puyu, cuma ada lima (5) minit saja nanti jawapan tak habis saya akan tutup juga. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau macam ini saya terus berhenti tak usah jawab lah, bukan saya dah jawab *you* kata... (gangguan) saya ada 2 second.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada lima (5) minit lagi, peringatan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, iaitu kata di sini Pulau Pinang telah amat berjaya di mana Perdana Menteri di Copenhagen COPS 15 sedang berjanji kepada seluruh dunia *global commitment*, *Local Actions Penang Leads* di mana dia berkata bahawa tahun 2020 hendak membuat *recycling* 22% akan tetapi Negeri Pulau Pinang telah mencapai 38% di mana pada kini MPSP telah sampai 42%, kalau pukul rata 38% *recycling rate* jauh lebih berjaya daripada apa yang disasarkan Kerajaan Pusat. Membuka peluang dan ruang kepada kakitangan kerajaan, pihak swasta di negeri Pulau Pinang memberi latihan bangunan kapasiti-kapasiti

building dalam *policy* pengurusan dan aplikasi teknologi hijau, menarik minat JICA dan CCAC untuk menyalurkan peruntukan ke Negeri Pulau Pinang bagi tujuan kajian laksana projek diberi kepercayaan untuk menganjurkan program bertaraf antarabangsa negeri Pulau Pinang, memberikan kehormatan kepada wakil Kerajaan Negeri dan dijemput oleh CCAC untuk terlibat dalam proses menjalankan usul *Conference of Parties* Khasnya COPS 20 dan COPS 21. Pulau Pinang juga dijemput untuk hadir untuk bersiap sedia menyiapkan kertas-kertas ini untuk dibentangkan semasa COPS 20 & 21 di Paris, menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai model rujukan kepada Kerajaan Pusat dalam kejayaan melaksanakan *Policies Houses of eWaste* Negeri Pulau Pinang yang kini digunapakai di seluruh Malaysia. Dengan ini saya ada banyak lima (5) minit *including time* kalau ada apa soalan tambahan saya akan ambil di sini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Tadi kajian yang dilakukan, apakah rancangan Kerajaan Negeri tentang *Garden Waste*?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Garden Waste ini ada satu cerita yang lama yang dibuat macam ini. *Composing* dibuat kini ada banyak tempat kena letak mesin tertentu contohnya di Bagan Ajam, kami letak satu mesin untuk bukan hanya untuk *food waste* tetapi juga untuk *compose waste* iaitu kata sesiapa yang potong rumput di sana boleh angkat di sana untuk proses menjadi baja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya saya nak pergi ke soalan 33, soalan YB. Telok Ayer Tawar, YB. Telok Ayer Tawar tak ada maka saya langkaukan soalan 33, 34 YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Soalan saya no. 34.

No. 34. Sidang Media Forum Electoral Reform pada 31.03.2017, YB. Chow Kon Yeow mengumumkan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang boleh merealisasikan '*electoral reform*' dengan menambah tujuh kerusi tanpa KADUN (*non-constituent seats*) untuk menambah ADUN wanita dari 6(15% kepada 13(27%)

- (i). Bilakah usul penambahan 7 kerusi wanita tanpa Kadun di DUNPP ini akan dibentangkan?
- (ii). Adakah pembahagian 7 kerusi wanita dibuat mengikut undi popular PRU13 atau PRU14?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan YB. Penanti ialah sidang media Forum Electoral Reform pada 31.03.2017 tahun ini, YB. Chow Kon Yeow mengumumkan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang boleh merealisasikan *Electoral Reform* dengan menambah tujuh (7) kerusi tanpa KADUN untuk menambah ADUN wanita dari enam (6) sekarang iaitu (15%) kepada 13 (27%) dan soalan nya ialah bilakah usul penambahan tujuh (7) kerusi wanita tanpa KADUN di DUN ini akan dibentangkan?

Untuk maklumat semua bahawa cadangan ini sekarang dalam proses *consultation* dan kesedaran kerana ramai lagi yang belum tahu apakah maksudnya, jadi ada beberapa respon ada yang tak setuju juga ada yang kata bahawa mengapa perlukan 30% untuk wanita, ini tak adil kaum lelaki pula, jadi kita mahu semua majoriti kalau bukan semua majoriti mesti faham dulu. Jadi sekarang kita mengadakan forum hari itu kita ada forum di Dewan ini yang disokong oleh Tuan YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri tetapi tak ramai yang datang jadi saya rasa kita mahu berusaha lagi berusaha sama dengan MMK saya dengan PWDC dan Penang Institute, kita lebih ramai faham bahawa ini adalah untuk tujuan supaya ada lebih ramai wanita yang terlibat dalam membuat keputusan, yang penting untuk semua rakyat supaya keputusan itu akan lebih sempurna untuk semua pihak, jadi saya rasalah saya tau

bahawa Yang Berhormat Penanti, sangat prihatin dalam perkara ini dan saya rasa kita sama-sama berusaha lagilah.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Close. Terima kasih. Sudah habis. Saya sudah buat peluang untuk Penanti tanya. Ahli-ahli Yang Berhormat 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah pun tamat selaras dengan peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri maka sekarang kita sampai ke sesi pergulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas Ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pantai Jerejak. Sebelum kita pergi ke pergulungan sebelum itu minta kerjasama kepada semua khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang buat pergulungan jawapan-jawapan ataupun perkara-perkara yang telah pun bangkit yang telah pun jawab dalam soalan lisan kalau boleh kita mengelakkan disebut sekali lagi melainkan maklumat-maklumat tambahan ataupun perkara-perkara yang ingin memberi penjelasan yang lanjut. Saya silakan YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dengan izin YB. Dato' Speaker dan pada semua Yang Berhormat Dewan, saya minta izin untuk menggulung beberapa isu penting dan memberi status terkini berkenaan portfolio saya terutamanya perumahan. Rakan saya daripada YB. Permatang Berangan ada bangkit isu tentang pemilihan bagaimana proses tersebut untuk satu projek yang dinyatakan beliau.

Untuk makluman Dewan, Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan ataupun *Selection Process Enhancement Committee or SPEC*, yang didirikan setelah saya menjadi EXCO akan terus membuat pemilihan bagi pemohon-pemohon yang benar-benar layak sahaja Dato' Speaker untuk memiliki pelbagai jenis RMM, Rumah Mampu Milik termasuk kos rendah dan kos sederhana rendah. Untuk makluman semua, setelah penubuhan SPEC pada Ogos 2013, sebanyak 38 mesyuarat pemilihan telah diadakan di mana pemilihan untuk 18,152 pemohon Rumah Mampu Milik 'A' ataupun kos rendah, 6,463 pemohon Rumah Mampu Milik B ataupun kos sederhana dan 10,980 pemohon Rumah Mampu Milik C, iaitu sehingga had siling RM300,000 di bahagian Pulau dan RM250,000.00 di bahagian Seberang telah dilakukan iaitu YB. Dato' Speaker, jumlah keseluruhan sejak Ogos 2013 kita telah pilih 35,595 pemohon yang layak oleh Jawatankuasa tersebut yang YB. Dato' Speaker yang saya pengerusikan dan dianggotai 8 wakil rakyat lagi iaitu, YB. Ahli Parlimen Tanjong, YB. Ng Wei Aik, YB. Ahli Parlimen Jelutong YB. Jeff Ooi, YB. Ahli Parlimen Bayan Baru YB. Sim Tze Tzin, YB. Seberang Jaya YB. Dr. Afif Bin Bahardin, YB. Batu Maung YB. Dato' Abdul Malik Bin Abul Kassim, YB. Sungai Puyu YB. Phee Boon Poh, YB. Bukit Tengah YB. Ong Chin Wen, dan YB. KOMTAR YB. Teh Lai Heng. Jawatankuasa SPEC ini akan terus dengan pemilihan pemohon-pemohon yang benar-benar sahaja layak termasuk untuk projek yang dinyatakan YB. Permatang Berangan.

YB. Dato' Speaker saya alih kepada satu isu penting iaitu penyelenggaraan skim-skim perumahan di Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang menitikberatkan penyelenggaraan skim-skim perumahan Rumah Mampu Milik A dan B atau Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah di keseluruhan lima (5) daerah di Negeri Pulau Pinang. Dalam pada ini, YB. Dato' Speaker kita ada satu tabung yang dikenali Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang di mana keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh dilihat melalui peruntukannya setiap tahun seperti berikut untuk tahun 2013, RM3 juta, untuk tahun 2014 hingga kini RM2.85 juta. Dan untuk makluman YB. Dato' Speaker perbelanjaan dari Tabung tersebut untuk tahun 2013 adalah RM1 juta, 2014

RM2.4 juta, 2015 RM2.8 juta, 2016 RM1.65 juta dan setakat bulan April 2017 RM1.5 juta.

YB. Dato' Speaker, juga turut diketahui bahawasanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan satu tabung yang lain yang dikenali sebagai *Housing Assistance Programme Of Penang YES*, ataupun HAPPY, untuk menampung baki yang perlu dibayar oleh penghuni skim Rumah Mampu Milik A dan B ataupun Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah yang diluluskan permohonannya di bawah Tabung penyelenggaraan 1 Malaysia. Saya ingin mengumumkan di sini bahawa terdapat satu penurunan yang menjunam dari tahun 2015 hingga 2016 di dalam kelulusan dana TP1Malaysia iaitu Tabung Pusat.

YB. Dato' Speaker, ini menakutkan saya akan bagi beberapa statistik sekarang. 2013 sumbangan melalui TP1M kepada keseluruhan Malaysia *not just Penang, was* RM32.82 juta, 2014 untuk keseluruhan Malaysia, dari RM32 juta naik RM46.49 juta, 2015 daripada RM46.49 juta naik juga kepada RM50.73 juta tetapi YB. Dato' Speaker, lepas 2015 RM50.73, ia menjunam jatuh pada 2016 RM3.98 sahaja. Dari RM50 juta jatuh RM3.98 juta iaitu satu penurunan 92.5% ini menakutkan, apa berlaku kepada dana? TP1M apa sudah berlaku? Masih wujud atau tidak? Mana duit? Inilah soalan saya nak tanya kepada rakan saya di sebelah sana. Kerana TP1M ini penting untuk projek kritikal penyelenggaraan skim perumahan bukan sahaja di Pulau Pinang tapi di satu Malaysia. YB. Dato' Speaker saya juga telah menyatakan sebelum ini, kalau kita lihat kepada prestasi permohonan di peringkat Negeri-Negeri Pulau Pinang sejak menubuhkan TP1M kita telah ada melalui kedua-dua PBT, MBPP dan MPSP 143 permohonan sejak 2012 tapi Dato' Speaker berapa yang diluluskan? *Don't talk about* penjunaman *2015 to 2016*, yang pohon 143 skim bahagian Seberang. Di Bahagian Pulau, berapa yang diluluskan? 29 sahaja YB. Dato' Speaker. Yang terkejut sekali apabila saya dapat satu jawapan melalui Ketua Menteri sendiri, yang tanya kepada Menteri Perumahan, Tan Sri Noh Omar, yang jawab satu jawapan bertulis di Parlimen, dia kata dan dia mengesahkan bahawasanya pada 2016 bukan sahaja Negeri Pulau Pinang yang tidak diluluskan satu permohonan pun tetapi 8 Negeri lain di Malaysia juga kosong. Ini saya kongsi dengan rakan-rakan di situ, ini serius *because* tabung penyelenggaraan 1 Malaysia ini ialah untuk membantu skim-skim Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah dan di Pulau Pinang kita satu-satu Negeri di Negara Malaysia yang mempunyai tabung yang saya katakan tadi HAPPY, di mana Kos Rendah 90% dari TP1M akan datang, Kos Sederhana Rendah 70% dari TP1M akan datang tapi di Pulau Pinang melalui HAPPY kita akan tampung baki 10% dan 30% iaitu *resident* ataupun penghuni satu sen pun tak payah keluar.

Tapi kita lihat prestasi 2015 turun dari RM50 juta kepada RM3.98 juta, 2016 satu permohonan pun tak dilulus. So jadi apa yang berlaku? Nombor satu ada pembaziran, kerana pembaziran dari segi dana dalam HAPPY tak akan digunakan kerana HAPPY itu cuma akan digunakan ataupun disalurkan setelah TP1M lulus. So pembaziran. Saya minta Ketua Menteri di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan supaya, YB. Dato' Speaker dana dalam HAPPY ini disalurkan kepada Tabung 80/20 tersebut, *at least* kita boleh guna. Kalau ada kelulusan TP1M dan kita akan ambil keluar daripada 80/20, kita boleh guna konsep sama *but waste the money in HAPPY and I'm happy to announce today that Penang State Government*, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan permohonan saya tersebut dan *unfortunately* untuk makluman YB. Dato' Speaker, HAPPY sebelum ini dana yang disalurkan lebih dari 80/20 RM3 juta setahun, *80/20 I only get RM2.8. I have very limited funds to play it. Unfortunately because* dia punya prestasi TP1M begitu buruk untuk tahun 2017 cuma RM1 juta diberi kepada HAPPY oleh Kerajaan Negeri *but at least* saya dapat RM1 juta *but information for your information* YB. Dato' Speaker, *as for April 2017....* (dengan izin), saya telah menerima ataupun saya telah meluluskan 11 permohonan di bawah Tabung 80/20. Ini yang berjumlah ataupun bernilai RM1.57 juta dan ada 13 lagi yang bernilai RM3.8 juta yang masih dalam pertimbangan di bawah Tabung 80/20 ini. Ini YB. Dato' Speaker membawa keseluruhan permohonan di bawah 80/20, pada RM5.37 juta. Walaupun saya diberikan RM2.8 juta *to begins with in 80/20*, sekarang tambah RM1 juta it is RM3.8, *I'm still shock*.

Jadi saya nak maklum pada Dewan ini bahawasanya saya sememangnya dalam Majlis Mesyuarat yang akan datang akan memohon pertimbangan Kerajaan Negeri yang prihatin ini untuk *top up* saya punya tabung ini agar saya boleh bantu pemohon-pemohon, *and this is* YB. Dato' Speaker setakat hari ini sahaja kita bulan 5 sahaja saya mesti jaga banyak lagi skim perumahan 6-7 bulan. Bagaimana dengan ketiadaan wang-wang? Itu pasal saya kata saya tanyalah saya minta bantuan pihak kawan saya di sana apa berlaku pada TP1M, tanya Tan Sri Noh Omar, *where is your money? We need to help as well*. Penyelenggaraan *is one very important things* pembekalan *and come to at the end* tapi lepas kita bekal mesti selenggara. So saya minta boleh atau tidak kawan-kawan saya di situ, pergi semak apa berlaku pada TP1M ini kerana Pulau Pinang berhak kita pembayar cukai semalam kita ada gaduh pasal cukai, inilah cukai yang bayar mesti balik pada kita mesti ada tabung seperti TP1M. Sekarang ada tabung tapi tak ada prestasi, prestasi begitu buruk. So saya tanya boleh atau tidak kawan-kawan saya di situ, saya difahamkan ada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Parti Pembangkang untuk melihat kepada isu-isu

semasa. Mungkin isu ini saya minta boleh disenaraikan dalam agenda kerana penting ini untuk semua rakyat tak kira fahaman politik, boleh atau tidak?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat beri laluan sikit.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya ada satu cadangan. Apa yang Yang Berhormat kata ini kita tak ada maklumat untuk jawab sebab ini dasar Kerajaan Persekutuan, satu. Yang kedua memang kita Majlis Tindakan Rakyat, saya akan cakap dengan pengerusi penasihat Perdana Menteri, Dato' Seri Zainal, menjemput Yang Berhormat kepada mesyuarat kita, dan kita boleh *stress up*, bukan isu ini saja, kita juga nak tau pasal PR1MA bagaimana nak percepatkan proses bagaimana nak bantu dia. Saya nampak Yang Berhormat proaktif. Cuba selesaikan masalah, kita pergi pada *orientation to resolve the issue...*(dengan izin), dan saya percaya kalau Yang Berhormat benar terbuka untuk selesaikan masalah, semua isu boleh selesai, cuma saya tidak ada maklumat untuk jawab dan saya akan ulangi saya akan minta supaya Yang Berhormat dijemput pada hadir mesyuarat dengan Ketua-ketua Jabatan *Federal-Federal* itu satu.

Yang kedua, Yang Berhormat, saya nak *respond* sikit pasal cukai, walaupun luar topik sikit. Ya betul Kerajaan Pusat terima daripada Negeri Pulau Pinang tapi kita tak mau *argue* bab itu. Pada masa yang sama saya kalau dari segi logik itu Yang Berhormat guna, saya juga di kawasan Teluk Bahang pembayar cukai tanah, tapi sampai hari ini saya pun tak nampak apakah Kerajaan Negeri buat di kawasan saya? Itu pun saya *confuse*, ada *dam* di kawasan saya dan apakah sumbangan Kerajaan Negeri bila banjir saya minta RM10 juta saja nak *settle* banjir saya pun tak dapat tapi tidaklah saya mengambil pendirian yang cara Yang Berhormat *approach* semalam, saya memang terasa sikit cara Yang Berhormat *approach* semalam. Saya memang terasa sikit Yang Berhormat *approach* YB. Sungai Dua. Tapi Yang Berhormat pada masa yang sama kami pembayar cukai pintu, kami pembayar cukai tanah dan kami tidak nampak apa-apa pun di kawasan kami. So ini isu kalau logik itu begitu jadinya dan saya bukan pihak yang tepat untuk jawab dan saya sahut cabaran Yang Berhormat kita sanggup bersemuka untuk *settle* masalah, saya akan bagi tahu Dato' Seri Zainal untuk menjemput Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Telok Bahang, yang menjemput saya *I think* ini satu titik yang bersejarah di mana kita boleh bekerjasama untuk atasi *of course* ia adalah cadangan ia akan berlaku atau tidak, *I hope it will*. Untuk maklumat tadi YB. Telok Bahang kata tak ada maklumat so tak boleh *respond but actually* yang saya nyatakan tadi *return reply in Parlimen to Y.A.B. Lim Guan Eng from Tan Sri Noh Omar himself. I can show you the....(gangguan)*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak tanya Yang Berhormat sedikit, dalam Yang Berhormat mesti tanya kenapa sebab apa? Sebab dalam tu jawapan dia sahaja dia cakap semua tak ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Hakikatnya 2016 *zero not only for Penang....(gangguan)*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

The answer why is no....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I am saying this it should be, I am saying this should also be benefit to 8 lagi negeri di negara Malaysia and I will supply you the answer of course there is reason why but the fact is there, the penjunaman begitu teruk. So that is something serious that worries me coming back to cukai, I think is unfair to say we tak buat apa, and then you talk about banjir although I am talking about perumahan here that dua (2) hari sudah YB. Seri Delima ada kata, dua minggu sudah apabila ada banjir betapa merana kita. My place is the worst, YB. Telok Bahang my place is the worst 10 years apabila ada hujan 30 minit Caunter Hall semua orang tau, semua orang tau apa jadi di Caunter Hall. Masih berlaku tapi apabila kita cakap tentang cukai.

Do you know bahawasanya di Negeri Pulau Pinang the mother of all rivers that has to be tackle Rancangan Tembatan Banjir di Sungai Pinang. Rancangan Tembatan Banjir adalah rancangan di bawah bidang kuasa persekutuan bukan bawah bidang kuasa negeri. Sekarang saya cakap bagi pihak YB. Padang Kota tapi / boleh cakap, saya berhak cakap kerana ini kawasan saya YB. Dato' Speaker, and do you know that kita telah minta 10 tahun sekarang untuk dana dan hanya tahun dahulu bulan November disetujui daripada RM600 juta yang diperlukan. It is the biggest RTB in the whole of Malaysia, the whole of Malaysia kita ada 23 RTB tau yang besar sekali is Sungai Pinang di Negeri Pulau Pinang baru dia setuju. Dia kata, dia umum akan bagi RM150 juta akan bagi end of last year but until today cuma RM1 juta saja diberi kepada perunding. Kerja belum mula lagi, umum nak umum saya dah kata DUN yang dulu senang nak umum tapi pelaksanaannya itu yang kita nak lihat.

So coming back to flood, it is not to put the blame here, I think YB. Chow is doing a fantastic job here where Penang is concern, we can only do medium short term and medium term project dan dia sedang berusaha bertungkus-lumus. I can vouch for that but we can only do so much if you don't tackle the mother of all rivers apa pun kita buat tak cukup. So this one also nanti apabila you jemput saya kepada Majlis Tindakan Rakyat tersebut saya akan senaraikan dalam agenda, thank you.

YB. Dato' Speaker saya teruskan, sebelum ini tidak boleh dinafikan beberapa bandar di Negara Malaysia terutamanya bandaraya yang utama iaitu Johor Bahru, Wilayah Persekutuan, Selangor dan juga Pulau Pinang the four main urban cities telah melihat satu keadaan di mana harga hartanah telah naik. *It is a phenomenal not just to Penang tapi kepada Urban Cities dan apa yang telah berlaku YB. Dato' Speaker apa yang kita buat pada 2013 ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di Dewan Undangan Negeri adalah bajet yang memperkenalkan beberapa polisi penyejukan pasaran hartanah di mana kita telah mengemukakan beberapa polisi yang termasuk YB. Dato' Speaker kawalan harga untuk Rumah Mampu Milik iaitu dalam lingkungan RM150,000 sehingga RM300,000 di kawasan Pulau dan dalam lingkungan RM150,000 sehingga RM250,000 di kawasan Seberang Perai ini tidak termasuk Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah itu lain, that one is compliance kuota 30% daripada projek but for new project RMM we have set satu had siling yang saya katakan tadi. Dengan saiz dengan control atau kawalan saiz tidak boleh kurang daripada 750kps sehingga 900kps.*

Kita juga memperkenalkan moratorium terhadap penjualan RMM 'A' iaitu Kos Rendah berharga RM42,000 dan Rumah Mampu Milik 'B' iaitu Kos Sederhana Rendah yang berharga RM72,500 kepada 10 tahun *that mean* kalau dari tarikh pelaksanaan penjanjian jual beli 10 tahun saya tak boleh jual for 'A' and 'B' or KR and KSR. Untuk Rumah Mampu Milik 'C' yang saya sebut tadi RM150,000 sehingga RM300,000 moratorium juga tapi moratorium adalah lima (5) tahun *that means from the date of principles purchase you cannot sell it for five (5) years.* Selain daripada itu YB. Dato' Speaker kita juga memperkenalkan Fi kelulusan sebanyak 2% untuk penjualan hartanah dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh pembelian asal. Mereka yang menjual daripada tarikh pembelian asal di dalam tempoh tiga (3) tahun kita kategorikan mereka sebagai itu *speculator they are the one that are destroying the market so they are deemed to be a speculator if you sell within three (3) years from the date on principle purchase.*

Selain daripada itu untuk warganegara asing, pembeli warganegara asing *especially now* apabila dalam satu tahun ini kita lihat matawang ringgit telah susut nilainya dengan begitu teruk sekali, Malaysia *not just Penang become a cheap sales in the world, very sad to say make my sit very hot so in 2013 we already foresaw this, in 2013 we imposed* lagi satu condition kepada pembeli warga asing selain daripada kita ada had siling untuk mereka, mereka tidak boleh beli hartanah yang kurang daripada RM2 juta *originally landed and RM1 juta apartment on the Island. Recently because drop of matawang kita naikan landed di Pulau kepada RM3 juta YB. Dato' Speaker and on the Seberang it is RM1juta for landed and RM500,000 for strata or apartment.*

Selain daripada itu *that mean control on price that mean they cannot buy cheap property as equal* kita juga imposes satu lagi Fi kelulusan iaitu sebanyak 3% ke atas pembelian hartanah oleh warganegara asing. *in fact...*(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, inilah isu masalah harga tanah dan harga rumah yang kita tak boleh kawal kenaikannya. Pertama sekali pasal warganegara asing ini, kita besa buat cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya *gazzet area-area* tertentu untuk orang asing, kita tak boleh buka *market Penang to all the races people in the world, China 1 billion people* 1% kalau dia *millionaire* dah jadi berapa juta orang. So kita punya *people compete with them* so kalaulah Kerajaan Negeri serius nak buat isu-isu pasal *foreign buyer* ini walau Yang Berhormat cakap RM3 juta *their money. More than us...*(dengan izin), saya cadangkan kalau serius kena buat *gazzet* untuk *area-area* tertentu sahaja untuk *foreigner* beli. Sebagai

contoh kawasan pelancongan sahaja dia boleh beli rumah yang rumah di kawasan negeri kita ataupun sebelah kawasan perindustrian kita *gazet* kita tak boleh buka semua, kita buka the *whole* Penang kita *challenge the whole people in the world*, kita *challenge* dengan Japanese, kita *challenge* dengan Taiwanese *they have the money*. So kalau kita *control demand them* dan kita boleh *control* harga tanah kita dan kita boleh *control* harga rumah dan tanah untuk pembeli kita. Cadangan saya Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Telok Bahang. Memang kita sudah nampak kepada ancaman warganegara asing datang dan beli secara mendadak oleh itu kita ada banyak polisi untuk *control* dia yang pertama had siling saya nyatakan. *Actually* polisi had siling ini menjurus kepada cadangan YB. Telok Bahang kerana bukan dimana-mana di Negeri Pulau Pinang *you* ada rumah hartanah RM3 juta, di beberapa kawasan tertentu sahaja so *actually* menjurus ke arah cadangan tersebut. So *at this point time as I said* dari RM2 juta kita dan naik kepada RM3 juta baru-baru ini *just recently we did that because we are foreseeing this but let me put everything in perspective here*, apabila saya sahut apa yang dinyatakan oleh YB. Telok Bahang itu ia seumpamanya mencerminkan kita ada inflak warga asing kepada Negeri Pulau Pinang walhal itu bukan kesnya. *Actually I think this is the perception* semua ada presepsi ini oh kerana harga naik ada inflak warga asing ke Negeri Pulau Pinang beli hartanah, *no I put on record YB. Dato' Speaker, I check and we are keeping a close check on this in penang actually it is around 3% that mean out of 100 transaksi perumahan di Negeri Pulau Pinang only three (3) are warga asing so it is under control.*

It is in check and this is figures I have from PTG, so we are aware of the track and it is not perceive but like I said YB. Dato' Speaker, come back to the just now my speech just now tadi saya sentuh pada semua polisi penyejukan, *I want to come to latest status, you see* bidang kuasa lain di negara di dunia tak perlu pergi jauh di Asia jiran kita Singapura tak jauh Hong Kong. *This is are the two (2) worst country that have seen* kenaikan harga hartanah *the worst* dan mereka pun bertahun-tahun sudah memperkenalkan polisi penyejukan *because otherwise they cannot control the price and for both Hong Kong and Singapore after they introduce cooling policy* mereka memperkenalkan polisi penyejukan ini *cooling measure* mereka cuma lihat dia punya hasil dalam tiga (3) atau empat (4) tahun setelah ia diperkenalkan dan untuk makluman YB. Dato' Speaker dan tuan, puan, Ahli-Ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya di sini saya kata tadi polisi penyejukan yang diumumkan Ketua Menteri ini setelah dibincangkan di Majlis Mesyuarat Kerajaan itu diperkenalkan Bajet 2013 dan berkuatkuasa April 2014 jadi kita dalam tahun ke empat sekarang dan saya bergembira sungguh YB. Dato' Speaker untuk umumkan setelah empat (4) tahun diperkenalkan polisi ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melihat kepada satu kestabilan harga hartanah kepada satu harga yang mampu dimiliki dimana menurut statistik Pusat Maklumat Hartanah Negara atau NAPIC hampir 80% hartanah di Negeri Pulau Pinang yang ditransaksikan adalah di bawah RM500,000 pada suku akhir tahun 2016. RM500,000 is *consider affordable just one minute* saya bagi perincian *last quarter* 2016 RM100,000 dan ke bawah 23%, RM100,001 ke RM200,000 20%, RM200,001 ke RM500,000 33% iaitu *nearly 80%, 76% to be exact* dan melebihi RM500,001 was 24% only, so we have achieve a stabilization of the price in Penang as a result of our cooling measure. *This is what I want to share with this assembly today.*

Saya juga hendak mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa langkah-langkah penyejukan pasaran hartanah ini telah pun melihat hasil setakat akhir tahun 2016 *also end of 2016 where another statistic* by NAPIC show Negeri Pulau Pinang mencatatkan penurunan harga purata perumahan yang tertinggi di seluruh Malaysia di mana Dato' Speaker, berbanding dengan purata penurunan harga di seluruh Malaysia *because at Federal level also we have got cooling measure such as RPGT, entire Malaysia end of quarter 2016 last quarter 2016 drop average median drop* purata penjatuhan was 0.7%. *The highest was Penang whereby we* mencatatkan penurunan sebanyak 3.2% so all this as a result of our cooling measure and we are going to continue with this cooling measure and we might deficit certain areas like YB. Datuk Telok Bahang kata tadi ancaman warga asing mungkin kita akan naikan *in fact* kita sudah daripada RM2 juta hartanah *landed* kepada RM3 juta *nothing is cast in stone we can deficit but we are not dismantle this policy because* kita tak mau dia *backfire* itu boleh berlaku sekiranya kita *dismantle* jadi *policy* ini kita akan teruskan. Silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, di samping pembeli luar, kita juga mesti lihat pembeli dalaman, *capatalist*, yang membuat perniagaan perumahan. Kalau kita tengok contoh, kalau kita turun *Penang Bridge*, di situ ada *two towers*, sudah 10 tahun lebih, bila kita tengok malam, boleh tahu berapa rumah yang ada bila mereka buka lampu. Rakyat Malaysia yang kaya ini juga kita kena ada polisi yang membendung mereka. Mereka juga memiliki 10-15 biji rumah, so ini juga *create for demands*. Bagaimana kita kawal mereka ini?

Kedua, saya tertarik dengan statistik Yang Berhormat yang memberitahu rumah berharga RM200,00.00 hanya 24% yang membeli, *demandnya* macam itu, RM200,000.00 hingga RM500,000.00 33% yang *control market* tetapi Yang Berhormat ini kena *versus*, kena ada juga statistik dengan pendapatan rakyat. Kalau rumah untuk RM300,00.00 sekurang-kurangnya pendapatan rakyat hendaklah pada angka RM6,000.00 – RM8,000.00. Adakah Kerajaan Negeri statistik pendapatan rakyat Pulau Pinang. Kita ada lebih kurang 1.5 juta penduduk, berapakah pendapatan rakyat Pulau Pinang yang mempunyai tangga gaji RM6,000.00 seorang atau seisi rumah dan RM8,000.00 sebab saya nampak kita dalam keadaan susah. RM500,00.00 harga rumah kita ada 33% dalam negeri, berapa ramai orang yang berpendapatan RM10,000.00 sebulan? Kalau ini kita tidak kawal kita akan biar *capitalist speculate, so they got a chance to purchase their house*, sebab itu harga *keep moving, keep moving*. Saya tahu usaha Yang Berhormat untuk membendung dan menyejukkan perkara ini tetapi pada masa yang sama kita perlu statistik pendapatan rakyat Pulau Pinang. Itu hujah saya Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Telok Bahang. Statistik yang kita ada adalah berkenaan transaksi yang berlaku berkenaan pembelian hartanah di mana saya telah berkongsi tadi yang menunjukkan hakikinya *less than 24%* beli RM500,000.00 *and above*. Sudah tentu saya bersetuju dengan YB. Telok Bahang bahawa kita juga perlu menuju kepada satu arah di mana pendapatan kita adalah pendapatan *medium* sehingga tinggi *and that is* apa yang Negeri Pulau Pinang hasrat. Itulah hasrat Negeri Pulau Pinang tetapi hakikatnya saya sentuh polisi penyediaan dan bagaimana ia telah berhasil di Negeri Pulau Pinang dengan menunjukkan statistik tersebut. Jangan lupa YB. Telok Bahang, ini merujuk kepada *property* RM100,00.00-RM500,000.00, kita di Negeri Pulau Pinang juga menitikberatkan pembekalan rumah-rumah mampu milik A dan B iaitu RM42,000.00 dan RM72,500.00. *I will come to statistic on that but*. Saya juga hendak berkongsi *and I agree with* YB. Telok Bahang, *even RM42,000.00 some people cannot afford*, YB. Dato' Speaker. Ada keluarga-keluarga yang datang ke pejabat saya dan menyatakan betapa sukar untuk membeli rumah walaupun saya tawar unit kepada mereka, *they can't access it because of the loan. I will come to the loan at the end, in fact* Dato' Speaker kata jangan sentuh pasal *loan*, tetapi *I will end my speech with that, later. I now come to what you said in relation to affordability*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Yang Berhormat, saya hendak *refer* ini, sedikit sahaja. Saya ingat Yang Berhormat kena lihat ini Khazanah Malaysian Institute, *Own House Versus Income*, ada *details* di sini, memang *confirm* tapi kita tidak boleh *purchase the house*. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang saya tahu itu, *do you know that Penang and Wilayah was classified as seriously unaffordable, but because we and our policies has cooled the market down to make it more affordable as I have showed you the statistics. But let me tell you*, tadi saya ada sentuh rumah mampu milik A dan B, kos rendah dan sederhana, ada kos rendah pun ada orang tidak mampu, oleh itu saya datang ke topik saya sekarang. Projek Perumahan Rakyat, kalau saya tidak mampu beli rumah RM42,000.00 *the next step will be is to* sewa kepada mereka, betul? Kita perlu PPR, sekarang saya dapat rekod daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan bahawa di Negeri Pulau Pinang cuma kita ada 999 unit PPR. PPR dibina oleh Kerajaan Pusat tetapi diselenggara oleh Negeri. *In the whole of Malaysia*, YB. Telok Bahang *and my friends over there*, 999 units adalah negeri yang terendah sekali PPR, tahu atau tidak?

Selain daripada Wilayah Persekutan Labuan yang ada 500 unit *but we don't count that as* Negeri, kita adalah negeri yang mempunyai unit PPR yang kurang sekali, 999. Berkenaan ini saya telah memohon kepada Kerajaan Negeri, setelah kita berbincang dan saya telah katakan tadi, saya dan Ketua Menteri telah pergi berjumpa dengan Menteri Tan Sri Noh Omar, satu daripada agenda yang kita bincang adalah PPR. Dia minta supaya kita kenal pasti satu tanah *then* boleh berbincang. Untuk makluman YB. Dato' Speaker, kita telah kenal pasti satu tanah, ini pun kita letak dalam agenda Majlis Rakyat nanti, apabila saya dijemput, kita kenal pasti satu bidang tanah, untuk rekod, Lot 10042 PT36 dan Lot 10043 PT37 Seksyen 1 Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, *very very strategic place*, berdekatan Kota Giam, Sungai Pinang. *In fact* tanah itu *is about* 14 hektar, Kota Giam Jelutong, kita sudah tulis surat kepada Menteri dan beritahu mengenai tanah ini dan *the best part is* tanah ini adalah tanah IWK, *is not even* tanah Negeri, *it is your* tanah, *Federal agency but it is not being used for purposes of sewerage plant anymore. But it is a very good location and which can be used to build PPR*. Saya telah menulis dan Y.A.B. Ketua Menteri sendiri menulis melalui surat bertarikh 17 Mac 2017, *now we are in May*, 2 bulan tetapi saya dan Ketua Menteri tidak mendapat sebarang jawapan. Mungkin rakan saya di sebelah sini

boleh cuba *follow up*. *Because this is to answer your questions especially to help the hard core poor.* Kita perlu lebih stok PPR ini.

YB. Dato' Speaker saya hendak(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan YB Datok Keramat. Terima kasih YB. Datok Keramat kerana menyebut tentang PPR. Saya cuma ada satu pertanyaan sama ada Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan supaya rumah-rumah mampu milik jenis A yang RM42,000.00 itu bolehkah apabila pemaju sudah siapkan rumah tersebut ianya boleh dijadikan sebagai PPR di mana kita tidak perlu memberikan rumah itu untuk dimiliki oleh penduduk-penduduk atau penghuni tetapi mereka akan sewa daripada pihak Kerajaan Negeri. Sebab apa yang kita nampak sekarang masalahnya adalah bila rumah-rumah kos rendah walaupun mendapat pinjaman dari bank tetapi mereka tidak ada kemampuan untuk menyelenggarakan bangunan-bangunan tersebut, *maintenance fee* kadangkala pun tidak akan dibayar dan akhir sekali kita akan menghadapi masalah yang sama. Yang boleh memiliki rumah-rumah kos rendah adalah orang-orang yang berkemampuan, mereka pun tidak perlu duduk di unit itu kerana kemungkinan mereka sudah ada rumah lain, jadi rumah tersebut akan jadi kosong dan juga rumah sampah. Jadi adalah lebih baik kita tidak perlu memberi milikan kepada penghuni-penghuni tersebut tetapi Kerajaan Negeri ambil alih semua ini dan beri kepada yang layak menghuni seperti di Flat Wawasan atau PPR-PPR yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sememangnya seperti mana saya sentuh tadi berkenaan isu PPR satu lagi kategori ialah bagaimana kita boleh bantu mereka yang tidak mampu beli rumah-rumah mampu milik kos rendah RM42,000.00 tersebut ialah melalui konsep sewa-beli. Untuk makluman, seperti cadangan YB. Machang Bubuk kita sudah pun ada dua projek perintis di mana kita beli daripada pemaju, satu blok perumahan dan kita jual melalui konsep sewa beli iaitu mereka akan sewa sehingga pada suatu harga yang ditetapkan itu dan ianya akan jadi milik mereka. Kita ada dua projek perintis di kawasan Seberang Perai Selatan sekarang. Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk memperluaskan lagi dan kalau kita boleh dapat projek-projek yang baik. *Because we also don't want to be burdened*, macam YB. Machang Bubuk kata, *we must understand, your entire point* adalah rumah-rumah ini adalah rumah-rumah yang dibiarkan, *abandoned, not occupied*. Kalau Kerajaan Negeri ambil alih, *what makes you think it will be occupied?* Mungkin ia *abandoned* kerana ia bukan di kawasan yang baik atau sebagainya, *that is the whole reason, so we must be very careful when we identify projects that we are going to take over, but of course we have begun two (2) projects in SPS and we are always on our prawl looking for good projects to expand these concepts to...*(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Penjelasan. YB Dato' Speaker, ini bukan dalam skop perumahan, ini adalah satu kes baru-baru ini. Bekas Menteri Perumahan Abdul Rahman Dahalan telah menyalahgunakan kuasa untuk memberi *extension of time* kepada seorang atau pemaju DHL di Kucai Lama, Kuala Lumpur. Kemudian pembeli rumah telah membawa kes ini kepada mahkamah dan mereka telah menang kes itu. Saya dengar Kementerian Perumahan akan merayu kes ini ke Mahkamah Rayuan tetapi saya belum pasti. Bekas Menteri Perumahan, Abdul Rahman Dahalan telah menyatakan dalam sidang media bahawa beliau tidak menyalahgunakan kuasa sebab sebagai seorang Menteri Perumahan mereka memang ada kuasa untuk memberi *extension of time* walaupun saya rasa mahkamah tidak menerima. Apa yang terjadi merumitkan masalah ini adalah penglibatan seorang VIP, seorang wanita VIP yang menggelarkan beliau sebagai Pengarah Syarikat DHL yang menulis surat kepada Kementerian Perumahan dan menyatakan bahawa sebagai salah seorang Pengarah untuk meminta tambahan masa kepada pemaju. Selepas siasatan dibuat didapati bahawa wanita VIP ini bukanlah pengarah dalam syarikat itu. Beberapa laporan Polis telah dibuat dan juga laporan kepada MACC dan sehingga hari ini tidak ada apa-apa jawapan. Cuma ianya sama ada bekas Menteri Perumahan, Abdul Rahman Dahalan menyalahgunakan kuasa atau tidak, saya pun tidak tahu sama ada kes ini di rayu di Mahkamah Rayuan, jadi saya minta sedikit penjelasan daripada YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ini memang satu kes di mana Mahkamah Tinggi telah memutuskan seperti yang dikatakan oleh Professor Ramasamy tetapi memang sedang dibuat rayuan di dalam Mahkamah Rayuan. Kita akan biarkan kepada mahkamah membuat keputusan kelak.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Datok Keramat. Yang Berhormat, boleh saya tanya satu soalan yang berkaitan dengan apa Yang Berhormat cakap tadi, mengenai projek-projek baru atau projek-projek pembaharuan untuk rumah-rumah mampu milik. Saya ada bertanya soalan jadi saya ambil kesempatan ini untuk bertanya sekali lagi kerana jawapan yang diberi tidak cukup. Mengenai Padang Tembak di mana saya sering bangkitkan. Perumahan Padang Tembak ada lebih 3,700 unit dan sudah usang. Jawapan yang diberi kepada saya mengenai soalan bertulis itu adalah ada satu Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar (URC). YB. Datok Keramat, URC yang diberikan jawapan kepada saya URC sedang merancang untuk pembaharuan dan pembinaan semula. Kemungkinan pembaharuan dan pembinaan semula kepada Ahli Kawasan Padang Tembak jawapan diberi kepada saya amat singkat dan pendek, sikit sahaja. Jadi saya ambil peluang ini jika boleh dapatkan laporan terkini kerana isu ini dibangkitkan seringkali oleh saya tetapi sampai empat (4) tahun, lima (5) tahun saya tidak dapat satu jawapan yang *confirm* dan sebahagian besar penduduk di kawasan saya sering tanya kepada Kerajaan Negeri apakah sebenarnya akan jadi? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Kebun Bunga. Memang *urban regeneration committee* ini ditubuhkan oleh MMK saya pada tahun 2015 dan kita telah pun kenal pasti beberapa projek di kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang untuk kita jalankan pembaharuan semula *of course* kita di peringkat kaji selidik tetapi sekarang fokus diberi kepada Padang Tembak kerana sepertimana YB. Kebun Bunga tahu, Padang Tembak merupakan antara yang terlama di Negeri Pulau Pinang *44 years if I'm not mistaken*.

Baru-baru ini dua (2) blok yang kita lihat ada masalah keretakan yang serius iaitu Blok E dan J di mana kita, untuk makluman YB. Kebun Bunga telah baru-baru ini selesai kerja-kerja pembaikan tetapi memandangkan keusangan bangunan-bangunan di Padang Tembak 9 blok tersebut fokus sedang diberi kepada pembaharuan semula *there is urban regeneration* dan untuk makluman YB. Kebun Bunga memang kita sudah ada satu perunding yang memberi Kerajaan Negeri satu konsep bagaimana kita hendak maju ke hadapan dan kita dalam proses mengkajinya dan saya akan *from time to time update* YB. Kebun Bunga *on the status but we are giving priority to* Padang Tembak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, penjelasan sikit. Terima kasih YB. Dato' speaker. Tadi YB. Datok Keramat ada kata kita kerajaan ada satu inisiatif untuk sewa beli adakah Kerajaan Negeri boleh meluaskan *authorities* sewa beli tersebut apabila kita berikan *order offer letter* kepada penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang yang mahu beli rumah *normally* kita kamu telah berpeluang untuk membeli projek-projek mana Bolehkan kita tambah satu *either* mereka untuk beli atau mereka pilih sewa beli. Kerana saya difahamkan kebanyakan pemuda dan pemudi sekarang yang baru keluar daripada kolej atau universiti mereka ingin membeli satu sebuah rumah untuk menubuhkan satu keluarga yang baharu. Tetapi mereka gaji yang mereka dapat baru keluar daripada universiti atau kolej mereka tidak mampu untuk pinjam bank. So oleh itu bolehkah kita memperluaskan peluang ini kepada pemuda pemudi yang *priority to them?* Sewa.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang sepertimana yang saya nyatakan konsep sewa beli ini sudah pun kita perkenalkan semula ada dua (2) projek perintis dan kita akan terus mengenal pasti projek-projek lain untuk kita buatlah. Pembelian melalui konsep sewa beli *but* saya *we can always consider your suggestion* YB. Pengkalan Kota. YB. Dato' Speaker saya nak sudahi saya datang kepada topik begitu penting kepada saya iaitu tadi saya sudah sebut tentang isu penyelenggaraan, saya sudah sebut tentang PPR *now* saya sebut tentang isu pembekalan stok Rumah Mampu Milik (RMM) yang mencukupi untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

Saya telah secara konsisten menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya dan akan terus memberi keutamaan kepada penyediaan bekalan atau stok rumah mampu milik berbagai jenis iaitu Rumah Mampu Milik (RMM) 'A', Kos Rendah Rumah Mampu Milik (RMM) 'B' dan Kos Sederhana Rendah Rumah Mampu Milik (RMM) 'C' iaitu antara harga RM150,000 sehingga RM300,000 untuk warga Negeri Pulau Pinang. Saya ulangi komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk berbuat sedemikian. Dalam pada ini YB. Dato' Speaker, saya begitu gembira untuk mengumumkan status terkini berbanding dengan ucapan saya di sidang DUN yang dahulu saya nyatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merancang 14 buah projek pelbagai jenis RMM di kelima-lima di daerah Pulau Pinang yang bakal akan menyediakan 26,255 unit pelbagai jenis Rumah Mampu Milik (RMM).

Saya gembira untuk maklum kepada YB. Dato' Speaker keadaan terkini adalah bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai dan telah merancang lebih daripada 14 projek kini kita ada 17 projek. *This is the live figure and you will continue to have more projects 26,255 last count now we have 27,230 more and my projects are basically and I will quickly say* di Teluk Kumbar, di Jelutong, di Pintasan Cecil, di SP Chelliah, Sandilands, Perak Road, Kota Giam, di Bandar Cassia, di Kepala Gajah, Kampung Jawa, Ampang Jajar, Mak Mandin, Hujung Batu, Kampung Main Road, Bukit Mertajam, Juru, dan Permatang Tok Suboh *and we will continue to expand on this matter.*

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya kurang jelas hal ini. Masa Yang Berhormat rumah-rumah ini di *plan* oleh agensi Kerajaan Negeri PDC ataupun syarikat swasta?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Projek Kerajaan Negeri melalui PDC yang akan *manage project* tersebut...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Di Bukit Mertajam di mana? Di Tanah liat atau di mana?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

We have identify di Tanah Liat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Yang mukim tanah PDC.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I get the exact location I will let you know.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Nilai harganya?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Antara RM42,000 *low cost* hingga RMM RM300,000.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Nanti dapat *breakout the percentage?*

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Boleh, boleh, saya akan beri *exact detail* pada YB. Datuk Telok Bahang. *In fact I have it here. We have* kos rendah 867 *units*, kos sederhana rendah 9,283 *that means* RM42,000, RM72,500 dan pelbagai (RMM) 'C' RM150,000 *to* RM300,000, *total units* 17,080. *So this is the latest count* YB. Dato' Speaker, *I am happy to announce.* Saya nak maklum di sini bahawa begitu menghampakan kita lihat rakyat Negara Malaysia sedang dibebankan dengan keputusan Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat membenarkan kenaikan kos rendah RM42,000 tadi saya telah nyatakan RM42,000 pun orang tidak mampu beli di Kerajaan Pusat sekarang RM42,000 dia benarkan naik kepada RM60,000, kos sederhana rendah RM72,500 dia benarkan naik sehingga RM100,000. Apakah ini adil? Kerajaan Negeri tidak akan benarkan ini berlaku kita akan memastikan kita ada stok RM42,000 dan RM72,500. *This is I hope* boleh ada dalam agenda kita apabila kita jumpa nanti.

Now saya juga ingin menyatakan bahawa selain daripada ada rancangan tahun ini, akhir tahun ini YB. Dato' Speaker kita akan lihat kepada pembinaan secara fizikal *completion of the first (RMM) project* in Bandar Cassia Batu Kawan *by the Penang State Government and this will also see we have another two (2) projects there is more 50% progress which by next year middle we will also ready for the people Penang.*

Saya ingin juga menyatakan akibat kegagalan sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat untuk menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia atau PRIMA di Negeri Pulau Pinang walaupun YB. Dato' Speaker *for your information* ada pihak yang kata kita selalu mengendalikan *no*, kalau projek itu mematuhi garis panduan kita akan lulus *out of five (5), three (3) didn't* patuhi, *two (2) patuhi* Kebenaran Merancang (KM) telah diberikan. PRIMA *one is in Batu Feringgi, one is*

in Bukit Gelugor. But unfortunately YB. Dato' Speaker, I want to say although KM has been given work have not been started. Sama ada ikhlas atau tidak I tidak tahu. They just want to put on paper that they are coming but they are not here. I'm not seeing anything but well we are moving like I said physically we are going to complete the first one end of this year.

Oleh demikian kegagalan di pihak Pusat umpamanya Projek PRIMA kita telah bekerjasama dengan kuat dengan pihak swasta dan saya telah perkenalkan garis panduan penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) 100% untuk pihak swasta pada Ogos 2014 dan ingin saya umumkan saya gembira umumkan sekali lagi di bawah garis panduan itu pihak swasta sehingga sekarang sebanyak 8,936 unit RMM 'A' telah diluluskan untuk dibina kos rendah, kos sederhana rendah 10,788, dan RMM 'C' RM150,000 to RM300,000 pelbagai jenis kita luluskan 17,035 unit sehingga ini.

laitu berbanding dengan DUN lalu saya sebut *the count then was* 11,500 sekarang kita *the count for* pihak swasta keseluruhan 36,786 saya gembira umumkan. Ini tidak termasuk YB. Dato' Speaker, Rumah Mampu Milik (RMM) 'A' dan 'B' ataupun kos rendah, kos sederhana rendah yang telah pun kita bina. Telah pun dibina di Negeri Pulau Pinang antara tempoh 2008 setelah kita ambil alih sehingga 2016 tahun lalu iaitu sebanyak 20,887 *this* kos rendah dan kos sederhana rendah. 20,887 *built in the last eight (8) years* 2008 to 2016 banding dengan zaman Barisan Nasional tempoh yang sama 2000 hingga 2007 mereka cuma bina 5,124 unit. Kita empat (4) kali ganda dalam tempoh masa yang sama. Jadi kalau kita kira tadi saya kata projek 17 projek di pihak Kerajaan Negeri melalui PDC kita kira pihak swasta saya sebut tadi kita kira apa yang telah dibina 20,887 unit ini saya gembira untuk nyatakan sehingga ini YB. Dato' Speaker, jumlah keseluruhan pelbagai jenis Rumah Mampu Milik (RMM) yang sedang, yang telah, yang sedang dan yang akan dibina di Negeri Pulau Pinang *for your information* adalah 84,876 unit.

This is an update current status the current account YB. Dato' Speaker saya nak sudah dengan sentuh satu perkara mungkin hari itu saya sudah sentuh *but is very important* masalah yang kita hadapi tadi saya dah sebut stok yang telah, akan sedang dan akan dibina oleh saya Kerajaan Negeri, pihak swasta, PRIMA pun mahu masuk, banyak stok tetapi masalah yang besar sekali kadar penolakan pinjaman. Saya boleh jadi wira rumah, pusat boleh jadi wira rumah tapi semua usaha kita sia-sia sahaja. Kalau pada akhirnya pemohon itu yang saya nyatakan tadi tidak dapat bank *loan*.

So, kita perlu mengambil langkah proaktif dengan bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) seperti yang saya nyatakan *and we will continue* teruskan perbincangan dengan Bank Negara Malaysia (BNM) saya harap dengan kerjasama dengan pihak Kerajaan Pusat *this problem is* menghantui semua kita, sama-sama *in fact* apabila saya ada perbincangan dengan Bank Negara Malaysia (BNM) kita ada beberapa cadangan sudah. *Number one*, YB. Dato' Speaker kita boleh tawarkan kadar pinjaman yang lebih tinggi *up to even 100% to help those really need especially first time home buyers* kita boleh panjangkan tempoh bayaran. Kita boleh perkenalkan semula DIBS *especially to first time home buyers*. Kita juga boleh perkenalkan kadar pembayaran semula yang *flexible* iaitu bermula dengan kadar yang lebih rendah dan menyingkap secara berfasa seiring dengan peningkatan pendapatan peminjam tersebut. *This has been discussed but that is why we really need to have round table meeting with* Bank Negara Malaysia (BNM) *and all the commercial banks together with* Barisan Nasional, *you have to come in* dan saya ingin ambil kesempatan di sini tidak mahu gaduh-gaduh selalu tetapi *I'm going to end thanking* UMNO terutamanya YB. Telok Ayer Tawar di sini *but you tell her* terima kasih untuk bersetuju untuk bersama kita Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk utuskan usul bersama yang meminta Kerajaan Pusat dan Barisan Nasional dan Bank Negara Malaysia (BNM) *sorry* untuk tangani isu kadar penolakan pinjaman yang tinggi ini untuk terutamanya pembeli rumah pertama. Dengan itu YB. Dato' Speaker... (gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kenapa sampai akhir baru hendak tanya, Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang dahulu

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terlampau *attractive* semua terpegun dengar. Terima kasih YB. Datuk Keramat, untuk pengetahuan Kerajaan Pusat sudah ambil inisiatif ada satu bank persatuan *start* menolong mereka yang ada penolakan *loan* RM42,000.00 kos rendah ini, saya rasa peruntukan tahun ini RM5 juta dan telah habis digunakan dan kita akan pohon lagi pada Kerajaan Pusat dan bank persatuan untuk bantu mereka-mereka ini. Itu yang saya dapat maklumat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit, silakan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, YB. Datok Keramat, tadi saya sangat gembira bila Yang Berhormat mengesyorkan ada rumah mampu milik RM42,000.00 dan RM72,000.00 akan dibina di Bukit Mertajam, tetapi saya perlukan maklumat yang lebih *detail* untuk saya balik umum kepada rakyat saya sebab mereka sudah tunggu lama dah. Saya dan YB. Penanti juga sama kalau boleh *give us what is the detail things and thats what is the time frame* yang boleh bagi rakyat Bukit Mertajam rasa senang hati. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya *just* nak mohon satu sahaja, jika kawasan perumahan Sungai Lembu juga boleh dibina oleh Kerajaan Negeri sebab JKKK Sungai Lembu kata mereka sudah tunjuk *news paper*, mereka sudah minta *since* 1986 di zaman pemerintahan mereka, jadi diharap perkampungan Sungai Lembu juga dapat merasai kenikmatan perumahan kos rendah dan mampu milik. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey terus YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya ada 1 soalan berkenaan dengan pemaju tambah harga parkir lot, pemaju tambah harga parkir lot macam dia suka dengan buat *renovation* di kawasan saya di Centrio Avenue.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Bukan sahaja di situ tetapi ada beberapa pemaju yang kita dapati aduan-aduan seperti itu dan spek yang saya sebut tadi jawatankuasa tersebut yang diahli seramai 10 wakil rakyat itu sering kali memanggil pemaju-pemaju ini untuk menyelesaikan isu ini dan kita akan teruskan dengan itu, banyak aduan yang telah diselesaikan. Pendirian Negeri Pulau Pinang unit itu mesti berharga RM42,000.00 atau RM72,000.00 tetapi sekiranya tempat letak kereta yang lebih hendak dibeli, itu adalah *willing buyer, willing seller*, pemaju tidak boleh memaksa, itu memang apa yang kita nyatakan tadi dan untuk saya balik kepada YB. Teluk Bahang, *thank you for* maklum isu tentang bagaimana kita boleh tangani *loan but just for your information I just want to end also one thing out* apabila YB. Teluk Air Tawar bersetuju dengan Kerajaan Negeri untuk memutuskan usul bersama, itu menunjukkan kita bersama-sama khuatir tentang isu penolakan pinjaman yang begitu tinggi oleh bank tetapi *for your information I just want to put on record Association of Bank Malaysia (ABM)*, saya dapati satu laporan dan menyatakan bahawa mereka meluluskan 73 peratus pemohon pinjaman tidak betul, *that ABM is trying to confuse everyone because I agree even you agree but ABM said 73%, no*, mana ada. REHDA cakap, *REHDA also have agreement with us within 60% but for your information the first project that I told you about Batu Kawan, Bandar Cassia I know for a fact it only has 520 unit* YB. Dato' Speaker, *today* kita ada *take out only 40% which is about 200 plus, okay but for your information everyone here you know how many names spec has given PDC nearly 1000 that show* saya bagi 1000 nama cuma 200 *taken thats only 20 percent. So this ABM definitely really cannot be rely upon on this report. So this is why I just want to end of before anybody else stand up by saying* saya mengalu-alukan nanti mesyuarat bersama ABM dengan Barisan Nasional, *we have to get that meeting done as soon as possible*, dengan itu YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Datok Keramat dan silakan YB. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya hendak merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah sentuh tentang portfolio saya, soalan lisan dan soalan bertulis dan juga ada cadangan-cadangan atau program-program yang berkaitan dengan portfolio saya. Pada kesempatan ini saya mengambil peluang menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kerana masih diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan bagi isu-isu yang telah dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri berkaitan dengan kebajikan masyarakat penyayang dan alam sekitar.

YB. Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri berusaha untuk menjayakan kempen negeri keusahawanan dan negeri kebajikan, Ahli Yang Berhormat Teluk Bahang sudah janji kepada saya buat penggulangan, Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada UMNO jangan lari kiri kanan dan kekal untuk mendengar tetapi kawan karib saya Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Teluk Bahang berjanji dia akan duduk kekal di sana.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Saya pasal ada *urgent matter*, saya dengar sekejap, saya terpaksa keluar.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Telinga sakit kerana apa yang saya akan ucap adalah benar. Oh! serupa juga, di luar walaupun tidak duduk sini duduk di luar pun dengar. Kerajaan Negeri dalam rancangan untuk menjayakan kempen negeri keusahawanan dan negeri kebajikan sentiasa prihatin akan perkembangan hal-hal kebajikan khususnya rakyat Pulau Pinang sejak tahun 2008. Kerajaan Negeri telah berjaya mentadbir Kerajaan Negeri dengan Cekap, Akauntabiliti dan Telus untuk memikul amanah rakyat bukan saja Cekap, Akauntabiliti dan Telus dalam pentadbiran malah kepada hal-hal berkaitan kebajikan juga. Ini dapat dibuktikan melalui pelaksanaan program kebajikan sejak tahun 2009 sehingga kini dan memastikan rakyat menikmati kemakmuran dan kesejahteraan serta menikmati hasil penjimatan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Hasrat kerajaan menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang bebas daripada kemiskinan sebelum tahun 2015 dicapai dengan adanya pelancaran program bermula dengan pembasmian miskin tegar melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) bagi membasmi kemiskinan di negeri Pulau Pinang disamping pelbagai kejayaan-kejayaan yang ditunjuk sepanjang pemerintah Kerajaan Negeri. Program Pembasmian Kemiskinan ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan garis kemiskinan PGK daripada RM600.00 sebulan kepada RM770.00 sebulan pada tahun 2013.

Pada tahun 2014 Kerajaan Negeri telah meningkat PGK kepada RM760.00 sebulan dengan pendapatan perkapita kurang daripada RM220.00. Mana-mana keluarga yang berpendapatan perkapita kurang daripada RM220.00 Kerajaan Negeri akan tambah nilai *or top up* sistem sehingga genap RM220.00. Contohnya sekiranya sebuah keluarga itu mempunyai 5 ahli isi keluarga dan pendapatan mereka kurang daripada RM1,000.00 sebulan yakni pendapatan perkapita keluarga tersebut kurang daripada RM220.00, Kerajaan Negeri akan memberi tambah nilai RM100.00 setiap bulan. Sejak tahun 2009 sehingga April 2017 sebanyak RM23.6 juta telah dibelanjakan kepada 1,461 keluarga miskin yang sedang menerima bantuan ini. Kejayaan AES ini jelas akan pilihan dengan kejayaan Kerajaan Negeri mengurangkan ketidaksaksamaan pendapatan daripada 0.419 pada tahun 2009 kepada 0.364 pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak 13 percent dalam 6 tahun. *That is to show that we have already narrow the gap between the have and have not*, dalam 6 tahun kami telah kurangkan 13%. That is in the year 2009 from 0.419 to 0.364 in 2014. Selain daripada itu secara tahunan Kerajaan Negeri telah memberi sumbangan kepada rakyat melalui program-program emas seperti Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan OKU, Program Bantuan Ibu Tunggal, Program Ibu Emas dan Program Skim Pelajar dengan sumbangan sebanyak RM100.00. Dalam pada itu bagi meringankan beban ibu bapa Kerajaan Negeri turut memberi bayaran secara *one off* RM100.00 kepada pelajar tahun 1, tahun 4, tingkatan 1, tingkatan 4 di bawah skim pelajar emas, RM200.00 melalui Program Anak Emas serta RM1,000.00 *one off* kepada mahasiswa bagi meringankan beban waris warga emas, ibu tunggal, OKU dalam pengurusan jenazah.

Kerajaan Negeri Pakatan Harapan akan memberi bantuan secara *one off* RM1000.00. Sebanyak RM412.63 juta telah diberikan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang melalui program-program kebajikan rakyat sejak tahun 2008 sehingga kini. Ini merangkumi warga emas, anak emas, OKU, ibu tunggal dan lain-lain dan di sini saya hendak menjawab daripada YB. Sungai Dua, dia berada di luar, dia dengar, dia menyoalkan mengapa dalam borang kehendak letak pengundi di Negeri Pulau Pinang, untuk meletak pengundi di Pulau Pinang ini adalah untuk menentukan bahawa mereka adalah warga negeri Pulau Pinang kerana Pulau Pinang menarik begitu ramai orang untuk bekerja disini dan lain-lain dan mereka mengundi di lain tempat. Kalau anak tempatan buang undi di sini memang dia warga negeri Pulau Pinang dan lagi satu dia telah mempersoalkan mengapakah borang itu tidak bagi ADUN daripada pembangkang untuk tandatangani, ini bukan salah saya ini salah UMNO Barisan Nasional, mengapa salah? Apabila saya hendak minta jalankan program ini saya sendiri telah menjemput wakil-wakil rakyat, wakil-wakil ADUN daripada UMNO Barisan Nasional untuk hadir satu majlis untuk ambil borang-borang tetapi mulanya dia menyatakan bahawa tidak senang tidak dapat hadir selepas itu Ahli Yang Berhormat pada masa itu Seberang Jaya dia telah datang meminta, saya juga telah bagi, tiba-tiba tidak serah tidak lama selepas itu saya terdengar bahawa ini rasuah, ini duit judi dan lain-lain dan seperti apa yang saya kata hari itu dia ada majlis-majlis tertentu di mana UMNO Barisan Nasional telah minta siapa yang mengambil

RM100.00 kembalikan kewangan, laporan begitu besar termasuk TV3 dan lain-lain kata lebih dari 1,000 orang telah kembalikan wang itu, tiba-tiba datang Dewan ini apa yang terjadi tidak sampai 24,000 yang dikembalikan wang tunai dalam Dewan, habis bagi balik sama dia, dia masuk akaun, duit sama dia, itu cek pi mai pi mai tang tu, hilang dalam tangan UMNO juga kerana UMNO sokong rasuah di Negeri Pulau Pinang, UMNO sokong rasuah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini masalah EXCO ini, patutlah semua keluar, ini cerita bila ini Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Sejarah dalam Dewan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini cerita bila? Penggal mana ini? Penggal mana ni yang orang kutip duit pi bagi balik cakap rasuah ni? sebab itu Yang Berhormat tidak ada kawan, saya tidak faham lah, saya cuba hendak kawan pun saya tidak boleh kawanlah kalau macam ini. Kalau macam ini, ini perbahasan penggulangan EXCO, Yang Berhormat menjawab soalan pada orang yang tidak ada di dalam Dewan. Kalau dia ada di dalam dia boleh jawab. Yang Berhormat fobia sangat dengan UMNO pasal ini sebab apa? Kalau tidak ada UMNO, yang berhormat pun tidak masuk sekolah polisi yang bagus. Haa tengok, sensitif, siapa yang makan cili sapa yang pedas, polisi Barisan Nasional tulang belakang UMNO.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak tanya satu soalan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

12.30 tengahari ada *lunch, urgent* dengan sekelompok pengundi saya yang akan mengundi untuk pastikan saya menang, Yang Berhormat saya bagi masa untuk dengar Yang Berhormat punya ucapan setengah jam tetapi Yang Berhormat, bagi jawapan kepada soalan orang yang tidak ada dalam Dewan dan saya harap saya boleh keluar awal ni. Saya kesianlah kepada Yang Berhormat sebab itulah yang Berhormat rambut beruban, fikir macam-macam...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dia cuba ceraikan diri daripada UMNO di Dewan nombor 12, dia cuba kerana memang dalam Dewan yang mulia ini bila saya minta pendirian Barisan Nasional untuk mencegah menghapuskan rasuah, Barisan Nasional tidak mahu, dia mahu rasuah...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya minta YB. Sungai Puyu tarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya tak mahu tarik balik.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Semalam YB. Seri Delima nyatakan kita tidak boleh ada tuduhan, kita tidak boleh ada andaian dan sebagainya tetapi tiba-tiba yang paling *senior*....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tetapi tuduhan UMNO rasuah itu betul.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Rasuah ini di merata-rata dunia ada...(gangguan) Pulau Pinang pun ada rasuah...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Beri laluan kepada saya pula, seminit sahaja. Yang Berhormat minta maaf saya tunggu dekat luar sahaja. Sambunglah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya dekat sini kata saya ada bukti yang kukuh bahawa Barisan Nasional rasuah bahawa UMNO tidak mahu hapus rasuah tetapi sokong rasuah, saya ada bukti yang kukuh...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Sungai Puyu dengan hormat saya nak bagitau hari ini banyak yang ditangkap kerana rasuah dan sebagainya. Datuk Dzulkifli Ahmad pun orang Kepala Batas satu sekolah dan satu kelas dengan saya sendiri pun itu juga adalah bukti mengatakan bahawa dia melaksanakan tugas-tugas hari-hari untuk menghapuskan rasuah tidak ada langsung arahan untuk dia memberhentikan tindakan beliau untuk menangkap perasuah. Jadi saya minta Yang Berhormat jangan sesekali membuat tuduhan liar sebagai seorang EXCO sebab ini adalah membuktikan bahawa perangai buruk Yang Berhormat yang sentiasa mencari alasan-alasan yang tidak munasabah untuk diucapkan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya minta Yang Berhormat jaga mulut sebab mulut busuk.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya cabar YB. Bertam, saya ada bukti bahawa dalam Dewan yang mulia ini Barisan Nasional UMNO di dalam Dewan ini tolak kata kalau kami nak hapuskan rasuah. Usul saya bangkit untuk hapuskan rasuah tetapi Barisan Nasional UMNO tolak usul ini. Bila membuat undi setiap-tiap Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional UMNO tolak usul saya, saya ada bukti.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh beri laluan kepada saya pula?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Boleh.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih banyak, saya pun...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB kalau ada bukti (gangguan) jangan asyik kata ada bukti ada bukti...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau saya tunjuk bukti....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seorang seorang cakap.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya diberi laluan atau tidak?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, bagi laluan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Dia yang bagi laluan kepada saya tapi YB. Sungai Puyu masih lagi bercakap, sebagai seorang EXCO yang berpengalaman saya ingat berapa puluh tahun dah jadi EXCO tak faham-faham lagi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila, sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Malulah saya, saya baru empat (4) tahun dalam Dewan ini dan saya mendengar kata-kata yang kalaulah apa yang YB. Sungai Puyu kata ada bukti pergi buat *report* sekarang, jangan dok bising dalam Dewan ini. Bagi saya jangan gunakan Dewan ini untuk PRU-14 saya nampak itu tujuan yang dibuat oleh YB. Sungai Puyu bukannya orang kata bila kita pihak pembangkang yang terdiri daripada Barisan Nasional dan UMNO tak mahu duduk dalam Dewan, YB. Sungai Puyu orang kata terasa tapi cara

bercakap itu bukan seorang yang berpengalaman. Saya jarang bercakap macam ini tapi saya dah meluat dengar daripada dulu dah empat (4) tahun saya dalam Dewan ini macam itulah tak berubah-berubah. Balik kepada saya kata kalaulah ada bukti sila buat laporan Polis dan pada hari ini kita lihat dalam surat khabar boleh katakan hari-hari ada orang didakwa di Mahkamah dan balik kepada jangan tuduh hanya Barisan Nasional sahaja ataupun UMNO sahaja menyokong rasuah, itu tak betul. Kalau kita nak cakap tentang rasuah kita kalau sebenarnya dalam Dewan ini kita saja tak nak bangkit isu apa yang berlaku di dalam Kerajaan Negeri. Sajalah kita bukanlah jenis itu, kita tak mahu sebut tentang apa yang berlaku kepada Ketua Menteri pun kalau boleh. Kalau boleh tetapi janganlah bangkitkan semangat kami untuk bercakap pasal benda itu kalau tidak berlaku tidak adil...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

I'm asking you one question, what is your principles if I can show you bukti di dalam Dewan yang mulia ini Barisan Nasional tolak usul untuk menghapuskan rasuah? Are you prepare to accept my challenge?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

I do not see that usul sejak saya ada di sini selama empat (4) tahun.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau ada usul macam ini dan ditolak oleh Barisan Nasional adakah anda akan mewakili seluruh Barisan Nasional di Pulau Pinang untuk minta maaf kepada warga-warga dan pengundi- pengundi di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Sungai Puyu, usul diluluskan atau tidak?...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ditolak....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Sudah empat (4) tahun...(gangguan). Saya isu GST pernah bawa ke Dewan ini...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya kata dalam Dewan yang mulia ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya nak tanya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat lulus atau tidak di dalam Dewan ini?....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak tanya dulu, saya cabar jika saya nak tunjuk bukti...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Tunjuk bukti kalau lulus atau tidak? Kalau lulus itu keputusan Dewan sama ada kita nak menyokong ya, tidak ini semua peraturan, Yang Berhormat peraturan kita ikut sebab itu Yang Berhormat saya minta supaya Yang Berhormat kita pun tak nafikan ada masa macam saya sendiri kita duduk empat (4) tahun dalam Dewan, saya tertanya-tanya sama ada empat (4) tahun ini satu tempoh yang dah cukup lama, tapi kalau dah lama Yang Berhormat kita kena balik baca buku jangan ingat kita *can just come to the Dewan* buat-buat cakap dan merapu, merapu Yang Berhormat...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan :

Sudah YB. Penaga duduk. YB. Sungai Puyu teruskan penggulungan, yang ini sudah berulang beberapa kali, keputusan sudah dibuat pada sidang-sidang yang lalu sekarang teruskan penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Timbalan Speaker.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ini amat penting berkenaan dengan apa yang saya ucap di sini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Mungkin apa yang diucapkan oleh YB. Sungai Puyu itu sebelum penggal ini perkara itu yang tadi juga dari segi pulang balik dan segala macam itu.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Mungkin sebelum 2013 betul?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya ada kata.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

2013 atau sebelum?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Sebelum.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Lama sangat dah.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan :

Sila teruskan dengan penggulangan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Patutlah saya tak tahu, sebab saya tahu setiap usul dibawa ...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Penaga kita simpan tenaga kita untuk sahur malam esok untuk Terawih, penat sahaja kita berbahas rupanya sebelum 2013 lama sangat dah.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ini cerita lama YB. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Cerita lama dalam satu peringatan....(dengan izin), YB. Dato' Speaker (*bertutur dalam Bahasa Mandarin*) telah kata sudah tukar tapi perangai tak boleh tukar kerana rasuah menghapuskan negara.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan :

Kalau nak terjemah lagi panjang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, EXCO di Johor dah guna apa sahaja yang telah didakwa oleh SPRM berhenti jadi EXCO tapi kita didakwa tidak ada seorang pun Ahli Yang Berhormat yang menggesa YB. Air Putih untuk meletak jawatan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat itu tak ada kena mengena Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Sebab itu saya kata jangan mula...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak ada kena mengena dengan kes Ketua Menteri tak ada kena mengena....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sudah, YB. Sungai Puyu teruskan penggulungan....(gangguan). Ya sila....(gangguan). Sila duduk, kuat sangat suara sampai rosak. Sila teruskan YB. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Timbalan Speaker, mengapa saya bawa masuk isu ini, ini isu lama memang isu lama tetapi bila YB. Sungai Dua dia buat kenyataan dia tak mau bagi dia sign dapat tak dapat saya nak bagi penjelasan kelmarin waktu malam kerana dia tidak mahu saya bagi, kalau belum saya bagi terpaksa saya kata sejarah-sejarah saya hendak hari ini, mengapa ada kebajikan kenapa kerajaan boleh bantu bayar sehingga pada kini kami telah bayar sebanyak RM412.63 juta ini hasil-hasil daripada pencegahan rasuah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan sedikit Yang Berhormat saya nak tanya soalan, terima kasih. Saya pun telah mencelah kelmarin apabila YB. Sungai Dua mengatakan borang penghargaan warga emas itu telah ditandatangani oleh beliau dan saya bertanya kepada beliau sama ada beliau mempunyai berita sama ada borang yang ditandatangani oleh beliau bagi seorang yang tinggal di kawasan beliau wangnya telah dibayar tapi beliau tidak boleh menjawab soalan tersebut. Jadi saya percaya kalau pembayaran penghargaan warga emas itu tidak diberikan kepada orang tersebut, kepada pengundi tersebut yang tinggal di kawasan YB. Sungai Dua walaupun borang itu telah ditandatangani oleh beliau, walaupun beliau merupakan seorang wakil rakyat parti UMNO saya percaya pengundi tersebut akan balik kepada beliau, berjumpa dengan beliau dan memaklumkan kepada beliau bahawa Yang Berhormat penghargaan warga emas itu saya tidak terima kerana borangnya telah ditandatangani oleh Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat kerana Yang Berhormat merupakan seorang Wakil Rakyat UMNO memandangkan perkara ini tidak berlaku saya yakin pembayaran itu telah pun dilangsaikan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu kejadian, kita buat perbandingan saya mengambil kesempatan ini di kawasan saya, saya kurang pasti sama ada penghulu Nasrizal ada di Dewan yang mulia ini di mana sekumpulan wanita daripada pertubuhan wanita Seri Delima kebanyakannya adalah daripada suri rumah kebanyakannya adalah daripada kaum Melayu yang telah memohon untuk menggunakan satu padang di kawasan Sungai Gelugor dan mohon dirakamkan di sini dan saya difahamkan bahawa Pengerusi Koperasi kononnya orang kuat UMNO lah ketika itu telah melarang mereka menggunakan Dewan tersebut kerana beliau telah mendapat tahu kebanyakan wanita ini, kebanyakan mereka adalah penyokong parti PKR, Amanah dan Parti Pribumi Bersatu. Ini merupakan satu perbandingan, diskriminasi terbuka yang dibuat oleh UMNO di kawasan saya, saya tidak mengadu kita menganjurkan program tersebut di Dewan yang telah dibina khas oleh Kerajaan Negeri.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri bagi pihak kita tidak pernah menganaktirikan pengundi-pengundi di kawasan yang di mana wakil rakyatnya adalah orang UMNO berbanding dengan UMNO sendiri di kawasan saya berlaku. Lebih kurang 200 wanita ingin yes saya akan memberi peluang, YB. Phee akan memberi peluang ini menunjukkan jelas apabila UMNO mendapat tahu bahawa anjuran hari sukan itu diadakan dianjurkan oleh sekumpulan wanita yang semuanya difahamkan memang tidak ada mempunyai bukti penyokong parti Amanah, PKR dan DAP saya telah pergi bersama-sama Ahli Parlimen Ram Karpal, dilarang sama sekali apa guna ada padang tersebut, apa guna ada padang permainan kalau tidak dibenarkan orang-orang di kawasan tertentu menggunakannya ini adalah sikap UMNO yang perlu ditukar....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya rasa kita tak boleh *generalize* sebagai sikap UMNO sebab yang disebut tadi adalah Pengerusi Koperasi Gelugor cuma *happen to be* dia orang UMNO, takkanlah kalau orang UMNO tu kahwin empat nak kata semua termasuk kami ini kahwin empat jadi tidak jangan buat tuduhan yang melulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini bukan isu kahwin empat atau sepuluh, ini isu melarang orang di kawasan sendiri menggunakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang melarang seorang individu.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Sungai Puyu sila teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan dulu, pernahkah minta laluan saya bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Sungai Puyu, *very gentleman*. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh YB. Seri Delima itu kalau saya nak jawab pun saya tak tahu fakta apa yang berlaku di situ, tetapi tuduhan bahawa UMNO itu saya pun tak boleh katakan betul atau pun tidak sebab kami bukan datang dari kawasan itu dan seperti apa yang diterangkan oleh YB. Bertam tadi, ada berkaitan dengan Pengerusi Koperasi tetapi apa yang saya nak katakan di sini apa yang berlaku di kawasan saya kalaulah YB. Seri Delima mengatakan UMNO melarang orang menggunakan dewan dan sebagainya tau tak itu, YB. Seri Delima bahawa perkara-perkara ini berlaku di kawasan luar.

Di kawasan saya contohnya saya boleh katakan banyak kebanyakan dewan-dewan orang ramai pusat banjir dan sebagainya dibina dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan, apabila peralihan pentadbiran berlaku pada tahun 2008 maka dewan-dewan tersebut sebenarnya dewan-dewan tersebut di bina dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan tetapi atas tanah Kerajaan Negeri, disebabkan itu selepas 2008 banyak ataupun boleh katakan ke semua bangunan-bangunan tersebut, tidak dibenarkan digunakan oleh JKKK, JKKK Persekutuan sehingga ke hari ini dan saya pun pernah bawa isu-isu itu di dalam Dewan yang mulia ini dan saya bawa gambar pun kebanyakan bangunan-bangunan tersebut, dewan-dewan tersebut dah rosak tau sebab tidak ada siapa menggunakan bangunan tersebut dan juga pada masa yang sama tidak diselenggara dengan baik, ini berlaku saya ada bukti...gangguan..banyak bukti saya ada dan pernah bawa dalam Dewan ini....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sudah YB. Penaga, sila teruskan YB. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baik, untuk program-program *i-Sejahtera* memang saya telah menghadapi masalah bukan masalah orang tak mau daftar, halangan untuk mendaftar seperti dalam program pelajar emas, setelah berbincang dengan PIBG dan lain-lain, tetapi bila kami nak mendaftar arahan kepada sekolah melarang kami untuk berdaftar, baik kalau macam ini, saya serah borang untuk sekolah, sekolah daftar dan hantar balik supaya tidak ada sesiapa yang akan tertinggal tak payah ibu bapa atau murid-murid pergi pusat-pusat perkhidmatan atau Pejabat Daerah untuk buat pendaftaran. Adakah ini satu halangan, sokongan atau cuba sabotaj program-program supaya sampai sumbangan khasnya orang-orang miskin.

Di sini, saya nak kata mengapa saya hendak bangkit isu-isu ini kerana kelmarin saya telah terima daripada Dewan yang mulia ini bahawa dulu kami tak tau, saya sekarang nak tanya ini kalau masuk mai Dewan kehendak faham sejarah, nak untuk tenang hati sebelum *high blood you pressure* naik, *sorry I* minta maaf, pada 20hb Mei 2004 jam 11.30 malam di dewan yang mulia ini, saya masuk satu usul bukan seperti DAP usul sokong Perdana Menteri. Usul saya dibaca "Bahawanya Dewan yang mulia ini menyokong sepenuhnya-penuh dasar Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi untuk mencegah segala rasuah di Malaysia". Selepas perbincangan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Speaker pada masa itu saya baca, izinkan saya "Macam-macam opera ada pada malam ini kita sudah bahas, rupanya tiga hari tiga malam dan saya pun terlupa ingat dua hari dua malam sahaja, tiga hari tiga malam, sekarang kita hendak mengundi, masalah yang hadapi sekarang ialah usul dibawah Peraturan 31 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang berbunyi seperti berikut: "Bahawanya Dewan yang mulia ini menyokong sepenuhnya-penuhnya dasar Y.A.B Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi untuk mencegah segala rasuah di

Malaysia". "Ahli-Ahli Yang Berhormat jika bersetuju katakan "Ya", jika tidak bersetuju kata "Tidak". Ahli-Ahli Kerajaan: "Tidak". Saya satu orang kata sokong. Ini membuktikan apa? Ini membuktikan terjadi perbahasan ini adalah kerana perangai sikap Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang termasuk yang baru masuk daripada YB. Telok Ayer Tawar...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ini saya kena jawab lah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau minta jalan saya bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta jalan. Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker. Saya rasa YB. Sungai Puyu jadi *tape* rosak, dok ulang-ulang cerita itu. Kelmarin saya dengar dah. Kita semua dengar dah cerita itu, hari ini cerita lagi. Kita ni semua bukan pekak dan semua dah dengar pergilah kepada tajuk baru, cerita baru, banyak cerita baru, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih. Itulah *standard* Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional UMNO. Adakah rasuah yang rosakkan negara kita, cerita lama atau sedang menjadi? Adakah kerana rasuah menghapuskan harapan anak cucu kita pada masa hadapan? Ada dak? Nak minta penjelasan? Siapa nak minta laluan daripada Parti Pembangkang? Yang mana Penaga, nak bagi penjelasan, Bertam, Telok Ayer Tawar nak bagi penjelasan tak, kerana rasuah yang hapuskan harapan, kerana rasuah terpaksa ada GST, kerana rasuah rakyat susah, mengaku tak? Tak mengaku, ya, kerana ada sokong rasuah...(gangguan). Minta laluan dulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, saya minta laluan. YB. Sungai Puyu bawa cerita 2004. Masa itu YB. Sungai Puyu dalam Dewan sebagai apa? Sebagai apa YB. Sungai Puyu 2004? Sebagai Ketua Pembangkang. Satu-satunya Ahli Pembangkang dan usul tersebut dibawa oleh Sungai Puyu, ya. Jadi saya nampak semua orang di belakang saya dalam Dewan ini depa boleh nampak bagaimana kita di dalam Dewan, apa saja yang Pembangkang kata putih tentulah Kerajaan akan kata hitam. Apa saja yang Kerajaan kata hitam tentulah di sini kata putih. 2004 tiba-tiba usul dibawa oleh seorang tentulah tidak akan mendapat sokongan, itu saja tetapi pendirian kami, kami menolak rasuah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baik, jika saya mencadangkan satu usul dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam Dewan yang mulia ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat sokong menghapuskan rasuah, *you* boleh sokong tak? *The statement if we condemt to the core the corruption happenng in the country, exspecially at the national level.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kita buat pada persidangan akan datanglah usul itu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Boleh bawa usul itu Dato'...(gangguan). Boleh bagi laluan termasuk semua orang yang didakwa di mahkamah perlu di minta letak jawatan...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Boleh teruskan dengan penggulungan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta laluan sikit, boleh tak? Sebab tadi ada sebut tentang termasuklah baru empat (4) tahun...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Itu sudah, Speaker sudah buat keputusan, sila teruskan penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ke semua ini terdapat berdasarkan kerana Kerajaan terus berpegang kepada prinsip semua Kerajaan bersih atau menjalankan tatakelola dan urus tadbir kerajaan yang lebih baik, kerajaan yang mempunyai unsur-unsur rasuah berbanding Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, kami telah buat macam ni, ini boleh dilihat melalui prestasi Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 di mana mencatat kelebihan belanja tiap-tiap tahun, menurunkan hutang negeri sebanyak 90% dan menambahkan nilai aset sebanyak 50%. Kerajaan Negeri telah berjaya meningkatkan lebih perbelanjaan dan terkumpul RM574 juta dalam tempoh 8 tahun berbanding dengan kerajaan yang lama iaitu kata lebih RM373 juta sepanjang 50 tahun iaitu kata daripada sejak kemerdekaan sehingga 2017 di bawah Kerajaan Negeri yang lama. Hasil kerajaan bersih inilah pendapatan puji-pujian bukan sahaja dalam Laproan Ketua Audit Negara, bukan daripada anda semua tetapi Parlimen, Parlimen puji dan juga *Transparency Treasury International*.

Kerajaan Negeri bila baiki banyak ini sumbangan *i-Sejahtera* melalui kelebihan tetapi Kerajaan Pusat dia buat apa, dia nak bagi BRIM, BRIM daripada pinjaman dan selepas pinjam tak cukup dia buat apa? Dia ambil GST, gasak sampai tulang rakyat, GST. Dia GST dia ambil berapa setiap RM1 dia terbalik 1 sen ini seolah-olah pada penglihatan saya dia nak buat kerja amal tetapi dia gunakan nama amal, kerja amal lindungi dia buat seolah-olah ambil jubur rakyat letak kat muka seolah-olah dia bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Jubor, eei BN tak main jubur...(gangguan). Kata apa tadi? Sebab apa tadi saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bila saya kata, sebab saya kata tadi seolah-olah, tak faham bahasa ka, saya kata seolah-olah ambil jubur rakyat jadi dia punya muka...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Jubor, ka bubur dia kata tadi? Jubur kan...(gangguan). Jubur kan Tuan Speaker kan, Tuan Speaker pakai telinga Tuan Speaker, jubor ka bubur? Pelik ni saya dengar pagi ni jubur. Tak kanlah BN tak ada jubur na, yang lain kot ada...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta laluan boleh tak? Tadi terima kasih Dato' Speaker tadi apa tu YB. Sungai Puyu ada menyebut tentang GST. Saya nak tanya YB. Sungai Puyu sama ada YB. Sungai Puyu tahu atau tidak Pakatan Harapan melalui YB. Nurul Izzah baru-baru ini menyatakan bahawa jika Pakatan Harapan menang dalam pilihan raya....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kelmarin sudah sebut perkara itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tetapi YB. Sungai Puyu tidak ada di dalam Dewan semalam, tetapi dia sebut tadi mengatakan bahawa, itulah saya hendak tanya soalan ini kepada beliau. Soalannya sama ada YB. Sungai Puyu tahu atau tidak bahawa ada anggota parti komponen Pakatan Harapan iaitu kalau perlu saya sebutkan disini seperti apa yang dilaporkan di dalam surat khabar apa yang dikatakan oleh YB. Nurul Izzah mengatakan bahawa sekiranya Pakatan Harapan memenangi PRU Ke 14, GST akan dikekalkan, tahu atau tidak YB. Sungai Puyu berkaitan dengan kenyataan itu dan itu sebenarnya bercanggah dengan usul yang pernah dibawa oleh Kerajaan Negeri dalam Dewan yang mulia ini pada, kalau tidak salah saya pada tahun 2015 meminta supaya GST dibatalkan. jadi saya rasa saya hendak dengar komen daripada YB. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ini bukanlah dari pendirian saya atau pendirian dari DAP, tetapi seakan berkata bahawa, mengapa ada GST kerana kewangan yang tidak cukup, betul tidak? Wang yang tidak cukup, soalan pokok mengapa wang tidak cukup kerana ada rasuah, kalau kami hapuskan rasuah memang ada kelebihan. Saya telah tunjuk bukti bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang kelebihan kerana menghapuskan rasuah dan jikanya hapuskan rasuah dan GST saya percaya bahawa rakyat akan menyokong hapuskan rasuah. Untuk menyelamatkan Malaysia....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Duduk dulu saya belum habis, saya boleh bagi peluang, sabar sikit, sikit pun boleh duduk dulu bila saya habis cakap baru awak cakaplah. Sehingga dalam Dewan Rakyat mengatakan tanpa GST tidak boleh membayar gaji kakitangan kerajaan, sudah sampai tahap begitu teruk, mengapa begitu teruk kerana ada rasuah, kerana ada rasuah saya pernah pergi ke luar negara GST tinggi, 12% di Malaysia 6%, saya tanya kepada mereka mengapa? Kami rela bayar kerana tidak ada lain-lain cukai, kami rela bayar kerana apabila saya pencen setiap-tiap hari khamis malam mereka masuk ke akaun saya 500 *dollar*. Saya kata ini bukan peribadi, tetapi mereka untuk perubatan percuma, pendidikan percuma, *high way* percuma. Di sini semua kena bayar duit lagi hendak GST, gasak sampai tulang, saya beri peluang YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih, Sungai Puyu. Cakap pasal rasuah, rasuah, rasuah hendak hapuskan rasuah, rakyat Pulau Pinang sudah bagi undi kepada Pakatan, tetapi tidak ada juga hapuskan rasuah. Sama ya rasuah itu sebab sudah dikenakan tuduhan pun dan GST Sungai Puyu lagi pandai orang berniaga sebelum ini, GST ini ia hanya satu jenis cukai *is are formal tax*.... (dengan izin), semua negara di dunia kena buat cukai saya tidak tahulah sama ada di Saudi Arabia, Brunei sebab pendapatan ada juga cukai. Jadi kalau di United Kingdom 20% sekarang di India Jun, Julai hendak kenakan 18%, Negara macam India pun hendak kena 18%. Semuanya kena bayar cukai kita dalam Islam pun kena bayar cukai zakat kita untuk mengimbangi masyarakat dan sebagainya, *it's formal tax*. Jadi mengapa hendak mansuhkan GST, hendak buat semula cukai *sale tex*, *service tex* dan sebagainya. Kenapa saya hendak tanya apa yang dibangkitkan oleh rakan saya, YB. Wan Azizah dan PKR kata kalau mereka pegang Putrajaya GST akan dikekalkan sebab macam mana tidak hendak mengenakan cukai tidak dapatkan hasil negara. Sebagai seorang peniaga patut tahulah, jangan kerana hanya hendak dapatkan *mileage* politik, hendak pusing hendak bagi orang pening kepala, wal hal sebenarnya, dia benda yang bukan sepatutnya bukan membebankan rakyat ia kaedahnya, mungkin yang bebannya orang yang dok pelari cukai dulu.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Sungai Puyu minta laluan, sebab tadi ada sebut. Terima kasih YB. Sungai Puyu, saya rasa perkara ini khasnya GST kita tidak membantah kerajaan mengutip cukai. Memang adalah menjadi tanggungjawab kerajaan mengutip cukai untuk pembahagian semula kekayaan itu kepada rakyat, yang kita bantah GST, hendak mansuhkan GST adalah kerana GST itu mengutip cukai daripada semua orang termasuk orang miskin dan saya hendak tambah sekali ini bahawa kenyataan yang diberikan oleh YB. Penaga itu adalah *misleading* apa yang telah disebutkan oleh YB. Nurul izzah adalah dalam Bajet Belanjawan Pakatan Harapan, Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan untuk 2017. Memang kita sudah sebut jika kita diberi kuasa untuk memerintah negara ini kita akan hapuskan cukai GST dengan *zero rated*. Sekarang Kerajaan Barisan Nasional 6%, maksudnya semua jenis barangan dan perniagaan transaksi itu akan dikenakan 6% jika kita ambil alih kita jadikan kosong peratus, maksudnya tidak ada siapa-siapa pun yang dikenakan cukai GST. Inilah jangan mengelirukan Dewan dan jangan mengambil hanya sebahagian daripada kenyataan, itulah saya harap YB. Penaga dan Barisan Nasional jangan hanya mengambil sebahagian kenalah baca semua. Jangan hanya guna petik apa yang telah dikatakan kita tidak akan hapuskan GST. Saya hendak tegaskan sekali lagi dalam Kongress Keadilan baru-baru ini, Presiden atau Ketua Pembangkang Parlimen Dato' Seri Dr. Wan Azizah sekali lagi mengatakan kita akan mansuhkan cukai GST, so itu saya harap jika Barisan Nasional memang dengar suara itu atau memang prihatin tentang suara rakyat maka Barisan Nasional juga boleh buat *zero rated* juga tidak ada masalah... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tolong beri peluang, saya hendak menjawab kepada YB. Telok Ayer Tawar. Memang sudah banyak negara, bukan semua banyak memang belum ada, kutip cukai adalah satu cara untuk mendapatkan dana daripada rakyat untuk mentadbirkan negara, memang saya bersetuju ini. Tetapi soalan pokok adalah apa yang telah terjadi kepada cukai-cukai yang telah dikutip bagaimana diguna pakai. Seperti saya mengatakan, negara yang saya pergi jika hendak membeli makanan harian langsung tidak ada GST atau VAP langsung tak ada. Memang itu GST, VAP memang mereka kutip sangat tinggi 12%, tetapi pendidikan percuma, untuk rawatan hospital percuma, tol percuma, langsung tidak ada tol, itu memang. VAP atau GST adalah barangan *personal* item atau *services* sahaja, iaitu kata kalau masuk

makan di restoran awak bayar VAP atau GST, kalau pergi ke kafe-kafe atau kedai-kecil kecil langsung tidak ada.

Di sini saya hendak tanya satu soalan pokok, apakah yang terjadi kepada kewangan-kewangan yang telah dikutip oleh GST dan digunakan di mana. Kalau sehingga terpaksa tertakluk kepada GST baru boleh bayar gaji kepada kakitangan dan mengapa masih lagi hidup cara macam hala *richer* orang kata belajar beratus-ratus juta *private jet* dan lain-lain dibayar oleh warga Malaysia.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

YB. Sungai Puyu, terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, sebenarnya ada dengan saya ini Penyata Rasmi Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Yang Ke-Tiga Belas bertarikh 15 Mei 2015, hari Jumaat, di mana usul dibahas dibawa oleh YB. Batu Maung dan disokong oleh YB. Sungai Puyu. Di mana usul ini berbunyi, "YB. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan yang mulia hari ini meluluskan ketetapan menuntut Kerajaan Persekutuan untuk membatalkan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan GST yang berkuatkuasa 1 April 2015", tetapi sekarang hendak buat *u-turn* buat pusingan U, tidak mahu batal dah hidup terima GST sebagai satu sistem pencukaian. Walaupun dikatakan dengan *zero rated*, *this is are not issue, now issue* sudah terima dahulu kata tidak baguslah, sistem percukaian GST ini, yang kita pun tahu semua bahawa sistem GST ini menggantikan *sales tax and services tax*.

Jadi maknanya *sales spec's and services spec's* maknanya tidak ada sekarang hanya GST, sekarang ini sama ada Pakatan Harapan hendak guna sebagai *zero rated* atau tidak, itu hanya bagi sayalah itu hanya untuk mengaburi mata rakyat mengatakan tidak ada *text* lah, tetapi sebenarnya mereka Pakatan Harapan jika menang dalam PRU ke 14 memang berhasrat untuk melaksanakan cukai GST ini dan tidak membatalkan GST ini seperti yang dikatakan di dalam usul pada tahun 2015....(gangguan).

YB. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan berhenti rehat dan akan bersambung semula pada jam 2.00 petang harapnya perkara GST tidak perlu diteruskan, terus dengan penggulungan. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari

Dewan bersambung semula pada jam 2.00 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dewan disambung semula. YB. Sungai Puyu, kalau dapat pilih yang penting-penting sahaja. Jika boleh tamat dalam masa setengah jam. Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Semua penting, YB. Dato' Timbalan Speaker.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Point sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau *point-point* sahaja kadang kala mereka tidak faham. Saya sudah begitu lama tengok mereka tidak boleh faham.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Semua orang kita, semua faham.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih, terima kasih. Itu boleh. Baik. Ada beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan telah bangkit isu-isu dan saya di sini mohon untuk bagi keterangan sedikit sebanyak. Yang Berhormat Berapit telah membawa masuk skim insurans kepada warga emas. Memang cadangan ini baik tetapi kita

hendak lihat dari segi implikasi kewangan. Memang bila dia bawa masuk berkenaan dengan insurans, dia berkaitan dengan rawatan atas kesihatan dan lain-lain. Pada kini memang Kerajaan Negeri sedang mengkaji dan semasa waktu ini Kerajaan Negeri sedang memberi bantuan, peruntukan kepada NGO-NGO yang bagi rawatan percuma seperti macam *medical camp* dan lain-lain dan ada banyak pertubuhan-pertubuhan yang banyak bagi rawatan percuma, tradisional. Kerajaan Negeri memang ada bagi kepada mereka. Saya tidak mahu senaraikan kepada semua, hanya saya hendak sentuh pada rawatan iaitu Kerajaan Negeri telah wujud satu *centre* dipanggil *CAT Dialysis Centre* di Balik Pulau. *CAT Dialysis Centre* ini di Balik Pulau telah memberi rawatan kepada pesakit-pesakit untuk mencuci buah pinggang.

Di sana Kerajaan Negeri memang memberi subsidi, di mana rawatan hanya RM110.00 di mana pesakit hanya membayar sebanyak RM30.00 dan jika RM30.00 tidak mampu, Kerajaan Negeri melalui satu pertubuhan yang dinamakan *Penang Community Chest* akan bayar RM30.00 itu. Cara untuk bantuan kewangan kepada pesakit yang hanya bayar RM30.00, apabila mereka memohon JKM dan juga Pejabat Daerah, Penghulu akan turun padang untuk siap sediakan laporan. Jawatankuasa untuk *CAT Dialysis Centre* Balik Pulau dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Halim. Saya telah turun kuasa untuk Dato' Halim untuk buat keputusan di sana. Apabila syor-syor daripada JKM dan Pejabat Daerah kata memang ini daripada keluarga yang miskin, kami akan buat bayaran beri kepada dia. Ini adalah dipanggil sebagai *adoption policy*. *Adoption policy* juga terbuka kepada MMC. Pada masa kita terdapat beberapa MMC telah juga ambil bahagian dalam program ini di mana rawatan-rawatan dialisis, kami telah panjangkan satu nama kepada mereka dan mereka telah menerima, mereka akan bayar kos rawatan untuk pesakit. Ini adalah dalam satu persetujuan dan juga tempoh masa 6 bulan hingga 1 tahun dan hendak dikaji semula. Ini telah dijalankan. Untuk rawatan dialisis memang SPU dan SPT pusat-pusat yang terlibat adalah yang bekerja dengan Kerajaan Negeri, kita juga bagi bantuan kewangan untuk rawatan. Dan ini akan diperluaskan...(ganguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan Yang Berhormat. Saya ingin tahu sama ada perkhidmatan ini hanya diberikan atau dikhaskan kepada penduduk di Pulau Pinang atau pengundi di Pulau Pinang ataupun adakah ianya terbuka kepada pesakit-pesakit yang menghadapi masalah buah pinggang yang perlu menjalani dialisis kalau mereka berada di luar Pulau Pinang. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ini adalah untuk pusat-pusat di dalam Negeri Pulau Pinang dan juga adalah untuk warga Negeri Pulau Pinang. Sampai kepada satu pengikhtirafan bahawa mereka adalah warga Negeri Pulau Pinang, mereka juga adalah seorang pengundi Pulau Pinang. Memang dasar ini pembangkang tidak terima tetapi ini adalah satu sekatan atau satu syarat di mana kami kena kenal pasti bahawa bantuan ini adalah untuk warga Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya juga ingin, mungkin Yang Berhormat boleh maklumkan kemudian adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan pusat-pusat dialisis lebih lagi di beberapa kawasan di seberang dan juga di George Town kerana pusat ini berada di Daerah Barat Daya. Banyak yang menghadapi masalah buah pinggang dan perlu menjalani dialisis juga menghadapi masalah perkhidmatan membayar bayaran teksi dan sebagainya. Jadi saya ingin tanya adakah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan supaya pusat dialisis ini juga di George Town dan juga mungkin di seberang, di beberapa kawasan, di beberapa lokasi bagi memberikan perkhidmatan banyak lagi yang berada di luar sana yang menghadapi masalah buah pinggang yang perlu menjalani dialisis dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, terima kasih. Memang mesyuarat EXCO telah bagi kelulusan bahawa ini boleh diperluaskan. Apabila hendak diperluaskan, hendak wujudkan *dialysis centre*, memang akan menghadapi banyak cabaran dan kesulitan. Khasnya *mobility* dan *accessibility*. *Mobility* dan *accessibility* juga kena minta persetujuan dan kebenaran serta kelulusan daripada kementerian dan juga kos terlibat. Sementara waktu untuk mengatasi masalah dan cabaran ini, Kerajaan Negeri telah berikan kelulusan kepada jawatankuasa untuk pesakit yang mana-mana pusat yang sedang mendapat rawatan, mereka juga boleh memohon. Dan kewangan ini datang dari derma orang ramai. Tabung ini di bawah pejabat saya dan EXCO-EXCO ADUN adalah Ahli-Ahli Jawatankuasa dalam *Penang Community Chest* ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta laluan. Saya berterima kasihlah bagi rakyat di Negeri Pulau Pinang kerana telah mewujudkan pusat dialisis ini di kawasan Barat Daya di mana kita mendapati wakil-wakil rakyatnya sama ada Dewan Undangan Negeri dan juga Ahli Parlimen merupakan daripada Barisan Nasional. Saya membangkitkan perkara ini kerana semasa perbahasan saya, saya telah mempersoalkan mengenai niat dan keikhlasan Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan yang mendirikan hospital-hospital di kawasan seperti Baling di mana saya percaya penduduknya tidak ramai, seperti di Arau di mana diumumkan, itu pun adalah hospital pakar, berbanding dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita mewujudkan satu pusat dialisis di kawasan di mana wakil rakyatnya bukan daripada Pakatan Harapan tetapi adalah daripada pihak UMNO, Barisan Nasional. Ini adalah niat murni, mencerminkan keikhlasan Kerajaan Negeri memberi perkhidmatan walaupun penduduk di kawasan itu tidak memilih wakil rakyat daripada DAP ataupun PKR ataupun AMANAH. Tetapi pada masa yang sama kita juga harus memberi perhatian kepada keperluan mewujudkan pusat-pusat dialisis ini di merata tempat dan saya mengalu-alukan langkah-langkah yang akan diambil dan saya mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih ke YB. Sungai Puyu dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas usaha murni ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ini bukan usaha saya seorang tetapi usaha pasukan Pakatan Harapan yang sentiasa turun padang. Bukan hanya mewujudkan pusat-pusat dialisis CAT akan tetapi Kerajaan Negeri untuk menggalakkan orang pergi ke sana bukan ada halangan, akan tetapi program-program 'Jom Hidup Sihat' iaitu adalah satu program di mana di bawah PBT dalam mewujudkan banyak *pocket park*. Dalam *pocket park* telah meletakkan peralatan *outdoor machine* dan lain-lain supaya minta orang tempatan lebih masa untuk buat *exercise* dan lain-lain. Ini juga mewujudkan satu perasaan jiran tertangga atau bahasa cina "*how lin chi chi hua*"(dengan izin). Ini juga boleh pertingkatkan keselamatan dan lain-lain. Ini memang sudah dijalankan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit lagi Yang Berhormat, saya juga ingin tanya, kalau Yang Berhormat, saya minta maaf, boleh memberikan jumlah pesakit yang telah menerima rawatan dan perkhidmatan di pusat dialisis dan adakah apa-apa cadangan untuk kalau tidak boleh membina pusat yang baru, untuk menaiktaraf di pusat dialisis yang ada untuk mengelakkan sebarang kekangan yang mungkin berlaku. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang di Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau, pada masa kini ada 40 lebih iaitu sehingga jalan tiga (3) *shift* dan hendak diperluaskan. Saya akan turun padang sana dan bincang dengan Pejabat JKM supaya bolehkah JKM pindah ke atas dan saya menggunakan ruang sedia ada dan meletak lebih mesin-mesin dialisis di sana kerana banyak yang puji, saya juga hendak ucapkan terima kasih ada seorang pesakit, dia pergi sana dia buat rawatan dan memang kadang-kadang raya Cina orang tengok, orang bagi angpau, dia kutip semua duit, serah balik kepada Pusat Dialisis CAT kerana mereka rasa begitu, mereka kata, "*I really appreciate your service*". Sudah bagi rawatan percuma, sudah cukup, ada kewangan yang saya boleh serah balik, saya hendak serah balik. Itulah keikhlasan mereka dan ini memang akan diperluaskan.

Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, jika di tempat-tempat anda, kalau ada pesakit-pesakit yang sedang menjalani rawatan buah pinggang, dialisis kalau mereka datang dari keluarga yang miskin, minta panjangkan maklumat dan saya akan minta JKM dan daripada Pejabat Daerah untuk turun padang, siasat dan bila sudah siasat, dapatkan kelulusan, saya akan buat *match making* kerana banyak MMC ada tanya saya, bila ada peluang saya untuk jadi bapa angkat kepada pesakit. *This is on going*. Di sini juga saya hendak menarik perhatian, hendak ucapkan terima kasih di atas kenyataan YB. Seri Delima bahawa memang program-program ini kami tidak ambil kira bangsa, agama atau kefahaman politik. Bila wujud di Balik Pulau memang di kawasan pembangkang, tetapi *need dialysis is there, we have to fulfill for them*.

Dan di sini juga saya hendak melaporkan bahawa dalam program membantu warga miskin. Iaitu kata sejak tahun 2009, di mana kami bermula dengan Program Membasmi Miskin Tegar, sehingga kini kawasan-kawasan UMNO yang menjadi johan. Seperti kalau kira daerah, daerah SPU yang banyak sekali. Banyak sekali datang dari mana, datang daripada KADUN yang dipengaruhi oleh Barisan Nasional (UMNO). Mengapa, saya sedang membuat satu kajian mengapa dalam KADUN UMNO ada begitu banyak orang-orang miskin. Mengapa orang miskin. Apa dapat kami bantu pada mereka. Ini sedang dijalankan. Seperti di SPU, Penaga. Penaga bila pembasmian miskin tegar, saya hanya ada 72 keluarga

dengan bantuan-bantuan daripada JKKK yang turun padang dan juga kami naik taraf daripada RM500 sehingga RM790 di bawah miskin tegar, kemiskinan perkara ini saya ada 120, Penaga. Di Bertam bermula dengan 18, kini ada 73. Pinang Tunggal daripada 51 kini ada 105. Permatang Berangan, 67 kini ada 109. Daripada Sungai Dua, bermula dengan 67, kini ada 132 dan lain-lain.

Dalam kajian awal ini saya lihat daripada dua segi. Yang itu kata mereka tidak dapat pesanan daripada JKKK yang pada kini turun padang supaya mereka kenalpasti dan usaha bersama dengan Penghulu dan JKM, kami dapat sampai kepada mereka. Itu tambahan. Lagi satu ada kemungkinan dan saya percaya, ada satu punca utama mereka jadi begitu miskin adalah juga GST kerana mereka punya *disposable income* sudah turun dan *domestic adapts* naik tinggi. Bantuan kepada Badan-Badan Bukan Pertubuhan Kerajaan iaitu NGO yang dibangkit oleh Berapit, memang kami ada bagi bantuan. Dan untuk NGO-NGO saya disini hendak rakam bahawa saya amat kecewa.

Kecewa kerana untuk macam Rumah Sejahtera di Permatang Tinggi. Dulu JKM bila diberi kewangan yang cukup, setiap penghuni di sana diberi RM190.00 satu bulan kerana ini semua diberi percuma. Walaupun sudah ada GST kutip begitu kewangan, sekarang peruntukan dinasihat dan disyaratkan turun 50% pada kini mereka hanya menerima RM95.00 setiap penghuni di sana. Walaupun kos kehidupan, *cost of living* naik kos pentadbiran semua naik, tetapi peruntukan diturunkan. Demikian satu cara mereka tanya pada saya, macam mana boleh selesaikan masalah ini. PRU14 kami jadi kerajaan di pusat di Putrajaya, kami boleh selesaikan masalah ini macam ini semua.

YB. Permatang Berangan, bawa masuk isu gelandangan. Ini satu isu bukan hanya di Negeri Pulau Pinang, tetapi ada di semua bandar-bandar besar yang ada. Tetapi mengikut bancian dan laporan, memang di Pulau Pinang khasnya di KOMTAR lebih banyak. Kami ada menjalankan kajian juga ada dibuat *night survey*, saya sendiri pun ada peluang untuk turun bersama-sama dengan pegawai-pegawai daripada JKM dan apabila kami soal macam mana, ada banyak unsur-unsur yang dibawa masuk iaitu kata untuk makluman, gelandangan ialah orang yang hidup dalam keadaan yang tidak sesuai untuk norma kehidupan yang layak dalam masyarakat setempat. Dan kami menjalankan tugas melalui Seksyen 2 Akta Orang Papa 1977 dan Akta 183 untuk Golongan Gelandangan.

Pada 28 Disember 2016, kami ada turun padang dan kami ambil 10 pengemis yang ada disana atau kutu rayau untuk mendapati sebabnya bahawa mereka faktor kemiskinan diabaikan oleh keluarga, kekangan naik kos sara hidup diri, kesulitan dalam mencari pekerjaan kerana baru bebas daripada penjara. Kajian yang setimpal memiliki pekerjaan, tetapi tidak cukup untuk bayar sewa rumah dan juga masalah kesihatan, kemurahan hati pihak NGO, itu penting. Dia kata kemurahan hati pihak NGO. Pagi-pagi ada NGO-NGO tertentu bagi sarapan pagi. Pada tengahari pun *lunch* ada. Petang pun ada *high tea* dan juga ada waktu malam, *dinner* ada waktu malam *supper* pun ada. Dia itu kata duduk sana sahaja satu hari semua makanan tersiap pada anda. Mereka hendak mandi, ada tempat mandi. Mereka hendak *charged handphone*, ada tempat *charged handphone*. Jikalau mereka tidur, macam tidur di *air-cond* kerana mereka tidur di depan pintu bila mereka tutup pintu waktu malam *pressure* angin yang sejuk keluar di sana ada di sana.

Ada satu kes yang spesifik dimana saya telah minta JKM turun padang kerana ada aduan-aduan berkenaan seorang perempuan Cina yang sentiasa ada di sana. Bila selamatkan dia, bawa balik kami tanya dengan dia, bagi dia makan, duduk bincang sama dia. Tiba-tiba keluar dalam poket dia ada RM8,000.00 tunai. Dalam dia punya *fixed deposit* ada RM40,000.00. Dia ada sebuah rumah di *heritage area*. Tanya sama dia, mengapa buat macam ini?. Saya tidak berkahwin, tidak ada anak, tidak ada saudara. Di KOMTAR, semua orang hati baik. Pulau Pinang punya orang hati baik, satu hari saya dapat makan percuma, pagi sampai malam. Satu hari kurang-kurang saya boleh dapat RM300.00 sampai RM400.00. Gaji lebih tinggi dari orang lain. Itulah keadaan yang sebenarnya. Dan saya juga dapat bantuan untuk ada kerja tetapi tidak cukup untuk membayar sewa. MBPP ada bantu banyak di sana dan Rumah PPR walaupun PPR sewa had untuk satu keluarga untuk menyelesaikan masalah ini pada kini, MBPP beri saya beberapa unit yang mereka sewa bilik sahaja. Dan Kerajaan Negeri sejak tahun 2010, telah mencadangkan untuk menggunakan satu tapak di mana tanah ini, tanah Kerajaan Negeri tetapi ada bangunan pusat di *federal list* dan disini kami tidak dapat buat apa kerana nak bagi pakai, dia cakap hendak pakai. Tetapi sehingga kini tidak nampak yang mereka pakai. Kalau saya dapat bangunan itu, saya boleh tukar jadi *home shelter*. KOMTAR nak minta penjelasan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih YB. Sungai Puyu. Sebenarnya masalah-masalah di KOMTAR atau di sekeliling di bandar pun saya banyak kali bangkitkan dalam sidang DUN yang lepas. Dan sidang DUN yang lepas saya juga buat satu soalan bertulis "Adakah Kerajaan Negeri telah berjaya mengenal pasti tapak yang

sesuai bagi membina rumah transit untuk menempatkan pengemis atau kutu rayau". Saya ingat YB. Sungai Puyu pun tadi ada jelaskan sedikit, tetapi adakah tempat lokasi yang lebih sesuai boleh didapati kenalpasti oleh pihak negeri untuk menyelesaikan masalah ini memandangkan DBKL juga ada konsep ini dan konsep itu juga dapat mengurangkan masalah kutu rayau di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. So, harap perkara ini boleh selesai secepat mungkin. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau saya hendak cerita panjang, pendek kata senang sahaja. Jikalau kami jadi Kerajaan Pusat, senang sahaja kerana terus mereka boleh beri saya pusat itu terus saya boleh ubah jadi satu pusat untuk lindungi mereka. Tetapi macam di lain-lain tempat kerana di George Town ini amat sukar untuk dapat satu tempat yang bersesuaian. Seperti hari itu tinjauan untuk Jalan Kedah, berdekatan dengan Pusat Perkhidmatan YB Padang Kota. Memang sana sesuai, tetapi kami kena ambil kira *the social impact*. *The social impact* tidak boleh kata selesaikan satu masalah dan wujudkan masalah yang lain. *The social impact* dan lain-lain ini kena ambil kira, dan JKM telah menjalankan sebanyak 374.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yeap Soo Huey):

Yang Berhormat, boleh minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yeap Soo Huey):

Terima kasih. Sebab saya kena tanya dalam sejak kerajaan Pakatan menjadi Kerajaan Negeri, kita mampu bina kolam renang di Paya Terubong, kita boleh buat *Science Cafe*, kita boleh buat berbagai di negeri ini. Namun, sebenarnya di peringkat Mesyuarat Tindakan Daerah ataupun di pelbagai peringkat masalah gelandangan ini kerap timbul sebagai satu topik perbincangan yang sukar ditangani. Dan walaupun ada yang boleh pergi ke pusat-pusat Yang Berhormat ceritakan tadi, tetapi ada masalah sosial dan ada yang memang hidup secara tidak begitu sesuai dan mendatangkan masalah kawasan persekitaran tersebut.

Jadi saya rasa mungkin kita perlu ikhtiarkan dengan lebih mendalam apa yang boleh kita buat untuk mewujudkan pusat-pusat dan tidak bergantung kepada NGO-NGO sahaja kerana dalam beberapa tahun ini sumbangan JKM, sumbangan pelbagai pihak kepada NGO pun semakin berkurangan dan ada pertandingan antara NGO untuk mendapat sumbangan juga.

Untuk maklumat Yang Berhormat, mengikut jawapan bertulis kepada YB. Sungai Pinang, ada 2,160 permohonan PPR yang masih dalam senarai menunggu. Ini menunjukkan bahawa walaupun PPR dan MBPP adalah tidak mencukupi jika ada 2,160 masih menunggu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang jika mereka hendak pilih tempat-tempat yang mereka mahu tidak dapat untuk *to satisfied their request*. Jika tidak pilih, memang kalau rata seperti macam rumah-rumah kos rendah di SPS, mereka tidak mahu pergi sana kerana peluang kerja dan lain-lain. Ini ada juga masalah yang hendak ditangani. Macam di Bukit Mertajam, Desa Wawasan memang lagi ada kalau hendak 100, 200 memang ada. Tetapi pilihan kerana pada dulu sebelum kami ambil alih pentadbiran ini, *geo politics* adalah bahawanya semua pembangun ada haknya di bahagian Pulau. Di Seberang, dianaktirikan. So, kalau hendak pergi *supermarket*, Pulau Pinang. Nak apa, Pulau Pinang. Tetapi kami sedang kepada *reverse the rule above migration* kepada *urban rule migration* ada banyak masalah-masalah yang ditangani seperti macam di SPS mengapa orang tak mahu pergi tidak ada kemudahan, kalau ada kemudahan *environment* bau ladang-ladang khinzir, lalat dan lain-lain.

Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan dan juga tinjauan di sana dengan rang undang-undang penternakan babi dan lain-lain di mana telah belajar tiga (3) tahun untuk buat *close house farming*, tindakan untuk kurangkan lalat dan lain-lain ini telah *we need time, home is not build in one day but we assure you. We will achieve, what to do because we are fully committed*. Tidak ada sesiapa yang akan tertinggal, *no one to be left behind in our development not like Barisan Nasional*.

Di sini JKM telah menjalankan 374 operasi menyelamatkan kutu rayau dan pengemis sepanjang tahun 2016, di mana seramai 523 kutu rayau atau pengemis telah diselamatkan sepanjang operasi dijalankan, walau pun operasi banyak dijalankan masih terdapat kutu rayau sebab faktor persekitaran dan sikap kutu rayau itu sendiri. Negeri Pulau Pinang jadi terkenal sebagai negeri pelancong dan menarik

minat kutu rayau atau pengemis untuk mengemis di Negeri Pulau Pinang. Penang is just *especially KOMTAR is just like a bowl of honey*, orang baik. Negeri Pulau Pinang datang tengok RM1, RM2 dia bagi satu hari boleh dapat RM200, RM300 mereka tak payah kerja, kutip duit sudah cukup, makan pun orang bagi semua kemudahan ada *this we have to control, reverse a study on this thing* telah pun dijalankan. Oleh yang demikian JKM telah menjalankan satu kempen iaitu bijak membantu, elak tertipu, *we have got to be clever to give*, bijak membantu elak ditipu(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan YB. Sungai Puyu. Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang kutu rayau atau gelandangan, tadi adakah Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan Anjung Singgah yang ditubuhkan oleh Yayasan Kebajikan Negara untuk menangani isu-isu gelandangan dan juga bimbingan kepada orang-orang tersebut dan setahu saya ada yang ditubuh sejak 2014 dan apakah prestasi atau pencapaian yang telah dibuat oleh Anjung Singgah itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, memang mereka ada bagi bantuan dengan sepenuh-penuhnya iaitu kata kami menggunakan perkataan orang kata tangkap tapi selamatkan mereka, selamatkan mereka yang tidak ada tempat pergi kami benarkan khasnya dipenduduk warga-warga lain-lain negeri yang mereka mari Pulau Pinang mencari kerja kerana sana ekonomi merosot. Pulau Pinang masih berkembang, mereka sudah datang dan belum dapat kerja tidur di mana, bila kami selamatkan, kami membenarkan, mengizinkan mereka duduk di sana 14 hari dengan syarat-syaratnya. Syarat yang berkaitan dan selepas itu kami bantu dan selepas itu siapa bantu. MBPP bantu, MBPP ambil di PPR di Jalan Sungai bagi bantu sewa bilik di sana, kami telah cuba seboleh-bolehnya.

Oleh yang demikian Kerajaan Negeri telah meluluskan satu program *Empowering The Streets Citizens* adalah bahawanya ada NGO-NGO yang tertentu mereka minat untuk bagi bantuan dan bila minat kami berhubung dengan mereka semua bagi mereka bagi lindung di sana, juga kami bagi sokongan kewangan untuk mereka dan di sini juga kami akan mengwujudkan 10 unit *Safe House* di desa wawasan untuk Seberang kerana bukan masalah di Pulau, tetapi di Seberang pun ada masalah ini, tetapi saya akui bahawa lebih banyak di KOMTAR. Untuk mengatasi masalah-masalah ini juga kami telah menjalankan operasi-operasi bersepadu melibatkan beberapa agensi-agensi berkaitan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang, atau Majlis Perbandaran Seberang Perai, PDRM, Jabatan Imigresen, RELA, Agensi Anti Dadah kebangsaan, Pejabat kesihatan dan Jabatan pendaftaran Negara bagi menyelamatkan gelandangan melalui aduan orang awam atau media atau juga maklumat bila kami menjalankan tugas, memang di sini juga ada tempat sindiket-sindiket tertentu datang dari negara asing yang menggunakan OKU dan lain-lain untuk mencari makan di Pulau Pinang. *Penang is the victim of our own success. Penang is the victim of our financial success.* Tempat yang orang kata dinikmati oleh kumpulan yang datang di sini.

YB. Batu Uban, YB. Seri Delima, YB. Tanjong Bunga dan YB. Penanti untuk AES Agenda Ekonomi Saksama ada kata saya punya KADUN mengapa begitu sedikit, kalau saya sifar *no* AES semua orang kaya sangat, mengapa dapat bantuan, saya merayu bahawa ADUN-ADUN yang bangkit isu ini perkuasakan JKKK, JKKK ini ada satu biro dimana dibawah Biro Kebajikan. Biro Kebajikan minta 2 ahli daripada JKKK untuk wujudkan satu Jawatankuasa yang di anggotai oleh wakil-wakil dari taman-taman supaya mereka boleh jadi telinga dan mata untuk AES itu. Orang kata *its a good merit if you can take help and to reach out there* dan ini saya percaya bahawa kami akan selesaikan masalah ini seboleh-bolehnya. Bantuan kewangan ini tidak diberikan dengan sewenangnyanya tanpa jalankan siasatan terlebih dahulu, siasatan ini akan dijalankan secara bersepadu melibatkan ADUN, Pegawai Penyelaras KADUN, Penghulu Kawasan, Ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Komuniti, ini bertujuan supaya maklumat yang diisi di dalam borang permohonan adalah tepat dan sahih sebelum dibentangkan di dalam Mesyuarat Pembasmian Miskin Tegar Peringkat Daerah. Jawatankuasa Mesyuarat pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah tiap-tiap bulan mereka ada mesyuarat dan minit mesyuarat dihantar kepada saya, saya turun kuasa kepada mereka, saya jika Jawatankuasa buat tetapan bahawa keluarga itu harus dapat bantuan AES dan dengan segera mereka boleh lulus dan panjangkan kepada BPEN dan BPEN akan mula bayaran. Dan hendak dikeluarkan saya minta maaf kena saya lulus. Nak masuk peringkat daerah lulus, itulah satu mekanisme supaya mempercepatkan bantuan untuk sasaran.

Ahli Yang Berhormat ADUN Seri Delima telah membangkit isu segelintir rakyat yang telah dihasut oleh pihak tertentu, tidak menerima bantuan AES dan bagaimana untuk memastikan bayaran bantuan sampai kepada mereka yang layak terima. Untuk makluman, sejak tahun 2009 hingga kini, Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi sokongan padu setiap tahun pada program-program kebajikan terutamanya

rakyat yang kurang kemampuan. *We have to increase our awareness* di mana saya dah kata semua permohonan yang ditolak hendak mendapat kelulusan saya. Yang dilulus masuk terus dalam senarai. Jika ada permohonan yang ditolak, minta disemak semula oleh saya. *This is how we work to make sure and ensure that the recipient in your consequence to get the benefit from the state government.*

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya cuma ingin saya minta laluan, tadi Yang Berhormat telah memberikan butir-butir mengenai peningkatan jumlah pengundi atau penduduk di kawasan Yang Berhormat daripada di mana kawasan-kawasan tersebut wakil rakyatnya adalah kawasan Barisan Nasional. Kita lihat bahawa jumlah orang miskin di kawasan masing-masing telah pun meningkat, saya ingin menyeru di sini kalau boleh Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk kita mendekati penduduk-penduduk di kawasan di mana wakil-wakil rakyatnya adalah daripada UMNO supaya kita dapat memberi bantuan AES, Warga Emas, Anak Emas, Pelajar Emas dan i-Sejahtera yang diperlukan. Sebabnya saya membangkitkan perkara ini adalah saya memang mempunyai bukti untuk menunjukkan bahawa ada penduduk-penduduk di kawasan di mana wakil-wakil rakyat daripada UMNO dengan sengaja tak mahu pengundi-pengundi di kawasan mereka, penduduk di kawasan mereka mendapat bantuan-bantuan ini kerana mereka risau dengan dapatnya bantuan-bantuan ini kepercayaan mereka kepada UMNO akan terhakis, tapi apa yang mereka sudah lupa adaalah hasut-hasutan ini sebenarnya tidak baik apa yang kita perlu beri perhatian ialah ada pengundi-pengundi, penduduk-penduduk di kawasan-kawasan wakil-wakil rakyat UMNO yang benar-benar memerlukan bantuan, di mana saya percaya kalau tak, kiralah semasa pilihan raya nanti mereka masih mengundi UMNO, terserah kepada mereka, kita hanya melaksanakan tugas kita untuk memastikan bahawa yang memerlukan bantuan sama ada warga emas, sama ada anak emas, di sini saya perlu menekankan ada ramai yang tertarik dengan pemberian RM1,000 terutamanya bagi penuntut-penuntut yang berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Tempatan.

Ramai yang tidak lagi tahu, saya ada dua (2) kes daripada kawasan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada UMNO yang secara kebetulan datang ke kawasan saya. Pada hari Sabtu saya bertemu dengan mereka, selepas bercakap dengan mereka di kawasan saya, mereka begitu tertarik. Saya percaya mungkin kita perlu uar-uarkan lagi program-program ini dan selepas saya maklumkan kepada mereka, mereka telah pergi kepada kawasan wakil rakyat ataupun penyelarass KADUN memperoleh borang tersebut dan membuat permohonan dan mendapat wang sebanyak RM1,000 kerana RM1,000 ini adalah jumlah yang begitu banyak. Bayangkan YB. Sungai Puyu, kalau mereka ingin melanjutkan pelajaran ke Universiti Tempatan di Sabah dan Sarawak RM1,000 itu dikatakan seumpamanya membeli tiket penerbangan...(gangguan) RM1,300. Ya, jadi saya berterima kasih kepada YB. Sungai Puyu yang telah memberi penjelasan, cuma saya tahu YB. Sungai Puyu adalah orang yang selalu bekerja kuat, bila saja dihubungi melalui telefon kalau dia tak jawab dia akan panggil balik dan bila ada bencana di kawasan saya, dia selalu turun padang, mungkin saya ingin menyeru YB. Sungai Puyu untuk membuat lawatan kepada kawasan-kawasan di mana ahli wakil rakyatnya daripada UMNO untuk melawat sendiri kerana ramai di kawasan-kawasan mereka itu yang masih lagi tidak mengetahui tentang program-program ini yang boleh sedikit sebanyak membantu isu-isu kebajikan di kawasan mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih, memang ini telah tugas ini telah dijalankan kerana di Pejabat Ketua Menteri telah ada dua (2) orang pegawai khas yang telah membantu saya untuk turun padang khususnya di KADUN-KADUN UMNO, ini bukan secara masalah politik tetapi ini adalah penting bahawa iaitu keikhlasan Kerajaan Negeri hendak sampai ke akar umbi khususnya di KADUN-KADUN UMNO.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya cuma nak menarik perhatian Yang Berhormat sekarang sedang berbahas tentang isu yang begitu penting yang melibatkan kebajikan rakyat di kawasan sendiri tetapi kita lihat semua Yang Berhormat Yang Berhormat daripada Barisan Nasional khususnya UMNO tak begitu berminat...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Mereka dengar di luar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mereka tak berminat langsung, ini menunjukkan sikap mereka yang tidak menghormati Dewan bukan sahaja tidak menghormati Dewan dan tidak mengendahkan masalah kebajikan rakyat kawasan mereka sendiri. Isu yang saya bangkitkan, YB. Dato' Speaker, saya minta maaf, isu RM1300 ini adalah kejadian sebenar yang saya bangkitkan RM1300 bagi menampung pembayaran memasuki universiti pada tahun pertama adalah begitu penting sekali, dua kes daripada kawasan Yang Berhormat Ahli Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri UMNO di mana mereka tidak mengetahui tentang perkara ini dan begitu risau untuk datang untuk memohon kerana akan dikatakan penyokong DAP. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang kami berdoalah, berdoa Tuhan Yang Maha Kuasa, pada kami, kami telah jalankan satu langkah juga diketuai oleh Penasihat Ekonomi Negeri Pulau Pinang iaitu Yang Berbahagia Dato' Shafudin di mana kami galakkan setiap ADUN kehendak sebulan buat satu majlis kesedaran i-Sejahtera supaya pada masa yang tercabar pada masa kini di mana ekonomi yang mendesak kehidupan dan kesihatan warga Negeri Pulau Pinang bantuan-bantuan dapat disalurkan kepada sasaran ini sedang dijalankan. Saya berharap bahawanya semua ADUN memberi kerjasama dan JKKK untuk mendapat satu majlis diadakan sekurang-kurangnya satu majlis pada setiap bulan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan. YB. Dato' Speaker, semalam apabila mereka ucap mereka banyak cakap, banyak kali cakap EXCO tak ada di sini, tapi sekarang EXCO jawab soalan mereka juga, walaupun EXCO tak ada di sini tapi jawab soalan mereka, tapi mereka tak ada di sini macam mana? Mungkin boleh memperingatkan mereka masuk ke Dewan. Apa-apa ini pandangan EXCO dari Sungai Puyu ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ia sakit hati. Tadi kemungkinan apabila saya bangkit isu rasuah 13 tahun dahulu mereka pun cakap tak sama yang lepas. Saya nak bagi penjelasan iaitu kata amat penting, apa keputusan yang buat hari ini akan bantu atau menjejaskan hidup anak cucu masa hadapan. Kerana 13 tahun dahulu mereka tak sokong untuk hapuskan rasuah tak sokong presiden UMNO, tak sokong presiden Barisan Nasional dia sokong bahawa jangan hapuskan rasuah supaya boleh dapat rasuah, oleh demikian kami hari ini, kami jadi mangsa soalan pokok jika saya tak bangkit perkara ini hari ini, apakah akan terjadi pada anak cucu masa hadapan. Seperti tadi saya akan bangkit mereka tidak boleh bagi penjelasan. Tak tau suruh TV3 lebih satu ribu orang kembali wang warga emas bagi balik dua puluh ribu lebih apakah yang akan terjadi pada yang baki, *what happened to the balance of that money? No accountability* itulah hari ini kami susah, jika mereka ada akauntabiliti masalah 1MDB tak akan terjadi. Betul tak? Banyak tak payah bayar GST. Rakyat boleh nampak kalau pada masa hadapan dijamin hapuskan kawan-kawan rasuah, hapuskan sesiapa yang sokong rasuah dan beri rasuah.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Padang Lalang pergi cari mereka kah?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Timbalan Speaker saya sudah biasa, sudah hari ini sudah lapan (8) tahun bila saya belum dapat lari keluar. YB. Dato' Speaker, dalam masalah-masalah alam sekitar memang alam sekitar, Ahli Yang Berhormat daripada Bertam dia telah membuat cadangan bahawa beg plastik diganti dengan beg kertas, inilah menunjuk bahawa mereka tidak faham baik pun beg plastik, beg kertas kami akan menjejaskan alam sekitar. Ini amat penting dan dalam Dewan yang mulia ini sejak tahun 2009 tiap-tiap persidangan memang daripada Parti lawan mereka akan tanya berkenaan dengan beg plastik. Sehingga mereka pada kini pun tak faham dasar dan kepentingan hari beg tanpa plastik beg percuma mereka tak faham tujuan maksud dan cara buat sehingga kali juga tanya di manakah kewangan disimpan. Walaupun tiap-tiap kali bersidang saya menjawab, saya menjawab, menjawab enam (6) tak masuk akal, kemungkinannya saya telah kata Barisan Nasional itu benak, tak ada otak. Tak masuk otak sini saya nak bagi penjelasan, satu soalan tak ada otak, *bonak*, dia di sini saya nak katakan, soalan pokok tanya sama saya adakah hari tanpa beg plastik percuma berjaya, memang di Pulau Pinang kami berjaya sehingga sabotaj oleh Kerajaan Pusat. Mengapa kata sabotaj?

Kalau Kerajaan Pulau Pinang melalui BPEN selalu kata, jikanya lain-lain Negeri nak minta cara macam mana nak buat serah garis panduan pada mereka supaya selaraskan seluruh Malaysia, tapi sombong, tapi tak *copy right*. Tetapi kami tak nak mau *copy and right* oleh demikian mereka buat apa

kami telah setiap-tiap hari tanpa beg plastik percuma mereka buat apa hari Sabtu, hari Ahad, di sini kami kata kewangan kutip kena salur kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri pi masuk akaun khas untuk bantu orang yang kurang mampu untuk kebajikan. Mereka buat apa, *you* boleh kutip itu duit *you* boleh simpan, *you* boleh belanja itu duit atas nama jenama kebajikan CSR atau *environment*, habis, tidak ada kawalan. Oleh demikian kami datang dengan satu perubahan di panggil, Hari Tanpa Plastik Beg Percuma 2.0 dan di sini saya bagi jamin, bahawanya ada banyak negeri-negeri lain di Malaysia mereka dah ikut tetapi mereka rasa macam tak sedap sikitlah kalau minta daripada Kerajaan Pulau Pinang....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat cakap dah 2 jam. Ramai lagi yang nak berucap.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Boleh, saya gulung dengan cepat sikit.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dua (2) minit.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dua (2) minit tak boleh. Dua (2) jam tak ada? Baik, kami buat macam ini kalau tak percaya mengapa Johor nak ikut, kalau tak percaya mengapa Melaka nak ikut, kalau tak percaya, mengapa Kerajaan Pusat nak ikut, Perak nak ikut, Kedah nak ikut, tiba-tiba nak jalan lagi tak tau. Kerajaan Perak di bawah UMNO Barisan Nasional dia tunggak dia kata *postpone* ke hari ini. Di sini kalau dia mau saya terus boleh bagi dia satu salinan iaitu kata garis panduan, garis panduan yang siap, boleh diserahkan kepada mereka supaya mereka boleh gunapakai ini. Baik, lagi satu ini saya serah bagi dia. Lagi satu saya nak contoh bahawanya Ahli Yang Berhormat daripada Batu Uban dan juga daripada semua-semualah dan khususnya juga untuk Pulau Jerejak. Pulau Jerejak memang secara semua orang tau, siapa yang jual, bukan Kerajaan Negeri dan kerana masa yang tak saya tak izin, saya akan kata saya bagi jaminan bahawa lain daripada tanah yang dijual oleh Barisan Nasional kepada UDA, yang lain tak akan diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal. Mereka ada tanya sama saya mengapa sehingga kini belum diwartakan, memang semua orang tau, bahawa dulu bila mereka ukur cara ukur pada kini kami bagi GIS, bila GIS tidak yang keserupa *we have got to reconsult, we have to look into this realignment and did make new marking* kalau tak ada hari itu kami buta-buta orang kata wartakan sebab kelam kabut so sebab dengan GIS kami boleh dengan begitu tepat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan Yang Berhormat, bercakap tentang isu jualan tanah ini saya juga telah bangkitkan dalam perbahasan kita lihat, apa yang telah berlaku di Johor, di mana EXCO yang telah ditugaskan diberi amanah EXCO daripada Parti UMNO, yang sepatutnya menjaga kepentingan orang Melayu dituduh melakukan rasuah, menjual tanah hak milik orang Melayu meminda hak itu dan telah dituduh di mahkamah, baru-baru ini, berbilion bilion ringgit dijumpai daripada perkara ini. Rakyat di Pulau Pinang dan di Malaysia harus lihat selalu dilaungkan siapa mempertahankan orang Melayu? UMNO, UMNO, di Pulau Pinang tak ada seinci tanah pun di jual, sama ada tanah Melayu, atau tanah bukan orang Melayu, digadaikan atau dijual oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini adalah satu kebanggaan dan saya berterima kasih rakyat akan lihat UMNO tidak boleh mempertahankan lagi bahawa ini bukanlah parti rasuah, EXCO yang dituduh melakukan rasuah, banyak sangat tanah yang telah dijual, tanah kepentingan orang Melayu. Dan di atas isu ini saya mengambil kesempatan bagi rakyat Pulau Pinang berterima kasih kepada EXCO dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sehingga hari ini mempertahankan semua tanah yang ada di Pulau Pinang terutamanya tanah pemilikan kepunyaan orang Melayu, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih. Untuk makluman di Dewan yang mulia ini memang untuk Pulau Jerejak sebenarnya belum dapat *final figure*, dan tidak kurang daripada 295 hektar akan diwartakan. Kerana ini memang sekarang *final resurvey* melalui GIS. Bila kata berkenaan dengan jualan tanah, saya war-war di sini iaitu kata kelmarin kami semua EXCO-EXCO ada urusan yang lain, tak ada di sini di mana mereka dah tembak kosong, saya nak nasihat sahaja, iaitu kenyataan yang dikeluarkan bahawanya perjanjian untuk menambak kawasan laut berkenaan, dengan ditandatangani pada tahun 1992, apa 25 tahun dahulu. Ini tidak betul. Tidak betul tetapi ini ditandatangani di tahun 1990 di Shangrila Hotel oleh Ketua Menteri pada masa itu. Di sini juga dia bagi satu laporan kata BORR kalau kata BORR, sakit hati saya kerana saya

dalam Dewan yang mulia sebagai seorang Ketua Pembangkang saya persoal-persoal sehingga hari ini belum dapat satu jawapan saya mendoa bahawa mereka ada di sini khasnya YB. Pulau Betong atau YB. Telok Ayer Tawar ada di sini soalan pokok.

YB. Timbalan Dato' Speaker, RFP BORR ditandatangani pada tahun 1995, RFP buat punya jam keputusan, 1997 semua tolak di *awarded*. Mengapa tahun 1999 bagi tanah-tanah yang itu cantik di mana rumah-rumah banglo kakitangan kerajaan tujuh (7) banglo yang dia sentuh saya tak sentuh, dia sentuh tujuh (7) banglo sekarang untuk bina jalan. Tak buat the *homework* ini tidak bina, ini dibangun dengan taman dipanggil Taman Vista Perdana, sehingga kini tujuh (7) banglo kata nak diganti hingga hari ini tidak diganti dan semua tolak kata masalah-masalah JKR belum dibina walaupun dicadangkan di Bertam. Tanah itu bukan untuk jalan, untuk tak soalan pokok mengapa 97 sudah bagi RFP, 99 lagi tanah tu lagi nak maju berkaitan dengan BORR. Lagi satu dia sentuh 1,606 hektar atau 650 hektar untuk *reclamation* di Pantai Bersih walaupun RFP *awarded* 1997 mengapa keputusan dibuat 2002 - 2003 bagi pada Rayston. Sakit hati saya bukan jual tanah bagi tanah.

Oleh demikian YB. Dato' Timbalan Speaker kerana saya sudah janji dua (2) jam, dua (2) jam di sini saya nak dibuat satu kenyataan iaitu kata sebanyak yang saya boleh jawab saya jawab jikalau saya terlepas pandang nanti saya boleh jawab yang mana jika Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin nak tanya saya rela bagi jawapan bertulis atau duduk mai sembang minum kopi, minum teh saya akan bagi maklumat yang dikehendak, coklat pun ada hari ini saya ada bawa mai. Oleh yang demikian saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi saya peluang dan ruang untuk kemukakan apa-apa jawapan yang mereka dah ditanya dan ambil kesempatan ini saya mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al-Mubarak kepada semua umat Islam, yang bukan Islam bukan selamat bercuti selamat *dumpling festival* dengan ini saya memohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, seterusnya YB. Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Maaf saya YB. Timbalan Speaker sebab saya *jump queue* tapi saya terpaksa buat ini oleh kerana faktor tertentu jadi YB. Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.

YB. Sungai Pinang dan YB. Pengkalan Kota telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri memberi peluang pekerjaan kepada warga tempatan berbanding warga asing seperti Bangladesh, Indonesia, Nepal dan sebagainya. Kerajaan Negeri sentiasa berhasrat memberi peluang pekerjaan kepada semua penduduk tempatan, antara usaha yang Kerajaan Negeri dalam memberi peluang pekerjaan kepada warga tempatan ialah dengan mengekalkan dasar pengambilan pekerja tempatan untuk pekerja 3D atau *dirty, difficult and dangerous* di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBPP dan MPSP.

Selain itu Kerajaan Negeri melarang pekerja asing dari memasak di gerai penjaja demi menjaga kebersihan dan kualiti makanan serta melindungi penjaja makanan Pulau Pinang yang sedia terkenal yang juga adalah untuk menjaga imej tempatan. Kerajaan Negeri juga turut mengalakkan pihak swasta supaya mengambil warga tempatan untuk menyumbang kepada pembangunan negeri melalui pengalaman dan kemahiran yang mereka ada. Dengan cara ini Kerajaan Negeri dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja warga asing, YB. Pulau Tikus telah bertanya sama ada terdapat Jabatan lain yang mengumpulkan data-data rekod pekerja asing ini selain daripada Jabatan Imigresen, beliau berpendapatan adalah wajar agensi-agensi pekerjaan untuk memaklumkan setiap lokasi mereka berkerja dan di mana mereka tinggal. YB. Pengkalan Kota pula mencadangkan agar pihak penguatkuasa menghadkan peluang pekerjaan kepada warga asing agar tidak menjejaskan peluang pekerjaan tempatan warga tempatan, untuk menjawab soalan tersebut, saya suka jelaskan bahawa dasar kemasukan buruh asing dan kuota kemasukan buruh asing tertakluk kepada peraturan dan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Kerajaan Negeri tidak mengumpulkan data rekod pekerja asing dan tidak mempunyai kuasa untuk menghalang pertambahan pesat jumlah buruh asing. Namun begitu bahagian penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia negeri Pulau Pinang sentiasa memantau dan membuat operasi penguatkuasaan terhadap warga asing yang tidak mempunyai dokumen permit perkerjaan dan dokumen pengenalan diri yang sah. Yang Berhormat Pulau Betong bertanya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat, boleh memberi penjelasan? Terima kasih, sebenarnya permohonan. Walaupun secara rasmi mungkin Jabatan Imigresen yang mengumpul maklumat tersebut, namun kewujudan buruh asing memberi impak kepada Negeri dan rakyat kita. Apabila mereka tinggal di perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dengan keadaan yang tidak begitu sesuai bila terlalu banyak orang dalam satu unit dan termasuk juga rumah-rumah teres. Jadi saya rasa memang Kerajaan Negeri ada alasan untuk berjumpa dengan pihak-pihak Persekutuan untuk memperolehi data. Permohonan saya adalah taburan pekerja asing mengikut daerah agar kita tahu di mana sebenarnya mereka kerana wajar tempat tinggal mereka perlu direkodkan, tempat kerja mereka perlu direkodkan dan kita perlu tahu.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Perai boleh tambah sedikit minta penjelasan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ada kaitan?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Ada ada kaitan nanti jawab sekali, terima kasih YB. Perai sebab saya nak tambah perkara ini kerana bukannya Jabatan Imigresen juga ada duduk dalam Majlis Keselamatan Negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri bolehkah kita minta supaya Jabatan Imigresen menyediakan maklumat-maklumat tersebut untuk diberikan kepada semua ADUN.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih kepada YB. Pulau Tikus dan juga YB. Machang Bubuk, saya memang saya setuju dengan YB. Pulau Tikus bukanlah kerana perkara ini letak di bawah Kerajaan Pusat kita senyap sahaja, saya so saya rasa memang isu ini isu yang sangat penting kepada Kerajaan Negeri dari segi pekerjaan dan sebagainya jadi saya rasa bukan Kerajaan Negeri ini cuma tidak mengambil apa-apa langkah supaya untuk menghadkan walaupun pekerja asing dapat permit dan sebagainya walaupun kita tak boleh mengurangkan pekerja asing, kita tak boleh menghalau pekerja asing namun kita boleh ambil langkah-langkah ini secara tidak langsung supayanya kalau mereka melibatkan secara *business*, membuka kedai-kedai ini saya rasa tindakan boleh diambil dari segi lesen dan sebagainya dan dari segi di perumahan saya rasa sebab itulah Kerajaan cadang untuk membuka asrama untuk pekerja asing bukan sahaja pekerja asing tapi pekerja tempatan tapi isu dan data dan rekod itu saya rasa sama ada mungkin kita boleh tanya bukan tak boleh sama ada kita boleh dapat secara *detail* dan terperinci mungkin saya rasa Machang Bubuk ini timbulkan satu isu kerana pihak Imigresen dia adalah anggota Jawatankuasa Keselamatan Negeri mungkin perkara ini boleh dikemukakan walaupun Ketua Menteri telah minta semua ADUN datang untuk melibatkan diri dalam Jawatankuasa Keselamatan tapi saya nampak jarang, sekarang mungkin ada sudah meningkat.

Ahli Yang Berhormat Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan Yang Berhormat maaf, sebenarnya bulan lalu kita kali pertama menerima jemputan, baru-baru ini kali kedua kita menerima jemputan sebelum itu kita tidak pernah menerima jemputan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okey baru-baru ini, saya rasa mungkin tidak terima mungkin jemputan ini untuk EXCO tapi sekarang digalakkanlah so mungkin saya rasa ini ada satu peluang tapi saya tidak pasti dapat apa yang kita perlukan dari Jabatan Imigresen atau mana-mana Badan Persekutuan.

Saya teruskan YB. Pulau Betong bertanyakan keluaran dalam negara kasar KDNK dan Pulau Pinang yang meningkat naik, sekiranya ya menunjukkan prestasi ekonomi yang baik. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa KDNK *per capita* bagi Pulau Pinang adalah lebih jauh lebih baik berbanding di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Barisan Nasional dahulu di bawah pentadbiran CAT Pulau Pinang melonjak naik dari tangga ke bawah sehingga menjadi juara pada 2013 dan 2014. Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.5% berbanding dengan pertumbuhan KDNK Negara sebanyak 5% pada tahun 2015.

Pulau Pinang adalah satu-satu negeri industri di Malaysia di dalam sektor dengan sektor pembuatan menyumbang 45% dan sektor perkhidmatan menyumbang 50% kepada KDNK Negeri. Jumlah pelaburan merekodkan peningkatan sebanyak 73% iaitu peningkatan daripada RM34.2billion

pada tahun 1999 hingga 2000 kepada RM95.2 *billion* untuk tempoh 9 tahun yang sama pada tahun 2008 hingga 2016.

YB. Bukit Tengah bertanyakan dengan *confidentiality clause* dalam enakmen kebebasan maklumat FOI, klausa ini adalah terpakai dengan persetujuan semua pihak dalam satu perjanjian berkenaan demi menjaga kepentingan mereka dalam perjanjian tersebut dan ianya dimasukkan dalam perjanjian berdasarkan rundingan Kerajaan Negeri dan syarikat. Kebiasaannya syarikat-syarikat memang inginkan klausa itu dimasukkan dalam perjanjian bagi perjanjian yang telah ditandatangani ianya boleh dimansuhkan dengan persetujuan pihak dalam perjanjian, bagi perjanjian yang bakal atau belum ditandatangani iaitu perjanjian baru rundingan untuk tidak memasukkan *this confidentiality clause* hendaklah diadakan.

Bagi persoalan sama ada pihak swasta boleh menolak permohonan Kerajaan Negeri untuk mendedahkan suatu perjanjian yang ditandatangani bersama ia tidak terpakai kerana pendedahan perjanjian adalah dipersetujui secara bersama. Sekiranya terdapat pihak yang tidak bersetuju untuk mendedahkan kandungan perjanjian dan pendedahan telah pun dibuat maka berlaku pelanggaran perjanjian oleh pihak yang mendedahkannya. Mana-mana pihak mempunyai kuasa mutlak untuk menolak permintaan pihak satu lagi untuk mendedahkan perjanjian, saya rasa baru-baru ini adalah satu kes di mana pihak tertentu dari gerakan mengkritik Kerajaan Negeri mengapa tidak mendedahkan dokumen-dokumen tentang TPP1 dan TPP2 dan sebagainya jadi inilah isu ini *confidentiality clause*.

YB. Tanjong Bunga telah bertanya mengenai bilangan-bilangan syarikat yang terlibat dengan *money games* atau skim cepat kaya yang telah disenarai hitamkan oleh Bank Negara Malaysia dan bilangan syarikat yang beroperasi di Pulau Pinang serta tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dan saya tidak pasti sama ada soalan ini dapat dijawab semasa mungkin ada soalan dalam Dewan walau bagaimanapun mungkin boleh beri sedikit penjelasan, menurut laman Bank Negara Malaysia terdapat sebanyak 302 buah syarikat yang dianggap tidak dibenarkan beroperasi dan tidak diluluskan di bawah undang-undang dan peraturan Bank Negara Malaysia, namun Kerajaan Negeri tidak mempunyai bilangan syarikat yang beroperasi di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal syarikat-syarikat Skim Cepat Kaya untuk beroperasi kerana ia adalah di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan, maksud Yang Berhormat tak ada syarikat yang beroperasi di Pulau Pinang tapi nampaknya senarainya ada MBI dan juga pelaburan MBI dalam negeri dan beberapa *property* adakah ini boleh juga mana-mana nak bagi penjelasan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Sama ada MBI ini merupakan satu syarikat yang boleh dilabelkan sebagai ataupun yang terlibat dalam *money games*? Betul?

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Ianya tidak disenaraikan dan MBI berbas di Pulau Pinang..(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tidak pasti kenapa MBI merupakan satu syarikat yang terlibat dalam *money game*, adakah betul-betul terlibat atau tidak dan kenapa MBI ini tidak disenaraikan di bawah Kerajaan Negeri ataupun MBI ada di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Maksudnya senarai 302 ini saya tanya berapa syarikat di Pulau Pinang yang terlibat tetapi tadi kata tidak ada tetapi MBI ini berbas dari Pulau Pinang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tidak tahu YB. Tanjong Bungah, sama ada MBI ini adalah merupakan satu organisasi yang kita boleh letak di bawah *money game* atau skim cepat kaya.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Sebab itu saya minta penjelasan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ini adalah jawapan rasmi bahawa tidak ada syarikat di Pulau Pinang yang dilabelkan sebagai syarikat yang terlibat dalam *money game* ataupun skim cepat kaya. Mungkin ada, saya tidak tahu, sama ada MBI betul-betul satu syarikat yang dilabelkan ataupun boleh didefinisikan sebagai syarikat skim cepat kaya itu adalah satu perkara lain.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Kalau itu adalah satu penjelasan dan jawapan rasmi saya terima dan harus diamalkan oleh rakyat sekali.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal syarikat-syarikat skim cepat kaya untuk beroperasi.

YB. Tanjong Bungah mencadangkan agar golongan warga emas diberikan tugas/pekerjaan tertentu agar dapat menyumbang kepada Negeri berikutan kadar penuaan yang tertinggi Malaysia iaitu sebanyak 62.3% warga emas. Kerajaan Negeri sentiasa memberi peluang pekerjaan kepada semua warga tempatan termasuk warga emas. Kerajaan Negeri menggalakkan pihak swasta supaya mengambil warga emas yang masih mampu bekerja untuk terus menyumbang kepada pembangunan negeri melalui pengalaman dan kemahiran yang mereka ada. Dengan cara ini mereka boleh hidup berdikari dari segi pendapatan dan kesejahteraan hidup dan kebergantungan kepada pekerja warga asing dapat dikurangkan. Tetapi ada juga soalan pagi tadi yang bertanya bagaimana dengan pengalaman Singapura? Singapura begitu menonjol dalam memberi peluang pekerjaan kepada warga-warga tua sama ada ini menonjol di Malaysia atau di Pulau Pinang, saya tidak pasti tetapi walau bagaimanapun kalau Kerajaan Negeri tidak mengambil langkah-langkah yang lebih serius, saya rasa ini perlu diambil kira, tetapi saya rasa kita memang tidak menafikan peluang kepada warga-warga emas ini.

YB. Sungai Dua ingin mendapat kepastian berkenaan peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan sekolah mubaligh. Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM4 juta kepada SJKC, RM1.75 juta kepada SJKT dan RM1.18 juta kepada sekolah mubaligh. Sejak tahun 2009 hingga 2017 Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan masing-masing sebanyak RM36.53 juta kepada SJKC, RM15.5 juta kepada SJKT dan RM10.07 juta kepada sekolah mubaligh.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih di atas penjelasan-penjelasan yang telah diberi. Kita lihat sejak 2008, beberapa pencapaian secara amnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Langkah-langkah yang telah diambil untuk menjaga kebajikan masyarakat majmuk seperti semua program kebajikan, pelajar emas, anak emas, warga emas, AES, i-Sejahtera dan sebagainya. Bagi golongan rakyat Pulau Pinang khususnya kaum India, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah mengambil beberapa inisiatif dan langkah-langkah. Daripada pencapaian-pencapaian yang begitu menonjol, saya rasa...(dengan izin), pemberian tanah bagi pembinaan sekolah-sekolah Tamil, terutamanya saya ingin Yang Berhormat dengan ringkas maklumkan berapakah sekolah-sekolah Tamil baru yang telah dibina, di mana tanah telah diberikan secara percuma oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Saya tanya soalan ini sebab saya percaya Yang Berhormat sendiri baru-baru ini, telah lihat pengumuman *blue print* oleh MIC, Malaysian Indian Congress. Kerajaan Persekutuan dengan kehadiran Perdana Menteri sendiri, selepas 60 tahun merdeka, kononnya sesuatu yang menakjubkan akan dilaksanakan oleh Barisan Nasional dan Kerajaan Persekutuan kepada rakyat Malaysia kaum India. Kita tidak mengumumkan apa-apa *blue print* tetapi sejak 2008, prestasi dan pencapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang semakin lama semakin meningkat. Saya juga berterima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat untuk satu soalan bertulis berkenaan dengan *Golden Chariot* yang telah saya bangkitkan di mana sumbangan yang kita terima daripada perarakan *Golden Chariot* pada tahun ini adalah lebih kurang RM370,000.00 di mana wang itu kita gunakan untuk beri balik kepada rakyat Pulau Pinang khususnya kaum India yang beragama Hindu sebagai satu pemberian bagi belanja biasiswa untuk institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Ini adalah satu pencapaian yang begitu menakjubkan, tidak perlu kita mengumumkan apa-apa *blue print*. Soalan saya adakah Yang Berhormat mempunyai apa-apa maklumat mengenai *blue print* ini dan adakah ianya hanya satu pengumuman yang dibuat tanpa apa-apa niat ikhlas untuk membantu rakyat Malaysia, Pulau Pinang khususnya kaum India. Mungkin Barisan Nasional fikir pada pilihan raya akan datang, kalau dulu 70%, 80% dan mungkin 100% kali ini semua akan menyokong

Pakatan Harapan, DAP, Amanah dan PKR. Saya membangkitkan soalan ini kerana setiap kali kita lihat konsep 1Malaysia diuar-uarkan tetapi politik perkauman masih lagi diamalkan oleh Barisan Nasional. Kita tidak begitu, dalam Parti Amanah, buat masa sekarang saya difahamkan pemimpin-pemimpin akar umbi India dan Cina sudah ada. Saya difahamkan dalam PKR kita ada pemimpin India, Cina dan Melayu pun ada, DAP pun begitu. Barisan Nasional masih lagi mengamalkan sikap *divide and rule*. UMNO kononnya mempertahankan Melayu, MIC pertahankan orang India dan MCA mempertahankan hak orang Cina.

Saya ingin bertanya sekali lagi sekarang, apakah *blue print* ini sebenarnya, adakah ia sebenarnya ingin dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, adakah mereka ikhlas dengan pengumuman ini?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih, dua, tiga soalan daripada YB. Seri Delima. Saya rasa mulai tahun 2008 sehingga hari ini kita sudah membekalkan tanah kepada lima (5) atau enam (6) sekolah dan yang terbaharu adalah Ladang Byram di Nibong Tebal di mana Kerajaan Negeri sedang dalam proses pengambilan tanah untuk menempatkan penduduk Ladang Byram. Bukan sahaja rumah akan dibina tetapi mereka juga sediakan sekolah Tamil, kuil dan sebagainya secara percuma. Keluasan tanah adalah 8.75 ekar di Nibong Tebal berhampiran dengan Ladang Byram. Saya rasa ini yang terakhir dan sebelum itu memang kita sudah bekalkan tanah di bahagian Pulau dan bahagian Seberang, lebih kurang lima (5) sekolah. Saya rasa ini tidak pernah dilakukan pada zaman Barisan Nasional. Mungkin ini satu proses yang berterusan dan sekarang kita sudah mengenal pasti bahawa kita perlu bekalkan tanah untuk ladang di kawasan Ketua Menteri iaitu SJK, ini akan dikenal pasti.

Berbalik kepada isu soalan ini, kalau kita pergi lawatan Kedah ataupun Perak atau negeri-negeri lain, kita boleh lihat secara ketara perbezaan kedudukan antara sekolah-sekolah Tamil di negeri-negeri bawah Barisan Nasional dan juga di bawah Pakatan Rakyat, sama ada di Pulau Pinang atau Selangor. Sangat-sangat ketara adalah Negeri Kedah negeri yang saya sentiasa melawat, di mana mereka ada 58 sekolah Tamil dan kedudukan ini sangat-sangat teruk, berbanding dengan kita yang ada 28 sekolah Tamil. Mereka yang datang ke Pulau Pinang dan melawat sekolah-sekolah Tamil, mereka menyatakan rasa bangga bahawa Pulau Pinang dalam 9 tahun ini sudah mencapai satu tahap yang begitu baik dan memuaskan sekali. *This I'm not telling you.*

Jadi berbalik kepada isu *Golden Chariot* saya rasa ini merupakan satu projek yang kontroversi yang diusahakan oleh Lembaga Wakaf Hindu. Kita ada dua sumbangan, satu adalah sumbangan melalui perarakan dan satu sumbangan adalah untuk kuil Hindu. Saya rasa sumbangan sebanyak RM160,000.00 adalah daripada orang ramai untuk perarakan ini. Semua ini disalurkan kepada pendidikan ataupun memberi bantuan pendidikan kepada mereka yang datang dari keluarga kurang bernasib baik, satu sen pun kita tidak ambil, semua disalurkan.

Berbalik kepada isu *Malaysian Indian Blue Print*, ini bukan satu isu atau cerita yang baru kepada masyarakat India atau masyarakat Malaysia sebab pada tahun 1974 mereka juga menghasilkan satu buku warna biru dan inisiatif yang diambil pada masa itu tidak membawa apa-apa faedah. Baru-baru ini Perdana Menteri sendiri melancarkan *Malaysian Indian Blue Print* tetapi saya rasa peranan MIC itu agak kecil dalam *blue print* cuma menyalurkan bantuan. Pelaksanaan *blue print* itu terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri sebab Perdana Menteri tidak yakin tentang kepimpinan MIC untuk menyalurkan bantuan kepada masyarakat India. Apa yang agak memeranjatkan kita adalah kita sudah lebih 60 tahun merdeka, baru mereka mahu memikirkan tentang kedudukan kaum India yang sangat teruk. Dari pandangan saya, ini merupakan satu gimik politik sebelum pilihan raya. Saya rasa pemikiran Najib adalah mereka tidak boleh dapat sokongan masyarakat Cina tetapi mereka percaya mereka masih boleh mendapat sokongan masyarakat India dalam Pilihanraya 14. Itu sebagai satu taktik untuk mereka mendapat sokongan masyarakat India mungkin di kawasan-kawasan pendalaman. Jadi saya rasa *Malaysian Indian Blue Print* ini, tujuan ini adalah bukan satu tujuan yang ikhlas(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Jelaskan bukanlah *blue print* ini yang satu cadangan dari Hindraf?. Bukankah itu cadangan dari Hindraf yang diambil dari pihak Perdana Menteri? Nombor satu, berkenaan dengan *golden chariot* saya minta berapa belanja patutkah nak belanja saya agak RM3.7 juta untuk lancar satu isu yang kontroversi RM3 juta, untuk lancar satu kontroversi yang pecah belah saya agak pecah belah kaum India dan bukannya pendapat 1% atau 10% yang dijaga dan apa jadi wang *billion, million* yang *suppose to be have been raised by the community*.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ini *blue print* menjawab soalan pertama sama ada ini daripada Hindraf atau tidak saya tidak pasti bahawa ini mungkin satu ciptaan dan rekaan beberapa individu terlibat dalam *Malaysian Indian blue print*. Kalau Hindraf ini mungkin mereka rasa ini daripada mereka itulah pandangan mereka. Kemudian ini *golden chariot*, saya rasa ini bukan begitu kontroversi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dan perbelanjaan *golden chariot* adalah RM3 juta dan ini adalah sumbangan daripada Lembaga Wakaf Hindu. Ini tiada kaitan apa-apa jadi apakah dan saya rasa saya tidak setuju bahawa ini merupakan satu kontroversi. Memang dulu adalah apa ini pandangan yang berbeza tetapi kalau ini Yang Berhormat pecah masyarakat Hindu itu pandangan awak sendiri, *that is your own personal opinion*.

Jadi dimanakah kenapa saudara sendiri tidak tanya satu kumpulan kasta yang mengumpul duit selama 1,160 tahun dahulu dan salurkan dana ini kepada masyarakat sendiri ini tidak dapat dipersoalkan. Itu soalan sayalah. Jadi ada kontroversi ini merupakan satu kenyataan yang kita terima walaupun kita hasilkan RM370 juta pada tahun ini, inilah tahun pertama. Jadi saya rasa mungkin dalam beberapa tahun saya rasa modal yang kita laburkan dalam *golden chariot* ini mungkin pulangan ini mungkin boleh melipat ganda.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cuma ingin minta laluan YB. Perai. Saya kurang bersetuju dengan YB. Batu Uban berkenaan dengan kenyataan ini merupakan projek kontroversi kerana kalau kita lihat semasa perayaan sambutan Thaipusam memang penganut-penganut yang datang ke situ.....(gangguan). Biar saya habiskan dahulu. Terima kasih YB. Batu Uban. Kita lihat bahawa sambutannya begitu hangat dan saya percaya sambutan akan berlipat ganda pada masa yang akan datang dan saya tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh YB. Perai daripada perarakan ini kita telah berjaya mengumpul RM370,583.84 jadi *this is a huge amount...*(dengan izin) YB. Dato' Speaker dan wang ini digunakan bagi Tabung Pendidikan Lembaga Wakaf Hindu untuk memberi biasiswa *there is something which is fantastic*(dengan izin) YB. Dato' Speaker.

Keduanya berkenaan dengan kenyataan *blue print* saya ingin tahu mungkin Yang Berhormat tidak dalam kedudukan untuk menjawab adakah *blue print* ini telah pun dibenarkan untuk di akses bagi kita membaca apakah kandungan *blue print* ini intipati, intisari kandungan *blue print* ini dan apakah niat kerajaan sebenarnya?

Ramai sekali yang mengadu sekarang mengatakan bahawa bila memilih memohon untuk mendapat jawatan dalam PDRM, dalam Tentera dalam jabatan-jabatan kerajaan terdapat macam-macam sebab diberikan. Jadi adakah Kerajaan Persekutuan juga berminat untuk meningkatkan lagi penjawat-penjawat awam khususnya daripada kaum India adakah ini dinyatakan dalam *blue print* pegawai-pegawai tinggi dalam Kastam, Imigresen, Polis, Penjara dan sebagainya. Adakah ini dinyatakan dalam *blue print*?

Kalau ini dinyatakan ini merupakan satu kenyataan kita boleh katakan *a serious initiative....* (dengan izin) tetapi kalau tidak hanya pengumuman sahaja di khalayak dengan Parti MIC ini merupakan seolah-olah satu tipu helah sekali lagi oleh Barisan Nasional hanya bagi tujuan memenangi pilihan raya. Itu pendapat saya Yang Berhormat. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan tadi saya secara ringkas Blue print Malaysian Indian ini memang adalah satu naskah. Malaysian Indian Blue Print dalam naskah ini mungkin saya rasa agak *impressive* mereka tujuan *Indian Blue Print* supaya melibatkan masyarakat India dalam pelbagai segi. Dari segi pendidikan, dari segi pekerjaan, dari segi bagaimana mereka akan meningkatkan kumpulan modal dan sebagainya. (Dengan izin)...*when we look at it very carefully you see very impressive one*.

Tetapi saya rasa isu ini bukan sama ada mereka boleh melaksanakan, sama ada mereka yang membentangkan *Malaysia Blue print* ini dibentangkan oleh Datuk Seri Najib sendiri sama ada mereka ada *political wheel* supaya untuk melaksanakan apa yang disebutkan dalam naskah yang dilabel sebagai *Indian Blue Print* tetapi kita untuk menjawab soalan itu kita tidak boleh lihat kepada apa yang ada kita melihat sejarah masyarakat India sejarah Barisan Nasional. Sejarah adalah satu sejarah yang sangat sedih di mana beberapa program, beberapa projek yang telah dibentangkan untuk bantu masyarakat India ini saya rasa semua ini tidak membawa apa-apa hasil.

So hal demikian oleh kerana mereka tidak ada *political wheel* mereka tidak ada satu usaha yang murni untuk meningkatkan masyarakat India dari segi pekerjaan, sosial, kebudayaan dan sebagainya. Saya rasa saya tidak ada *alternative* lain tetapi untuk *suspect* bahawa sama ada *blue print* ini bertujuan

kepada apa yang disebutkan. Jadi saya khuatir bahawa *blue print* ini akan jadi cuma dokumen yang berwarna biru sahaja masa depan. Dengan itu saya rasa saya tidak yakin bahawa ini boleh dilaksanakan saya rasa apa yang perlu kepada bukan sahaja masyarakat India semua masyarakat ini adalah satu transformasi politik bukan *blue print*. Satu transformasi politik yang kita dapat pada tahun 2008 satu tsunami politik kita memerlukan lagi satu tsunami politik apabila kita dapat satu politik tsunami yang besar yang lebih luas ini mempunyai peluang ataupun akan memberi peluang kepada masyarakat khususnya masyarakat minoriti yang tidak ada apa-apa kuasa di bawah Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu gabungan politik perkauman. Sikit sahaja...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak tanya satu soalan sahaja. Adakah kuil yang dipecahkan di PPC itu telah dibina semula? kalau Yang Berhormat ingat janji telah dibuat oleh YB. Telok Ayer Tawar dalam beberapa sidang sebelum ini. Dan juga janji kedua-dua wakil rakyat yang bertanding di kawasan Yang Berhormat dan di Batu Kawan adakah kuil itu dibina semula kuil yang dipecahkan di PPC. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tidak begitu pasti tetapi saya faham kuil ini belum dibina lagi. Yang telah dirobohkan oleh PPC badan di bawah Kerajaan Barisan Nasional. YB. Bayan lepas mencadangkan supaya peraturan diperketatkan supaya warga asing tidak dibenarkan menyewa premis untuk berniaga perniagaan kedai runcit dan pelbagai perniagaan. Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa membuat pemantauan di premis-premis kerajaan PBT akan menarik balik premis jika mendapati premis diusahakan oleh warga asing yang disewa daripada pemilik rakyat tempatan. MPSP juga kini memperkenalkan dasar mengupah pekerja warga asing mereka yang Pemastautin Tetap (PR) sebagai pembantu di gerai perniagaan kerajaan milik Majlis premis perniagaan dan penjaja yang telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perlesenan dan Penguatkuasaan Mac lalu.

Dasar itu menetapkan peniaga dan penjaja tidak dibenarkan mengupah pembantu warga asing atau PR di gerai, pasar dan kompleks makanan milik MPSP termasuk pasangan kepada warganegara tempatan berstatus warga asing atau PR. Jadi saya akan mengakhiri ucapan penggulungan sekali lagi ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan soalan-soalan mengenai portfolio saya iaitu Ekonomi, Sumber Manusia, Pendidikan, Sains dan Teknologi. Jadi YB. Dato' Speaker, itu sahaja gulungan saya sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker saya ingin menarik perhatian saya berkenaan satu perkara yang penting. Adakah parti-parti politik di mana wakil-wakil rakyatnya tidak berada di Dewan ini dibenarkan untuk membuat sidang akhbar? Di perkarangan atau di bangunan Dewan Undangan Negeri. Saya kurang berpuas hati saya tanya sebab saya lihat wakil-wakil daripada MCA yang mengadakan sidang akhbar pagi tadi dan juga sekarang sidang akhbar sedang berlangsung di tempat makan. Kalau mereka diiringi oleh wakil-wakil rakyat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini itu lain perkara tetapi mereka tidak diwakili langsung dan dibenarkan berada di situ untuk menghentam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini adalah keterlaluan masuk ke rumah sendiri dan hentam saya.

Jadi saya minta Yang Berhormat membuat arahan kepada Pegawai-pegawai Keselamatan kalau mereka datang ke dalam Dewan untuk menyaksikan sidang ini itu lain cerita tapi mereka berada di luar sana mengadakan sidang akhbar. Bolehkah YB. Timbalan Dato' Speaker membuat ketentuan tentang perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya dengan serta merta. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih. Seterusnya YB. Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan. Salam sejahtera. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan bagi menjawab soalan-soalan tambahan berkaitan isu-isu pembangunan pelancongan yang telah dibangkitkan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Di atas usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini menjadi salah satu destinasi pelancongan yang amat popular dengan kadar kedatangan pelancong yang semakin meningkat saban tahun. Mengikut statistik dari Malaysia Airport Berhad jumlah penumpang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang semakin meningkat. Pada tahun 2015, jumlah pergerakan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah sebanyak 6,258,756 orang penumpang, manakala pada tahun 2016 telah meningkat ke 6,684,034 orang penumpang. Angka ini menunjukkan peningkatan 6.79 peratus dan untuk perbandingan data statistik tiga (3) bulan pertama tahun 2017 jumlah tiga (3) bulan ini adalah 855,062 orang penumpang berbanding dengan tiga (3) bulan pada awal tahun 2016 adalah 789,916 penumpang. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.2%.

Saya yakin jumlah penumpang untuk tahun 2017 akan meningkat dalam bulan Mei kerana ada 2 kumpulan yang besar membawa pelancong seramai 35,000 untuk bulan Mei dan juga bulan Jun semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri. Untuk makluman Dewan, 10 negara utama yang melawat Pulau Pinang sehingga bulan Disember 2016 adalah seperti berikut:

1. Negara Indonesia adalah seramai 264,546 penumpang
2. Negara Singapura adalah seramai 154,063 penumpang
3. Negara China adalah seramai 59,661 penumpang
4. Negara Jepun adalah seramai 24,065 penumpang
5. Negara Australia adalah seramai 20,232 penumpang
6. Negara Amerika Syarikat adalah seramai 17,099 penumpang
7. Negara United Kingdom adalah seramai 16,956 penumpang
8. Negara Thailand adalah seramai 15,479 penumpang
9. Negara Taiwan adalah seramai 14,225 penumpang
10. Negara India adalah seramai 7,401 penumpang

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, industri perlancongan di Pulau Pinang kini semakin rancak dengan pelaburan swasta dengan produk-produk baru dan menarik contohnya yang pertama, penambahan pelaburan untuk Taman Rama-Rama di Teluk Bahang yang dinamakan Entopia bernilai RM50 juta, yang kedua, pembangunan The Habitat, Penang Hill bernilai RM35 juta sebuah produk eko-pelancongan di Bukit Bendera termasuklah pembinaan sebuah dataran tinjau Qatish Tree Top...(dengan izin). Yang ketiga, pembangunan produk The Top di KOMTAR yang dibangunkan oleh Syarikat Only World Group (OWG) Holding Berhad....(dengan izin) bernilai lebih RM200 juta telah menceriaikan dan mengubah wajah bangunan KOMTAR. The Top mempunyai beberapa tarikan menarik seperti *Rainbow Skywalk*, *Jurassic Park* dan *Research Center*....(dengan izin) dan restoran makanan antarabangsa dan banyak lagi. Mengikut kajian *survey* yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia sebab utama yang menarik para pelancong ke Pulau Pinang kini adalah untuk melawat Tapak Warisan Dunia UNESCO dan kemudiannya menikmati makanan-makanan yang enak. Kita dapat melihat perubahan *trend* pelancong jika dibandingkan dengan beberapa tahun lepas di mana mereka lebih berminat untuk melawati kawasan tepi pantai di Batu Feringghi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, berkenaan dengan makanan, terima kasih. Bercakap tentang makanan memang ramai yang datang ke Pulau Pinang kerana makanan di sini enak, cakap tentang makanan, makanan juga termasuk dengan buah-buahan dan buah-buahan yang saya cakap ini adalah buah durian. Pernahkah Yang Berhormat cuba membeli satu buah yang kecil tidak begitu besar sederhana sahaja saiznya harganya boleh mencecah RM100.00 macam-macam dikatakan Musang Kinglah, Ocheelah dan sebagainya. Peniaga di situ bila saya pergi tidak mahu layan sebab bila saya lihat ada sahaja bas persiaran yang sampai ramai yang turun daripada luar negara yang makan dan mereka bayar. Di semua tempat di Macalister Road depan dengan Menara UMNO tempat menjual durian, Jalan Anson, Balik Pulau kita lihat seolah-olah peniaga-peniaga di Pulau Pinang lebih cenderung untuk melayan orang-orang yang datang ke gerai itu daripada luar negara. Kalau saya hendak belanja RM100.00 untuk buah durian saya pun (dengan izin)...*I will think*. So apa langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa tidak ada peniaga-peniaga di sini petani atau pun orang-orang yang memiliki dusun yang hendak mengaut keuntungan, kita beriya-ya sangat hendak mempromosikan Pulau Pinang tetapi pastikan bahawa rakyat di Pulau Pinang sendiri dapat menikmati buah-buah durian. Durian-durian Pulau Pinang

adalah (dengan izin)...*is the best*, saya minta maaf Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya ambil kesempatan untuk bercakap tentang buah durian ...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila la, cakap pasal buah durian sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apakah langkah yang kita patut ambil untuk kita memantau, memastikan bahawa kita mengawal harga buah durian yang dijual supaya rakyat di Negeri Pulau Pinang sendiri dapat menikmati buah tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Ini ada kesannya melalui promosi pelancongan dan dapat begitu ramai sekali pelancong-pelancong bukan sahaja luar negara khususnya dari Hong Kong, Singapura dan sekarang negara China pun datang dan..... jangan ganggu, belum habis....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya adalah orang di negeri Pulau Pinang, Hong Kong datang makan disini, Singapura datang makan disini, rakyat negeri Pulau Pinang nak makan apa?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Makan bau sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Satu lagi perkara buah-buah ini di eksport secara besar-besaran dalam kontena dieksport dan yang tinggal adalah saki baki buah-buah yang mungkin sudah busuk tidak boleh dieksport diberi, jadi saya minta maaf saya bukan hendak menyusahkan Yang Berhormat EXCO tetapi benda ini kena beri perhatian. Saya pun tidak dibelanja pun Yang Berhormat sebab selalu pergi makan durian tidak bawa saya pun, tidak belanja pun, selalu pergi makan durian festival sini, durian festival sana saya tidak dijemput, kalau jemput sekali sekala saya tidak akan bangkitkan isu ini.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Untuk makluman YB. Seri Delima, eksport dalam kontena bukan durian Pulau Pinang mungkin dari negeri yang lain, eksport durian dari Pulau Pinang memang tidak cukup untuk dalaman atau orang asing yang datang ke Pulau Pinang makan. So jadi kita tidak ada kontena-kontena yang hantar luar, itu negeri lain bukan dari Negeri Pulau Pinang dan musim sekarang ada durian bukan dari Pulau Pinang. Pulau Pinang hanya berhasil dalam bulan Julai dan Ogos. Kalau Yang Berhormat ingin makan durian percuma boleh cari ADUN Jawi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan ajak di Dewan la, ajak senyap-senyap di luar Dewan lah nanti. Nanti semua orang kata rasuah nanti.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Saya teruskan dengan ini, untuk kawalan harga durian saya rasa saya serah kepada YB. Batu Maung yang *control domestik trade*. Berikut adalah beberapa penghargaan yang telah diterima untuk tahun ini, tiap-tiap tahun kita ada anugerah dan yang pertama CNN menyenaraikan Pulau Pinang sebagai tempat kedua daripada 17 tempat terbaik untuk dilawati pada tahun 2017. Yang kedua, *International Living* ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sikit sahaja Yang Berhormat, bukan berkenaan buah durian, ini berkenaan tempat-tempat baru yang dipromosikan. Saya lihat kita pun sedia maklum bahawa tempat The Top dan sebagainya yang telah menukar wajah KOMTAR banyak tarikan-tarikan di situ tetapi bayaran yang dikenakan adalah terlalu tinggi. Saya bangkitkan perkara ini, sekejap Yang Berhormat saya habiskan selepas itu saya hendak keluar minum teh, saya tidak kacau lagi. Saya hendak bangkitkan bahawa kalau saya rakyat Pulau Pinang saya hendak bawa anak-anak saya, maklumlah saya tidak mampu hendak pergi ke Singapura dan sebagainya tetapi tarikan-tarikan ini saya perlu akui memang baik, cantik, memang prestasi dan

tempat tersebut memang sama seperti Singapura lebih kurang macam Disneyland tetapi tidak mampu dibayar oleh penduduk-penduduk di Pulau Pinang. Bolehkah kita mengamalkan sistem di mana bila kita menunjukkan ia diberikan diskaun di mana kalau rakyat Negeri Pulau Pinang yang ada Mykad diberi diskaun untuk naik ke The Top dan sebagainya dengan izin saya cadangkan untuk pertimbangan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Mulai bulan 4, April yang lalu telah ada satu diskaun iaitu untuk Mykad semua hanya bayar RM38.00 berbanding dengan harga biasa RM88.00. So sudah ada satu bulan diskaun dan dalam bulan Mei ini mereka juga beri diskaun iaitu sesiapa yang membawa teman untuk beli satu dapat *free* satu jadi dua (2) orang masuk hanya RM44.00 sahaja, maksudnya harga RM88, sekarang bulan Mei RM44.00.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Musim cuti sekolah kalau rombongan sekolah yang besar, kalau saya bawa 7, 5 orang anak atau murid-murid sekolah .

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Macam bulan ini kalau ada musim cuti pun sama. Bulan Mei ini bukan sahaja bagi orang Mykad sahaja tetapi orang asing juga sama harga *buy one free one*...(dengan izin).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan, saya *just* nak beritahu yang Penanti kita sudah bawa rombongan dua (2) bas budak-budak sekolah agama dan juga anak JKKK dan Bridget Wanita dan memang kita dapat diskaun yang sangat murah ke The Top sebab budak-budak kampung dia tidak pernah tengok dinasaur. Cikgu-cikgu pun ikut ustazah, ustaz juga ikut memang suka sangat, saya pun suka dan JKKK, atok-atok, nenek-nenek semua pun pergi juga dan kita hanya bayar tiket itu kita pergi tengok semua 9 *game* bayar rasanya RM28.00 sahaja untuk anak-anak 12 tahun ke bawah, dan yang lebih 12 tahun ke atas RM45.00. Kita sudah bawa dua (2) bas.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih bantu YB. Batu Lancang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya hendak tahu kenapa keistimewaan ini diberi kepada YB. Penanti sahaja?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Kenapa KOMTAR tidak dapat?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kenapa Seri Delima tidak dapat?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Perkara ini boleh bincang masa minum.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta penjelasan daripada Yang Berhormat, ini masa minum tidak boleh sebut, ini kena sebut waktu di Dewan. YB. Batu Lancang saya hendak cadangkan kalau kita boleh mengajak The Top untuk mengadakan promosi kepada murid-murid sekolah seperti kepada murid-murid sekolah semasa cuti sekolah atau sepanjang tahun selagi mereka tunjukkan kad sekolah mereka, maka mereka dapat sekurang-kurangnya mereka 50% diskaun, maka ibu bapa mereka boleh bawa anak-anak kerana anak-anak boleh dapat 50% *discount or more than that sekurang-kurang ibu bapa sanggup* kerana kita faham selepas kenaikan GST memang ramai penduduk hendak pergi terutama SPS di kawasan luar bandar memang murid-murid, anak-anak mereka tidak pernah melihat atau pun *try*, so inilah salah satu cara kita mempromosikan kerana kita tahu kenaikan GST ini memang teruk kepada semua golongan bukan sahaja di Pulau Pinang, saya ingat di seluruh negara. jadi mungkin kita boleh mempertimbangkan untuk memberikan kad diskaun kepada murid-murid.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, saya boleh sampaikan cadangan daripada Yang Berhormat Jawi kepada The Top untuk diberi diskaun kepada murid-murid sekolah. Untuk penghargaan atau anugerah yang kedua adalah *International Living* menyenaraikan Malaysia iaitu Negeri Pulau Pinang sebagai empat (4) negara dengan penjagaan kesihatan iaitu *medical tourism...* (dengan izin), yang terbaik di dunia untuk tahun 2017. Yang ketiga, Traveler Australia menyenaraikan Gurney Drive sebagai tempat yang ke-13 daripada 25 jalan-jalan terbaik di seluruh dunia untuk dilawati oleh pelancong bagi tahun 2017. Yang keempat, Folks memilih Pulau Pinang, ini majalah Amerika Syarikat ya, sebagai tempat pertama bagi 10 tempat perlancongan bagi pelancongan bajet tahun 2016. Yang Kelima, Lonely Planet memilih Pulau Pinang sebagai tempat pertama bagi destinasi makanan terbaik di dunia untuk tahun 2014. Memang kita banyak mendapat anugerah-anugerah oleh kerana keunikan warisan dan kebudayaan yang sedia ada di negeri kita Pulau Pinang sering menjadi lokasi dan penganjuran acara program dan filem bertaraf antarabangsa dari Hong Kong, China, Taiwan, Hollywood dan Bollywood. Contohnya drama bersiri *Uptown Love* daripada Hong Kong yang telah difilemkan di Negeri Pulau Pinang telah mendapat sambutan yang hangat di Hong Kong dan juga Negara China. Filem *blockbuster* Tamil yang dibintangi pelakon popular Danush, berjudul "Anegan" juga telah difilemkan di beberapa lokasi warisan di George Town dan telah mempromosikan Pulau Pinang di negara India. Drama bersiri BBC berjudul *Indian Summers* dengan bajet bernilai RM50 juta juga telah difilemkan di Bukit Bendera.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, berkuatkuasa pada 1 Jun 2017, nama Fi Kerajaan Tempatan akan ditukar ke Fi Hotel. Fi Hotel ini dikenakan kepada penginap hotel dengan kadar RM3.00 sebilik semalam bagi hotel empat dan lima bintang. Manakala RM2.00 sebilik semalam bagi hotel tiga bintang dan ke bawah termasuk dormitori, hotel bajet, hostel dan sebagainya. Jumlah kutipan dari 2014 sehingga 16 Februari 2017 Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebanyak RM21,425,417.70 sehingga 16 Februari 2017, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Fi Hotel yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri telah meluluskan perbelanjaan sebanyak RM9,981,986.67 dan juga telah diketepikan RM6 juta lagi bagi penerbangan terus atau *chartered flight* di beberapa bandaraya seperti Seoul, Shanghai, Bandung dan Negara Jepun.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri perlu sentiasa berinovasi dan meneroka pasaran baharu pelancongan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri memberikan fokus khas kepada sektor MICE (*Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions*) di Pulau Pinang kerana sektor ini memberikan impak yang lumayan ke atas ekonomi negeri lebih-lebih lagi industri pelancongan. Bagi menarik lebih banyak pelaburan dalam pelancongan MICE, Kerajaan Negeri melalui PCEB telah mengambil peranan sebagai fasilitator kepada sektor swasta serta agensi kerajaan dalam menggalakkan pelancongan MICE. Tambahan pula, Pulau Pinang merupakan satu destinasi MICE yang sesuai kerana beberapa faktor iaitu harga hotel, makanan dan pengangkutan dalaman yang berpatutan dan juga kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti Setia SPICE Convention Centre. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang juga tidak jauh dari SPICE dan George Town.

Inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri ternyata berhasil apabila Pulau Pinang menjadi tuan rumah kepada beberapa acara atau program utama seperti:

- (i) *World Tourism Cities Federation Asia-Pacific Conference* pada 26 hingga 27 Mac 2017 dengan 450 orang delegasi dari Asia Pacific.
- (ii) *24th Regional Congress of the Perinatal Society of Malaysia* di Equatorial Hotel pada 23 hingga 26 Mac 2017 dengan penyertaan sebanyak 500 delegasi dan anggaran impak ekonomi sebanyak RM4.1 juta.
- (iii) *57th Annual General Meeting and Scientific Meeting of the Malaysian Medical Association* di Wembley Hotel pada 18 hingga 21 Mei 2017 dengan penyertaan sebanyak empat ratus (400) delegasi dan anggaran impak ekonomi sebanyak RM3.3 juta.
- (iv) *V Conference Malaysia 2017* di SPICE pada 3 hingga 7 Mei tahun ini dengan penyertaan sebanyak 15,000 delegasi dan anggaran impak ekonomi sebanyak RM150 juta.
- (v) Kumpulan dari Negara China seramai 20,000 ribu orang telah mengadakan sebuah persidangan di SPICE Convention Centre pada 14 dan 15 Mei 2017 juga telah menyumbangkan anggaran impak ekonomi sebanyak RM200 juta kepada negeri kita.

Oleh itu, untuk kumpulan rombongan yang besar, Kerajaan Negeri akan memberikan sokongan dengan mengadakan mesyuarat bersama koordinasi trafik dengan bantuan pihak polis dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti MBPP untuk memastikan kelancaran aliran trafik di kawasan SPICE dan juga Pusat Bandar. Kerajaan Negeri telah bermesyuarat sebanyak dua kali bersama V-Con untuk memastikan keadaan trafik berjalan lancar di kawasan SPICE dan bas-bas tidak diletakkan sesuka hati.

Kerajaan Negeri juga telah mengadakan mesyuarat koordinasi untuk kumpulan dari China yang datang baru-baru ini pada 13 hingga 15 Mei tahun ini di Times Square di mana dua tempat meletak bas telah dikenal pasti iaitu di sekitar Elite House Restaurant yang berdekatan dengan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan juga kawasan lapang tempat letak kereta di luar Queensbay Mall. Selain daripada SPICE Convention Centre, IJM Land sedang membina sebuah lagi *convention centre* dengan kerjasama Sun Tech Singapura dengan kapasiti yang lebih besar iaitu dinamakan Penang Waterfront Convention Centre yang akan dijangka siap pada tahun 2021.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, pelancongan *cruise* di Pulau Pinang mempunyai potensi yang amat tinggi dan telah menunjukkan peningkatan yang positif kerana Pulau Pinang menjadi destinasi yang dipilih orang, syarikat-syarikat pelayaran antarabangsa seperti *Royal Caribbean International*....(dengan izin). Ini kerana Pelabuhan Swettenham yang terletak berdekatan dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO yang penuh dengan kepelbagaian budaya dan warisan. Ini telah memudahkan kunjungan penumpang di Bandaraya George Town serta tempat lain yang terletak di Pulau Pinang. Di samping itu, pelbagai makanan lazat tempatan boleh dibeli dengan harga yang berpatutan dan juga cuaca yang panas sepanjang tahun di Pulau Pinang telah menjadikannya salah satu daya tarikan.

Jumlah pelabuhan kapal *cruise* di Pulau Pinang dari bulan September 2016 sehingga bulan April 2017 ialah sebanyak 88 jumlah kedatangan kapal *cruise* telah dicapai sepanjang tempoh tersebut. Untuk makluman Dewan pada 13 Mac yang lalu terdapat empat buah kapal *cruise* antarabangsa bersaiz besar berlabuh pada hari yang sama iaitu *Diamond Princess* dengan muatan 2,650 penumpang. Yang kedua *Mein Schiff* dengan muatan 1,500 penumpang dan yang ketiga *Superstar Gemini* dengan muatan 2,150 penumpang dan tambahan pula, kapal layar mewah namanya *Star Clipper* dengan muatan lebih kurang 200 penumpang telahpun berlabuh pada tarikh yang sama. Keseluruhannya telah membawa lebih kurang 8,000 orang penumpang beserta kru kapal *cruise* pada 13 Mac 2017.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah mengadakan dua mesyuarat koordinasi trafik dengan pihak Polis dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan keadaan trafik di George Town berjalan lancar dengan menutup Jalan Tun Syed Sheikh Barakbah dan Jalan Padang Kota Lama untuk membolehkan 100 bas-bas persiaran menunggu penumpang di sana. Sebagai maklumat tambahan, beberapa kapal *cruise* yang bersaiz besar juga telah melabuh di Pulau Pinang dari bulan Oktober 2016 hingga April tahun ini seperti *Ovation of the Seas* dengan muatan sebanyak 4,900 orang penumpang telah berlabuh kerap kali pada bulan Mac 2017, *Mariner of the Seas* dengan muatan 3,100 orang penumpang telah berlabuh kerap kali dari bulan Oktober 2016 hingga bulan Februari 2017. Ini bukan sekali sahaja tapi beberapa minggu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Dato' Yang di-Pertua, Selaras dengan Peraturan 6(A)(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya pohon masa persidangan pada hari ini 24 Mei 2017 hari Rabu dilanjutkan sehingga jam 11.45 malam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6(A)(1) tempoh masa Persidangan hari ini 24 Mei Rabu sehingga 11.45 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju, katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, katakan “Tidak”. Setuju, usul dipersetujui. Sila sambung.

Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya sambung Voyager of the Seas dengan muatan 3,100 orang penumpang telah berlabuh kerap kali pada bulan Mei 2017. *Queen Elizabeth* dengan muatan 2,500 orang penumpang telah berlabuh pada 2 April 2017 dan *Queen Mary 2* dengan muatan 2,700 orang penumpang telah berlabuh pada 10 April 2017.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Pulau Pinang sememangnya sebuah bandar pelancongan perubatan pilihan di seluruh dunia dengan pertumbuhan pendapatan setiap tahun. Sektor perubatan di Pulau Pinang menyumbang sebanyak 50 peratus kepada jumlah keseluruhan Negara Malaysia dalam sektor perubatan kesihatan dan merupakan tulang belakang bagi hasil pendapatan Negeri Pulau Pinang. Malaysia dengan bangganya disenaraikan oleh *International Living* khasnya Pulau Pinang sebagai empat negara dengan penjagaan kesihatan yang terbaik di dunia untuk tahun 2017 dan di sini saya ingin mengemukakan (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Saya akan ringkaskan soalan saya. Kita juga mendapat maklum bahawa memang Pulau Pinang menjadi destinasi pelancong perubatan. Banyak hospital di sini yang memberikan perkhidmatan perubatan yang terkini dan moden. Soalan saya, Adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat tentang (dengan izin).... *corporate social responsibility*. Sama ada hospital-hospital ini yang mengaut keuntungan daripada pelancong-pelancong perubatan ini juga memberi perkhidmatan-perkhidmatan perubatan percuma untuk rakyat Pulau Pinang yang tak mampu umpamanya kalau ada yang perlu menjalani pembedahan jantung dengan segera. Adakah apa-apa dengan izin, rundingan ataupun kerjasama dilaksanakan bagi memastikan bahawa hospital-hospital ini selain daripada mengaut keuntungan pada masa yang sama kita ada lebih kurang lima (5) atau enam (6) hospital Island, Gleneagles, Adventist Hospital, Loh Guan Lye melaksanakan tanggungjawab *corporate social responsibility* memberikan perkhidmatan bagi sakit-sakit kritikal kepada rakyat Pulau Pinang yang tak mampu mendapat rawatan bagi penyakit-penyakit kritikal ini. Bolehkah Yang Berhormat memberi maklumbalas tentang perkara ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Saya akan jawab selepas saya bagi maklumat yang lain. Untuk angka-angka pesakit dan juga hasil pendapatan untuk tahun 2016, jumlah pesakit adalah 347,100 berbanding dengan tahun 2015, iaitu hanya 302,430. Ini dengan peningkatan 44,670 hasil pendapatan untuk tahun 2016, adalah RM458, 262, 629 berbanding dengan tahun 2015, adalah RM390, 694, 625 hasil dengan peningkatan sebanyak RM67,568,004. Untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat, Island Hospital telah memperkenalkan projek *Penang Medical City* yang akan menambah lagi 600 katil hospital yang menjadikan hospital swasta pertama yang mempunyai lebih kurang 1,000 katil di negara ini. Di sini saya membuka kebaikan pelancongan perubatan.

Yang pertama, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sektor perubatan kesihatan banyak membawa pesakit-pesakit khususnya daripada Indonesia tadi saya sudah kata tempat pelancongan, tempat orang asing negara asing yang melawat Pulau Pinang adalah Indonesia, di sini sebanyak 90% pelancong daripada Indonesia datang dengan tujuan untuk merawat penyakit di hospital. Pada masa yang sama, mereka akan menginap di hotel-hotel di Pulau Pinang. Hal ini secara langsung akan menguntungkan hotel-hotel di Pulau Pinang dan akhirnya meningkatkan ekonomi negeri kita.

Yang kedua, selalunya pelancong perubatan bukannya datang berseorangan ke Pulau Pinang tetapi dengan rombongan yang besar semasa mereka datang disini, mereka akan turut melawat ke pusat membeli belah serta mengunjungi tempat-tempat peranginan dan juga akan mengambil peluang untuk menikmati makanan tempatan di tepi jalan atau di restoran-restoran ini.

Yang ketiga, jika kita melihat dari sektor pelancong pekerjaan, pelancongan perubatan mewujudkan lebih peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan serta mengekalkan doktor-doktor dan pakar perubatan supaya dapat kerja di Pulau Pinang dan bukannya ke luar negara lain seperti di Singapura atau negara lain yang maju dalam bidang perubatan.

Yang keempat, hal ini akan secara langsung menyumbang kepada industri sampingan seperti multinasional, B Braun dan lain untuk membekalkan barang-barang kegunaan perubatan yang diperlukan oleh hospital-hospital.

Yang kelima, hospital-hospital di Pulau Pinang telah menyelamatkan banyak nyawa masyarakat tempatan dan bukan hanya fokus kepada pelancong perubatan sahaja.

Yang keenam, sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang memberi sumbangan yang besar dari segi hasil cukai kepada Kerajaan Pusat juga....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya nak jelaskan keuntungan dari pelancongan ini, siapa dapat? Nombor dua, lagi satu berkenaan dengan pakej yang dibeli dengan agen yang bawa pesakit ke sini. Apabila orang datang dari pesakit datang dari Medan dia beli pakej untuk rawat. Itu pakej berkenaan dengan tempat yang duduk. Nombor tiga, yang duduk bukan duduk di hotel, dia duduk di rumah sewa yang diterangkan Ahli Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta maaf, saya minta maaf kepada YB. Batu Uban. Mungkin Speaker nampak saya sebab duduk di depan. Saya tanya soalan berkenaan *corporate social responsibility* kerana saya berterima kasih kepada Yang Berhormat daripada Batu Lintang, ia adalah tidak adil, *just not fair* kalau penduduk-penduduk di Pulau Pinang pergi jikalau terdapat sesuatu kecemasan kat Hospital Besar Pulau Pinang, dan di wad kecemasan kita lihat ramai yang tunggu untuk mendapat rawatan dan pada masa yang sama, orang-orang yang datang daripada Indonesia, Singapura dan tempat-tempat lain datang ke hospital-hospital pakar dan mendapat rawatan.

Saya nak tanya soalan ini kerana kita perlu memastikan bahawa hospital -hospital ini ia mempunyai alat-alat yang canggih dan pakar-pakar pada masa yang sama, sekurang-kurangnya dipastikan bahawa tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya tiap-tiap hospital diwajibkan untuk memberi perkhidmatan percuma umpamanya *heart bypass* untuk 10 orang, *kidney patient* 10 orang. Dan Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah-langkah, perlu membuat rundingan dengan EXCO Kesihatan untuk memastikan bahawa mereka bukan sahaja mengaut keuntungan, tetapi pada masa yang sama memberi perkhidmatan kritikal kepada rakyat Pulau Pinang. *Corporate social responsibility. It's just not fair...* (dengan izin) *that Penangites had to get a secondary medical treatment but those who are coming from Indonesia are given the best.*

So, Yang Berhormat mungkin selain daripada memberikan rumusan secara am, memang kita tahu ada ramai yang boleh dan mampu bayar tetapi ramai yang tidak mampu untuk mendapatkan umpamanya kalau kita nak pergi mendapatkan *stem implant* kalau ada apa-apa masalah dengan jantung. Sekurang-kurangnya RM15,000, RM 20,000 di hospital Lam Wah Ee. So, ramai yang tak mampu bayar. So, bolehkah hospital-hospital ini, Island Hospital, Loh Guan Lye, Adventist memastikan bahawa di mana kriteria itu adalah seseorang umpamanya beliau adalah bekerja sebagai seorang pemandu teksi, isteri merupakan suri rumah, penduduk di Pulau Pinang dan perlu menjalani pembedahan. Pembedahan percuma dijalankan sebagai *part of their corporate social responsibility....*(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Saya rasa masih ingat lagi kalau 20 tahun atau 30 tahun dahulu, kalau orang Pulau Pinang sakit jantung atau sakit kanser kita tidak ada cara lain tetapi kena pergi ke Kuala Lumpur atau Singapore. So, kebanyakan pilih Singapore kerana kemahiran mereka dan *equipment* mereka tapi sekarang dalam kebelakangan ini saya rasa di Hospital Pulau Pinang boleh merawat banyak penyakit-penyakit rumit seperti kanser, jantung, kaki patah, kaki ini semua boleh. Kalau kita tak mahu jadi negeri seperti negeri Kedah. Tak ada hospital antarabangsa. Saya rasa mereka pun perlu datang ke Pulau Pinang. Itu kebbaikannya. Tetapi saya pun tahu ada beberapa hospital yang ada CSR seperti Adventist, GMC dan Lam Wah Ee memang Lam Wah Ee adalah hospital yang tidak menguntungkan apa-apa.

Semua apa yang untuk akan dikembalikan kepada hospital juga. Ini bukan *profit oriented...* (dengan izin) dan mungkin cadangan YB. Pulau Tikus mungkin baik. Kita boleh macam ada satu bukan undang-undang tetapi atau nasihat kerana kita tidak ada kuasa untuk melesenkan mereka. Tidak sama dengan hotel di mana kita ada lesen untuk kutip *hotel fee*. Kita ada kuasa. Tap untuk hospital lain. Mungkin kita boleh bermesyuarat dengan mereka macam mana mereka boleh buat CSR seperti hospital tetapi macam Adventist mereka memang ada buat, tetapi kita tak tahu berapa orang macam YB. Seri Delima kata 10 sakit jantung dalam satu tahun, itu kita tak ada. Mungkin kita ada dalam mesyuarat kita

ada cadangan dari *Board of Director Penang Tourism* di mana ada cadangan satu katil caj beberapa ringgit tetapi sekarang kita tengah bincang sahaja, belum ada usaha untuk laksanakan kerana mungkin ada sebab-sebab lainlah. Kalau nak tahu sebab-sebab, kita minum kopi baru cakup. YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih. Saya ingin memberi persamaan dengan industri pembuatan. Dahulu industri pembuatan dibawa masuk kepada Pulau Pinang sebagai satu strategi ekonomi dalam masa itu, pelbagai insentif diberi. Namun demikian, selepas industri pembuatan telah pun membangun, kita pun mengenalpasti bahawa kita nak naik *value chain*, jenis *assembly* sudah tidak relevan bagi kita. Sebenarnya industri pelancongan perubatan ini pun sama seperti industri pembuatan. Ada evolusi dia. Pada suatu masa ketika, peningkatan teknologi perubatan mungkin *stagnant*. Jadi, dengan membawa masuk pelancong perubatan, kita telah membantu mempertingkatkan teknologi perubatan kita.

Namun sama seperti pembuatan, selepas kita meningkatkan teknologi kita, tentu akan sampai satu tahap kita perlu tanya balik. Okey, dah ada manfaat pada satu ketika, *what is the situation now?* Apakah situasi sekarang? Industri pembuatan sebab mereka adalah perniagaan-perniagaan yang tertakluk kepada undang-undang di negara mereka dan undang-undang negara mereka memerlukan mereka membuat CSR, memerlukan mereka menyumbang balik kepada negara. Jadi, industri pembuatan, syarikat MNC mereka ada wujudkan membantu negara kita wujudkan *shared services*. Mereka ada membantu negara kita buat latihan-latihan apatah pula dengan pelancongan perubatan? Mengapa kita tidak boleh membuat persamaan demikian? Industri pembuatan ada buat *shared services*. Ada buat latihan. Ada pelbagai sumbangan untuk masyarakat tempatan. Industri pelancong perubatan juga harus diwajibkan berbuat demikian. *The parallel that you can make between the two*. Jadi untuk bertanya kembali kepada YB. Batu Lintang, tahukah anda bahawa mengikut kajian negara-negara destinasi pelancong perubatan yang lain, mereka kata ahli keluarga ataupun sesiapa yang datang bersama pesakit biasanya mereka risau tentang pesakit itu. Matlamat penting mereka adalah kesihatan pesakit itu. Mereka tidak datang dengan minda ber*holiday*. Jadi perbelanjaan mereka dari segi pergi ke *The Habitat* ke, pergi *The Top* ke, sebenarnya tak begitu banyak, mereka tinggal dan makan di persekitaran hospital tersebut sahaja.

Namun, hakikatnya di sini, saya kena cakap kerana tempat saya lokasi Adventist Hospital, Island Hospital, Gleneagles Hospital dan juga Loh Guan Lye Hospital yang berdekatan. Hakikatnya, mereka bukan tinggal di hospital. Banyak sangat yang tidak tinggal di hotel ataupun yang sepatutnya. Mereka tinggal di kondominium ataupun rumah-rumah yang tak patut didiami oleh pesakit, tak patut dijalankan bisnes dan membawa masalah. Jadi, apa yang saya perlukan Yang Berhormat, apa yang saya perlukan adalah bahawa kita tidak hanya mewar-warkan tentang kebaikan pelancongan perubatan. Kita juga perlu dengan menitikberatkan yang sepatutnya mengiktirafkan bahawa masalah juga. Masalah peningkatan kos perubatan itu, kita tidak boleh menafikan. *Penang cannot run away from what is happening in other countries as well*. Kita tidak boleh menafikan. Jadi, pertanyaan persoalan dia *is* apa yang kita boleh buat untuk menyeimbangkan impak-impak negatif dan positif itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta laluan, berkenaan tajuk yang sama...(gangguan). Saya ingin memperkukuhkan apa yang disebut oleh YB. Pulau Tikus ya, Dalam kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Y.A.B Ketua Menteri apabila membuat pengumuman tentang pemberian pajakan tanah di Peel Avenue telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah memberi status yang sama kepada Islands Hospital seperti MNC kerana membawa pelabur asing dan sebagainya. Jadi saya ingin mengukuhkan dan menyokong cadangan oleh YB. Pulau Tikus. Kesannya sekarang ada kesan negatif kepada penduduk tempatan dengan kemasukan pesakit-pesakit luar yang diberi keutamaan kerana dia orang bayar, bila kita masuk nak pergi ke hospital-hospital swasta ini kita pun kadang kena tunggu sampai malam nak dapat katil, ini hakikatnya ini menunjukkan bahawa keperluan untuk penduduk tempatan *is being sideline* diketepikan dan kita kena bersaing pula dengan orang luar untuk mendapatkan tempat di hospital-hospital. Oleh sebab itu, saya sokong sangat kalau dikenakan syarat ya kepada Islands Hospital ka, mana-mana hospital yang ada di Pulau Pinang supaya memberi keutamaan kepada pesakit tempatan dan juga isu kenaikan kos rawatan ya, oleh sebab *demand*, permintaan yang begitu tinggi ini letaklah harga apa pun pesakit kena bayar. Ini membebankan penduduk Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Telok Ayer Tawar sokong Seri Delima la sekali. Okey terima kasih....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Benda baik kita sokong la....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mohon laluan YB. Batu Lancang saya ingat saya nak bantu sedikit sahabat saya dalam isu *medical tourism* ini pertama kita kena faham kos ini memang meningkat bukan hanya berlakunya pelancong perubatan kos ini meningkat banyak faktor GST apa semualah....(gangguan). Contoh saya bagitahu sabar-sabar..tak betul ka saya cakap? Benda betul professional saya cakap benda betul *is not because foreigner coming only* isu contoh di Lam Wah Ee, Lam Wah Ee merupakan salah satu hospital yang cukup popular dan dikecualikan bayar cukai kerana dikira sebagai hospital kebajikan dan mendapat tarikan yang begitu besar bukan saja kepada *local* tetapi juga pada *foreigner* isu katil penuh ni bukan hanya hospital swasta hospital kerajaan lebih lama hadapi....(gangguan). Sat-sat saya nak cerita, kita tak boleh nak *blame foreigner* sahaja *how about* GH, GH pun banyak *foreigner* masuk, *foreigner* satu mereka yang diberi IC biru datang dapat hak warganegara untuk ke hospital ini. Kita tahu saya waktu saya bekerja saya pernah tanya datang memang orang Indonesia tunjuk kat saya IC biru saya tanya berapa lama tinggal sini baru lima (5) tahun dapat IC dapat hak duduk di Hospital Kerajaan.

Ini saya nak sebut realiti di *Penang*, kita *Penang* kita kena faham industri ini berkembang daripada awal bukan hanya usaha Kerajaan Negeri bahkan dari usaha hospital-hospital ini sendiri. Mereka sendiri yang mengembangkan industri ini sehinggakan kita sekarang menjadi penyumbang kepada 60% daripada jumlah ekonomi yang kita kutip daripada *medical tourism* di Malaysia. 60% *come from Penang* sebab dia kenapa di Indonesia kalau orang nak dapat pemeriksaan jantung ka, nak buat apa ka dia suruh ke Jakarta dan kosnya jauh lebih tinggi dua tiga kali lipat berbanding di Pulau Pinang. Yang kita kata mahal di Pulau Pinang itu disana dua tiga kali lipat harganya, sebab itu mereka datang ke Pulau Pinang. Kedua, kerana *standard doctors* kita *are well trained* doktor kita *trained locally and overseas* banyak *specialist* kita di hospital-hospital kita ini keluar ke *private* dan membawa reputasi yang cukup baik.

Sejak itu mereka datang sejauh dari Ambun datang ke Pulau Pinang untuk mendapatkan rawatan. Saya faham *concern* yang dibangkitkan oleh YB. Seri Delima perlu ada program CSR, mereka ada buat YB. Seri Delima ada buat bahkan hari Sabtu ini saya akan pergi ke Loh Guan Lye untuk merasmikan Sambutan Pesakit Ke 100 menerima *cochlear implant* untuk tanam dalam telinga untuk bagi dengar, *cochlear implant* ni satu unit RM80,000 yang mana mereka sudah *operate* 100 orang pesakit di Loh Guan Lye hari Sabtu ini dan sebahagian dari itu adalah dari CSR hospital dan juga hasil sumbangan daripada masyarakat di sekitar....(gangguan). Sekejap Yang Berhormat bukan *floor* saya pun *floor* YB. Batu Lancang. Jadi Lam Wah Ee juga ada keluarkan borang untuk sesiapa pesakit-pesakit tempatan untuk dapatkan tetapi untuk kita katakan bahawa saya *agree* untuk *certain* peringkat bahawa industri ini sedang berkembang dan memang kita lihat ada perkembangan yang baru industri ini yang mana lebih banyak *need market* sekarang ini sudah ada di Pulau Pinang orang dah mula kenal pasti, *if you want to get the best medicine* untuk jantung pergi hospital *ini the best operation* lain pergi ke hospital ini depa dah boleh pilih nak pergi untuk *cancer* pergi hospital sekian-sekian dan semua hospital ini ada CSR program mereka. Tetapi untuk *state* jadikan satu *regulation* saya ingat itu agak sukar untuk kita lakukan itu dan kita tak boleh nafikan *the multiply effect* itu bila mereka datang ke sini kepada ekonomi setempat itu ada. Saya faham *concern* yang dibangkitkan bukan hanya *concern* tentang duduk di rumah itu, itu *something* yang kita kena *come out with policy either somebody* sebab itu sekarang ini *if look the market* sebab itu orang sanggup *service apartment* di sini, banyak juga yang boleh *involve* beli dua tiga unit rumah *just for them to rent out* untuk usaha-usaha seperti ini makna pesakit datang, keluarga datang duduk di situ. *This is market for served*.

Kita tak boleh *regulate the market* sampai ke tahap semua benda kita nak *detail* yang *state government* boleh bantu adalah untuk pastikan CSR program tadi itu saya ingat banyak yang kita dah cuba lakukan bersama dengan hospital swasta tetapi saya nampak *potencial* atau *benefit* mempunyai *medical tourism* ini jauh lebih besar berbanding dengan masalah yang kita hadapi dan juga satunya ia memberi ruang pekerjaan yang besar kepada rakyat kita, terima kasih....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat sikit lagi, kurang dari lima (5) minit, dua (2) minit. Saya ingin memberi contoh yang cerita sebenar kisah sebenar untuk memberi gambaran realiti pada tahun 2013, emak saya sakit masuk hospital. Waktu malam, saya pergi melawat di hospital. Semasa saya melalui kaunter *registration* seorang laki dia cam saya bahawa saya ADUN Pulau Tikus. Dia datang kepada saya seolah-olah menangis. Situasi yang dia hadapi, isteri dia dalam keadaan kecemasan, dia bawa ke Island Hospital

tetapi pada masa itu katil-til Island Hospital kesemuanya sudah penuh, tinggal katil premium sahaja. Dia ingat bahawa Island Hospital masih ada wad 4 bilik 6 bilik. Pada masa itu baru saya mendapat tahu bahawa kebanyakan hospital swasta kita sekarang sudah tidak ada wad 4 bilik 6 bilik. Semua sudah dikeluarkan diubahsuai...(gangguan). Sorry wad 4 katil dan 6 katil. Maaf semua wad 4 katil dan 6 katil sudah pun dikeluarkan diubahsuai menjadi wad premium. Banyak hospital swasta sekarang mereka bukan sahaja ada bilik 2 katil dan 1 katil, tapi ada bilik 2 katil dan satu lagi kategori lagi ada 2 katil premium, 1 katil premium. Katil premium pun ada beberapa kategori lagi. Jadi masalah tambahan yang dihadapi oleh lelaki yang nak menangis hampir menangis itu, caj hospital memberi caj yang berbeza jika anda guna 2 katil caj berbeza, 1 katil caj berbeza yang tinggal adalah bilik premium sahaja. Caj kesemua perubatan kesemua peralatan bagi katil premium itu adalah berbeza. Jadi dia tak mampu tetapi isteri dia dalam kecemasan dia tak ada *option* untuk dia. Yang saya memberi kisah sebenar ini adalah nak mohon keprihatinan pihak EXCO untuk mengetahui bahawa hakikatnya hospital swasta kita ada polisi-polisi seperti keluaran wad bilik 4 katil 6 katil caj bilik premium yang berbeza ini dan situasi kecemasan rakyat kita tidak dapat menyelamatkan isteri dia. Ini adalah hakikat. Saya rasa kerap dihadapi jadi dipohon kita mengenali apakah yang sedang dihadapi oleh rakyat kita apabila memerlukan apabila tidak mampu pergi ke hospital swasta dan cubalah kita membuat sesuatu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Lagi satu...gangguan tadi ini penting....(gangguan)

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tadi sudah 5, 6 orang memberi minta penjelasan....(gangguan). Itu ahli EXCO perlu jawab *is out of hand*...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Next time Speaker.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Saya sini nak bagi maklumat kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk pelancong-pelancong atau pesakit-pesakit dari Indonesia memang ada yang datang khasnya untuk merawat kerana di Indonesia mereka rasanya jauh satu dan kosnya dan juga kepercayaan kepada doktor di Indonesia, ada segelintir mereka datang sedikit sakit sahaja, atau mula sakit mereka juga datang sini untuk *check out*.... (dengan izin), bukan rawat bukan *operation or anything but check out and* sambil sekeluarga atau rombongan datang untuk melawat Pulau Pinang. Ini jadi memang kisah yang benar bukan semua yang datang jadi...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Berapa lama lagi?

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Jadi dengan segala usaha-usaha yang dilakukan dan dilaksanakan serta kejayaan yang lebih dicapai saya yakin Pulau Pinang akan kekal sebagai destinasi pelancongan bukan sahaja perubatan tetapi pelbagai utamanya di rantau ini dengan itu, saya mohon menyokong....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Dia tak jawab soalan saya...(gangguan). Dia tak jawab soalan saya. Saya berpendapat bahawa memang banyak tempat pelancongan tetapi kebanyakan tumpuan-tumpuan di Pulau Pinang so saya berpendapat bahawa kalau Kerajaan Negeri atau EXCO Pelancongan mahu pun Penang Global Tourism kita kena berubah untuk mempromosikan di setiap KADUN. Di setiap KADUN kita boleh cari satu dua destinasi pelancongan atau pun makanan-makanan yang enak dan lazat seperti di Sungai Dua ada mee udang, so kita cuba promosikan. Kalau setiap KADUN kita ada 40 KADUN, setiap KADUN kita ada banyak pelancongan maka ia amat membantu untuk mempromosikan *business* rakyat tempatan.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Sebenarnya YB. Jawi telah bangkitkan untuk pelancongan di kawasan Jawi dan saya cuma contohnya saya pun dalam dua (2) tahun yang lalu telah membawa ini Pesta Durian dari Balik Pulau ke Jawi dan sekarang Pesta Durian di Jawi telah masuk. So saya tak akan tak perlu bantu dengan banyakkah tetapi saya pun cadang kawasan Jawi bukan sahaja kawasan durian tetapi juga perikanan. Saya pun ada cadang untuk kawasan Jawi mungkin kita boleh tubuhkan satu Muzium Marin atau *Marine*

Gallery di mana kita boleh paparkan usahanya dari nelayan atau ikan-ikan yang berlainan kerana di Pulau tidak mungkin tidak ini satu cadangan yang boleh diterokai, dicapai mungkin boleh dicadanglah so ini kita akan tinjau di masa hadapan satu produk satu kawasan memang kita ada, *home stay* mana-mana yang lain pun ada. Saya cubalah yang sedaya upaya kalau saya hendak sebutkan lagi banyak produk-produk di Seberang Jaya, banyak. Saya rasa Y.A.B. Ketua Menteri pun tahulah, kalau hendak sebut IKEA. Design Village, Eco-World banyaklah. Saya percaya lima (5) tahun yang akan datang Seberang Perai akan sama taraf dengan Pulau dari segi pelancongan, dari segi penubuhan dalam ekonomi, dengan itu saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Batu Lancang. Silakan YB. Bagan Jermal, sekali lagi apa yang telah pun dijawab itu tidak perlu berulang-ulang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan kesyukuran kerana masih berpeluang untuk menyampaikan Ucapan Penggulangan di Dewan yang mulia ini bagi Jawatankuasa MMK Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan. Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Dewan Undangan Negeri kali ini khususnya berkaitan dengan isu-isu portfolio Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan untuk dibawa ke perhatian Kerajaan Negeri.

Sukacita ingin memaklumkan bahawa, pada masa ini Kerajaan Negeri sedang giat meneruskan pelaksanaan 14 projek pembinaan dan projek menaik tarafkan jalan yang telah diperincikan dalam Bajet 2017 dengan peruntukan pembangunan berjumlah RM12.76 juta di mana 11 daripadanya berada di peringkat reka bentuk dan tiga (3) projek lagi kini di peringkat pelaksanaan.

Dalam usaha mencapai status negeri bertaraf antarabangsa, kerajaan negeri senantiasanya memastikan pembangunan infrastruktur yang mapan di negeri ini. Sehubungan itu, setiap projek-projek infrastruktur dirangka dengan teliti berdasarkan kepada keperluan semasa dan peruntukan yang sedia ada. Kerajaan negeri juga akan meneruskan pelaksanaan projek-projek infrastruktur mega yang telah dirancang kerana ianya telah dikaji mampu untuk menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas dan penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam.

YB. Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh YB. Permatang Berangan mengenai kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan di Seberang Jaya khasnya. Saya pun duduk di Seberang Jaya, YB. Dato' Yang di-Pertua setiap hari saya mengambil dan mengalami kesulitan ini juga dan saya juga boleh menerangkan di sini Lebuhraya Utara Selatan di Seberang Jaya dibahagikan kepada dua bahagian, satu ditengah-tengah itu adalah PLUS, *North South Highway*. Tetapi disusur kiri kanannya adalah jalan negeri dan setiap pagi dan juga petang iaitu *peak hours* semua kenderaan-kenderaan atau pengguna-pengguna jalan perlu membazirkan masa mereka untuk menuju ke tempat kerja atau balik ke rumah mereka. Dan beberapa tahun ini menerusi Ahli Parlimen parti kita, saya telah memanggil mereka atau berpesan kepada mereka supaya membangkitkan perkara ini di Parlimen kerana ini adalah di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan ini diluar bidang kuasa kerajaan negeri. Tetapi sehingga sekarang belum ada apa-apa keputusan, tetapi di bahagian Kerajaan Negeri baru-baru ini sahaja Kerajaan Negeri melalui JKR telah melawat satu projek untuk melebarkan jalan di susur iaitu daripada Masjid Seberang Jaya menuju ke bulatan itu kita sedang membina satu lagi lorong untuk menampung keperluan dan kerja-kerja telah mula dan dijangka siap bulan Ogos tahun ini.

Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia juga sedang menjalankan kajian kemungkinan ini berkenaan dengan LLM menjalankan kemungkinan bagi cadangan pembinaan lebuhraya baru di kawasan utara. Tetapi sebelum sebarang cadangan dibina atau diputuskan maka satu kajian perlu dijalankan. Dalam pada itu, beberapa inisiatif juga telah dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS) untuk mengatasi kesesakan lalu lintas iaitu menyurui trafik di kawasan Sungai Dua hingga ke Juru seperti berikut:

Membina *uni-directional ramp* yang menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan dengan Jalan Perusahaan. Ini adalah di kawasan perusahaan Perai dimana mereka membina satu *uni directional ramp* untuk pergi ke kawasan industri Prai;

Kedua menanda semula garisan jalan *lane channelization* di laluan berikut iaitu daripada persimpangan Jabatan Pulau Pinang hingga ke jalan susur ke Seberang Jaya di kilometer 137 arah utara di persimpangan Perai itu dia ada tiga pertembungan satu keluar dari Perai industri *area*, satu dari jambatan dan satu daripada Juru tol jadi tiga arah kenderaan, *three direction traffic* bertembong di tempat itu. Jadi tempat menjadi *photo net* dan demi mengatasi masalah ini maka di *channel live, lane-lane* tertentu itu supaya mereka mengikut lorong-lorong sepatutnya, mereka perlu ada iaitu nombor satu. Yang kedua di kawasan rehat dan rawat Juru hingga ke plaza tol Juru ini juga mereka membuat pengasingan *lane* yang berkenaan. Itu sahaja yang boleh dibuat pada masa sekarang di sekitar Seberang Jaya

YB. Dato' Yang di-Pertua, beralih kepada cadangan yang dibangkitkan oleh YB. Machang Bubuk yang menggesa pembinaan jalan di Alma dilaksanakan segera memandangkan banyak kemalangan berlaku di jalan tersebut. Untuk makluman YB. Machang Bubuk, pihak Jabatan Kerja Raya telah pun menyiapkan reka bentuk *Road Over Bridge (ROB) Alma* dan kini menunggu kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk meneruskan pelaksanaan pembinaan ROB ini yang turut mengambil kira kos pengambilan balik tanah yang tinggi, sebenarnya tiga (3) tahun dahulu saya pun telah turun ke tempat itu bersama-sama ADUN berkenaan dan wakil-wakil dari berbagai agensi dan selepas itu juru perunding telah dilantik dan telah menyiapkan reka bentuk tersebut tetapi kos projek ini berpuluh-puluh million. Saya selalu berkata kalau hendak bina jalan, hendak bina jambatan kosnya tidak begitu mahal, tetapi harga tanah yang mahal sekali, satu kaki persegi tanah tentu mencecah RM60, RM70 mungkin RM100 dan itu yang susah. Jadi demi untuk menjalankan projek ini dia akan memerlukan satu jumlah yang berpuluh-puluh juta, jadi buat masa sekarang kita tangguhkan perkara ini kerana kekurangan peruntukan untuk ROB di Alma ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan, terima kasih YB. Bagan Jermal, dalam perbahasan saya, sebenarnya saya membangkitkan tentang cadangan pembinaan pembahagi jalan dari ROB Alma ke persimpangan Kota Permai, sehingga kini belum ada lagi perkembangan yang terkini. So, yang tentang ROB di Jalan Rozhan itu memang saya ambil maklum, Kerajaan Negeri sudah memberi jawapan pada Sidang Dun yang lepas, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang menaik taraf jalan Bukit Minyak, Alma yang menelan belanja lebih kurang RM23 juta dan kerja-kerja sedang giat dijalankan, kami menaik taraf jalan ini daripada dua (2) lorong hingga ke empat (4) lorong, sekiranya jika ada lebih peruntukan, saya akan mencadangkan kepada JKR supaya pembinaan di tengah-tengah jalan itu daripada Kota Permai hingga ke jambatan yang dibina oleh GAMUDA itu, saya faham perkara ini kerana diperingkat itu memang jalan sudah sedia ada, memang jalan yang sedia ada adalah empat lorong tetapi ditengah-tengah tidak ada pembahagian, itulah masalahnya dan saya akan meminta JKR untuk mengkaji perkara ini, sekiranya ada baki peruntukan daripada projek dari Bukit Minyak, Alma, maka kita akan melaksanakannya dengan secepat mungkin.

YB. Jawi menanyakan adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membuka satu jalan yang menghubungkan Changkat agar dapat meningkatkan kegiatan ekonomi di Kawasan Changkat sekiranya projek Industri Kecil Sederhana (IKS) dilaksanakan kelak. YB. Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri melalui Penang Development Corporation (PDC) memang ada merancang untuk menghubungkan Jalan Bandar Cassia, Batu Kawan menghala ke Changkat kerana ia merupakan laluan alternatif bagi mengurangkan kesesakan aliran trafik keluar masuk dari Bandar Cassia. Namun begitu, pelaksanaannya adalah bergantung kepada penyelesaian pengambilan balik tanah yang dirancang di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri juga melalui pihak Jabatan Kerja Raya akan membuat perancangan untuk menaik taraf jalan tersebut sekiranya projek IKS dilaksanakan kelak. Pada masa ini, Jalan Changkat baru sahaja dikemukakan oleh JKR.

YB. Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada YB. Paya Terubong mengenai pemasangan penghadang Jalan Paya Terubong bagi menyekat kenderaan berat daripada menggunakan laluan tersebut. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Jalan Paya Terubong ini adalah jalan *federal*. Kerajaan Negeri sedang menjalankan pembinaan jalan berkembar Jalan Paya Terubong atau lebih dikenali sebagai Jalan Kukus dan ini dijangka siap pada Januari 2019. Dengan adanya jalan berkembar Paya Terubong ini satu jalan alternatif dapat disediakan kepada pengguna jalan yang menggunakan Jalan Paya Terubong yang bercerun dan berselekoh di antara Relau dan Paya Terubong ke Balik Pulau. Kerajaan Negeri berterima kasih atas keperihatinan dan cadangan YB. Paya Terubong berkenaan tindakan untuk menghalang kenderaan berat daripada menggunakan bahagian Jalan Paya

Terubong daripada melalui jalan bukit dari Relau ke Balik Pulau. Saya merasa cadangan ini agak sukar dilaksanakan sebelum jalan berkembar atau dikenali sebagai Jalan Kukus siap dibina.

YB. Sungai Dua membangkitkan isu kesesakan jalan raya di kawasan Sungai Dua. Beberapa perancangan dan cadangan jalan susur atau pintasan oleh JKR telah dikemukakan dan telah dipohon di dalam RMKe-11. Antara jalan susur tersebut ialah Jalan Susur dari Kampung Teluk ke Jalan Nyior Sebatang. Dalam masa yang sama melalui MPSP, JKR beberapa cadangan pengurusan lalulintas telahpun dikemukakan dan antaranya adalah menjadikan jalan sehalu di jalan-jalan keliling pasar bandar Sungai Dua itu, di depan Balai Polis, tidak boleh masuk, pusing ke rumah kedai baru itu, masuk dan keluar daripada jalan di pasar yang sedia ada ini. Kita telah melawat ke tapak itu dan kita telah mencadangkan supaya ia dibawa ke Jawatankuasa Lalulintas MPSP untuk dipertimbangkan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, YB. Penanti menanyakan soalan kenapa kemudahan infrastruktur lampu-lampu jalan di Kampung Terus tidak dapat dibuat? Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan terhadap perkara ini di mana satu lawatan tapak telah diadakan baru-baru ini pada 17 Mei 2017 bersama YB. Penanti sendiri, pihak MPSP dan pihak TNB. Hasil daripada lawatan tapak tersebut, lokasi pemasangan lampu telah dikenalpasti dan kini pihak TNB dalam proses menyediakan anggaran kos pemasangan lampu tersebut.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingat beritahu di sini bahawa selalunya proses permohonan lampu jalan adalah ADUN mengemukakan permohonan, MPSP meluluskan permohonan ini dan terus hantar kepada TNB untuk ditafsir kos pemasangan lampu ini. Dan selepas TNB memberi satu jumlah fee pemasangan atau perbelanjaan pemasangan maka dikembalikan balik kepada MPSP, MPSP akan beri balik kepada pemohon untuk pemohon membayar. Jadi Yang Berhormat sila sediakan peruntukan yang cukup demi untuk memasang lampu jalan ini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya sebenarnya memang saya tahu proses ini tetapi apa yang saya melalui sebenarnya kadang-kadang dia makan masa enam (6) hingga lapan (8) bulan ada kala macam di Taman Guar Perahu, futsal satu tahun. Yang saya pun membuat lawatan bersama TKM I dan juga TNB. Dia beritahu dia hanya ada seorang sahaja pegawai dan baru-baru ini pun kita hendak tahu kenapa, *so actually* dia punya *office work* tetapi disebabkan oleh YB. Batu Lancang, EXCO Pelancongan telah memutuskan untuk mengadakan *Penanti River Run* pada 23 Julai, saya kalau ikut proses biasa memang tidak sempat, jadi sebab itu saya mohon kepada EXCO dan juga kepada YDP MPSP mohon supaya disegerakan. Dan saya akan bayar.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Saya minta pegawai MPSP yang berada di dalam Dewan ini mengambil perhatian untuk mempercepatkan proses permohonan lampu jalan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Penanti.

YB. Dato' Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penanti juga iaitu adakah analisa risiko dua sungai buatan *China Water* dibuat setelah kemasukan air yang menyebabkan banjir di Kampung Mengkuang Titi pada 24 Mac tahun ini dan 1 Mei tahun ini? Sebagai makluman Yang Berhormat, terdapat analisa risiko ke atas pelebaran sungai terlibat, yang mana bukanlah sungai buatan, tetapi pelebaran sungai asal. Mengikut analisa yang telah dibuat oleh pihak kontraktor yang menjalankan kerja-kerja menaiktaraf Empangan Mengkuang, iaitu Syarikat *China Water*, kerja-kerja pelebaran sungai asal dari satu (1) meter lebar kepada tiga (3) meter lebar dapat menampung air hujan dan bukannya untuk menampung limpahan air dari Empangan Mengkuang. Perluasan seksyen tersebut boleh membantu air berada dalam saluran sewaktu hujan lebat iaitu dia akan mereka satu *retention pond* iaitu membesarkan sungai ini supaya air lebihan dari hujan itu tidak terus mengalir ke Mengkuang Titi ini. Sebenarnya ini akan meredakan banjir dan bukan menyebabkan banjir. Kalau tidak dilebarkan mungkin banjir di Mengkuang Titi akan lebih serius lagi, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya mohon tanya sebab sebelum itu, sebelum yang ada sungai kecil yang asal lebar satu meter itu, banyak kali hujan, Mengkuang Titi sudah tidak banjir lagi. Setelah banyak projek yang telah kita lakukan untuk menaiktaraf parit-parit kampung dalaman dan perdalamkan sungai, letak *gabion*, macam-macam sudah lama tidak banjir. Itu yang hairan, apabila sungai itu dibesarkan jadi tiga (3) meter, tiba-tiba hujan satu dua jam banjir yang sampai masuk 17 rumah. Itu yang saya dan penduduk juga khuatir sebab ada sungai, sepatutnya jadi macam *retention pond* tetapi sungai kalau *retention pond* dia adalah seperti kolam. Dia tidak boleh mengalir ke mana-mana. Tetapi ini adalah sungai yang pergi ke Sungai

Mengkuang. Jadi dulu sungai itu kecil dan kita ada *natural* tanah bila hujan, hujan masuk dalam tanah tetapi apabila sungai itu dilebarkan tiga kali ganda, maknanya *volume* air sudah banyak dan dia menuju ke Sungai Mengkuang di mana Mengkuang Titi dan Kampung Mengkuang berada, itu yang merisaukan. Kalau memang ada betul-betul *retention pond* dia tidak boleh mengalir ke Sungai Mengkuang. Itu persoalannya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Kerja-kerja melebarkan sungai ini adalah dapat persetujuan daripada JPS juga. Bermakna JPS telah mengkaji risiko berkenaan dengan projek berkenaan. Mungkin banjir kilat kepada 17 buah rumah itu ada sebab-sebab yang lain dan mungkin pegawai JPS dan MPSP boleh membuat satu analisa berlainan untuk mencari punca banjir ini dan seterusnya mengambil tindakan untuk mengatasinya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya hendak tanya lagi satu berkenaan dengan kontrak *China Water* sebab kontrak *China Water* seakan *di-hand over*....(dengan izin), kepada Kerajaan Negeri. Jadi saya hendak mohon juga, pembinaan rumah pam di Mengkuang Mak Sulong oleh *China Water* saya hendak mohon supaya BKSA boleh memohon kepada Kerajaan Pusat ataupun Jabatan Bekalan Air supaya membaiki, membaikpulih balik kerosakan jalan di Taman Guar Perahu di mana pembinaan rumah pam yang sangat besar itu dilakukan sebab setiap hari ada treler 10 tayar yang bawa *equipment* yang besar-besar selama lebih enam (6) bulan, banyak bulan di situ. Jadi saya sudah mohon daripada *China Water* suruh baiki balik jalan sebab ini adalah tempat taman perumahan penduduk yang padat, ada 4,000 lebih penduduk di situ tetapi *China Water* kata dia tidak boleh baiki balik jalan itu. Dia kata kena mohon kepada Kerajaan Pusat, jadi saya hendak mohon kepada BKSA supaya memastikan bila projek itu siap, pastikan jalan-jalan yang digunakan untuk bawa lori-lori berat, jentera berat ini akan kerosakan jalan-jalan di Taman Guar Perahu dibaiki semula.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Projek Empangan Mengkuang akan siap pada bulan Julai ini dan dia akan serah kepada KTAK dan Kerajaan Negeri belum sampai masa untuk mengambil alih projek ini kerana ia memerlukan dua (2) tahun untuk memenuhi air di Mengkuang *Dam* ini dan juga kerja-kerja *maintenance* dan *liability period* sehingga itu barulah Kerajaan Negeri akan mengambil alih projek ini dan dijaga oleh Kerajaan Negeri. Mengenai rumah pam di Mengkuang Mak Sulong di mana kenderaan-kenderaan berat yang merosakkan jalan-jalan menuju ke tapak itu, memang ini juga satu syarat di mana apabila mereka membuat sesuatu projek di sana, mereka perlulah membaiki jalan. Dia tidak boleh menafikan tanggungjawab beliau dan tadi Yang Berhormat sendiri ada mendesak supaya pegawai BKSA, Badan Kawal Selia Air untuk memantau dan memberi arahan kepada kontraktor untuk membaiki jalan tersebut dari semasa ke semasa. Bukan tunggu sehingga projek siap baru hendak bina. Semasa ke semasa.

YB. Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai isu pengangkutan. YB. Permatang Pasir, YB. Paya Terubong telah membangkitkan permohonan agar pelaksanaan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dipercepatkan dan diberikan keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan. Soalan ini juga pagi ini saya sudah jawab dalam soalan lisan saya. Yang kedua, beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong di mana telah membangkitkan senarai janji-janji Kerajaan Negeri yang dikatakan tidak ada realisasinya, yang turut menyenaraikan projek *Penang Sky Cab* dan juga Terowong Bawah Dasar Laut. Suka saya jelaskan kepada YB. Pulau Betong, *Penang Sky Cab* merupakan projek inisiatif *Malaysian Resources Corporation Sdn. Bhd.* (MRCB) dan disokong oleh Kerajaan Negeri. Pada masa ini *Projek Penang Sky Cab* berada pada peringkat penyediaan reka bentuk terperinci oleh pihak perunding yang terlibat. Projek ini akan dimulakan selepas kelulusan reka bentuk terperinci diperolehi yang turut melibatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain. Mengenai projek Terowong Bawah Dasar Laut telah banyak kali saya sentuh dalam dua tiga hari ini juga. YB. Permatang Pasir ada membangkitkan isu berkaitan keselamatan jalan raya di Lebuhraya BKE iaitu Butterworth-Kulim Expressway di mana terdapat aktiviti lumba haram motosikal dijalankan terutama pada hujung minggu yang membahayakan pengguna jalan raya yang lain. Kerajaan Negeri melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) akan bekerjasama dengan pihak PDRM dan juga JPJ bagi memperkukuhkan lagi aktiviti penguatkuasaan di kawasan terbabit. Dalam masa yang sama, advokasi terhadap keselamatan jalan raya akan diteruskan dengan memberi fokus kepada penunggang motosikal. Audit jalan raya juga akan diadakan bagi mengetahui punca mengapa para penunggang motosikal tidak mahu menggunakan lorong motosikal yang telah disediakan terutamanya di Lebuhraya BKE.

YB. Dato' Speaker, mat rempit ini mereka suka menggadai nyawa mereka sendiri dan sebentar nanti saya akan memberikan angka-angka kemalangan maut mengenai kemalangan jalan raya. YB. Sungai Dua membangkit isu kemalangan jalan raya yang sering berlaku di laluan utama berhampiran Masjid Sungai Dua. Kerajaan Negeri melalui MKJR akan mengadakan audit jalan bersama dengan pihak JKR untuk mengenalpasti masalah yang berlaku. Tindakan penyelesaian jangka pendek akan dilaksanakan bagi mengelakkan kejadian nahas jalan raya daripada berulang.

YB. Pulau Tikus ada bertanya berkaitan statistik kemalangan maut, ini tadi yang saya kata. Mengikut jenis kenderaan pada tahun 2016 dan 2017. Jumlah keseluruhan mangsa yang maut dalam tahun 2016 di Pulau Pinang adalah seramai 411 orang manakala pada tahun 2017 sehingga bulan April sahaja, telah ada seramai 126 orang terkorban. Jumlah mengikut kenderaan adalah seperti berikut. Kalau kita ambil 2016, 411 nyawa telah terkorban *divided by 365 days*, satu hari lebih daripada 1.12 nyawa telah terkorban setiap hari. Setiap hari, satu orang lebih telah terkorban.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya statistik saya telah terima daripada soalan bertulis. Tetapi saya ingin memohon daripada JKR untuk lebih prihatin tentang reka bentuk jalan raya dan situasi-situasi untuk motosikal kerana penunggang motosikal merupakan mangsa kemalangan maut yang paling tinggi dan banyak situasi mereka kena menunggu ditengah jalan. Situasi tidak cukup tempat untuk motosikal yang boleh diatasi dengan reka bentuk jalan raya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Foi):

Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada satu matlamat iaitu untuk mengurangkan kemalangan maut di Pulau Pinang 10% setahun. Tetapi nampaknya tahun lepas, dan tahun ini kita gagal. Saya selalu menanya soalan ini di Dewan, sebab kalau kita cuba menukar sifat penunggang motosikal atau *road user*, kita gagal. Yang penting sekali rekaan jalan raya itu, *how to stop them from wrongly using...* (dengan izin). Seperti di Jalan Berapit, sudah berapa tahun saya minta JKR tetapi sampai hari ini belum nampak apa-apa perubahan di Jalan Berapit untuk mengurangkan *speed* dari 50km ke 30km, sampai hari ini pun belum diwartakan. Tunggu sampai hari ini lagi, dan setiap kali ada kemalangan di Jalan Berapit, sayalah yang ditanya oleh rakyat dan saya kena jawab. Saya harap pihak JKR, pihak MPSP memandangkan kepentingan nyawa rakyat di tempat saya atau di tempat kawan-kawan di Dewan ini. Macam mana mahu mengurangkan kemalangan ini, kalau dengan *training*, dengan sifat, dengan membuat program-program, kita tidaklah berjaya sebab kita punya *adviser from USM also* sudah cakap yang kita tidak akan berjaya. Yang pentingnya mengubah rekaan jalan raya. Ini permintaan daripada KADUN Berapit.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri melalui MKJR dan bekerjasama dengan PDRM, JPJ dan lain-lain organisasi-organisasi NGO telah menjalankan banyak kempen-kempen dan juga seminar-seminar, bagaimana untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya. Dan daripada kajian yang ditemui oleh pelbagai pihak khususnya pakar-pakar daripada USM juga, mereka mendapati bahawa kemalangan adalah kerana kebanyakan bukan semua adalah kebanyak adalah sikap manusia adalah puncanya adalah sikap manusia. Dan penunggang motosikal adalah majoriti dalam kemalangan-kemalangan begini. Dan mengenai rekabentuk jalan, rekabentuk jalan memang semua telah melalui audit keselamatan dan jalan itu memang direkabentuk dan dibina untuk laluan dan bukan untuk berlumba-lumba.

Di sini saya ingin memberi angka-angka seperti yang diminta mengenai jenis kenderaan dan juga bilangan yang maut diatas jalan. Tadi saya ada menjawab bahawa 2016 ada 411 nyawa telah terkorban. Antaranya pejalan kaki 33 orang, motosikal 313 orang ini yang paling banyak sekali. Basikal 12 orang, kereta 48 orang, van 1 orang, bas tiada, lori 2 orang, pacuan 4 roda 1 orang dan lain-lain 1 orang. Semua berjumlah 411 orang. Di tahun ini sahaja iaitu 4 bulan pertama, pejalan kaki 8 orang, motosikal 86 orang, jadi ini adalah *trend*. Motosikal yang paling banyak terlibat dengan kemalangan khususnya kemalangan serius. Pada tahun ini kerajaan negeri memberi fokus kepada strategi mengurangkan kemalangan kepada penunggang motosikal yang melibatkan evokasi khas kepada penunggang motosikal. Membuat audit jalan raya, seperti tadi saya kata dilorong motosikal dan juga mengadakan kerjasama strategik bersama dengan pihak-pihak kilang utama yang mempunyai ramai penunggang motosikal yang berulang alik ke tempat kerja.

Jadi memang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Penanti, di mana kami mensasarkan pengurangan 10% bilangan kemalangan di atas jalan raya. Dan walaupun usaha-usaha dari berbagai pihak, memang sasaran ini adalah satu sasaran yang memang kita menuju kepadanya, tetapi sama ada ia dapat dijayakan atau tidak, ini tertaklukkan kepada usaha semua dan juga tadi yang

saya kata sikap pemandu sendiri.

YB. Dato' Speaker, itu sahaja yang saya ingin sampaikan dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada YB. Bagan Jermal. Sikit sahaja. Saya di sini ada satu soalan hendak ditanya di kawasan perindustrian Jalan Prai Fasa 1, Fasa 2 dan perusahaan dimana adakah kerja-kerja penyelenggaraan di bawah persekutuan ataupun negeri, kerana jalan tersebut sentiasa rosak dan semasa hari hujan air akan bertakung. So, di mana ia akan menyebabkan pengguna-pengguna jalan berasa susah kerana jalan tidak rata. Saya ada hendak tanya adakah jalan-jalan tersebut di kawasan perindustrian di bawah jagaan negeri atau persekutuan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Jalan-jalan di kawasan perusahaan di Prai adalah dibawah penyelenggaraan JKR, dibawah JKR Negeri dan kita juga ada mengguna pakai MARRIS untuk membaikinya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya ingin berkongsi pendapat tentang audit jalan raya yang disebutkan tadi. Persepsi saya adalah bahawa garis panduan JKR adalah terlalu *rigid*. Maksud saya biasanya dalam perbincangan saya dengan JKR, mereka akan kata "Oh ini adalah jalan kategori ini ataupun ini adalah kategori ini, maka garis panduan yang kita gunakan adalah begitu". Mereka seolah *tick the box* sahaja. Kita sudah penuh spekulasi ini-ini, tanpa mungkin benar-benar mengenali situasi kawasan tersebut, penggunaan jalan raya, aktiviti yang ada di kedua-dua belah jalan raya dan kerumitan *you know* masyarakat dan kawasan tempatan. Saya berharap bahawa mungkin kita boleh adakan perbincangan bagaimana JKR boleh meneliti dengan lebih mendalam, boleh *customised* garis panduan mereka untuk kegunaan tempatan kerana banyak masalah keselamatan, kesukaran pejalan kaki dan sebagainya adalah hasil daripada garis panduan yang terlalu *rigid*, yang terlalu *simplistic* ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan. Saya hendak tanya sebab peruntukan MARRIS setiap tahun lebih, ada lebihan macam 2016 lebihan RM60 juta, 2015 lebihan RM53 juta, 2014 lebihan RM48 juta. Jadi lebihan MARRIS ini apakah sebabnya? Sebab kenapa tidak digunakan untuk penyelenggaraan. Lagi satu bolehkah digunakan untuk penyelenggaraan tebing seperti di Sungai Lembu, tebing yang runtuh itu sudah lama tetapi, hanya dibuat oleh JKR setelah setahun baru dibuat. Jadi, tidak buat tebing itu tunggu setahun sebab tidak ada duit ke ataupun tidak boleh guna duit MARRIS untuk penyelenggaraan tebing?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Mengenai *safety audit* di jalan-jalan, memang selepas berlakunya kemalangan maut atau kemalangan yang serius di tempat-tempat berkenaan, pihak polis bersama-sama dengan MKJR, JKJR sekiranya ada maut lebih daripada seorang itu, *accident where they are more than one (1) victim, surely* MKJR, JKJR dan juga JKR dan semua-semua yang berkaitan akan membuat *safety audit* ke kawasan itu dan akan membuat *recommendation* untuk mengatasi kelemahan itu. Jadi, sekiranya *safety audit* telah dibuat kelemahan telah diatasi dan ia masih berlaku kemalangan, maka itu susahlah kita hendak huraikan.

Mengenai pejalan kaki juga serupa, dan semua pelan-pelan yang dikemukakan oleh perunding swasta *or* untuk sesebuah projek, mereka perlu melalui jawatankuasa di pihak kerajaan tempatan dan sekiranya ada tidak mencapai sasaran atau piawaian yang ditentukan, maka mereka tidak akan meluluskan reka bentuk mereka itu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat, saya rasa keperluan untuk adanya maut dan kematian adalah terlalu rendah *standard* yang kita letakkan. Sebab contohnya di Jalan Mount Erskine, kecederaan parah, kecederaan ringan banyak kali berlaku dalam setahun, tetapi mungkin tidak ada kematian. Jadi, cedera parah kena duduk kerusi roda sepanjang tahun, bagi saya sudah cukup serius tidak perlu sampai mati. Dipohon agar garis panduan dimana kena tunggu dua kematian itu, dipertimbangkan semula. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Saya tidak mempertikaikan bahawa kecederaan parah adalah satu perkara yang ringan dan remeh temeh. Kita sedang membincangkan kemalangan maut, jadi adalah tumpu kepada perkara ini dan memang sekiranya ada dapat pergi ke Socso, Perkeso kebanyakan penerimaan ganjaran Perkeso adalah kemalangan trafik sama ada cacat kerana kemalangan trafik. Dan ini satu perkara yang sangat serius dan bukan kata kita tidak mementingkan kemalangan yang bukan menyebabkan maut.

Mengenai Sungai Lembu, Penanti memang kalau MARRIS boleh dipakai untuk membaiki jalan atau apa-apa, kita memang akan menggunakan. Tetapi kalau untuk membaiki cerun dan tebing, tebing adalah di tepi sungai.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tebing bukan sungai. Tebing tepi jalan utama, Jalan Sungai Lembu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

lalah, cerunla.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya. Betul. Bolehkah, tidak boleh digunakan ke peruntukan MARRIS.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Itu kita kena semak dengan JKR, memang saya tahu dari masa ke semasa Jalan Sungai Lembu itu diselenggara oleh JKR dengan membina tebing dengan memperbaiki tebing dan cerun-cerun berkenaan dengan membina *retaining wall*, saya ada pergi tengok dan kita cuba sedaya upaya untuk menjaga kepentingan semua dan YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sebelum saya mengakhiri ucapan saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Bagan Jermal terima kasih kepada YB. Bagan Jermal tadi menjawab bahawa kerja-kerja penyelenggaraan di bawah JKR negeri, jadi saya minta JKR Negeri cuba melihat meneliti balik jalan-jalan perusahaan Prai, di mana setiap hari terutama waktu pagi dan waktu lepas kerja banyak motosikal menggunakan jalan-jalan tersebut. Maka jalan itu tak rata dan semasa hujan atau tak hujan merbahaya saya minta kerana kawasan-kawasan perusahaan memang penting di mana pelabur-pelabur yang datang memberikan satu imej yang tidak baik.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih kepada YB. Jawi memang saya duduk di Seberang Jaya untuk mengelak kesesakan lalu lintas di North South Highway saya memang menggunakan jalan di Perusahaan Perai untuk pergi ke Chai Leng Park belok ke Jalan Perusahaan melalui kilang besi Han Joo lepas pergi ke Jambatan Pulau Pinang saya melalui tempat itu dan jalan itu tidak seperti Yang Berhormat katakan dia begitu teruK... (gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Tadi petang sebelum datang saya dari rumah saya ronda sekali lagi selepas kilang Toyota turun sampai *roundabout* pusing balik *roundabout* naik balik ke Bomba terus datang ke jambatan pertama. Jalan-jalan memang tidak rata.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Memang Yang Berhormat bermaksud ada *an event settlement* mendapan di jejambat itu, kita akan perhatikan perkara ini, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ada satu pantun yang bukan dibuat oleh saya oleh pembantu saya ya.

Hari Raya Menjelang Tiba,

Kunjung Mengunjung Amalan Mulia

Berhati Hatilah Di Jalan Raya

Haraplah Semua Mampu Mengubahkannya.

Terima kasih, saya menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bagan Jermal, sila Y.A.B. Air Putih. Ya, dipersilakan Y.A.B. Air Putih.

Y.A.B Ketua Menteri :

Saya minta keizinan untuk gulung kerana saya baru balik dari persidangan Majlis Raja-Raja. Esok saya kena balik lagi untuk menghadiri Majlis Raja-Raja di Istana Negara, so saya minta keizinan.

Terima kasih kepada YB. Padang Lalang kena memberi laluan, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan Terima kasih kepada TYT Tun di atas keprihatinan T.Y.T. Tun terhadap keperluan rakyat dan pembangunan Negeri Pulau Pinang. Ini jelas digambarkan melalui ucapan dasar T.Y.T. Tun semasa perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ke Lima Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas pada 19 Mei 2017 yang lalu. Setinggi ucapan tahniah kepada T.Y.T. Tun di atas lantikan sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang buat kali yang ke 7, seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang mendoakan agar T.Y.T. Tun dan Y.A.Bhg. Toh Puan sentiasa diberi kesejahteraan, dipanjangkan umur dan mendapat keberkatan serta kerahmatan untuk terus memegang tampok pimpinan tertinggi di Pulau Pinang. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada T.Y.T. Tun kerana lanjutan pada tahun ini membolehkan beliau menjadi Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang lagi lama. Sekarang dah pecah rekod yang paling lama, lanjutan empat (4) tahun lagi, lagi lama. So saya nak ucap tahniah dan syabas atas kewibawaan dan kepimpinan beliau atas lantikan yang paling lama dalam sejarah Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengucapkan menjunjung kasih ke atas ucapan dasar perasmian T.Y.T. Tun dan dalam perbahasan ini sungguhpun ada pandangan-pandangan yang berbeza dengan Kerajaan Negeri, tetapi sebagai sebuah negeri yang mengambilkan kebebasan demokrasi ini adalah sebahagian daripada amalan dan budaya demokrasi. Malah saya ingin juga ucapkan terima kasih kepada T.Y.T. Tun kerana buat kali pertama telah mengiktiraf YB. Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang iaitu yang tak pernah dibuat baik di Parlimen ataupun di Dewan Undangan Negeri lain-lain di Malaysia sekali lagi Pulau Pinang memimpin seluruh negara dan mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri.

Saya juga ingin merujuk kepada perkara yang telah ditimbulkan semasa perbahasan dan kita memang akan mengambil perhatian ke atas semua teguran dan berusaha untuk melaksanakan cadangan yang sesuai yang telah dikemukakan. Walau bagaimanapun semua pihak harus memberi kerjasama tanpa mengira apa-apa perbezaan pandangan demi memastikan Negeri Pulau Pinang terus maju dan berdaya saing berlandaskan urus tadbir yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Saya percaya pihak pembangkang pun bersetuju tentang pentadbiran CAT Kerajaan Negeri kerana ini adalah sistem tata kelola yang telah menunjukkan dan membuktikan keberkesanannya seperti mana yang diakui oleh semua bahawa kalau kita lihat dari aspek lebihan belanjawan, Kerajaan Negeri telah mencatatkan lebihan belanjawan setiap tahun dan menerusi CAT ini dalam lapan (8) tahun Kerajaan Negeri memerintah sejak 2008 hingga 2015 lebihan belanjawan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM574 juta iaitu jauh lebih besar daripada lebihan belanjawan sebanyak RM373 juta untuk tempoh 50 tahun di bawah kerajaan Barisan Nasional. Dan pada 1957 hingga 2007 dan ini seperti mana yang dinyatakan menunjukkan bahawa memang CAT merupakan satu *differentiators* iaitu satu perbezaan yang ketara. Bukan saja atas pentadbiran, bukan saja atas pengurusan kewangan tetapi yang lebih penting di atas keberkesanan projek-projek yang dilaksanakan.

Bila saya sebut projek-projek ini, saya ingin merujuk kepada laporan ketua audit negara. Laporan Ketua Audit negara berkaitan dengan prestasi pencapaian oleh pihak Kerajaan Negeri di mana kita lihat bahawa daripada projek-projek yang dilaksanakan kalau kita lihat Laporan Ketua Audit Negara 2015 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2015 menyatakan prestasi pencapaian perbelanjaan projek-projek di bawah rancangan pembangunan Kerajaan Negeri bagi tempoh 2011 hingga 2015, yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri secara keseluruhannya berjumlah RM951.61 juta berbanding peruntukan yang dibajetkan sebanyak RM1.72 billion iaitu peratusan perbelanjaan hanya 55.4%.

YB. Pulau Betong pada sesi yang lepas pernah bertanya mengapa kita punya perbelanjaan hanya 55.4% bukannya ini menunjukkan satu kegagalan, satu kecacatan, satu kelemahan atas penyampaian perkhidmatan ataupun dari segi pelaksana projek-projek tersebut. Jelas bahawa beliau tidak baca keseluruhan Laporan Ketua Audit Negara kalau beliau baca muka surat seterusnya atau keseluruhan Laporan Ketua Audit Negara beliau akan perhatikan bahawa prestasi pelaksanaan projek-projek dalam tempoh itu adalah baik. Bukan saja baik, sangat baik kerana daripada 16,173 bilangan projek 16,126 projek telah siap atau 99.7% projek sudah siap. Tentu beliau tidak boleh faham mengapa

99.7% projek projek sudah siap tapi hanya 55.4% perbelanjaan sahaja yang telah digunakan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, jawapannya mudah, 99.7% projek siap kerana kita menggunakan pentadbiran CAT yang cekap dan hanya 55.4% perbelanjaan digunakan kerana dalam CAT kita gunakan sistem tender terbuka, kerana kita gunakan sistem tender terbuka kita dapat menikmati penjimatan dan sekiranya kita tidak ada penjimatan bila kita siap 99.7% maka perbelanjaan mesti sama iaitu 99.7% tapi tidak hanya 55.4%. Menunjukkan keberkesanan sistem tender terbuka. Keberkesanan CAT yang membolehkan menjimatkan wang dan hasil daripada perbelanjaan berhemah so di sini jelas sekali pihak Kerajaan Negeri mengamalkan sistem tender terbuka....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya habis ayat ini, nanti saya bagi. Dan kerana kita amalkan sistem tender terbuka, pihak Kerajaan Negeri merupakan satu-satu negeri yang telah dipuji oleh *Transparency International* kerana mengamalkan sistem tender terbuka tidak ada negeri lain yang dipuji oleh *Transparency International*, di mana Kerajaan Persekutuan pun tidak pernah di puji oleh *Transparency International* kecuali Pulau Pinang saja. Sekali lagi Pulau Pinang memimpin seluruh negara, sila YB. Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih, kita memang dengar cerita tender terbuka ini sejak 2008 bukan benda baru okey? So Pulau Pinang mendabik dada mengatakan mengamalkan tender terbuka kita tak mahu cerita banyak-banyak kalau boleh YB. Air putih menjelaskan kepada Dewan ini apa yang terjadi dengan penjualan Peel Avenue atau Lebuhraya Peel ini yang tidak melalui tender terbuka yang menjadi persoalan besar kenapa diberi keistimewaan kepada tiga (3) syarikat yang diluluskan penjualan itu, dan juga *fast track*.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Itu syarikat mana? 3 syarikat?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Tolong perelaskan lah siapa yang sebenarnya yang membeli dan kenapa kalau boleh terangkan apa syarat-syarat penjualan itu untuk makluman pihak awam bukan saya saja, saya ingat rakyat Pulau Pinang nak tahu, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Terima kasih kepada YB. Ketua Pembangkang yang itu saya akan sampaikan nanti. Memang saya sudah sebut memang kita amalkan sistem CAT, Cekap Akauntabiliti dan Telus kita memang telus, kita tidak akan sembunyi seperti skandal IMDB sampai sekarang tak mahu cerita tentangskandal IMDB, tak mahu cerita siapa yang dapat wang kononnya, UMNO Pulau Pinang pun ada dapat wang. Itulah saya rasa perbezaan kita telus bukan seperti parti lawan dan di sini tapi saya belum pergi sana. Saya ada mukadimah dekat sini, ini tentang hala tuju dari segi ekonomi, sektor pembuatan saya rasa kalau kita lihat usaha untuk menjadi sebuah negeri keusahawanan dan juga negeri kebajikan dari aspek sektor keusahawanan saya rasa kita bergantung kepada dua (2) sektor utama iaitu pembuatan dan perkhidmatan. Sektor pembuatan melihat prospek yang mengalakkan apabila sektor elektronik global mencatat pertumbuhan yang amat memberangsangkan sebanyak 18.8% pada bulan Mac 2017 kepada 30.9 billion US Dollar iaitu pertumbuhan bulan Mac yang paling besar dalam sejarah elektronik. Ini bukan untuk Malaysia, ini untuk satu dunia, satu (1) bulan dia punya tempahan 30.9 billion US Dollar.

Adalah diharapkan prospek baik ini akan membawa kesan positif yang baik di negeri Pulau Pinang kerana kita amat bergantung kepada kilang-kilang dan juga syarikat elektronik yang eksport ke luar negara kerana Pulau Pinang membekalkan 8% hingga 10% daripada bekalan dunia dan bila pertumbuhan sebanyak 18.8% ia amat memberangsangkan dan kita harap dapat memberikan manfaat bukan saja pada Pulau Pinang, tetapi kepada Malaysia. Tumpuan pelaburan kini disasarkan kepada sektor yang terlibat dalam industri 4.0 ya, ini adalah satu perkembangan yang baik sama ada ia dapat dikekalkan diteruskan sepanjang tahun ini. Kita belum pasti lagi kita lihat tentang pelaburan. Tumpuan ialah kepada sektor yang terlibat dalam industri 4.0 yang berkaitan dengan data, internet, kelab computing dan IOT - *Internet of Things*. Baru-baru ini kita dapat pelaburan daripada syarikat Switzerland merupakan syarikat yang kedua terbesar di dunia dalam *software solution automobile* dan telah melabur RM235 juta dan menunjukkan lebih 500 peluang pekerjaan bernilai tinggi di Pulau Pinang. Dan juga ada

sebuah syarikat elektronik besar global juga menunjuk minat untuk melabur berkaitan dengan *Research and Development (R&D)* di Pulau Pinang yang kita harap dapat umumkan pada akhir tahun ini.

Dan usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri keusahawanan dan kebajikan. Kerajaan Pulau Pinang memberi penekanan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sektor perkhidmatan merangkumi pelancongan termasuk pelancongan perubatan. Pulau Pinang memainkan peranan utama di Malaysia dengan menguasai 43% daripada nilai pulangan sebanyak RM391 juta daripada keseluruhan sebanyak RM914 juta pada 2015. Berbanding dengan RM369 juta daripada keseluruhan RM777 juta pada 2014. Iaitu pada 2014, Pulau Pinang menguasai 48 peratus pasaran di Malaysia berbanding dengan 43% sekarang. Sungguhpun Pulau Pinang mencatatkan peningkatan hasil daripada sektor pembuatan sebanyak 5.6% pada tahun 2015. Berbanding dengan tahun 2015, ia jauh berbeza daripada kedudukan Pulau Pinang menguasai 2/3 daripada keseluruhan pelancongan perubatan 15 tahun yang lepas.

So saya rasa itu dimaklumkan, ia memang dimaklumkan oleh semua. Dan tentunya dengan 43% daripada sektor pelancongan perubatan di seluruh Malaysia, Pulau Pinang masih nombor satu (1). Tapi dengan penguasaan atau pun dia punya bahagian yang berkurangan daripada 2/3 sekarang tinggal 43% . So kita harus cari sesuatu penggerak untuk menghidup balik kembali keunggulan Pulau Pinang dalam sektor pelancongan perubatan. Atau pun dalam sektor perubatan. So demi mengembalikan kegemilangan lama, maka adalah perlu Pulau Pinang menjadi Bandaraya Perubatan. Saya rasa parti lawan pun bersetuju dengan usaha Pulau Pinang menjadi Bandaraya Perubatan, *Medical City*. Dan salah satu (1) tonggak untuk menjadi Bandaraya Perubatan ialah cadangan ataupun minat yang ditunjuk oleh pelabur untuk mendirikan hospital swasta yang paling besar di Malaysia sebanyak 1,000 buah katil dengan pelaburan RM2 bilion yang saya rasa adalah selaras dengan cita-cita menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandaraya Perubatan. Ia berkaitan dengan penjualan 6.4 ekar tanah di Lebuhraya Peel kepada *Island Hospital Group*. Dan ini adalah satu (1) cadangan pelaburan dari pelabur luar negara kerana dana RM2 bilion akan datang daripada luar negeri. Secara prinsip Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan tersebut dan Kerajaan Negeri bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan ini dan itulah sebabnya bila mereka memohon untuk membeli tanah kerajaan di Lebuhraya Peel. Kita kena ingat bahawa di sebelah tanah Lebuhraya Peel ada satu bidang tanah swasta. Hampir 1 hektar. Itu milik *Island Hospital Group*. So yang tanah kerajaan 6.4 ekar adalah bersebelahan dengan tanah swastanya. So sekiranya nak dijual, takkan kita jual kepada orang-orang lain tanpa mengambil kira pemilik tanah di sebelah itu. So dari segi penjualannya, pun saya rasa adalah sesuatu keputusan yang betul, betul kerana ia juga memiliki tanah swasta di sebelah tanah 6.4 ekar. So di sini kalau kita nak pastikan keseluruhan tanah ini holistik, pemilik swasta secara kebetulan adalah sama, adalah serupa.

Tentang isu harga tanah yang telah dibangkitkan oleh pihak parti pembangkang. Pihak Kerajaan Negeri tidak menjalankan tender terbuka. Kita gunakan harga yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Mengapa kita tidak jalankan tender terbuka? Kerana ini adalah satu (1) syor secara langsung daripada *Island Hospital Group*. Dan mereka membawa RM2 bilion pelaburan. Kita tidak ada menerima sebarang cadangan daripada hospital swasta untuk melabur RM2 bilion. Hanya *Island Hospital Group* sahaja. Oleh itu pihak Kerajaan Negeri rasa ia adalah penting, ia adalah signifikan untuk menjalankan perundingan secara langsung dengan *Island Hospital Group*. Saya ingin memaklumkan kepada pihak pembangkang, bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang mengamalkan sistem tender terbuka dan menjadikan sistem tender terbuka sebagai satu teras pemberian projek-projek Kerajaan Negeri. Malah, kita boleh digelar negeri tender terbuka kerana 99% daripada RM38 bilion projek yang diberikan adalah menerusi tender terbuka. Takkan kerana 1% digembar-gemburkan, diperkotak-katikan untuk menyatakan, "Ohh! kita tak amalkan tender terbuka". Sama dengan IKEA. IKEA adalah satu pelaburan yang diidam-idamkan oleh banyak pihak. Bila ia menjadi idaman semua pihak, termasuk ADUN Negeri tertentu yang bersedia untuk berikan tanah percuma untuk menarik atau memujuk IKEA untuk datang ke negeri mereka, untuk membina gudang membeli-belah. Tetapi mereka memilih Pulau Pinang. Ia pun dijual tanpa tender terbuka, tapi kita jual. Tapi kita jual tanpa tender terbuka. Mengapa masa itu Yang Berhormat dari pembangkang tak mahu mempersoalkan keputusan menjual tanah kepada IKEA tanpa tender terbuka? Mengapa? Kerana kita tahu, itulah satu (1) pelaburan yang kita sifatkan sebagai *economy game changer*. *Economy game changer* di mana, kerana pelaburan ini adalah satu inovasi, satulah perubahan besar yang boleh menggerakkan ekonomi bukan sahaja dari aspek *shopping* atau *retail*, tapi secara keseluruhannya. Ini pun akan berlaku untuk sektor perubatan. Apabila *Island Hospital Group* datang dengan pelaburan RM2 bilion. Kerana kita jangan lihat hanya dengan pelaburan RM2 bilion, hanya semata-mata pembinaan sebuah hospital swasta 2,000 buah katil. Kita pun kena lihat dari segi peluang pekerjaan yang diwujudkan. 2,000 peluang pekerjaan, dan nilai ekonomi dari segi *multiplier effect*. Kebaikan kepada ekonomi, RM7 bilion nilai ekonomi. RM7 bilion nilai ekonominya. So itulah yang kita...(ganguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti, saya boleh bagi. Tak payah...(gangguan) 2,00 job, 1,000 katil. 2,000 pekerjaan, 1,000 katil. Iaitu hospital swasta yang paling besar di Malaysia. Dan kita pun kena lihat impak sampingan positif. Kerana kita tahu hospital sekarang penuh, dari segi doktor, jururawat dan sebagainya. Doktor, jururawat masih kurang. Tapi dengan pembinaan hospital ini, kita berikan peluang kepada doktor-doktor, pakar-pakar dan jururawat. Kita lebih mudah untuk meminta mereka peluang. Kita hadapi *brain drain*, aliran bakat ke luar negeri. Ini adalah satu (1) cara untuk *reverse brain drain*, minta mereka pulang. Dan di sini, saya hendak tegaskan, sungguh pun ia adalah satu (1) pelaburan swasta, tetapi ia ada impak juga. Apabila hospital sebesar ini datang, macam IKEA. Bila IKEA datang untuk membina dia punya gudang dan dia akan siap pada akhir tahun depan. Pada akhir tahun depan, dia dah siap. So kita harap dalam bulan 12 saya boleh tengok YB. Telok Bahang sama dengan keluarga sama beli belah. Atau saya boleh belanja dia makan *meatball*. IKEA punya *meatball*. Ini dinanti-nantikan, ditunggu-tunggu oleh semua. Saya ingat YB. Telok Bahang pun tahu ramai khususnya golongan wanita yang tertanya-tanya bila boleh siap, dia harap boleh cepat siap, kerana ramai nak pergi sana untuk membeli barang. Dan ini menunjukkan kesan besar. Sampai bila IKEA datang, ada juga lain-lain syarikat yang berminat untuk bina pusat beli-belah dekat sana. Itu pun ada kesannya sama untuk *Island Hospital*. Di sini, *Island Hospital* membuat pengumuman labur RM2 bilion. Kita sekarang dapat minat lagi dari dua (2) lagi kumpulan yang nak bina lagi dua (2) hospital swasta di Pulau Pinang. Sama jadi, tak jadi, kita kena tunggu apabila mereka buat penilaian masing-masing. Tapi ada kesan, ada impak daripada pelaburan ini. Saya boleh bagi Telok Bahang dulu, dia sudah tunggu lama. Sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Amat Berhormat, terima kasih kepada penjelasan. Tapi isunya di sini, bukan kita perlu pelaburan. Kita tahu negeri kita ini perlu pelaburan, tiada masalah, pelaburan kena datang. Tapi kena kaedah, cara, Yang Amat Berhormat selalu cakap, tender terbuka. Itulah amalan. Tapi beberapa kita nak *confirm* Yang Amat Berhormat, banyak yang *proposal*, banyak. Kalau kita tengok ratio dia, tender terbuka berapa bilion, tender Yang Amat Berhormat berapa *percent* yang kita panggil *negotiate*, atau pun kita ini berunding. Saya ingat kalau Yang Amat Berhormat bagi betul yang *open tender*, sebab kita tak ada *figure*, sebab yang ada *figure*, yang ada berapa banyak bilion Yang Amat Berhormat buka tender terbuka, *versus* (vs) dgn berapa bilion Yang Amat Berhormat buat tender *request for proposal* (RFP) ini. Contoh saya nak tanya Yang Amat Berhormat, *Penang Transport Master Plan*, Yang Amat Berhormat buat RFP juga. RM6.3 bilion *road and tunnel*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tender terbuka.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kita nak dapat maklumat ini, RM8 bilion, RM30 bilion pun tak buat tender terbuka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tender terbuka. Ya, saya nak cerahkan, berikan pencerahan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kita tak dapat pun maklumat ini, Yang Amat Berhormat pun tak jawab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ada, Yang Berhormat Lim Hock Seng pun ada jawab tadi. Tak apa saya berikan pencerahan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Takpa saya nak *figure* sahaja, saya nak tengok berapa banyak jumlah tender teruka berapa bilion, dan kita nak *compare* RM8 bilion dengan RM2 bilion hospital, RM8 bilion IKEA ini, adakah itu juga RM2 bilion.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukan RM2 bilion. Itu pembelian tanah, RM156 juta. Dia *investment* RM2 bilion. Beli tanah dengan *investment* lain. Saya rasa Yang Berhormat takkan tak faham. RM2 bilion dia guna untuk beli tanah, untuk bina hospital. Tapi bila kita cakap tentang nilai tanah ialah RM156 juta. Kalau nak bandingkan dengan terowong bawah dasar laut dan tiga (3) buah lebuh raya, itu ialah RM6.3 bilion. Ini dibuat secara tender terbuka. Sungguhpun kita gunakan kaedah RFP. Kita buat secara tender terbuka, kita siarkan dalam surat khabar, ada beberapa syarikat yang mohon, sama juga dengan *Transport Master Plan*, Pelan Induk Pengangkutan, di mana kita juga buat dengan tender terbuka, dan akhirnya dimenangi oleh satu (1) pasukan yang dipimpin oleh Gamuda. So ini dibuat secara tender terbuka, yang mereka buat ini nilainya RM27 bilion. Yang terowong ini nilainya RM6.3 bilion. Yang hospital ini melibatkan tanah RM156 juta. Bukan RM2 bilion yang kita runding secara terus. Tanah RM156 juta.

Yang lain-lain dibelanjakan bina bangunan, dia punya *equipment*, yang paling canggih. Itu kos tinggi, takkan Yang Berhormat tak tahu *medical equipment*, bukan murah. Dia mahal, so itulah perbezaan, seperti yang kita sebut tadi, kalau kita lihat projek yang kita telah berikan. RM38 bilion yang kita tawarkan. Hanya satu (1)% sahaja yang kita tak buat menerusi tender terbuka. Yang lain-lain tender terbuka. So mengapa nak riuh rendah bahawa, "Ohh! tak amalkan tender terbuka". Bila ini adalah satu (1) projek istimewa, kerana ia adalah *economic game changer*. Saya bagi contoh, saya bagi contoh, sekiranya masih tak berapa faham tentang apa maksud *economic game changer*. Sekiranya kita nak isikan jawatan dalam syarikat, biasanya kita akan siarkan dalam surat khabar, kita minta semua pohon, lepas ini kita buat *interview*. Tapi sekiranya kita mahu orang tertentu, yang benar-benar hebat, apa kita buat? Kita tak mahu menggunakan proses *interview* secara terbuka, yang disamakan dengan tender terbuka. Kita cari siapa? *Headhunter*, betul tak? Yang Berhormat pun tahu, Bertam tahu, *headhunter*. Kita cari *headhunter*, *headhunter* akan cari orang itu, tengok dia minat atau tak minat. Bila dia ada minat, terus pasang sama dia. Sama juga dengan projek-projek istimewa yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Macam baru-baru ini panggil itu Jack Ma dari *Alibaba* datang. Takkan kita minta buat tender terbuka, Jack Ma, *you* buat tender terbuka baru *you* akan datang. Ingat dia akan datang tak? Takkan. Dia dipelawa secara terus oleh pihak Kerajaan Malaysia. Tapi kerana sistem Kerajaan Malaysia saya rasa kebanyakan tak tender terbuka. Bukan macam Pulau Pinang, 99% tender terbuka.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang 99% ni kita tak ada *figure*. So Yang Berhormat cakap 99 peratus dan 1% begitu jauh. Saya tak apa, saya minta Yang Berhormat bagi maklumat itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya bagi *figure* RM38 bilion, tolong kira itu. Kalau tak tahu kira, saya kira. RM27 bilion Pelan Induk Pengangkutan. RM6.3 bilion terowong bawah dasar laut. Dua-dua sekali sudah jadi RM33.3 bilion.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang ini tidak boleh kira sebagai tender terbuka, yang ini *request for proposal* (RFP). Ini Yang Amat Berhormat panggil bawa masuk *proposal*. Panggil bawa masuk, jemput mereka. Tetapi kalau Yang Amat Berhormat buat secara tender terbuka, terbukalah kepada semua orang....(gangguan). Saya tahu ada dua (2) bentuk....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

RFP ada dua (2) bentuk, RFP boleh buat secara tender terbuka, RFP boleh buat macam Perdana Menteri buat minta Jack Ma mari. Ada dua (2) bentuk, so yang kita buat RFP untuk Pelan Induk Pengangkutan dan untuk terowong bawah dasar laut adalah secara tender terbuka. Tak percaya tengok kita punya surat khabar, kita iklan secara tender terbuka. So nak kira memang daripada RM38 bilion ini, kebanyakan adalah berdasarkan tender terbuka. Jangan kerana yang satu (1)% ini, bising dan riuh rendah cakap ini buktikan Kerajaan Negeri tak ada tender terbuka. Yang Kerajaan Negeri naik ataupun Kerajaan Persekutuan lebih 50% tender terbuka, tak bising cakap ya, tak tender terbuka. Tapi bila kita 99% jalankan tender terbuka, Oh! kita gelakkan kita tinggalkan sistem tender terbuka. Ini tidak betul langsung.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid)

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sila, YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid)

Kita tak ada masalah dengan tender terbuka. Tetapi isunya di sini bila mahu umum secara mutlak, *absolute term, you say in absolute term...* (dengan izin), mengamalkan tender terbuka *in absolute term*. *Qualify* lah sikit kata bila da *strategic investment*, kita buat *negotiation*, perundingan. Ya, *be honest* lah. Terus terang, kalau kata telus, terus terang. Okey. Kita faham perlu bawa laporan masuk ke negeri ini, kita pun nak Negeri Pulau Pinang membangun, dan kalau bercakap tentang IKEA di Batu Kawan, ia kawasan baru dulu buat pengambilan semasa Kerajaan Barisan Nasional RM0.30 sen je sekaki. Bila dijual di IKEA, lebih dari RM40.00 sekaki, tak timbullah persoalan. Kenaikan nilai, sebab Kerajaan Negeri pun telah menambah nilai di kawasan itu dan kawasan itu telah naik nilai. Yang dipersoalkan di sini ialah cara buat itu. Okey, Nak jempot *strategic investment, games changer*, untuk datang melabur di Pulau Pinang tetapi dipersoalkan kenapa bila dah riuh rendah, orang tanya, baru nak umum. Kenapa sorok-sorok. Dan juga dipersoalkan juga kenapa itu di *fast track* kan untuk dibuat kelulusan dari tanah kerajaan kepada komersial dan sebagainya. Dan ada pula yang projek untuk rakyat yang tak boleh di *fast track* kan tapi disengaja, dicari sebab, pasal, untuk dilengah, digagalkan. Seperti projek perumahan yang nak dibuat oleh agensi-agensi persekutuan. Ini persoalan kita. Minta Air Putih perelaskan. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada YB. Ketua Pembangkang. Okey baiklah, YB. Ketua Pembangkang cakap dia sekarang dah faham bahawa memang itu baik Island Hospital ataupun IKEA itu adalah *economic money changer* atau dia punya istilah *strategy investment*, belilau setuju. Baik, sekarang bila beliau setuju, dia pula cakap bahawa mutlak. Bila kita cakap mutlak, kita telah pun buat untuk IKEA. IKEA bukan baru, IKEA dah lama dan bila kita setuju IKEA, kita tak buat secara tender terbuka, itu bukan sesuatu yang kita rahsiakan. Itu diumumkan lama dah. So saya rasa di sini, itu bukan sesuatu yang baru, so saya harap ini nak betulkan fakta yang salah oleh YB. Ketua Pembangkang, ini yang pertama.

Kedua, ialah mengapa di *fast track*. Saya nak beritahu pada Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar. Permohonan ini dibuat pada tahun 2015. itu yang saya nak bagi sekaranglah, ini dibuat pada tahun 2015, so macam mana *fast track*, hampir dua (2) tahun baru dapatlah dimuktamadkan tapi masih belum dimuktamadkan lagi kerana dalam proses permohonan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Dan mengapa ini tidak diumumkan lebih awal? Macam mana kita nak umumkan lebih awal, kerana ini adalah satu (1) pelaburan besar. Mereka ada dia punya syarat-syarat. Yang Berhormat seorang peguam, seorang peguam yang berpengalaman, bila Yang Berhormat ada pelanggan yang besar-besar, takkan mereka nak umum beritahu satu (1) dunia. Mereka kena rahsiakan supaya dapat memenuhi keperluan dan syarat-syarat dana dan juga bursa mereka masing-masing. Ini memang satu kelaziman dan bila kita lihat tempoh masa yang dijalankan, ia adalah tempoh masa yang biasa. Apa salahnya? 2015 hingga sekarang, mana ada *fast track*. So saya harap Yang Berhormat fahamlah sikit kalau Yang Berhormat macam satu (1) penggal macam YB. Bertam, kita boleh faham. Tapi Yang Berhormat ini orang berpengalaman. Dulu dalam kerajaan pun tahu, kita kena hormati *confidentiality*. Takkan ini tak faham.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya belum habis lagi. Itu penjelasan kena habiskan dululah Yang Berhormat. Saya akan bagi kepada YB. Telok Bahang, jangan bimbang, bagi-bagi punya, sabar sikit. Tentang projek-projek untuk rakyat. Sekiranya ini memberikan manfaat kepada rakyat, Kerajaan Negeri akan meluluskan. Kalau ada berapa isu-isu yang dibangkitkan, macam yang dibangkitkan oleh YB. Permatang Berangan tentang pemberian itu rumah kos rendah. Saya rasa itu diuruskan mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) Kerajaan Negeri. Di mana kita berikan kepada mereka yang layak, sama ada mereka beli atau pun setinggan, rumah ganti rumah. Betul tak Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Itu betul, saya tak kata salah. Tapi saya ingin pertikaikan di sini daripada 100 unit rumah yang kita bina di Telok Bahang, untuk kos rendah, 60 unit diserahkan kepada Kerajaan Negeri tinggal 40 kat kita. Dari 40 itu, 22 itu kita peruntukan untuk setinggan di situ, *balance* kat kita 18. dari 18 itu, katanya *I heard* dari orang ramai dan juga daripada pihak-pihak tertentu kata 18 yang tinggal itu hendak diserahkan kepada setinggan PBA. Berapa unit hendak kepada setinggan PBA saya tak tahu tapi hendak serahkan kepada PBA. Yang tinggal kepada kita kosong lah. Tapi saya tak pertikai hal itu, 60 unit saya tak pertikaikan sebab itu telah dijanjikan bersama antara kita, Air Putih dan Permatang Berangan, telah jadi,

60 unit tetap kita bagi....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Permatang Berangan, saya nak tanya. YB. Permatang Berangan puas hati tak?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Puas hati, tapi....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey dah cukup. Kerana kita akan pastikan bahawa dan selama ini saya rasa melalui YB. Datok Keramat, kita telah pastikan bahawa rumah-rumah kos rendah ini diberikan kepada mereka yang layak terima ini. Kita tidak akan benarkan sebarang penyelewengan. Mereka yang benar-benar layak, mereka yang miskin, mereka yang tak pernah memiliki rumah, merekalah yang berhak membeli rumah kos rendah. Setuju? Kalau kita nak berpanjangan, ini kita akan pergi kepada asal usul ini, tak boleh habis....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Tapi kalau mengikut *list* yang diberikan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukan, saya telah berikan. Sekarang ialah dari segi kelulusan projek. Puas hati kan?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Puas hati.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey baik. So ini projek daripada *PERDA Venture*. So jangan sebut bahawa kita tak luluskan. Ini dah luluskan. Dari segi itu pemberian rumah, kita kena ikut SOP kerana rumah itu belum siap, bila siap kita akan buat SOP, Yang Berhormat boleh semak. Kita tak ada apa-apa nak takut untuk semua ini. Boleh semak itu senarai untuk pastikan bahawa ia diberikan kepada pihak yang layak khususnya mereka yang duduk di kawasan Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Telok bahang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kawasan itulah. Ini Dewan Undangan Negeri (DUN), DUN Tanjong Bunga dan DUN Telok bahang. Ini untuk bagi, so untuk adil, bukan Permatang Berangan, Telok Bahang. Saya kena silap. Ok baik. So sekarang, saya nak sebut tentang jawab lagi kepada Yang Berhormat. Ini telah jawab habis, yang penting ialah tentang apa yang tadi disebut oleh YB. Teluk Bahang iaitu memang Kerajaan Negeri amalkan sistem tender terbuka. Kalau tak puas hati sila bangun.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang ini kita andaikan walaupun nak belanja mee saja, nak belanja kat IKEA saja, standard dia, *meatball*. Kalau orang ingat kata kacang gorenglah. Yang Amat Berhormat saya andaikanlah 100% itu benarlah sekarang. Adakah siapa-siapa lagi yang akan dapat peluang *negotiation* (nego) ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, saya boleh jawab kalau Yang Berhormat boleh tarik hospital yang sedia labur RM2 billion kita akan buat *direct nego*, pelaburan RM2 billion untuk bina hospital kita akan buat *direct nego*, mana-mana akan datang RM2 billion kita akan cari tanah seperti yang mereka minta. Boleh tak? Sungguhpun datang daripada YB. Teluk Bahang kita pun akan layan. Boleh? Puas hati tak?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebelum ini ada tak syarikat....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Puas hati tak?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ehh!..nanti belum lepas. Sebab Yang Amat Berhormat punya teknik *simple* saja. Kalau kata puas hati, duduk. Sekali saja Yang Berhormat bukan tiga (3) kali.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tak apa tak apa, saya akan benarkan Yang Amat Berhormat bangun tak apa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebelum ini ada tak *nego*? Sebelum ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

IKEA.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebelum IKEA? Yang Amat Berhormat dah 8 tahun kan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya ada. Intel, HP.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Haa.. Banyak. So kalau campur-campur masih 100%.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat kena faham, bila kita jual tanah kita tetapkan harga RM40 sekaki persegi. Betul tak? Tanah industri. Kita tak buat tender terbuka kita pastikan mereka adalah syarikat elektronik yang sebenar-benarnya mana ada tender terbuka. So bila yang ada banyak yang minta, tapi mereka bukan syarikat elektronik kita tolak. Hanya mereka yang benar-benar syarikat elektronik baru kita benarkan. Itu tak ada tender terbuka itu memang jadi satu kelaziman bukan yang diamalkan sekarang tapi 50 tahun dahulu, zaman Barisan Nasional pun sama, so itu tidak jadi pertikaian, itulah sebabnya saya selamatkan oleh....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya, saya nak tanya satu soalan saja adakah Y.A.B. Air Putih setuju bahawa perumahan untuk rakyat sebanyak 30,000 unit itu satu projek yang strategik untuk Negeri Pulau Pinang? Dan kalau ya, kenapakah ia tidak boleh dirunding dengan elok, kenapa tunggu sampai empat lima tahun? Kenapa? Soalan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kerajaan Negeri telah ada cadangan membina 26,255 unit rumah mampu milik dan dalam tempoh ini disamping itu kita telah bina lebih 20,000 rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah berbanding dengan 5,000 lebih dalam tempoh masa yang di bawah Barisan Nasional so jangan sebut bahawa kita tidak memberikan penekanan ke atas pembinaan rumah sama ada rumah awam ataupun rumah mampu milik....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan membandingkan 5,000....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya habis dululah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak apa nanti bagi laluan kat saya nanti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti bila saya ada tolak, so bagi saya habis dulu. So di sini bila kita nak luluskan sebarang projek kita kena pasti ia memenuhi kepentingan awam, so di mana yang kita luluskan untuk YB. Permatang Berangan kerana akhirnya ia dapat memenuhi kepentingan awam tapi sekiranya ada yang tidak memenuhi kepentingan awam tak akan kita nak tutup dua mata. Dan ada banyak faktor di mana ia tidak memenuhi kepentingan awam. Bila pengambilan asalnya ialah untuk sesuatu tujuan, tujuan itu diselewengkan, digunakan untuk bina rumah mewah-mewah macam JKP, PERDA pun tahu, rumah yang dijual sampai RM1.8 juta mana boleh. Bila asalnya tanah itu diambil untuk tujuan rumah awam. So bila ia dipinda dibetulkan akhirnya pun dilulus tak jadi hal tapi mestilah memenuhi kepentingan awam janganlah kerana ianya datang daripada JKP atau PERDA. Ia mesti bagus punya, sungguhpun di belakang projek ini dia jual rumah dengan harga RM1.8 juta tak boleh. Tapi ini tidak dinyatakan atau pun tidak di umumkan oleh baik oleh JKP ataupun PERDA ataupun Pengerusi UMNO Pulau Pinang. Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau Y.A.B. Air Putih menganggap bahawa perumahan rakyat adalah satu perkara yang strategik maka tak seharusnya dicari kesilapan mungkin ada sedikit saya ingat kalau nak kata 1% tak ada pun sampai 1%. Jadi unit hanya lapan (8) unit yang lebih daripada sejuta itu benda perkara yang boleh diperbaiki tetapi telah dicanang-canangkan sebagai satu kesilapan besar satu kelemahan besar oleh PERDA ataupun agensi yang terlibat kenapa tidak boleh kalau dianggapkan sebagai satu perkara yang strategik untuk rakyat Pulau Pinang benda ini boleh dirunding dengan elok. Masalah ini boleh diatasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bila ini diberitahu kepada badan agensi Kerajaan Persekutuan berkenaan dan mereka betulkannya. Selesailah....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Projek PERDA sampai sekarang belum diluluskan. Ini perlu dibagi tahu pada rakyat Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti, nanti. Kita kena buat satu persatu, kerana kita nak pastikan ia mesti mematuhi peraturan yang ditetapkan janganlah kerana...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Nak pasti lima (5) tahun? Lima (5) tahun terpaksa ditunggu, terlalu lama....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita nak jual rumah RM1.8 juta mesti dibetulkan akhirnya adakah ianya dibetulkan? Bila ianya dibetulkan kita nak pastikan adakah ianya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Tak akan RM1.8 juta okey. *You* sekarang *you* akui itu tidak betul, *you* betulkan apakah harga baru yang nak dijual. Kita mesti pastikan ia adalah harga rumah mampu milik. Ia mesti memenuhi syarat-syarat kita. So dan di sini kita bukan cakap kita tolak semua. Tidak kita masih berikan kelulusan sekiranya mahu saya minta YB. Datok Keramat berikan semua senarai projek-projek yang diluluskan kepada JKP, PERDA ataupun UDA. Semua pun dah diluluskan. Dan itulah sebabnya saya harap jangan canang-canangkan, jangan gembur-gemburkan, jangan cuba berkoyok-koyok bahawa kita nak halang itu ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Y.A.B. Air Putih pun jangan canang-canangkan, gembur-gemburkan. Benda yang boleh diatasi....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita nak pastikan peraturan ini mestilah dipatuhi. Itu saja, sekiranya dipatuhi kita tidak akan halang dan saya rasa bila kita lihat projek-projek JKP, PERDA ataupun UDA yang diluluskan memang ketara bahawa tidak ada diskriminasi seperti yang didakwa oleh pihak pembangkang.

YB. Dato' Yang di-Pertua saya nak teruskan jawapan saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya sikit saja. Satu *sentence* saja. Yang Amat Berhormat bagilah *chance* bawa bertenang bawa bertenang, kapal terbang duk tunggu Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat akhirnya mesti Yang Amat Berhormat setuju polisi Kerajaan Negeri tender terbuka bukanlah mutlak, bukan *absolutely* dia bukan setuju dengan saya polisi tender terbuka bukanlah satu perkara yang mutlak Kerajaan Negeri seperti yang digembar-gemburkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya telah sebut bahawa ianya menjadi teras tak akan faham maksud teras *core* ia menjadi teras *procurement* menjadi teras pemberian projek oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan itulah sebabnya CAT di mana ia merupakan *core*. Sekiranya ada sesuatu bencana tak kan kita nak buat tender terbuka. Kita kena buat dengan cepat. So mana saya ada sebut bahawa ia mesti semua sekali semua sekali tender, kita kena lihat keadaan bila ada macam bila ada itu gelanggang futsal ia tumbang, tak akan kita nak tunggu lama-lama kita buat cepat, ataupun ada perairan. Bangunan UMNO pun sama. Dia jatuh pun sama.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini selama ini empat (4) tahun ini barulah saya dengar kata Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat punya ucapan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Janganlah putar belit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini Yang Amat Berhormat punya ucapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tolong baca.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

“Berlaku pada 15 Disember 2008 sebagai Ahli Parlimen, apa Yang Berhormat bahaskan kita mesti memastikan prinsip integriti terjamin bila sudah sebutkan integriti saya ingin meminta supaya Akta SPRM ini boleh mengadakan satu fasa boleh mewajibkan satu kontrak ataupun kontrak pembangunan kerajaan mesti dibuat secara terbuka. Amalan di luar Negara ialah sekiranya sebarang kontrak kerajaan atau kontrak pembekalan dibuat tanpa tender terbuka ia akan dianggap sebagai satu kesalahan yang boleh ditakrifkan sebagai amalan rasuah. Dan tindakan undang-undang bolehlah diambil. Oleh itu saya ingin menyarankan bahawa pihak kerajaan mesti mewajibkan, mesti meletakkan amalan tender terbuka sebagai satu kewajipan yang mesti diikuti oleh mana-mana badan kerajaan. Sekiranya ia boleh diamalkan saya percaya rakyat boleh menjimatkan wang selain boleh memastikan mutu perkhidmatan yang lebih baik dan juga melaksanakan *delivery* sistem yang lebih efisien dan berkesan”. Tidak ada pun teras.... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini, saya rasa Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya cuba-cuba nak bantu Yang Amat Berhormat ini. Bersungguh-sungguh nak bantu Yang Amat Berhormat tapi tak dapat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ingat ucapan, duduk-duduk dulu, ini Yang Berhormat penggal pertama saya faham, Yang Berhormat tak pernah jadi kerajaan, saya faham di sini saya sebut ialah dasar, tender terbuka mesti jadilah dasar Kerajaan Negeri, atau dasar sesebuah kerajaan di mana bila kita sebut pasal semua pemilihan kontrak-kontrak bukan kita yang buat keputusan. Kita minta semua pegawai-pegawai kita mesti tender terbuka kecuali ada perkara-perkara istimewa seperti bencana dan seperti strategik *investment* atau *economy game changer* keputusan ini dibuat oleh EXCO. Ini dibuat oleh EXCO so tak akan Yang Berhormat tak faham, ini semuanya...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya minta terima kasih. Baru bagitahu terima kasih. Boleh sambung hat lain. Saya rasa lega saya dah lega bukan satu perkara Yang Berhormat, saya sudah puas hati. Sebab baru *first time* dalam empat (4) tahun saya dengar itu....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Puas hati duduk. Dah puas hati duduk.

Ahli Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Ini saya tak puas hati. Tolong, tolong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti dulu. Duduk duduk. Saya nak jelaskan kepada Yang Berhormat sekiranya apabila sekiranya Yang Berhormat naik ada peluang jadi kerajaan kalau ada peluang jadi kerajaan, kalau ada peluang, datang ke sini ada peluang, kalau ada peluang jadi kerajaan ini dasar, dasar bolehlah dipinda sekiranya EXCO membuat keputusan dalam keadaan istimewa, ini bukan sahaja di Malaysia, ini di seluruh dunia. Bahkan di United Kingdom ataupun di Amerika Syarikat pun sama tapi yang kita lihat ia tidak menjadi dasar Kerajaan Persekutuan, bila ia menjadi dasar Kerajaan Negeri itu sebab saya sebut 99% tapi yang 1% ialah untuk *economic game changer* saya harap Yang Berhormat faham.

Satu lagi perkara yang saya nak sebut ialah tentang harga, harga tanah harga tanah ialah RM156 juta di mana datangnya nilai RM156 juta ini? Ini datangnya daripada Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta, daripada Kerajaan Persekutuan dan mengikut suratnya iaitu 13 Oktober 2015, di mana mereka menyatakan untuk tanah kekal, *freehold* RM156 juta, tanah 99 tahun RM148 juta kita gunakan harga lebih tinggi iaitu harga kekal tapi kita hanya bagi pajakan 99 tahun. So ini menguntungkan pihak Kerajaan Negeri. So di sini jangan cakap bahawa kita jual dengan harga bawah pasaran tidak. Kita jual dengan harga lebih pasaran iaitu yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta. So saya harap bahawa inilah fakta yang harus disokong oleh semua pihak kerana ini fakta jangan kita putar belitkan apa yang benar.

Satu lagi perkara ialah berkaitan dengan hospital swasta. Di sini kalau lihat konsep bandaraya perubatan bukan sahaja dari segi teknologi canggih RnD, ada doktor-doktor pakar sini tapi kita harap bahawa dua perkara penting, satu mutu perubatan yang meningkat yang dapat dinikmati oleh semua bukan sahaja pesakit-pesakit luar negeri kalau ada hospital swasta yang banyak ia juga akan meningkatkan daya persaingan dan bila meningkatkan daya persaingan maka ia akan mengurangkan kos perubatan. So sekarang apa yang jadi ialah bahawa dari segi bekalan tidak begitu memadai. Tidak cukup untuk mengisi permintaan, sekiranya kita boleh desakan atau pembaikan bekalannya, saya rasa ia akan memaksa hospital-hospital untuk bersaing dan persaingan ada baik dan kita yakin ini akan memperbaiki dan akan meningkatkan mutu rawatan dan juga mengurangkan kos perubatan kepada orang ramai secara umumnya.

YB. Dato' Yang di-Pertua, tentang pembayaran yang bayaran yang dijelaskan ialah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Y.A.B. Ketua Menteri boleh saya kongsikan sedikit. Terima kasih. Berkaitan dengan meningkatkan bekalan agar dengan itu kita boleh mengurangkan kos dia yang ini saya rasa ada sedikit *grey area* disebabkan *supplies of patient* itu adalah akan berlanjutan daripada negara luar. Banyak Negara boleh datang. Pelancong sekarang banyak negara sistem insurans dia juga membolehkan mereka caj kepada di luar negara maka disebabkan bekalan pesakit adalah *indefinite* maka objektif meningkatkan bekalan perkhidmatan perubatan di sini untuk mengurangkan kos saya tidak pasti dapat efektif dia. Saya ada satu cadangan disebabkan saya rasa situasi di kawasan Pulau Tikus di mana kita ada Adventist, Gleneagles, Island dan Loh Guan Lye satu kawasan yang dikira berdekatan. Sebenarnya situasi ini adalah ideal untuk mewujudkan satu sistem *shared services* dan mengelakkan daripada setiap hospital ini membangunkan perkhidmatan yang sama. Buat masa kini setiap hospital memajukan perniagaan mereka masing-masing. Jika kita membuat persamaan dengan sektor pembuatan, sektor pembuatan dahulu telah mewujudkan misalnya PSDC untuk....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Tikus, sekarang bukan sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Okey. PSDC untuk latihan dan sekarang persamaan dia adalah di *Center of Excellent. Allied Health Center of Excellent* yang kini membuat latihan. Tetapi *shared services* yang sektor pembuatan telah wujudkan masih belum lagi wujud bagi hospital-hospital di Pulau Pinang ini. Permohonan saya kepada Negeri adalah untuk mendalami sikit situasi pelancong perubatan ini dan boleh mengambil langkah-langkah proaktif untuk meningkatkan efisiensi sektor hospital sektor pelancong perubatan ini. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Pulau Tikus. Sebenarnya saya nak sampai kepada YB. Pulau Tikus sebelum YB. Pulau Tikus mencelah inilah jawapannya. Tentu kita faham tentang cadangan YB. Pulau Tikus untuk membiayai kos sebahagian kos perubatan bagi pesakit tempatan. Dan *preback* tersebut akan dilaksanakan seperti berikut, program dan aktiviti kesihatan percuma, program dan aktiviti gaya hidup sihat, diskaun bagi golongan kurang mampu dan penganjuran aktiviti ceramah oleh pakar perubatan. Cadangan dana khas akan dibincangkan dengan lebih lanjut dengan pihak Island Hospital kelak. So kita akan bincang apabila mereka buat itu katil satu dana untuk orang tempatan di mana mereka boleh berikan diskaun ataupun bantuan kepada mereka yang kurang berkemampuan. So ini tentu kita akan bincang, tapi kita kena faham bahawa Pulau Pinang 15 tahun dulu kita menguasai 67% daripada pasaran di seluruh Malaysia. Sekarang kita adalah susut kepada 43% dan pada masa yang sama jangan lupa bahawa bandaraya-bandaraya lain sekarang telah membina hospital swasta mereka yang besar-besar dan canggih-canggih, tengok bukan sahaja dekat Malaysia, tengok Bangkok tengok Indonesia sendiri dan baru-baru ini kita lihat satu projek mega besar dia, Pulau Hainan di mana Kerajaan China membenarkan pakar-pakar perubatan, doktor-doktor *specialist* merawat pesakit di Negara China tanpa mendapat kelulusan daripada Universiti China, ia boleh terus masuk saja untuk tempoh tiga (3) tahun. Di mana di Malaysia tidak dibenarkan, di banyak Negara tidak dibenarkan tapi di Negara China mereka telah longgarkan sehingga mana-mana pakar boleh masuk dan rawat pesakit sana untuk tempoh tiga (3) tahun yang boleh diperbaharui selepas tiga (3) tahun.

Ini adalah cabaran yang sangat besar. So untuk masa depan industri ini menghadapi banyak cabaran so kita perlukan game changer satu inovasi, satu pendekatan baru untuk menghadapi persaingan baru ini bukan sahaja dalam negeri, dalam negeri ada bandaraya lain yang sekarang mengurangkan penguasaan *shared* kita dalam pelancongan perubatan. Tapi kita pun hadapi persaingan daripada bandaraya lain so itulah sebabnya bolehkah kita terus kekal di situ saja. Sekiranya kita hanya bergantung kepada yang sedia ada tanpa ada inovasi ataupun perkembangan saya rasa kita hanya tunggu lihat bahagian atau pun penguasaan *shared* turut merosot sekarang 67% jadi 43% mungkin akan lebih kurang lagi. Sungguhpun sekarang kita nombor satu tapi ia akan tahun demi tahun kian berkurangan. Itu sebab pihak Kerajaan Negeri berusaha untuk lihat macam mana kita boleh terus kekalkan industri sektor pelancongan perubatan. Dan salah satu daripada usaha ini ialah visi *medical city* iaitu bandaraya perubatan dan mencari *economic game changer* iaitu seperti yang saya sebut tadi pelaburan RM2 billion.

Hospital ataupun sektor perubatan bukanlah satu industri yang mudah untuk untung. *Payback period*, *payback period* bermaksud masa untuk mendapat kapital *investment* masa untuk mendapat balik pelaburan, panjang. Ini bukan satu *investment* yang mudah untung, RO dan ROI nya bukan tinggi sangat perlukan masa yang panjang. So di sini bila ada pelaburan RM2 billion, mana ada pelaburan RM2 billion bukan sahaja di Pulau Pinang di tempat lain. Ini menunjukkan satu keyakinan kepada Negeri Pulau Pinang yang kita harus berasa bangga, yang kita harus menyatakan bahawa ada masa depan untuk industri pelancongan perubatan di Pulau Pinang. Sekiranya tidak tolong bayangkan, sekiranya ianya terus merosot, apa akan jadi? Pesakit-pesakit akan pergi tempat lain, doktor-doktor pun akan berpindah ke negeri lain ataupun negara lain bukannya ini satu kerugian untuk Negeri Pulau Pinang. Sila.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih Ketua Menteri. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri menyentuh tentang cabaran, saya rasa cabaran kita yang paling teruk sekali adalah Kerajaan Persekutuan yang lemah dan tidak berfungsi Kementerian Kesihatan yang sampai sekarang tidak boleh meningkatkan bilangan hospital besar menambahbaik hospital besar, menambah katil di hospital-hospital. Maka disebabkan kelemahan Kementerian Persekutuan...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pencerahan apa yang nak?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Perbandingan dengan negara-negara lain Ketua Menteri menyatakan bahawa negara-negara lain telah pun membangunkan industri pelancong perubatan mereka. Tetapi di Thailand, Kerajaan negara mereka mampu untuk menyelaraskan, mendapat manfaat daripada pelancong perubatan dan secara terus memasukan wang kepada hospital awam mereka. Di Singapura mereka boleh ada koordinasi bersama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi, ada koordinasi bersama dengan Kementerian Sains, Kementerian Kesihatan, ada usaha...(ganguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Tikus minta sudah faham saya pun tulishlah, apa yang nak minta dari Air Putih? Sila.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Untuk memaklumkan bahawa sampai sekarang, sampai sekarang saya mendengar ulasan daripada pihak kerajaan analisa kami masih dari segi ekonomi daripada segi pertimbangan ke atas ROI hospital tersebut. Tetapi jika kita melihat pertimbangan di negara-negara lain strategi mereka adalah lebih menyeluruh. Manfaat yang mereka boleh memperolehi daripada pelancong perubatan adalah lebih menyeluruh. Adakah kita menyerah diri putus asa kata itu sahaja yang kita boleh? Ataupun bolehkah kita cuba mengatasi sedikit sebanyak kelemahan kerana kegagalan Kementerian Kesihatan, kegagalan kebajikan kegagalan Kerajaan Persekutuan itu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih. Saya memang bersetuju dengan YB. Pulau Tikus. Itu kelemahan daripada pihak kementerian. Bukan itu soalan so saya memang bersetuju, so itulah sebabnya kerana tidak ada satu penyelesaian secara holistik daripada pihak Kerajaan Persekutuan maka kita menghadapi cabaran sedemikian. Dan kita harap bahawa tentulah pelaburan yang sewajarnya dapat diberikan bukan seperti sekarang semua potong-potong sana potong sini ubat pun lambat ubat kalau boleh angkat tiga (3) bulan sekarang tinggal dua (2) minggu itulah masalah yang kita hadapi sekarang. Saya ingat Yang Berhormat Teluk Bahang mengangguk-angguk kepala pun setuju. So saya nak ucapkan terima saya memang bersetuju dengan YB. Pulau Tikus dan saya rasa itulah salah satu usaha dan inisiatif kita perlu lakukan apabila Pakatan Harapan menang di Putrajaya. Sila Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Melihatkan Kerajaan Negeri mendapat begitu tinggi keuntungan daripada pelancongan kesihatan. Adakah hospital-hospital *private* ini memberi CSR kepada rakyat Pulau Pinang yang menghadapi kekurangan wang untuk mengubati kesakitan mereka sebab saya lihat kesihatan pelancongan ini hanya menguntungkan kepada *private* hospital dan bukan rakyat. Rakyat masih menderita sebab kalau macam sakit tenat seperti kanser mereka perlu RM80,000 ke RM100,000 untuk mengubati *cancer*. Adakah Kerajaan berhasrat untuk mencari jalan berkerjasama dengan hospital yang beruntung tinggi ini untuk memberi CSR kepada rakyat jelata Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri tidak memberikan sebarang wang kepada hospital swasta sebaliknya hospital swasta yang bayar wang kepada Kerajaan Negeri. So, dari aspek ini yang kita belanjakan untuk kesihatan ialah mendirikan pusat dialisis ini untuk orang yang daripada golongan tidak berada kita telah mendirikan tiga (3) buah pusat dialisis setakat ini. Tapi untuk hospital swasta kita tidak ada sebarang pelaburan atau berikan sebarang insentif untuk mereka yang tertentu tapi tentulah kita galakkan hospital swasta untuk jalankan program-program amal dan ada beberapa hospital swasta yang telah jalankan program amal seperti Adventist Hospital, Lam Wah Ee, dan juga Island Hospital dan kita pun diantara dia dan saya difahamkan itu Loh Guan Lye pun ada beberapa program tersebut tapi tentulah program tersebut bolehlah diperluaskan. Tapi ini adalah datang daripada hospital swasta. Kerajaan Negeri hanya boleh galakkan mereka dan untuk Island Hospital kita akan runding dengan mereka supaya apa yang saya sebut tadi mereka dapat menerima pakai ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, untuk satu lagi perkara berkaitan dengan pembayaran, ini daripada YB. Telok Ayer Tawar tetapi sudah tidak ada lagi. Bayaran yang dijelaskan ialah RM31 juta iaitu 20% daripada harga tanah tersebut. Saya ingin membuat penjelasan bahawa tanah tersebut masih milikan CMI. Kita tidak akan pindah milik tanah sehingga pembayaran penuh dibuat.

So, saya rasa dari segi milikan tanah tidak menjadi isu. Baki bayaran 80% kepada Kerajaan Negeri perlu dijelaskan dalam dua bayaran. Iaitu 40% dalam tempoh masa 14 hari selepas kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia dan baki 40% dalam tempoh tiga (3) bulan daripada kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia. Tanah tersebut hanya akan dipindah milik setelah semua bayaran telah diselesaikan. Dan ianya harus diselesaikan dalam tempoh masa 24 bulan dari tarikh perjanjian atau yang mana lebih awal. Ini jelas menunjukkan Kerajaan Negeri mengamalkan sistem CAT dalam rundingan dengan Island Hospital tersebut.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya pun nak rujuk kepada beberapa kenyataan atau berapa ulasan daripada parti pembangkang yang menyatakan bahawa tanah-tanah yang telah dijual contohnya tanah temasik. Saya nak beritahu Dewan yang mulia ini bahawa tanah berkaitan di mana kita ada menandatangani satu perjanjian usahasama atau *joint venture* masih menjadi milikan Kerajaan Negeri ataupun PDC. Ia tidak dipindah milik langsung kepada Temasik. So disini saya harap bahawa pihak lawan janganlah cuba membuat kenyataan yang tidak berasas dan palsu. Ini juga untuk semua tanah milikan PDC dan juga pihak Kerajaan Negeri. Kita tidak akan pindah milik selagi pembayaran penuh tidak dilangsaikan. Bukan macam itu Pulau Jerejak di mana pindah milik dibuat kepada UDA sungguhpun pembayaran penuh belum dilaksanakan. So, Kerajaan Negeri tidak akan mencontohi apa yang dibuat oleh kerajaan lama.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri pada masa yang sama tentang ulasan-ulasan yang diberikan oleh Yang Berhormat – Yang Berhormat saya ingin memberikan jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan memastikan pembangunan seimbang di antara Pulau Pinang dan Seberang Perai. Kalau sebelum ini kebanyakan pembangunan ditumpukan di kawasan Pulau. Pihak Kerajaan Negeri memberikan tumpuan kepada Seberang Perai. Di mana daripada peruntukan yang sudah dibelanjakan, ini yang sudah dibelanjakan. Ini tak kira yang belum dibelanjakan. Tapi yang sudah dibelanjakan, 77% adalah di Seberang Perai melibatkan PDC, PBAPP dan juga Kerajaan Negeri. Peratusan perbelanjaan pembangunan negeri daripada JKR, JPS, MBPP dan MPSP iaitu sehingga sekarang sebanyak RM306,000,000 telah dibelanjakan di mana di kawasan pulau RM124,000,000 sebanyak 40%, Seberang Perai RM82, 000,000 atau 60%. Untuk PBAPP, sebanyak RM484,000,000 telah dibelanjakan untuk projek-projek PBAPP. Di mana untuk Seberang Perai RM311, 000,000 atau 64%, kawasan Pulau RM173,000,000 atau 36%, untuk PDC sebanyak RM2.3 billion telah dibelanjakan di mana untuk kawasan Pulau RM401,000,000 atau 18%, kawasan Seberang RM1.9 Juta atau 82%. Menjadi keseluruhan projek yang telah dibelanjakan ialah RM3.08 bilion di kawasan Pulau RM698,000,000 atau 23% sedangkan untuk Seberang Perai RM2.4 bilion atau 77% dan ini jelas menunjukkan bahawa memang Kerajaan Negeri memberikan tumpuan kepada pembangunan di kawasan Seberang Perai kerana seperti yang dinyatakan oleh YB. Padang Kota, Seberang Perai merupakan penggerak ekonomi masa depan untuk Pulau Pinang dan ini saya rasa kita boleh lihat dari segi pembangunan.

Dari segi perubahan ia lebih ketara di kawasan seberang kalau berbanding dengan kawasan pulau. Kalau dulu di kawasan seberang tak ada sekolah antarabangsa, sekarang sudah ada sekolah antarabangsa, Gems International. Kalau dulu tak ada satu dewan yang cantik sekarang sudah ada dewan yang cantik, Seberang Perai Arena. Kalau dulu tak ada tempat untuk *shopping* yang baik, sekarang bukan sahaja ada Penang Design Village, tapi juga ada IKEA yang akan buka pada akhir tahun depan. So, itulah perubahan yang tidak pernah dinikmati sebelum ini. So, disini kita boleh lihat amat berbaloi kepada rakyat bila menyokong Kerajaan Negeri Pakatan.

Dan selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga menjalankan banyak projek-projek transformasi. Bukan sahaja projek-projek baru, kalau kita sebut tentang projek-projek baru kita tahu Escape Theme Park di Telok Bahang, dan projek-projek di IKEA juga di kawasan Batu Kawan. Tapi yang paling istimewa, yang paling sukar dilaksanakan ialah menjalakan transformasi projek gagal kepada projek yang berjaya. Contohnya PISA. Projek PISA. Satu pusat arena atau konvensyen yang gagah, yang hampir terbiar dan terabai. Atas usaha Kerajaan Negeri kita telah menjalankan satu transformasi bukan sahaja menaiktaraf PISA, tapi membina satu konvensyen bawah tanah yang baru. Projek ini membelanjakan atau kos projek ini ialah RM750 juta. Semua ini adalah datang daripada pihak swasta atas usaha Kerajaan Negeri menyelamatkan satu projek gagal dan mentransformasikannya kepada satu projek yang baru sehingga SPICE sekarang dianggap sebagai satu lagi *Economy Game Changer*. Kerana dengan bilangan peserta-peserta dalam *convention* – *convention* banyak hotel-hoteal sekarang penuh.

Ini adalah transformasi yang sebenarnya yang gagal dibawah kerajaan lama kepada berjaya di bawah Kerajaan sekarang. Satu lagi projek ialah Bukit Bendera. Dulu hanya saya rasa 200,000 lebih saja penumpang yang naik atas. Sekarang atas transformasi projek-projek yang hampir RM100 juta yang dibelanjakan di atas Bukit Bendera bukan sahaja daripada pihak Kerajaan Negeri, tapi juga daripada pihak swasta. Tiap-tiap tahun sekarang, lebih 1.6 juta penumpang sampai ada pelawat-pelawat yang bersedia tunggu dua (2) jam masa cuti umum untuk naik ke Bukit Bendera. Itulah transformasi daripada projek gagal kepada projek yang berjaya dan akhirnya projek KOMTAR saya masih ingat YB. Dato' Yang di-Pertua. Apabila kita jadi kerajaan pada tahun 2008, ini adalah satu pusat pentadbiran yang usang, uzur sampai dia gelap betul. Tapi sekarang selepas kita jalankan transformasi. Mana ada orang datang, saya rasa pengemis pun tak mahu pergi. Tapi sekarang selepas suntikan RM200 juta daripada pihak swasta ia menjadi satu ikon baru. Menjadi satu pusat tarikan pelancongan yang baru dan ini adalah satu transformasi yang sangat ketara sekali. Kalau Kerajaan lama, mereka nak lari daripada KOMTAR kerana mereka sudah *give up*. Mereka sudah putus asa nak pergi ke Bayan Mutiara. Tapi Kerajaan Baharu ini Kerajaan yang menggantikan Kerajaan Barisan Nasional kita terus kekal di KOMTAR mempertahankan KOMTAR. Memperbaharui KOMTAR. Sekarang adalah KOMTAR baharu dan inilah kejayaan yang amat menyerlah untuk Kerajaan Negeri.

Lebih mudah untuk buat projek baru macam Escape Theme Park. Telok Bahang, Escape Theme Park. Tapi kalau nak ubah, nak selamatkan yang gagal macam Butterfly Farm. Sekarang dan dulu Butterfly Farm. Sekarang Entopia. Saya nak tanya YB. Telok Bahang, cantik tak cantik? Cantik tak? Cantik tak? Puas hati. Baik. Dia pun puas hati. So itulah yang menunjukkan memang rakyat puas hati tentang transformasi yang kita jalankan. Ini tidak bermakna bahawa kita puas hati kita akan lena sahaja. Kita tak akan lena. Kita akan terus bekerja secara berpasukan untuk membawa perubahan kepada rakyat dan memastikan bahawa sistem pentadbiran, sistem CAT untuk menjalankan transformasi Pulau Pinang menjadi negeri keusahawanan dan negeri kebajikan dapat berjaya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Boleh beri saya laluan. Terima kasih saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Air Putih sudah menjadikan Negeri Pulau Pinang satu negeri yang masyhur dan terdapat banyak yang dipertingkatkan. Saya harap Y.A.B. Air Putih boleh bagi kita semua KADUN berapakah pembangunan di KADUN masing-masing sebab YB. Seberang Jaya kata terdapat banyak peruntukan untuk pembangunan di Bukit Mertajam ada dua tiga *building* yang terbiar, dari dulu saya pun dah pernah minta pertolongan daripada Y.A.B. Air putih untuk mencari pemaju yang boleh menyelamatkan *building* yang terbiar seperti bangunan utama Eugene yang di bandar Bukit Mertajam sebab 9 tahun saya sudah di sana tak ada orang datang untuk membersihkannya atau menyelamatkannya. Saya harap Y.A.B. Air Putih, Ketua Menteri kita akan bagi sikit ruang dan membangunkan *building* yang terwujud di Bukit Mertajam. *Thank You*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada YB. Berapit. Sebenarnya bila kita nak jalankan itu projek pembaharuan, ada pula berita yang menyatakan bahawa itu hospital ada minat. So itu sebab kita tunggu pula. Nampaknya dia macam nak maju lepas tu undur. Maju undur. So itu yang buat susah. Tapi kita akan cuba usahakan projek ini supaya ia dapat dipulihkan.

Sebelum saya habis ucapan saya, saya minta 10 minit sahaja. Bila kita sebut tentang projek-projek tadi, ini tidak bermakna bahawa kita lupa tentang projek-projek kecil. Macam baru-baru ini kita lancarkan pembinaan jeti di Changkat. Saya bersama dengan Yang Berhormat daripada Padang Kota dan Jawi, satu projek Jabatan Perikanan dulu di mana mereka telah di lupa oleh LKIM ataupun Jabatan Perikanan saya pun tak pasti jabatan mana. Dan apabila mereka minta bahawa bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya dimasukkan, mereka tidak diendahkan oleh pihak berkenaan. So selepas menerusi YB. Padang Kota dan YB. Jawi kita akhirnya memberikan sedikit peruntukan RM380,000. Bukan banyak.

Tapi kita boleh lihat membawa perubahan besar, buat jalan masuk ke jeti. Buat jeti lebih panjang sikit. Masuk bekalan air, kita harap bahawa mungkin Yang Berhormat di sini boleh sampaikan kepada pihak pusat. Jangan kerana ini dalam kawasan Jawi mereka sudah tak mahu ambil peduli cuci tangan. Jangan. Kalau boleh marilah kita kerja secara bersama. Sungguh pun mereka adalah nelayan di kawasan Jawi, mereka tetap juga nelayan dan harus diberikan perhatian dan saya berharap bahawa pihak Kerajaan Persekutuan bolehlah menjalankan tanggungjawab mereka untuk keperluan nelayan di kawasan Changkat.

Perkara terakhir yang saya hendak bawa ialah yang saya pernah tanya YB. Bertam, bila kita sebut tentang pembangunan hal ehwal Agama Islam, nanti YB. Batu Maung akan cerita secara panjang lebar. Saya hanya hendak sebut bahawa kita telah naikan peruntukan untuk hal ehwal Islam sebanyak 84% daripada RM249 juta kepada RM457 juta, ini tidak termasuk nilai tanah sebanyak RM84 juta yang kita berikan untuk membina kompleks Kehakiman Syariah, Mahkamah Tinggi di Jalan Scotland. Ini tidak diambil kira kalau di ambil kira jadi RM537 juta. Yang menjadi hal sekarang, ialah kenyataan oleh Pengerusi MCA Pulau Pinang. Okeylah, saya tidak mahu YB. Bertam menjawab kerana ini penggal pertama beliau, tetapi saya tengok semua yang senior ini lari lintang-pukang kerana mereka tahu saya akan timbul isu ini...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cuti sakit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Beliau cuti sakit? Saya bersimpati, jadi tidak lari lintang-pukanglah. Saya harap berikan satu keadilan kepada Kerajaan Negeri, tak kan kerana kita naikan peruntukan untuk hal ehwal Islam sebanyak 84% kepada RM457 juta, kita dianggap sebagai anti Cina, sama juga kalau kita beri peruntukan untuk sekolah Cina, tak kan ini dianggap sebagai anti Islam. Bolehkah betulkan *you* punya rakan anda MCA?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya minta Yang Amat Berhormat kempen bagi MCA menang dua tiga *seat* dalam Dewan ini baru dia boleh jawab, saya tidak boleh jawab, saya pun tidak tahu isu ini...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Telok Bahang hendak bagi kerusi Yang Berhormat kah?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Bukan, saya kata Yang Amat Berhormat tolong kempen MCA bagi menang *seat* dalam Dewan baru boleh lawan dengan dia. Yang Amat Berhormat cakap tetapi dia tidak ada dalam Dewan, ataupun kita minta dialog dengan dia di luar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini bermakna Yang Berhormat sokong dengan apa yang dinyatakan oleh Pengerusi MCA.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya sudah katakan saya tidak tahu dan tidak dapat maklumat perkara ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dapat atau tidak dapat maklumat...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya minta Yang Amat Berhormat bawa perkara ini *debate* dengan MCA di luar. Saya pun hendak dengar juga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kenapa hendak *debate*? Kalau dia hendak guna taktik *chauvinist*, *racist* dan perkauman seperti ini kita tidak berminat. Sama seperti UMNO gunakan terhadap pihak kami, kata kita anti Islam dan sebagainya. Saya telah pun tanya YB. Bertam dan YB. Bertam jawab ini penggal pertama dia, tetapi saya sudah bagi notis sebelum ini. Saya dan YB. Padang Kota bukan sahaja kita rasa kurang senang, YB. Pantai Jerejak, YB. Batu Maung, YB. Seberang Jaya pun rasa kurang senang hati. Kita tanya baik-baik, adakah Yang Berhormat dari Pembangkang rasa ini betul atau tidak? Bahawa kerana bila kita naikan peruntukan untuk hal ehwal Islam, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang anti Cina. Ini telah pun dinyatakan dan mereka tidak menafikan. Sama juga selalu kita kena hentam kerana bila kita bagi wang untuk sekolah Cina, ataupun untuk tokong dan kuil, kata kita anti Islam. Jangan mainkan sentimen sedemikian. Pihak Kerajaan Negeri tidak pernah kritik Kerajaan Pusat bagi wang untuk Agama Islam, itu anti Cina atau bagi wang untuk bukan Islam itu anti Islam. Mengapa politik seperti ini dipermainkan. Saya harap perkara ini, saya tahu Yang Berhormat akan jawab saya ini *first term assemblyman*, saya tidak boleh jawab dan

sebagainya.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan Y.A.B. Air Putih. Semalam saya rasa bila dengar ucapan yang dikeluarkan oleh Air Putih, mata Air Putih memandang ke galeri maksudnya sebab ada Pengerusi MCA pada masa tersebut. Jadi jawapan saya pada Air Putih menyatakan bahawa persoalan Air Putih akan terjawab sebab yang di dalam sudah dengar, yang di luar pun sudah dengar. Kemudian Air Putih minta supaya saya selaku YB. Bertam menasihati, *something like that*, menyampaikan...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

State your stand.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Kemudian saya katakan kepada Air Putih saya penggal pertama, saya tidak mahu jawab tetapi hari ini kalau Air Putih masih menimbulkan, untuk saya sampaikan tidak ada masalah tetapi sama ada pihak tersebut mahu mendengar atau tidak, itu saya tidak boleh jamin, itu sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya harap kalau kita hendak berpolitik pun, marilah berpolitik secara sihat. Kenyataan seperti ini harus dikecam tidak kira sama ada kawan atau lawan. Kalau ini salah, kita kata salah, tidak boleh diterima langsung. Itulah saya harap rakan-rakan di sebelah sini boleh mengecam kenyataan yang berbau sensitif ini, boleh tidak?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. Masalahnya apabila Ketua Pembangkang ucap dan kata apa besarnya Pakatan Harapan bagi peruntukan kepada pembangunan Islam, sekian, sekian jumlah sahaja, Barisan Nasional bagi lebih banyak. Kalau menggunakan logik, Pengerusi MCA, UMNO yang lebih anti Cina.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Itu perlu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Betul, betul. Saya rasa di sini...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Itu putar-belit. Kenapa hendak kata mengenai UMNO, kalau Yang Amat Berhormat ada masalah dengan MCA...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu semua analogi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tidak boleh cakap macam itu. Sekarang sudah rasa sakit. Siapa yang cakap main politik....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan sedikit sahaja. Yang menghairankan, kenyataan tersebut dikeluarkan oleh seorang pemimpin yang bukan beragama Islam, yang bukan berbangsa Melayu yang mengeluarkan kenyataan, itu bukan bermain politik. Itu pandangan dia sendiri sebagai seorang yang bukan berbangsa Melayu yang bukan beragama Islam, dari pandangan beliau menyatakan bahawa ini apa yang beliau nampak.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Adakah pandangan dia betul atau tidak? Patut diketuk atau tidak? Boleh berpuas hati atau tidak?

Y.A.B.Ketua Menteri:

Mereka semua tidak mahu sebut, saya sebut di sini. Tadi Yang Berhormat kata pandangan itu datang dari seorang bukan Melayu dan bukan beragama Islam, saya bukan Melayu dan bukan beragama Islam, saya kecam dan ketuk kenyataan berbaur perkauman beliau, okey.

Marilah kita sebagai rakyat Pulau Pinang yang budiman, kita berganding bahu untuk anak-anak kita, bersatu untuk masa hadapan mereka dan kita mengekalkan keamanan dan keharmonian agar mereka boleh hidup dengan bermaruah.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua penjawat Kerajaan Negeri termasuk juga dari pasukan keselamatan dan juga kepada pasukan saya, pasukan barisan EXCO saya. Saya juga tidak tahu sama ada ini adalah kali terakhir kita bermesyuarat tetapi saya ingin ucapkan terima kasih kepada 30 ADUN penyokong Kerajaan Pakatan. Atas usaha pasukan ini, Pulau Pinang berada dalam landasan yang baik dan saya rasa dan percaya ianya cerah. Marilah kita terus menjadikan Pulau Pinang lebih bersih, lebih hijau, lebih sihat dan lebih selamat. Sudah tentu kita berharap bila kita bertemu sekali lagi selepas pilihan raya yang besar, kita harap boleh berjumpa sekali lagi. Tetapi untuk pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita bukan macam Kerajaan Barisan Nasional, sehingga hari ini kita tidak tahu siapa pengganti kepada Perdana Menteri. Kita tidak tahu siapa sebenarnya yang akan jadi pengganti kepada Perdana Menteri tetapi untuk Pulau Pinang kita tahu siapa akan jadi pengganti. Pengganti kalau saya tidak ada tentulah adalah YB. Padang Kota.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Salah Yang Amat Berhormat, ini pun tak *confirm* lagi. Dr. Mahathir penasihat, tukar pengganti.

Y.A.B.Ketua Menteri:

Janganlah iri hati YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Kita ada Timbalan Ketua Menteri I dan II di situ kenapa YB. Padang Kota? Jagalah hati kawan. Baru-baru ini Tun Mahathir pun kena.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Dato' Rashid mari sini.

Y.A.B.Ketua Menteri:

Selamat menyambut bulan Ramadan dan Selamat Berpuasa kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam dan juga kepada semua yang beragama Islam di Pulau Pinang dan Selamat Maju Jaya. Sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak tangguhkan Dewan untuk berhenti rehat. Ahl-ahli Yang Berhormat, dengar sini...(gangguan). Ketua Menteri ada, Speaker pun ada di sini juga, nantilah dulu, saya belum lagi tangguh. Saya tangguhkan mesyuarat dan kita jumpa balik pada jam 8.30 malam.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.

Dewan bersambung semula jam 8.30 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan bersambung semula. YB. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian dalam penggugungan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan komited dalam perbahasan melibatkan Portfolio MMK Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti. Pada sidang Dewan kali ini Yang Berhormat dari Permatang Pasir, YB. Telok Ayer Tawar, YB. Sungai Acheh, YB. Sungai Pinang, YB. Jawi telah menyentuh dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Portfolio MMK Belia iaitu portfolio saya.

Saya ingin menjawab kepada soalan yang bawa oleh YB. Sungai Pinang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh YB. Sungai Pinang kesaksamaan gender telah terbukti di peringkat antarabangsa yang membawa manfaat bukan sahaja kepada wanita malah bermanfaat kepada keluarga dan masyarakat secara keseluruhan. Keupayaan menjaga keluarga dari segi mental, fizikal dan ekonomi, perkahwinan yang lebih saksama dan perkongsian tanggungjawab menjaga keluarga dan anak-anak memberi kesan positif seperti anak-anak yang lebih sihat dan gembira. Ibu bapa yang lebih rapat dengan anak-anak kadar penceraian lebih rendah serta keluarga yang lebih stabil. Program-program PWDC bertujuan mempertingkatkan penerapan nilai kesaksamaan gender yang berlandaskan nilai hormat menghormati serta menjamin pembangunan sosial budaya dalam keluarga secara tidak langsung.

PWDC mengambil peluang untuk menetengahkan isu-isu perkongsian tanggungjawab individu sebagai suami dan isteri dan mewujudkan keluarga harmoni dan seterusnya membentuk masyarakat yang harmoni dalam program-program yang dianjurkan. Program-program yang dianjurkan bukan sahaja mensasarkan kepada golongan wanita tetapi juga kepada golongan lelaki dan kepada keluarga. Ini termasuklah program-program yang dianjurkan bersama dengan MBPP seperti Program Ini Hal Lelaki dan Anak Bapa yang telah dijalankan sebagai *Program Pilot* yang telah mendapat sambutan yang baik daripada peserta. Namun demikian perlu kita ingat bahawa pembangunan sosial budaya dan keharmonian dalam keluarga adalah tanggungjawab semua pihak. Saya juga mengalu-alukan cadangan YB. Sungai Pinang untuk mensyaratkan 5% ibu tunggal warga emas dan ibu tunggal sebagai tenaga kerja.

Bagi ekonomi Pulau Pinang ia merupakan satu langkah merapatkan jurang pendapatan dan meningkatkan ekonomi sosial golongan ini. Namun demikian perkara ini perlu diambil perhatian dan penelitian dan perancangan khusus terhadap kebolehlaksanaan cadangan ini. Sebuah jawatankuasa khas perlu ditimbang sebelum cadangan ini boleh dilaksanakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kadar pernyataan tenaga buruh *labour force participation rate* bagi Malaysia untuk 2015 bagi golongan wanita ialah 54.1% berbanding dengan 80.4% untuk golongan lelaki. Pada tahun 2010 Pulau Pinang dinyatakan telah mencapai kadar yang tinggi dalam penyertaan wanita dalam tenaga kerja iaitu 56.5% berbanding dengan 14% di peringkat kebangsaan.

Walau bagaimanapun, kadar tenaga buruh lelaki di Pulau Pinang masih jauh lebih tinggi pada kadar 80.5 peratus, jurang gender keseluruhan dengan itu mencatat 24% di Pulau Pinang berbanding dengan 52.5% di seluruh negara. Nampaknya walaupun sudah beberapa tahun jurang gender ini masih wujud diperingkat negeri dan kebangsaan dan seluruh dunia untuk menggalakkan wanita melibatkan diri dalam tenaga kerja atau kilang atau bidang ekonomi Pulau Pinang, kita haruslah memahami halangan terhadap wanita melibatkan diri dalam sektor formal dan dalam kadar pernyataan tenaga buruh. Pelbagai kajian telah dijalankan diperingkat global dan tempatan. Yang Berhormat telah menyatakan halangan adalah seperti berikut, *McKinsey* pada tahun 2012 yang bernama "beban berganda" di mana wanita dibebankan dengan kerja di rumah tanpa sokongan yang diperlukan. Di Malaysia 60.5% wanita yang di *survey* mengatakan kerja rumah sebagai sebab tidak mencari kerja. Tan dan Subramaniam pada tahun 2013 mengatakan wanita tidak dapat bekerja jika suami tidak membenarkan. Tiada sokongan atau pertolongan diberikan dengan beban berganda. Jadi polisi dan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah mencuba mengatasi halangan-halangan ini untuk mewujudkan satu alam yang lebih *enabling* yang membolehkan wanita dan ini merupakan tugas utama portfolio saya dan juga PWDC.

YB. Sungai Pinang juga membawa isu pemutihan taska dan sistem penjagaan kanak-kanak yang selamat dan komprehensif, menjawab pertanyaan YB. Sungai Pinang ini, Kerajaan Negeri amat menitik berat penyediaan kemudahan taman asuhan kanak-kanak (taska) untuk membantu ibu bapa terutamanya kaum ibu mengimbangkan kerjaya dan penjagaan anak-anak dan rumah tangga. Pada masa ini proses pemutihan sedang terus giat dijalankan bersama MBPP, MPSP, Pusat Jagaan JKM dan agensi-agensi yang berkenaan. Cadangan penafian pusat jagaan kanak-kanak sebagai khidmat sosial akan diperhalusi di dalam jawatankuasa khas yang akan ditubuhkan dalam masa terdekat.

YB. Pulau Betong ada membawa isu bahawa Kerajaan Negeri tidak menunaikan janji untuk berkonsultasi dengan rakyat. Saya hendak katakan di sini ini adalah tidak benar, tidak betul. Jadi untuk maklumat dia walaupun dia tidak ada di sini saya jawab juga kerana ini adalah penting, hari itu dia banyak kali kata EXCO-EXCO tiada di sini, hari ini dia pun tidak ada tetapi kerana dia sakit, jadi saya akan jawab kepada dia. Jadi untuk makluman Dewan ini, Kerajaan Negeri melalui PWDC telah mengguna pakai gender *Responsive Participatory Budgeting (GRPB)* tahun 2012. GRPB adalah pendekatan menyeluruh kerajaan yang melibatkan masyarakat, agensi dan semua peringkat kerajaan, ia merupakan merapatkan jurang antara pengguna dan penyediaan perkhidmatan. GRPB memenuhi keperluan tadbir urus baik dan kesaksamaan gender serta merupakan kaedah untuk mencapai dasar dan bajet yang paling berkesan, cekap dan adil. GRPB membantu Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti perbezaan keperluan setiap kelompok masyarakat yang berlainan, contohnya keperluan wanita dan lelaki dengan mengambil pertimbangan menyeluruh mengikut perbezaan keadaan kesihatan, pengalaman, keperluan, sumbangan dan potensi masing-masing. Jadi ini ialah kita pergi kepada kumpulan yang terlibat dalam projek-projek kita.

Jadi selari dengan agenda 2030 untuk pembangunan lestari ataupun 2030 *agenda for sustainable development* yang diterajui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kerajaan Negeri dengan kerjasama PWDC telah membawa usaha mengarus perdanakan gender dan pemerkasaan wanita melalui pengistitutan GRPB di peringkat Kerajaan Tempatan. Peranan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai penyelia perkhidmatan yang berurusan secara langsung dengan komuniti sebab sememangnya menjadi kunci utama kepada kejayaan agenda 2030 ini. Kita mengguna pakai pendekatan penyertaan komuniti. YB. Teluk Bahang ada menanya pembangunan belia Negeri Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Jahara Binti Hamid):

Minta laluan YB. Padang Lalang, terima kasih. *Gender rResponsive and Participatory Budgeting* telah berapa lama diumumkan dan saya rasa setiap kali YB. Padang Lalang berucap, setiap kali itulah beliau menyebutkan Program *Gender Responsive Budgeting* dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Bolehkah maklumkan kepada Dewan, apakah kejayaan yang telah diperolehi. Setakat manakah *responsive* dalam erti kata lain yang telah dicapai selama ini dan mengakhiri penggal kita ini setakat mana yang dapat dicapai untuk kita maklumkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey, memang saya ada sediakan jawapan ini. Yang satu ialah Transformasi komuniti PBT melalui usahasama pintar bersama PWDC telah membuktikan bahawa terdapat pelbagai cara kreatif untuk menggalakkan penyertaan wanita dan lelaki dalam proses membuat keputusan dalam menentukan keperluan dan bajet bagi projek atau program pembangunan awam dan memastikan sumber bajet kepada kumpulan sasaran yang memerlukan pendekatan, penyertaan rakyat yang dilakukan melalui kaji selidik banci kumpulan-kumpulan bincang fokus group, undi keperluan penduduk, projek kita dan Sesi *Town Hall*, dialog bajet dibuktikan bahawa konsultansi dan dialog bersama komuniti dapat membolehkan komuniti menjadi agen perubahan dan transformasi kepada pembangunan lestari.

Pada penyertaan rakyat yang dijalankan ada di PPR Ampang, PPR Jalan Sungai, rumah kedai di Taman Sri Pinang, Sungai Pinang, duit kita hal kita di KADUN Machang Bubuk, Bukit Mertajam, Taman Jajar Kenari, Taman Tunku, Seberang Jaya, Pasar Lebuah Campbell dan lain-lain lagi. Kami mendapati bahawa selepas kita menjalankan GRPB di situ umpamanya di PPR Jalan Sungai di mana kita berjaya memberi keyakinan kepada penduduk di situ menubuhkan persatuan yang mematuhi kepada keseimbangan gender dan mereka menguruskan projek kebersihan iaitu dahulu kebersihan dijalankan oleh MBPP. Sekarang MBPP memberikan kerja pembersihan ini kepada mereka dan kita nampak bahawa sangat berkesan. Tempat itu lebih bersih sekarang dan tunggakan sewaan itu pun telah dikurangkan dengan mendadak. Dahulunya tunggakan sehingga RM1 juta sekarang RM200,000.00, jadi ini salah satu kejayaan dan ada kejayaan lagi ialah sekarang kami menetapkan bahawa dalam JKKK dia mesti mempunyai sekurang-kurangnya 30% ahli wanita.

Untuk mencapai matlamat ini kita memberikan tempoh empat (4) tahun, kalau pada tahun ke 4 dari sekarang JKPP itu tidak dapat cari juga ahli wanita lima (5) orang *out of 15*, jadi dia tidak boleh tubuhkan, JKPP mesti cari sampai ada lima (5) orang baru boleh tubuhkan. Saya rasa ini boleh digunapakai di negeri-negeri yang lain ataupun di dalam JKPP yang dilantik oleh Kerajaan Pusat. Juga kita bekerjasama dengan MMK Pertanian di mana projek-projek pertanian juga ada sekurang-kurangnya 30% penyertaan mesti terdiri dari golongan wanita. Ini adalah beberapa kejayaan, sekarang kita merancang supaya dapat melaksanakan proses yang sama di banyak lagi rumah-rumah pangsa seperti tahun ini telah melaksanakan ini di Desa Wawasan kerana di Desa Wawasan kita pun tahu ada banyak masalah juga, ada banyak tunggakan dan banyak wang kerajaan telah dibelanjakan untuk menaik taraf, tetapi kita berikan lif nanti dia akan rosakkan lagi, kita pasang CCTV nanti CCTV pun rosak, curi air, curi elektrik banyak berlaku, jadi kita rasa ini GRPB akan mengubah keadaan di situ. Ini adalah sedikit contoh(ganguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB. Padang Lalang sebab bila sentuh isu GRPB dan PPR di Jalan Sungai, saya rasa saya ialah ADUN di kawasan tersebut. Jadi saya rasa saya tahu apakah keadaan di kawasan itu. Memang PPR Jalan Sungai itu. Orang kata flat RM100.00 dan PPR ini disewakan kepada golongan yang miskin, cuma sewa 1 unit 3 bilik RM100.00 sahaja dengan RM2.00 IWK, sebulan RM100.00 sahaja dan ini adalah satu kisah bahawa bersebelahan ada satu rumah pangsa juga ia adalah LMC. Malah ini adalah golongan miskin PPR RM100.00 ia terkenal dengan nama flat RM100.00 kalau kata di mana Jalan Sungai PPR itu orang tidak faham, kalau kata RM100.00 flat orang akan faham. Tetapi ini membawa kepada satu implikasi bahawa ia adalah golongan yang semuanya miskin, mereka dipandang hina dipandang rendah. Bila GRPB *come in* saya berterima kasih, sebab bila dikaji selidik semua itu dilakukan dengan kerjasama daripada penduduk, mereka rasa ada *ownership*. Apakah PWDC mereka adakan kaji selidik bahawa apakah kehendak kamu sebagai seorang penduduk di PPR Jalan Sungai, jadi *ownership* sebab golongan yang berbeza, ada kehendak keperluan yang berbeza.

Jadi satu projek kebersihan itu yang sangatlah penting bahawa ia juga memberi peluang pekerjaan kepada penduduk di PPR Jalan Sungai. Projek itu mesti mengambil kira pekerja dari wanita, dari OKU. Dia memberi peluang pekerjaan kepada mereka dan sebelum itu memang kalau kamu pergi tak ada orang nak masuk PPR itu. Flat di tepi itu pernah penduduk kata mereka ada aduan bahawa dari penduduk di PPR kata mereka pandang rendah kami.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, sekarang masa penggulangan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Sebab boleh tak saya rasa ramai orang tak faham yang apa itu GRPB. Saya rasa. Sebab yang ini berlaku di kawasan saya. Saya rasa kalau boleh saya ingin beritahu, kalau kamu dah dah tahu kami mesti kata PWDC tolong datang ke tempat saya untuk membuat projek GRPB ini. Lepas kontrak kebersihan, memang kawasan itu lebih bersih daripada yang di tepi itu. Sekarang mereka kata kami adalah villa seratus bukan PPR seratus. Mereka rasa bangga ada *ownership* dan bila-bila kamu pergi bersih dan mereka semua adalah pekerja kebersihan itu adalah penduduk yang tinggal di sana dan semua adalah penduduk setempat. Mereka rasa kalau nak buang sampah pun tak mahulah. Ini jiran kita yang sapu, yang bersih. Jadi memang ini adalah satu kejayaan. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Kalau YB. Telok Ayer tawar mahu tahu lebih, kita boleh *arrange visit to* Sungai Pinang PPR. Untuk menjawab pertanyaan YB. Telok Bahang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melantik Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang ataupun PYDC dan Penang institute untuk menjalankan kajian dan menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negeri Pulau Pinang untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh golongan belia di Negeri Pulau Pinang dan kehendak mereka. Ini *consultation with the youth*. Soal selidik tersebut merupakan salah satu metodologi kajian yang disediakan untuk mengetahui pandangan warga belia dalam Negeri Pulau Pinang.

Pengumuman keputusan soal selidik tersebut merupakan laporan interim bagi Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negeri Pulau Pinang. Kos yang dinyatakan sebanyak RM99,000.00 merupakan kos keseluruhan untuk menyediakan pelan tindakan pembangunan belia negeri Pulau Pinang manakala kos soal selidik yang melibatkan 606 orang responden, seorang responden menjawab sebanyak 145 soalan

adalah sebanyak RM54,833.80. Jadi ada ramai Yang Berhormat juga sangat minat tahu bagaimana negeri kita membentuk atau menghasilkan lebih ramai atlet negeri. Secara keseluruhan, bagi membina atlet negeri yang berdaya saing...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ada satu lagi Yang Berhormat tak jawab. Berapa banyakkah wang yang diberikan sebagai bantuan untuk Majlis Belia Negeri?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Untuk bantuan yang diberi kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, ialah sebanyak untuk sejak tahun 2013 hingga sejumlah yang diberi ialah RM467,000 yang mereka belanja. Yang dibiayai kepada mereka ialah RM300,000 untuk 2013. 2014, saya tak ada angka di sini tetapi mulai...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Nanti bagi kat saya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ya, nanti bagi. Tapi untuk 2015 tiada geran yang dahulunya ialah di beri secara satu geran. Satu *lump sum* kepada MBN. Mulai 2015, cara begini tidak di guna lagi. Semua persatuan ialah sendirinya memohon peruntukan untuk menjalankan program-program atau aktiviti. Untuk dia di salur melalui PYDC dan juga diluluskan melalui MMK Belia Dan Sukan. Jadi mulai tahun 2015, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak lagi menyalur peruntukan secara langsung kepada MPNPP sebaliknya peruntukan diberikan melalui MMK Belia & Sukan serta PYDC. Sejak itu program-program yang memohon menerusi pejabat EXCO Belia Dan Sukan telah disalurkan sebanyak RM1,005, 573.43 melalui peruntukan MMK Belia Dan Sukan bagi 100 program dan jumlah RM558,929.97 melalui peruntukan PYDC bagi 69 program.

Jadi saya nak sambung dalam untuk memberitahu Dewan ini bagaimana kita membentuk atlet negeri. Secara keseluruhan, bagi membina atlet negeri yang berdaya saing ianya memerlukan komitmen serta kerjasama yang luas dan berterusan di antara semua pihak bermula sejak di bangku sekolah sehingga ke peringkat atlet tersebut mencapai kejayaan di arena antarabangsa. Semua pihak termasuk keluarga berperanan dalam mencungkil bakat anak-anak sejak kecil lagi. Dasar Satu Murid Satu Sukan (SMSS) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya merupakan satu langkah yang amat baik dalam menyumbang kepada pemerkasaan sukan di Malaysia termasuk pada Pulau Pinang. Melalui dasar SMSS setiap murid digalakkan menyertai sukan dan ini sudah tentu membantu meluaskan bakat-bakat sukan yang ada di peringkat akar umbi.

Atlet-atlet yang menyerlah dalam program sukan di sekolah akan diserap di bawah Pusat Latihan Daerah atau Sekolah Sukan Negeri. Pada dasarnya mereka yang cemerlang di sekolah atau peringkat daerah, ataupun sekolah sukan negeri boleh juga ditempatkan di Sekolah Sukan Malaysia di Bukit Jalil atau mengikut program latihan yang dilaksanakan oleh Persatuan Sukan Negeri di bawah pengawasan jurulatih sepenuh masa yang disediakan oleh Majlis Sukan Negeri. Kejayaan sukan amat bergantung kepada pembangunan sukan secara holistik. Dalam kerjasama pelbagai pihak, pelan pembangunan sukan pada dasarnya adalah sistem sukan di Malaysia. Hampir setiap murid akan melalui sistem pendidikan kebangsaan yang merupakan *catchment area* bagi mengenal pasti bakat murid atlet dari Majlis Sukan negeri akan melaksanakan program ujibakat bagi menyerap atlet-atlet yang berpotensi untuk menjalani Latihan Pembangunan Sukan Negeri dan seterusnya dipertandingkan di Kejohanan Sukan Malaysia ataupun SUKMA serta diberi pendedahan terusan untuk mengikuti kejohanan-kejohanan sukan peringkat antarabangsa sebagaimana yang diharungi oleh hampir ke semua atlet-atlet tersohor negeri dan negara.

Untuk mewujudkan kejayaan dan melahirkan atlet-atlet yang berwibawa, jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, Persatuan Sukan Kebangsaan Dan Negeri serta badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang lain juga amatlah penting.

Di bawah program Kita Juara yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia, saya dengan bangganya memaklumkan sebanyak 35 orang atlet Pulau Pinang yang terdiri dari 17 atlet wanita dan 18 atlet lelaki merangkumi 15 jenis sukan telah disenarai untuk mewakili negara di Kejohanan Sukan SEA ke 29 di Kuala Lumpur tahun ini pada 9 hingga 30 Ogos tahun ini nanti. Jadi saya nak ucapkan tahniah kepada mereka dan semoga mereka bermaju jaya. Tapi mereka belum di *finalise* lagi. Jadi bukan semuanya. Bukan semuanya akan mewakili negara untuk bertanding di SEA Games. Saya juga sukacita

memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menganjur Asia Pacific Master Games pada tahun 2018 iaitu tahun depan. Pada bulan September, dari 8 – 16 September tahun depan. Keberlangsungan Kejohanan Asia Pacific Master Games iaitu acara mega yang mensasarkan penyertaan sekurang-kurangnya 5,000 atlet, bekas atlet dan penggiat sukan berumur 35 tahun ke atas dari seluruh pelusuk dunia untuk menyertai 21 jenis sukan di bawah payung *International Master Games Association* akan pasti memperkasakan sukan pelancongan di Negeri Pulau Pinang yakin meletakkan Pulau Pinang sebagai bandaraya sukan.

Urusetia APMG Penang 2018 yang berpusat di Stadium Bandaraya Pulau Pinang kini giat melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan pemasaran bagi memperkenalkan negeri Pulau Pinang berserta kejohanan yang bakal dianjurkan ini. Semasa lawatan ke Kejohanan World Master Games 2017 di Oakland, New Zealand yang berlangsung pada 20 - 26 April tahun ini. Majlis penyerahan bendera APMG Penang 2018 telah disempurnakan oleh IMGA kepada delegasi Kerajaan Negeri.

APMG Penang di lihat mampu membangunkan industri sukan pelancongan negeri Pulau Pinang yang turut sama mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat terutamanya golongan yang berusia dan veteran sebagai ramai di sini lah. Tapi bukan veteran sahaja, mereka yang berusia 35 ke atas boleh mengambil bahagian. YB. Dato' Speaker pun boleh ambil bahagian ya. Kalau berenang 25 tahun. Untuk acara berenang. Bolehlah. Jadi boleh dari sekarang lantik satu pasukan bola sepak. Pengkalan Kota untuk bertanding dan semua ADUN, semua Yang Berhormat digalakkan untuk mengambil bahagian. YB. TKM I dia sudah kata dia akan ambil bahagian dalam acara *football* dan juga berbasikal.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Minta laluan. Itu *team* yang *participate* itu kena ada kuota wanita ka?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tak ada. Ini dia ada pasukan lelaki dan pasukan wanita. Sebenarnya di dalam *football*, *football*, *softball* dan hoki di Oakland itu lebih ramai *team* wanita.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Tak payah minima lima (5) orang wanita.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tak payah, itu tak payah. Semua lelaki saja. Tapi sekiranya boleh hantar satu pasukan lelaki satu pasukan wanita lebih baiklah.

Ini untuk menjawab YB. Telok Bahang juga. Sejak tahun 2008 hingga 2016 Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan sebanyak 84 projek naiktaraf kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negeri yang melibatkan kos sebanyak RM42 juta. Untuk YB. KOMTAR, YB. KOMTAR yang cadangan itu badminton dilatih dua (2) sesi ya....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat mohon penjelasan, apa yang saya minta daripada Yang Berhormat semenjak 2008 sampai sekarang berapa banyakkah padang bola sepak awam di bina. Berapa banyakkah gelanggang volleyball, *outdoor game*. Sebab kita tengok perkara-perkara ini kita tak nampak. So, saya minta daripada dahulu sampai sekarang dah berapa banyak yang kita buat sebab kita banyak kawasan perumahan, so, anak-anak kita tak ada tempat bermain *outdoor* macam gelanggang *basketball*, *volley ball*, padang bola sepak supaya anak-anak kita ini dapat ada aktiviti sukan luar daripada mereka jadi *computer addicted* dengan *games*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Telok Bahang, saya baru nak kata kalau jawapan seperti ini, lebih baik ia ditanya secara bertulis kerana banyak mesti disenaraikan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tak apa Yang Berhormat boleh bagi saya selepas ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey. Jadi saya harap pegawai senarai itu memang ada tetapi tak ada disini lah. Boleh diberi nanti ya. Untuk YB. Telok Ayer Tawar ini padang bola di Bukit Mertajam ataupun Bandar Perda itu akan dinaiktarafkan pada tahun ini. Permatang Rawa akan dinaiktaraf pada tahun ini. Memang sudah ada rancangan dan sudah ada peruntukan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Isu padang bola di Permatang Rawa ini dimohon oleh BMRC. Sebab dia orang ini dulu ada padang BMRC di Bukit Mertajam. Sekarang jadi tapak Hotel Summit dan mereka dipindahkan ke tapak baru di Permatang Rawa. Tetapi dimaklumkan tanah itu milik Kerajaan Negeri tetapi untuk mereka terus membuat latihan, pertandingan, hari-hari digunakan memerlukan kebenaran Kerajaan Negeri bagi mereka guna tanpa bayaran.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memang sekarang mereka yang urusnya. BMFA yang urusnya dan kita memang sangat faham kita sangat dekat dengan rakyat kita. Dan seperti yang GRPB ini, jadi sama juga di sini, kita tahu mereka ada *league* sudah banyak tahun dan ada 64 *team*. Dia main tiap-tiap hari dan memang kita nak memperkasakan rakyat atau warga sukan seperti ini. Jadi tak perlu bimbang kita akan pastikan mereka boleh terus bermain di situ.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat akan sentuh tentang isu prestasi bola sepak pasukan Pulau Pinang? Saya telah menanyakan soalan, tapi saya ingin bertanya 2,3 perkara lagi atas isu tersebut. Kemudian berkenaan dengan pasukan bola sepak Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya ada jawab soalan bertulis tapi saya tak dengar ada orang ucap tentang prestasi bola sepak, telah sedia jawapan tapi saya rasa saya beri jawapan kepada mereka yang ucap dulu. Jadi untuk YB. KOMTAR, mencadangkan untuk memperkenalkan perlaksanaan latihan dua (2) sesi untuk sukan badminton Negeri Pulau Pinang. Ianya tidak dapat dipertimbangkan untuk perlaksanaan secara berterusan di peringkat negeri memandangkan atlet-atlet badminton negeri yang kini sedang menjalankan latihan di bawah Persatuan Badminton Pulau Pinang dan jurulatih sukan negeri di Dewan Badminton PBA Jelutong yang kebanyakannya merupakan pelajar-pelajar sekolah. Yang terikat dengan dua (2) sesi sekolah yang dua (2) sesi. Jadi, mereka terikat dengan waktu persekolahan jadi susah nak melaksanakan. Konsep latihan dua (2) sesi hanya boleh dilaksanakan pada tempoh cuti persekolahan sahaja.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Penjelasan. Sebenarnya saya cadangkan dua (2) sesi ini juga cadangkan Satu Sekolah Satu Sukan. So, apa itu Satu Sekolah Satu Sukan iaitu kita aturkan semua punya atlet badminton sukan negeri untuk baca di satu sekolah dan dua sesi *training* ini bukan khas sahaja untuk badminton. Saya ingat semua sukan pon boleh diadakan latihan dua (2) sesi. Di bawah sesi pagi mereka boleh buat *physical training*, so petang boleh buat *technical training* lah. So untuk mengagihkan supaya mereka ada lebih masa untuk training lah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Itupun adalah hasrat MSN. Sekarang memang ada sesetengah atlet mereka menjalankan latihan dua (2) sesi. Yang satu aktiviti berenang, mereka pernah menjalankan latihan pada pukul lima (5) pagi dan selepas itu pergi ke sekolah dan selepas kembali dari sekolah mereka latih lagi pada *evening*. Jadi ada juga. Tapi cadangan Yang Berhormat untuk satu sekolah satu sukan memang adalah baik. Tetapi ini kita perlu kerjasama dari pendidikan. Pejabat Pendidikan di Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, saya akan cuba berbincang dengan Pengarah Pendidikan di Pulau Pinang sekiranya ada beliau setuju dan juga ada kemudahan di sekolah itu, jadi saya harap dia boleh laksanakan juga. YB. Dato' Yang di-Pertua ada beberapa orang Yang Berhormat telah menimbulkan beberapa isu seperti keganasan kepada kanak-kanak dan juga gejala sosial. Itu merupakan masalah sosial. Jadi, tiada untuk masalah sosial yang dibangkitkan ini sebenarnya kita harus akur dengan realiti bahawa masalah sosial masyarakat adalah berpunca dari pelbagai faktor sebagai contoh adalah berpunca dari segi ekonomi, kemiskinan, ataupun keluarga yang tak mampu berfungsi. Umpamanya kalau dari segi

ekonomi, disebabkan beban kewangan, ramai ibu bapa terpaksa bekerja lebih masa sehingga kurang memberi perhatian ataupun tak dapat masa untuk memberi perhatian kepada anak-anak. Anak-anak yang terbiar dan terabai dalam keperluan kasih sayang kebiasaannya kurang cemerlang di sekolah atau tidak menghabiskan persekolahan. Anak-anak ini lebih cenderung terjerumus dengan gejala sosial seperti ponteng sekolah, gangsterisme, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Kita bukan kata semuanya lah. Tapi kebanyakannya macam itu.

Tambahan pula bila pelajar bermasalah dibuang sekolah tanpa dirujuk ke pusat-pusat latihan vokasional. Jadi mana mereka nak pergi? Mereka tidak bersekolah. Mereka usia begitu muda mahu cari kerja pun tak dapat kerja. Jadi, nak pergi mana? Jadi dia timbullah masalah sosial seperti ini. Sekarang kebanyakan sokongan ialah diberi oleh NGO. NGO yang buat kerja seperti ini. Sistem sokongan yang lebih menyeluruh perlu dibentuk untuk mereka yang disebabkan untuk golongan seperti ni. Jadi, saya rasa untuk menangani masalah sosial ini, kita memerlukan pemimpin, menteri-menteri yang lebih faham punca-punca menyebabkan masalah sosial ini. Tetapi ada pemimpin politik khasnya di pusat, di Parlimen pun, khasnya mereka dari Barisan Nasional selalunya kurang faham atau kurang sensitif atas isu seperti ini. Sebagai contoh lah, kita sebagai contoh. Kenyataan tentang wanita untuk berpakaian comot untuk mengelakkan dari gangguan seksual.

Ini keselamatan kepada wanita dan kanak-kanak. Ini merupakan satu isu yang serius. Kalau menteri dia faham kita *expect* dia dia kita harap dia akan menggubal dasar atau mengadakan program-program untuk menanganinya. Umpamanya menambah anggota Polis, menambah rondaan di jalan raya. Tapi bukan ini menteri dia menjawab kepada seorang wanita yang mengemukakan soalan seperti ini mengenai keselamatan beliau dan dua (2) orang anak perempuan dia. Yang dijawab ialah awak terlalu cantik, jadi pakailah comot sikit. Menteri dia Menteri Wilayah Persekutuan. Ini bukan kali pertama dia menjawab dengan begitu menunjukkan kedudukan beliau sebagai seorang Menteri di dalam parlimen pun, apabila Ahli Parlimen Seputih, Teresa Kok, bertanya beliau sudah lama kita nak jumpa Yang Berhormat untuk berbincang sesuatu. Tetapi lamalah tidak diatur masa, dia jawab kenapa dia kata, "Oo, untuk Yang Berhormat bila-bila masa pun boleh, malam pun boleh". Saya rasalah ini adalah sama ada kita sensitif atau tidaklah, sama ada saya tak pernah dengar di Parlimen ada mana-mana Menteri bercakap begitu kepada Ahli Parlimen lelaki, jadi ini semuanya menunjukkan bahawa otak mereka tidak mempunyai konsep kesaksamaan *gender*. Ini juga dia cacat sebahagian, dia cacat *gender*.

Ini akan mengukuhkan pandangan dan kefahaman masyarakat terhadap isu keganasan terhadap wanita di mana mangsa dipersalahkan, tetapi pemangsa diberikan alasan, untuk meneruskan keganasan. Wanita-wanita menjadi mangsa tetapi wanita yang diasingkan, disalahkan kerana terlalu cantik, ini tak betul Tuan Speaker, ini tak betul. Itu cantik pun diberi oleh Tuhan tak salahkan, kalau cantik tak salah kerana kita tak kata kalau perompak siapa-siapa yang sangat kaya kita tak beritahu mereka itulah awak terlalu kaya jangan begitu kayalah, miskin sikit. Kita tak cakap begitu kan. Jikalau seseorang pemimpin yang juga pembuat keputusan dan dasar boleh menggunakan alasan seperti ini untuk terus mempersalahkan wanita yang merupakan mangsa, apatah lagi rakyat, mengikut pemahaman salah. Jadi ini adalah satu pemikiran atau pun satu sikap yang sangat bahaya, ini bahaya kepada masyarakat. Jadi itulah sebabnya kita perlu lebih ramai pemimpin yang faham konsep kesaksamaan *gender*. Untuk mengubah sikap, salahkan mangsa, untuk menangani masalah.

Jadi untuk menangani masalah yang pertama saya rekomenlah yang Perdana Menteri mesti melucutkan semua Menteri-Menteri yang otaknya serong, yang otaknya tak sihat dalam *gender*, yang otaknya tak ada konsep kesaksamaan *gender* dan digantikan mereka yang ada kesedaran seperti ini tak kira dia lelaki atau wanita. Bukan semua wanita yang automatik faham *gender* ini juga, *gender* ini mesti diipelajari dan sekiranya sesiapa atau pun Perdana Menteri ingin memberi kesedaran *gender* kepada Menteri-Menterinya, PWDC boleh buat kalau dia tak ada pakar untuk buatlah, PWDC boleh buat... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan Yang Berhormat, apakah pendapat Yang Berhormat, walaupun kita ada usul berkenaan isu ini berkenaan dengan kenyataan yang dibuat oleh Parlimen Tasek Gelugor di Parlimen yang memberikan *licence to rape* mengatakan bahawa adalah tidak salah seorang perogol itu dibenarkan kahwin dengan mangsanya. Apakah pendapat Yang Berhormat dengan ringkas? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini dia juga mesti ditukarlah, so saya rasa mereka akan jadi beban kepada UMNO. Itu usul dibawa kita akan bahaslah, jadi akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak termasuk Jabatan, Agensi-Agensi Kerajaan dan NGO-NGO serta komuniti dan institusi-institusi swasta yang telah membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Program-Program Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Pulau Pinang. Semoga kerjasama antara kerajaan dan masyarakat akan senantiasa membantu Kerajaan Negeri dalam memperbaiki perkhidmatannya kepada syer holder terbesar iaitu rakyat Negeri Pulau Pinang. Bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya, jadi sekian saya terima kasih dan saya memohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, seterusnya YB. Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillahiraabilamin. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaruhkatuh. Salam Sejahtera, YB. Dato' Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada dalam Dewan, Ketua-Ketua Jabatan juga Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah sekalian.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan penghargaan ucapan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan sempena Mesyuarat Yang Pertama bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas ini. Terutama sekali mengenai isu-isu yang menyentuh Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jutaan terima kasih saya rakamkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang melibatkan portfolio saya. YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya menyambut baik ucapan T.Y.T. Tun sempena perasmian Mesyuarat Yang Pertama bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas pada 19hb Mei yang lepas.

Dalam penggulungan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada T.Y.T. Tun kerana memberikan pengiktirafan serta menyokong usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa, pintar, menjayakan transformasi ke arah negeri keusahawanan dan berkeadilan di mana semua rakyat diberi peluang yang sama untuk mengecapi kemajuan ekonomi serta hasil kemakmuran juga dapat menikmati oleh semua tanpa kira kaum dan agama.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya juga menyambut baik ucapan T.Y.T. Tun yang menegaskan bahawa Islam adalah agama rasmi dan perlu dihormati oleh semua, T.Y.T. Tun juga mengingatkan kepada kita bahawa betapa pentingnya menuntut ilmu sepertimana yang diwajibkan oleh Islam yang berlandaskan ilmu dengan memberi keseimbangan diantara ilmu agama dan memenuhi tuntutan Fardhu Ain dengan tuntutan ilmu dunia bagi memenuhi Fardhu Kifayah. Dalam memartabatkan ilmu, institusi-institusi Pendidikan Islam melalui pembinaan sekolah-sekolah agama rakyat, mahaad-mahaad tahfiz terus diberi keutamaan antaranya adalah pembinaan Sekolah Agama Rakyat Guar Jering, Permatang Pauh yang bernilai RM1.3 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, ia telah siap dibina dan beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun 2016, sementara Sekolah Agama Rakyat Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Sekolah Agama Rakyat Tuan Guru di Tanjong Tokong dan Sekolah Agama Rakyat di Masjid Abdullah Fahim sedang dalam proses pembinaan. Semua sekolah-sekolah agama termasuk mahaad tahfiz ini di negeri ini juga telah didaftarkan bagi menyalurkan bantuan dan pemantauan dijalankan supaya mutu pembelajaran, kebajikan pelajar dan juga kebajikan tidak diabaikan. Perkembangan agama Islam di Pulau Pinang yang mendukung kedudukan sebagai agama rasmi Persekutuan tidak pernah diabaikan. Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam di antara tahun 2008 hinggalah tahun 2016 berjumlah hampir lebih RM457 juta berbanding dengan tempoh yang sama 2000 - 2007 sewaktu pentadbiran yang lepas iaitu sebanyak hanya RM257 juta telah meningkat 84%. *Alhamdulillah* akhirnya siap juga Ibu Pejabat Kompleks Kehakiman Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang di Jalan Scotland di atas tanah Kerajaan Negeri yang bernilai RM80 juta dengan kos pembinaan RM33 juta yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Ini sebagai di antara satu lagi kejayaan dalam pembangunan Islam di Pulau Pinang dalam memartabatkan Mahkamah Syariah.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan dalam Hal Ehwal Agama Islam sepanjang persidangan DUN kali ini. YB. Telok Ayer Tawar telah membangkitkan kedudukan fatwa yang terletak di bawah Jawatankuasa Fatwa yang dipengerusikan oleh Mufti. Tiada peruntukan yang telah dikatakan yang tidak peruntukkan yang membolehkan fatwa disemak. Kerajaan Negeri syor supaya ditarik balik surat kepada Jawatankuasa Fatwa untuk membentangkan Fatwa kepada Kerajaan Negeri sebelum diangkat kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Kedudukan fatwa yang diluluskan dikatakan akan diwartakan apabila masa yang sesuai dan siapa bagi pihak yang bertanggungjawab menentukan masa yang sesuai itu.

Untuk makluman YB. Telok Ayer Tawar, Kerajaan Negeri tidak pernah campur tangan dalam urusan Fatwa, Sahibus Samahah Mufti Pulau Pinang telah menafikan yang adanya campur tangan Kerajaan Negeri dalam urusan fatwa, kuasa untuk mengeluarkan sesuatu fatwa dan seterusnya meluluskan dalam bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa yang dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

EXCO Agama tidak pernah mengeluarkan sebarang surat kepada Jawatankuasa Fatwa untuk membentangkan keputusan Fatwa kepada Kerajaan Negeri sebelum diangkat kepada Agong, jadi tidak berbangkit untuk saya menarik balik sebarang surat seperti yang dibangkitkan oleh YB. Telok Ayer Tawar mungkin surat yang dimaksudkan adalah surat daripada Penasihat Undang-Undang Negeri kepada semua agensi-agensi yang berkaitan termasuk Jabatan Mufti sepertimana yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Exco pada masa itu. Fatwa-Fatwa yang belum diwartakan lagi sedang dalam perhatian dan perbincangan antara Jabatan Mufti, Jawatankuasa Fatwa dan oleh Exco Hal Ehwal Islam....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Batu Maung, saya tak bawa salinan surat itu tetapi kita semua ada melihat salina surat itu yang dikeluarkan oleh YB. Batu Maung....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Boleh saya nak perbetulkan, saya tidak pernah mengeluarkan surat yang mengatakan yang fatwa mesti diangkat kepada Kerajaan Negeri sebelum ia diperkenankan oleh Tuanku Agong. Yang dikeluarkan surat adalah oleh Penasihat Undang-Undang yang mengatakan yang setiap Rang Undang-Undang ataupun apa-apa yang hendak diwartakan mestilah Yang Berhormat Telok Ayer Tawar....(gangguan), mestilah melalui Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tetapi ia, okey satu perkara itu sebab saya tak ada bukti untuk bawa nanti, kita tak apalah saya selesai dengan Yang Berhormat Batu Maung tak perlu bahas cerita itu sebab saya tak ada bukti nak bawa. Kedua, tentang kenyataan yang dikeluarkan Dato' Mufti bahawa fatwa-fatwa yang telah diluluskan hanya akan diwartakan apabila masanya sesuai, adakah Dato' Mufti mengeluarkan kenyataan itu?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Apa, apa yang Yang Berhormat cakap.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini kita petik dari kenyataannya, jadi soalan saya bilakah masa yang sesuai dan siapakah yang menentukannya, rasanya sesuai dan, kalau Jawatankuasa Fatwa sendiri yang meluluskan fatwa itu dan rujuk kepada Yang Di-Pertuan Agong dan patah balik untuk diwartakan, tidak diwartakan ini menimbulkan kepada masyarakat Islam dan apabila fatwa itu dibawa untuk dibincangkan oleh jawatankuasa tentu ada keperluan untuk fatwa itu dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang dan dimaklumkan antara fatwa yang terlibat itu adalah pengharaman ke atas orang Islam dan wanita Islam untuk turut serta di dalam pertandingan ratu cantik dan sebagainya dan ini ialah cerita fatwa lama dah tetapi sampai sekarang Pulau Pinang tidak mewartakannya.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Habis, jawapan saya tadi, saya telah mengatakan fatwa-fatwa yang belum diwartakan lagi sedang dalam perhatian dan perbincangan di antara Sahibus Samahah Mufti, Jawatankuasa Fatwa dan pejabat saya, itu pertama jawapannya dan yang kedua ialah tidak ada fatwa yang telah diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong yang belum diwartakan.

Kalau YB. Telok Ayer Tawar maksudkan warta tentang ratu cantik itu sudah pun mendapat perkenan Yang Di- Pertuan Agong lama dahulu dan sudah pun dibawa ke perhatian EXCO untuk diwartakan dan sudah pun diluluskan untuk diwartakan. So, itu tidak timbul lagi.

Isu zakat dan wakaf YB. Permatang Berangan ingin mengetahui jumlah terkini kutipan zakat dan agihan mengikut asnaf. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah kutipan zakat bagi tahun 2016 hingga 30 April 2017 adalah seperti berikut, kutipan sepenuhnya sehingga 30 April 2017 ialah RM24,76,429.27 pecahannya kita ada zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat wang simpanan, zakat saham, zakat KWSP, zakat emas, zakat perak, qadha zakat, zakat harta, zakat tanaman, zakat ternakan dan zakat fitrah, saya ada pecahannya secara *detail*, tapi jumlahnya pada tahun 2016 RM96,781,464.11 yang tadi RM24 juta itu ialah tahun 2017 sehingga April, okay saya ulang sekali lagi, Tahun 2016 totalnya ialah RM96,781,464.11 itu tahun 2016, tahun 2017 sehingga 30 April ialah RM24,76,429.27, okay, jumlah agihan zakat bagi tahun 2016 dan hingga 30 April 2017 adalah seperti berikut, untuk fakir, miskin, amil, mu'alaf, varimin, ibnusabil, pisabillah dan arriqah ialah tahun 2016 okay, RM100,962,507.9 untuk tahun 2017 sehingga bulan April RM27,505,928.61.

YB. Permatang Berangan juga mengesyorkan pengurusan zakat perlu lebih proaktif dengan turun padang untuk menemu asnaf, untuk makluman zakat Pulau Pinang telah mempunyai bahagian yang berkenaan untuk turun padang untuk membantu para asnaf iaitu bahagian pembangunan dan kebajikan sosial unit *team* peduli asnaf yang bertindak untuk turun padang dan mengadakan lawatan serta siasatan bagi permohonan-permohonan bantuan sara hidup, perubatan, perumahan dan bencana alam, selain dari itu bahagian ini juga menjalankan ziarah asnaf sekiranya terdapat permintaan dan aduan dari ADUN, NGO, Pejabat Daerah serta lain-lain, orang ramai termasuk melalui media cetak letronik, media sosial yang akan menyalurkan bantuan segera mengikut keperluan asnaf....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ingin saya maklumkan dalam Dewan ini, saya ingin membacakan surat daripada Tuan YB. Abdul Malik bin Abul Kassim bertarikh 26 Mei 2010 ditujukan kepada Sahibus Samahah Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tajuknya "Warta Fatwa mengenai ajaran Tok Janggut, Ilmu Tajali Ahmad Laksamana dan kalimah Allah yang suci yang khusus bagi agama Islam dan tidak boleh digunakan dan tidak boleh digugurkan oleh agama-agama bukan Islam. Dengan penuh hormatnya saya ingin menarik perhatian Yang Berbahagia Dato' mengenai perkara di atas. Saya dengan Kerajaan Negeri merasa kesal dan dukacita terhadap tindakan Yang Berbahagia Dato' yang telah membelakangkan saya selaku EXCO yang bertanggungjawab dalam Agama Islam Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri apabila keputusan Jawatankuasa Fatwa berhubung Kalimah Allah diwartakan tanpa dirujuk dahulu sungguh pun tahu secara jelas pendirian Kerajaan Negeri. Seksyen 48(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 dengan secara jelas memperuntukkan seperti berikut, apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah fatwa itu disiarkan di dalam gazet. Yang Bhg. Dato' sedia maklum pendirian Kerajaan Negeri secara jelas dan beberapa ketika saya biasa menyebut pendirian Kerajaan Negeri dalam beberapa perjumpaan dan mesyuarat sebelum ini. Perkara ini dipandang serius dan diperlihatkan seperti ada unsur pihak-pihak tertentu yang cuba mendatangkan aib kepada Kerajaan Negeri dan saya dan mungkin akan mencetuskan ketidakstabilan masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang".

Jadi saya hendak bertanya kepada YB. Batu Maung adakah sebenarnya surat ini dikeluarkan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita kena faham bahasa surat itu, itu bukan arahan saya, saya tidak ada kuasa untuk memberi arahan ini adalah surat daripada Penasihat Undang-undang, yang bertarikh 21 Mac 2011, surat saya adalah 26 Mei okay. Surat ini ialah arahan daripada Penasihat Undang-undang yang memberi arahan, sila dengar ya, "Arahan berkenaan dengan perundangan yang hendak diwartakan. Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertarikh 10 Mac 2011 okay. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam mesyuarat tersebut keputusan telah dibuat untuk mengarahkan semua perundangan dan yang hendak diwartakan termasuk perundangan subsidiari hendaklah mendapatkan kelulusan dan tandatangan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab di dalam portfolio itu. Sehubungan dengan itu pejabat ini tidak akan menyemak dan meluluskan perundangan yang tidak mematuhi arahan ini dan draf tersebut akan dikembalikan semula kepada jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang berkenaan. Ini adalah arahan Penasihat Undang-undang kepada semua jabatan bukan sahaja pejabat Mufti, okay.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, Y.Bhg. Dato' Mufti pada masa itu ialah Dato' Haji Hassan ada membuat kenyataan juga bahawa beliau telah memohon kepada kerajaan negeri untuk dikecualikan apa-apa fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama atau Jawatankuasa Fatwa kerana daripada arahan itu kerana berdasarkan peruntukan di bawa enakmen Majlis Fatwa.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey, Dato' Seri Mufti Sahibus Samaha pada masa telah mengutuskan surat kepada Penasihat Undang-undang untuk meminta pengecualian dan setakat ini tidak ada pengecualian yang diberi oleh Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri berhubung dengan perkara tersebut. Okey saya akan teruskan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini bermakna fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa tidak dikecualikan daripada permohonan itu dan bermakna juga ianya tidak menghormati enakmen yang dikeluarkan berkenaan dengan fatwa.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang ini yang kita kena *clear* di sini YB. Telok Ayer Tawar ialah tidak ada campur tangan dalam urusan membuat sesuatu fatwa. Sesuatu fatwa itu sepertimana kalau kita ikut dia punya, apakah itu fatwa, definisi fatwa adalah untuk pada masa fatwa ialah istilah sebagai jawapan yang dibuat oleh Mufti kepada perkara-perkara yang berlaku apabila diajukan soalan-soalan tersebut. Fatwa ialah menggambarkan hukum Allah S.W.T sama ada pada yang mesti atau harus. So itu menunjukkan yang fatwa apabila dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa dan yang dipengerusikan oleh Sahibus Samahah tidak ada campur tangan oleh mana-mana pihak.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid)

Minta penjelasan, YB. Batu Maung. Kita tidak kata ada campur tangan dalam proses membuat fatwa, tetapi campur tangannya adalah dalam proses untukewartakan fatwa itu, maknanya kena rujuk balik kepada Kerajaan Negeri dan itulah satu usaha untuk menggagalkan, melengahkan tidak mahuewartakan fatwa sehingga ada pula kata-kata mengatakan sehingga masa yang sesuai. Itu menunjukan bahawa kalau Kerajaan Negeri tidak mahu fatwa itu dilaksanakan oleh sebab-sebab tertentu sampai bilalah fatwa itu tidak akan dilaksanakan masanya tidak akan jadi sesuai.

Walhal bagi Jawatankuasa Fatwa Dato' Mufti sendiri bila dicadangkan fatwa itu, dibincangkan fatwa itu dibincang diluluskan tentulah atas satu dasar keperluan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan sikit, saya cuma hendak bertanya satu soalan adakah menjadi kewajipan sesuatu fatwa yang telah diputuskan sebelum diwartakan harus dirujuk kepada Kerajaan Negeri dahulu? Adakah itu satu amalan?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Fatwa yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa dirujuk untuk pewartaan kerana pewartaan itu ialah satu proses pentadbiran mengikut undang-undang, tetapi yang paling mustahak ialah melihat jawapan saya pada perenggan yang terakhir fatwa-fatwa yang belum diwartakan lagi sedang dalam perhatian dan perbincangan dengan Sahibus Samahah Mufti dan juga Jawatankuasa Fatwa. Perkara ini tidak timbul jikalau Jawatankuasa Fatwa dan juga Sahibus Samahah memerlukan fatwa itu diwartakan, maka dalam perbincangan itu kita akan mengutamakan pendapat Sahibul Samahah Mufti.

Baru-baru ini juga kita telah mengadakan satu mesyuarat, perbincangan untuk meneliti fatwa-fatwa yang ada dan yang belum diwartakan dan ini adalah persetujuan di mana kalau kita masih lagi ada perkara-perkara yang perlu dibincangkan, kita akan bincangkan dan akhirnya selepas keputusan dibuat maka fatwa ini akan diwartakan. Itu adalah persetujuan Pejabat Mufti dan juga Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Penjelasan. Apa yang saya faham, fatwa ini dibincangkan diputuskan apabila berlaku satu masalah yang memerlukan satu keputusan. Keputusan yang perlu disegerakan kalau tidak disegerakan akan menimbulkan masalah. Berkaitan dengan kalimah dan sebagainya. Perlu disegerakan. Mengapa berlaku

perkara macam ini? Dia tergantung, patut sudah dibincangkan, tidak dibincangkan lagi. Fatwa telah diputuskan....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Jikalau fatwa-fatwa ini dipandang begitu serius oleh Jawatankuasa Fatwa dan Mufti sudah tentu setelah berbincang sudah tentu Kerajaan Negeri akan setuju yang fatwa ini adalah fatwa yang perlu disegerakan untuk diwartakan dan kuatkuasakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tetapi mengapa masih ada fatwa yang tidak diwartakan?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sebab perkara-perkara ini besar kemungkinannya tidak ada *urgency* di mana yang disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya boleh bagi satu contoh, shisha. Masalah menghisap shisha ini bukan satu perkara yang boleh dikatakan pendapat pihak Pejabat Mufti adalah satu perkara yang *urgent* yang begitu serius, yang seperti dadah dan sebagainya yang boleh merosakkan. Pendapat kedua belah pihak adalah masalah shisha ini perlu ditangani dengan memberi nasihat, memberi pendidikan kepada remaja-remaja kita dan sebagainya. Dan kita telah dapat melihat yang fenomena shisha ini makin lama semakin berkurangan. Saya hendak tanya Yang Berhormat betul ke tidak? Kalau dahulu dalam dua tiga tahun lepas, kemungkinan kita tengok *every corner* ada banyak shisha-shisha punya *outlet* ini tetapi....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tetapi, nanti bagi saya habislah. Dan apabila kita melihat ke arah ini, ke arah supaya keputusannya fatwa sudah dibuat, kita boleh lagi beri nasihat, boleh lagi kita buat satu pendekatan dan benda ini makin lama makin hampir. Satu lagi contohnya, seperti bacaan Quran atau tahrir sebelum azan Subuh. Ini juga nasihat hukum yang telah kita keluarkan kepada masjid-masjid agar masjid-masjid memahami keadaannya dan tidak diputarbelitkan oleh ada setengah-setengah orang yang cuba hendak memutarbelitkan.

So perkara-perkara ini saya beri contoh tadi. Contoh iaitu kalau satu perkara yang begitu urgent, katalah satu masalah macam zakat, zakat yang dikutip tahun lepas yang sudah cukup hujung tahun, tabung zakat, tawaquf. Kita telah pergi kepada Jawatankuasa Fatwa untuk kita menggunakan wang ini untuk membeli aset agar aset ini dapat menghasilkan hasil untuk diberi kepada asnaf. Apabila Jawatankuasa Fatwa membuat keputusan, selepas itu kita terus masuk untuk diwartakan. Begitu juga banyak lagi harta-harta wakaf yang terpaksa pihak Jawatankuasa Fatwa membuat keputusan, selepas itu terus kita wartakan. Dan ada perkara-perkara yang tidak begitu *urgent* dan di mana dipersetujui oleh kedua belah pihak iaitu Jawatankuasa Fatwa, Mufti dan juga pihak kerajaan, boleh kita bagi nasihat kepada mereka-mereka ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sedikit sahaja, YB. Batu Maung. Fatwa adalah keputusan tentang hukum. Bukan keputusan tentang sama ada dia *urgent* atau tidak. Apabila ada hukum itu, ia muktamad. Kenapa ada *urgent* atau tidak ada *urgent*?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya, saya setuju sangat. Hukum shisha adalah haram. Selesai. Itu Jawatankuasa Fatwa buat keputusan. Tetapiewartakan itu adalah satu proses pentadbiran kerana apabila diwartakan, maka kita....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Adakah...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita kena pergi tangkap. Seperti mana orang hisap rokok. Kena pergi tangkap kerana fatwa rokok itu haram. So sebab itu apabila perkara-perkara ini kita dapati bukan begitu serius dari segi ini, haram tetap haram...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Itu keputusan Jawatankuasa Fatwa.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Haram tetap haram.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Keputusan Jawatankuasa Fatwa adalah tentang hukum. Dia tidak terlibat dengan sama ada hendak laksana atau tidak laksana warta. Jadi itu adalah keputusan politik.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya. Saya hendak beritahu, keputusan fatwa, sekejap bagi saya habis dahulu. Keputusan fatwa adalah keputusan hukum. *Fullstop*. Kalau fatwa kata haram saya atau siapa-siapa pun tidak boleh kata bukan haram. Selesai. Pengawartaan itu adalah satu proses pentadbiran. Haram, halal, Jawatankuasa Fatwa memutuskan. Saya silakan YB. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Terima kasih. Ia berkaitan dengan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Jawatankuasa Fatwa memang jelas. Cuma apabila tidak diwartakan maka tidak boleh diambil tindakan melalui penguatkuasaan. Sebab itu hukum tetap ada iaitu telah difatwakan. Hendak ambil tindakan dengan sewajarnya tidak ada pengawartaan. Maka penguatkuasaan tidak boleh diambil. Macam cerita rokok inilah, walaupun ramai orang hisap rokok, di sudut hukumnya jelas tetapi hendak ambil tindakan, tidak boleh sebab penguatkuasaan tidak boleh dilaksanakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya hendak tanya satu. Fatwa tentang syiah ini telah diwartakan atau belum?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sudah pun difatwakan dan sudah pun diwartakan. Itu perkara *urgent*. Itu perkara akidah. Perkara akidah tidak boleh kita tolak ansur. Fatwa syiah itu telah pun difatwakan dan diwartakan. Saya hendak teruskan....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Sedikit lagi. Teringin juga saya hendak tanya sedikit berkaitan dengan fatwa ini. Kita faham Jawatankuasa Fatwa sahaja yang membuat fatwa. Dan keputusan untuk mengazetkan mewartakan satu fatwa itu terletak kepada pentadbiran. Apa yang YB. Batu Maung sebut tadi, ada yang perlu disegerakan dan tidak perlu disegerakan. Dalam kes yang tidak perlu disegerakan, bagi saya, saya hendak tahu siapa yang buat keputusan sama ada selepas sesuatu keputusan fatwa itu telah dibuat, siapa yang membuat keputusan sama ada perlu diwartakan dengan segera ataupun tangguhkan diwartakan. Yang kedua, di bawah enakmen yang berkaitan, ada atau tidak disebut tentang pengawartaan keputusan Jawatankuasa Fatwa?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Dato' mintak laluan sedikit. Saya cuma hendak minta jawapan. Pihak yang terlibat dalam mewartakan. Bahagian Fatwa, Mufti dan sebagainya, yang mewartakannya, pihak yang terlibat siapa?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Pihak yang terlibat adalah Pejabat Penasihat Undang-Undang. Setelah fatwa dibuat, maka derafnya, katalah setelah selesai ia perlu diwartakan, dan ia akan dihantar kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang, mereka akan menelitinya dan membuat persediaan untuk diwartakan. Tentang soalan YB. Penaga iaitu, apabila keputusan yang macam saya sebut dalam jawapan saya tadi, fatwa apabila dibuat, maka dihantar untuk perbincangan dan di situlah yang kita akan putus adakah fatwa itu patut diteliti lagi, patut dibincangkan, macam satu saya ada sebut, perlu dibincang lagi.

YB. Telok Ayer Tawar bukan saya kata anak halal atau haram tetapi macam saya kata tadi. Menggunakan pembesar suara selain daripada azan. Menggunakan pembesar suara sebelum azan subuh. Perkara-perkara ini perlu mendapat pendapat-pendapat yang lebih besar. Jawatankuasa Fatwa 15 orang, 15 orang ini juga pun manusia juga. Maka apabila kita mendapat nasihat-nasihat ataupun rujukan-rujukan dan pendapat-pendapat, lebih baik lagi. *For example*, kes azan ini. Kita telah dapat mengadakan muzakarah masjid. Bila kita muzakarah masjid di sebelah pulau dan sebelah seberang, kita bincang dengan pihak jawatankuasa masjid. Bila kita bincang dengan jawatankuasa masjid dan kita dapat pandangan-pandangan yang tidak perlu sesuatu perkara ini dikuatkuasakan tetapi boleh hanya dengan memberi nasihat dan perbincangan dapat diselesaikan. Fatwa bukan *legit* macam ayat Quran. Fatwa ini boleh diubah. Keputusan ini boleh diubah oleh Jawatankuasa Fatwa jika mendapat pandangan-pandangan yang lain, boleh diubah.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya hendak sentuh sedikitlah. Tadi katalah pada pendapat saya, fatwa itu dibuat sebuah jawatankuasa. Saya pun tidak baca secara *detail*. Itu proses untuk membuat satu undang-undang. Jawatankuasa ini diberi kuasa di bawah satu enakmen. Apabila ada satu isu yang perlu diputus untuk buat satu keputusan dan keputusan jawatankuasa itulah dipanggil satu keputusan sebelum diwartakan baru jadi satu fatwa. Atau sebelum diwartakan? Maknanya sudah jadi satu fatwa selepas jawatankuasa yang terdiri daripada 15 orang buat satu keputusan. Jadi bagi apabila jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah undang-undang, di bawah enakmen yang diberi kuasa untuk mempertimbangkan sesuatu isu dan membuat sesuatu keputusan, maka itu dari segi undang-undang menjadi satu fatwa. Dan satu perkara yang dibuat mengikut undang-undang. Proses undang-undang. Jadi tadi ada disebut bahawa selepas itu diteliti pula, saya tidak tahu diteliti oleh siapa? Dibincangkan balik. Saya nampak ada pencanggahan dalam hal ini. Sebagai contoh tadi YB. Batu Maung ada sebut tadi, katalah azan. Selepas keputusan fatwa dibuat oleh satu jawatankuasa, fatwa itu tidak diwartakan tetapi selepas pergi ke muzakarah dekat masjid dan sebagainya. Saya nampak macam muzakarah di masjid itu lebih *prevail* daripada keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa itu.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Silap, jangan kata macam itu. Kalau YB. Penaga sendiri atau sesiapa sahaja, apabila sesuatu fatwa itu dikeluarkan, sesiapa sahaja yang ingin memberi pendapat berhubung fatwa itu boleh menulis surat kepada Jawatankuasa Fatwa, Pejabat Mufti. Dan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa yang seterusnya akan menjemput orang itu untuk memberi pendapat. Ini menunjukkan fatwa ini bukan *rigid* seperti apa yang disebutkan oleh YB. Penaga....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Jadi maknanya betul tak, maknanya katalah fatwa, satu Jawatankuasa Fatwa memutuskan satu keputusan dan sebulan kemudian berlaku mungkin muzakarah di masjid dan sebaliknya ada orang bahawa tak perlu dibuat satu fatwa. Adakah didalam mesyuarat akan datang dalam mesyuarat fatwa yang kedua diputuskan ataupun dibatalkan fatwa yang dibuat dalam mesyuarat?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Jawatankuasa Fatwa yang berikutnya akan mendengar hujah-hujah dan jikalau serupa macam Kalimah Allah tadi, Jawatankuasa Fatwa menjemput untuk dibentangkan pendapat dan setelah dibentang pendapat Jawatankuasa Fatwa berpendapat yang fatwa yang telah diputuskan itu, *stem. That is*.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Stem ataupun dibatalkan?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kalau Jawatankuasa Fatwa itu sendiri nak *over right* dia punya *own decision*, dia boleh buat. Kalau dia kata fatwa ini lepas dia dengar hujah-hujah, dia kata fatwa ini lebih, keputusan depa ini betul....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Adakah kes macam tu berlaku di Pulau Pinang? Harap sebagai EXCO Agama kena jawab la, kita bukan EXCO(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Itu yang saya hairankan....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya boleh kata saya tak ada rekod tapi memang ada yang pendapat-pendapat orang perseorangan dan juga persatuan dan juga sesiapa yang ingin menyuarakan pendapat di Jawatankuasa Fatwa seterusnya untuk membincang perkara-perkara yang dibangkitkan itu ada. Saya sendiri ada terlibat dalam satu perkara di mana dalam satu Fatwa yang telah memutuskan tentang satu masjid, dan apabila masjid itu tidak setuju dia telah menulis surat kepada Jawatankuasa Fatwa dan meminta supaya diperdengarkan dia punya pendapat dan Jawatankuasa Fatwa menjemput pengerusi masjid itu untuk hadir dan memberi hujah-hujahnya. Selepas hujah-hujahnya ini diberi, Jawatankuasa Fatwa membuat keputusan yang Fatwanya yang asal itu tetap *stand. That's it. Push stop.*

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Dalam kes dimana selepas dijemput untuk memberi pendapat dan selepas mendengar wakil masjid yang datang itu, Jawatankuasa Fatwa masih lagi berpendapat.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Secara *collectively*.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yes.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Keputusan itu betul.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Betul.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Betul, dan terus tetap menjadi satu fatwa.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tetapi, ada tidak kes dimana selepas mereka, memanggil orang-orang luar untuk memberi pendapat.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Itu saya tidak ada rekod.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tidak ada.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang dalam ingatan saya, tidak ada. Boleh saya buat *research* tengok ada tidak fatwa yang telah diubah setelah mendapat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Pandangan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya, penerangan. Boleh saya beri kepada....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Batu Maung, sebelum daripada dia hendak membela YB. Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tidak. Tidak. Bukan membela. Ini saya minta YB. Permatang Pasir, kerana YB. Permatang Pasir bangun dahulu, YB. Timbalan Yang di-Pertua. Okey.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Dalam berbagai-bagai isu yang dibangkitkan tadi, lebih kepada biasanya kalau kita lihat kenyataan ataupun maklumat daripada selalunya *letter head* adalah daripada Jabatan Mufti. Sesetengah orang menganggap sudah kita anggap sebagai Fatwa. Surat yang keluar pun. Ia bukan Fatwa lagi.

Ia yang melibatkan berkaitan dengan beberapa perkara tadi, ia lebih kepada yang saya nampak nasihat agama, yang usulnya tentang apa yang berlaku sebelum kita kata walaupun anggapan itu kata fatwa. Di sudut kata sebelum hendak digazetkan, tetapi ia adalah nasihat agama supaya tidak dilakukan perkara tersebut. Macam kata tadilah, walaupun disegi zahirnya perkara itu baik, macam sebelum azan, ada baca Al-Quran contoh baik. Tetapi ada sebab-sebab yang mungkin adalah yang mengakibatkan sudut pandangan fatwa ia adalah nasihat agama, tidak elok kalau baca Al-Quran sebelum azan Subuh. Itu dikatakan nasihat.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

So, saya nak....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Batu Maung, soalan YB. Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya beri YB. Sungai Acheh dahulu.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Saya sebenarnya *confused* juga sebab hebat EXCO Agama ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tidak hebat.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Hebatlah. Saya cuma hendak dapat pandangan YB. Dato' Timbalan Speaker, contohnya Majlis Fatwa memutuskan 'A' itu hari. So, haram itu haramlah waktu itu. Betul. Maknanya umum kena tahu 'A' itu haram, dan umum kena tahu segera, bukan ditunggu pula untuk maklum, okey. Umum tahu 'A' itu haram. Betul ya. Nanti dahulu. Pelan-pelan Ia, ini fatwa ini. Fatwa bukan 'Fatwa Pujangga'. Jadi bila sudah haram, maknanya siapa bertanggungjawab untuk menyatakan kepada masyarakat umum 'A' itu haram, setelah keputusan fatwa dibuat?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Itu soalanlah. Yang kedua. Majlis Fatwa sudah kata 'A' itu haram, tiba-tiba dapat pandangan lain kerana tidak *rigid* kata perlu mendapat nasihat dan pandangan *public*, selepas itu hendak isytihar pula tidak haram.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okay, habis.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Nanti dahulu. Beri peluang. Fatwa sudah lama ini, saya pun *confused*. Kelirulah. Tetapi YB. Permatang Pasir kata, sebagai penasihat agama sahaja. Nasihat sahaja. Tidak apa, itu saya hairan. Hendak kena cari kamus utara, kamus tengah. Tidak tahu macam mana. Nanti dahulu sabarlah. Sabar. Kan saya sudah kata hebat EXCO Agama. 'Sabar itu separuh daripada iman', wahai rakanku Batu Maung.

Yang hendak digazetkan, setelah mendapat pandangan daripada Penasihat Undang-Undang, ada sebut tadi kan...(gangguan). Nanti dahulu. Tidak apalah, simpan dahulu. Saya hendak sebenarnya hendak digazetkan maka sahlah Majlis Fatwa itu. Apabila ia digazetkan, maka umum ketahui bahawa 'A' itu haram, maka tidak dibuatlah yang haram itu. Tidak dibuat lagi kan. Tetapi nampak pelik. Selepas itu ada pula kata, ada benda yang boleh disegerakan. Majlis Fatwa buat keputusan hendak tunggu pula dapat pandangan ataupun hendak tengok kesesuaian benda itu ada sebut kan, ada surat itu kesesuaian, saya masih ingat. Tetapi tidak buat, macam mana kan. Nak tunggu kesesuaian baru hendak diwartakan, seolah-oleh Kerajaan Negeri tidak yakin kepada Majlis Fatwa. Siapa lantik Majlis Fatwa?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Janganlah. Andaian macam itu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tidak, saya bukan andaian. Saya bertanya. Saya tidak andaian, saya tanya siapa melantik Majlis Fatwa. Itu bukan andaian.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Andaian kata Kerajaan Negeri tidak hormat *statement* tadi.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dia bukan naya. Saya kata betul la itu. Saya tidak andai dah macam itu. Saya sudah kata itu betul. Saya tidak buat andaian.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey. Saya tidak mahu panjang-panjang lagi. Saya hendak beritahu disini. Kalau satu fatwa itu telah dibuat, dan Sahibul Samahah, Mufti boleh *announce* bila-bila masa kerana saya setuju dengan YB. Sungai Aceh bila yang haram tetap haram. Tetapi apabila perwartaan itun adalah penguatkuasaan undang-undang yang Penasihat Undang-Undang ini bukan hendak nasihat terhadap fatwa itu, ia apabila fatwa proses jalan, semua sudah jalan Penasihat Undang-Undang hendak buat perkataan, patah dia untuk sepertimana hendak macam ini dan sebagainya. Itu ialah Penasihat Undang-Undang punya *role* untuk dia buat perkara-perkara yang diperlukan untuk dicetak dan untuk diwartakan. Okey.

Haram tetap haram apabila Mufti daripada Majlis Fatwa sudah buat keputusan jika proses semua sudah selesai, kalau Mufti hendak buat *announcement*, Mufti boleh buat *announcement*. Mufti boleh buat *announcement*. Tetapi perwartaan itu satu perkara yang lain, dan saya minta YB. Sungai Aceh jangan menggunakan perkataan yang pihak kerajaan negeri membelakangkan Jawatankuasa Fatwa kerana Mufti dan Jawatankuasa Fatwa ini adalah lantikan Agung. Kita tidak pernah membelakangkan. Okey. Sebab itu saya beberapa kali saya kata, kita tidak campur tangan dan Mufti juga sendiri telah menegaskan dan setiap perkara itu selalu dibincang kerana ini adalah satu Kerajaan di mana kerajaan itu kita kena berbincang untuk kebaikan ummah dan sebagainya. Okey, silakan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO. Jadi kedudukan di Pulau Pinang hari ini, sesuatu fatwa walaupun tidak diwartakan tetap satu fatwa kan?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Jadi, dalam proses mewartakan Fatwa tersebut adalah menjadi satu pendirian kerajaan negeri supaya Majlis Fatwa merujuk dahulu Fatwa tersebut kepada pihak EXCO. Betul?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Dia ini setelah dibuat fatwa, setelah dibuat fatwa untuk diwartakan. So, kita kena berbincang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Itu kenyataan saya.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Merujuk. Yes.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Dalam proses fatwa itu untuk.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Diwartakan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Diwartakan ianya harus wajib dirujuk dahulu, kepada EXCO.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yes. Perlu dirujuk untuk kita bincang untuk supaya perkara ini dapat untuk kebaikan ummah keseluruhannya. Saya hendak teruskan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya. Saya hendak teruskan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Permatang Berangan, juga membangkitkan persoalan adakah pihak MAIPP, masih menerima wakaf dan apakah statistik terkini tentang perkara wakaf. YB. Permatang Berangan, pihak MAIPP masih menerima harta untuk diwakafkan. Bentuk harta yang hendak diwakafkan ialah seperti bangunan, rumah, tanah pertanian, tapak surau, tapak masjid dan tanah perkuburan. *Right*.

Sejak tahun 2014 sehingga bulan Mei 2017, sebanyak 22 Lot tanah dan bangunan yang diwakafkan oleh *individual* dengan keluasan 9.85 ekar, 19 Lot tapak surau serahan pemaju dengan keluasan 2.96 ekar, 12 Lot hakmilik tanah kerajaan dengan keluasan 13.38 ekar yang diterima oleh MAIPP. Selain daripada itu, pihak MAIPP telah menubuhkan satu badan wakaf yang dinamakan Wakaf Pulau Pinang.

Pada tahun 2016 sebagai usaha kita yang bermula pada tahun 2013 untuk melicinkan, untuk mentadbir dan untuk memajukan, memaju ini maksud saya adalah untuk melebarkan lagi semangat berwakaf itu. Wakaf tunai, wakaf bangunan dan sebagainya. So, perkara ini dalam peringkat akhir pembentukan Wakaf Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Penjelasan YB. Batu Maung. Cuma saya hendak tanya sikit. Sikit sahaja. Ada masalah yang saya dengar masih belum selesai. Wakaf yang lama-lama, wakaf yang lama dahulu orang tua-tua wakaf. Dalam geran masih nama dia, dan saya rasa sudah berpuluh-puluh tahun bila datang anak cucunya, mereka ambil balik. Mereka jual dan sebagainya. Jadi, setakat mana proses ini telah dibuat untuk ditukarkan wakaf itu kepada waris dia.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Di Permatang Sungai Dua berlaku.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Betul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Di kampung saya pun sudah berlaku. Sudah buat masjid, dirobohkan masjid. Jadi datuk-datuk, tidak dapatlah pahala wakaf.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya. Ini memang berlaku oleh sebab surat kadang-kadang yang kita tengok di satu tempat itu tulisan tangan sahaja. Tulisan tangan sahaja iaitu selepas beberapa generasi, tanah itu telah ditukar hakmilik dan sebagainya dan setelah beberapa tahun baru didapati surat asalnya yang ada tulis tangan. Tahun 18 bukan 19, tahun 18 berapa. So, perkara ini terpaksa di rujuk ke mahkamah untuk penyelesaian. Tetapi setakat yang mampu sebab itulah badan wakaf itu ditubuhkan untuk supaya kita dapat menggaji orang kata *expert-expert* dalam segi harta tanah dan sebagainya dan untuk mengadakan *database-database* supaya kita dapat mengurus harta wakaf ini lebih baik secara profesional, *Insya-Allah*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Tentang perwakafan sebenarnya ada peruntukan untuk Majlis Agama Islam membuat *vesting order* 'Perintah Perletakhak' kepada MAIPP. Tanah-tanah yang telah diwakafkan dan perlu dikenalpasti semua di seluruh Pulau Pinang ini tanah-tanah yang telahpun. Macam kes yang rakan saya YB. Sungai Dua sebut, sudah ada masjid, sudah ada kubur maknanya sudah ada *main* selia dalam undang-undang ataupun *intension* atau niat atau *nawaitu* oleh pewakaf untuk buat.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kenapa tidak dibuat *vesting order*, untuk meletakkan hak ke atas Majlis Agama Islam.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya. Okey.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang mana boleh dibuat, dibawa ke mahkamah.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okay.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dibawa ke mahkamah untuk dibicara.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Memang dibuat. Memang dibuat. Tidak ada keraguan tentang perkara ini tambah-tambah lagi pula ada keputusan mahkamah tinggi yang memutuskan jikalau ada kubur, ada masjid sungguhpun tidak ada surat yang mengatakan itu wakaf, terus secara automatik jadi wakaf. Kita ada kes di Burma Road, Jalan Burma serupa juga. So, kalau ada institusi-institusi khas diatas tanah itu, masjid, surau dan sebagainya, maka dia secara automatik jadi tanah wakaf dan jikalau dibawa ke mahkamah maka orang yang membawa ke mahkamah itu ataupun pihak MAIPP yang ada *vesting orders*, seperti kata Telok Ayer Tawar memang akan berjaya. Tetapi yang menjadi masalahnya adalah tanah-tanah yang lama-lama, yang lama-lama yang *even* dia generasi yang sekarang ini pun tidak tahu kata itu tanah wakaf selepas ada petisyen dan sebagainya, pergi korek-korek baru dapat. So, *Insya-Allah* kalau badan wakaf ini yang ditubuhkan ini, maka kita boleh menggaji, boleh *employed*, boleh adakan lagi *expert group*, untuk kita menjayakan lagi pentadbiran tanah wakaf dan pembangunan tanah wakaf.

Isu Masjid. YB. Permatang Berangan mencadangkan peruntukan lebih besar untuk masjid luar bandar seperti yang diterima di bandar itu. Itu satu silap anggapan. Oleh sebab untuk makluman Yang Berhormat, adalah bahawa tiada perbezaan antara masjid dalam bandar atau diluar bandar, ia adalah atas keperluan dan juga kemampuan kewangan, itu adalah memang yang dipraktikkan dan bukan kata kita bagi *special*, luar bandar, dalam bandar atas keperluan dan kemampuan Kerajaan Negeri. Peruntutannya adalah *on priority*. YB. Sungai Aceh membangkitkan tiga (3) perkara berhubung isu masjid, yang pertama adalah jemputan Mesyuarat Agung Kariah secara bebas menggunakan *banner* siapa-siapa saja boleh hadir ke Mesyuarat Agung Kariah, sama ada saya hadir di Masjid Sungai Bakau, dalam masjid, apakah hadiah istimewa yang diberi kalau masjid mendapat anugerah 5S. Jawapannya, Mesyuarat Agung pemilihan qaryah semua masjid telah sempurnakan mesyuarat pemilihan dan juga Mesyuarat Agung Qaryah iaitu 19 Mac 2017. Mesyuarat Agung semua selesai dan setakat ini tiada isu berbangkit berkaitan Mesyuarat-mesyuarat Agung yang diterima oleh Jabatan sehingga Mac 2017. Sememangnya MAINPP mengalakkan masjid membuat hebahan kepada semua anak kariah melalui apa cara sekali pun.

Saya telah hadir ke majlis...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Pasal Mesyuarat Agung. YB. Dato' Timbalan Speaker, anak-anak kariah tanya saya dulu, bila nak hadir Mesyuarat Agung, dia kena debat, daftar memilih macam pengundi, kalau siapa yang tak daftar nama dia tak ada pergi mesyuarat, dia tak boleh hadir mesyuarat, tapi tiba-tiba kali ini saya, contoh di Masjid Sungai Aceh *banner* cukup besar, semua anak kariah dijemput ramai-ramai untuk hadir mesyuarat. Mereka tanya saya, Dato' tau tak apa beza dulu dan kini, fatwa dulu tak pakai, la baru pakai, saya nak minta penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita kena faham Mesyuarat Agung pada tahun 2017 ini adalah Mesyuarat Agung biasa, bukan Mesyuarat Agung pemilihan, kalau Mesyuarat Agung pemilihan kita kena jaga supaya anak-anak kariah yang untuk hadir, kerana dia nak memilih, tapi untuk Mesyuarat Agung biasa ini untuk datang laporan dan sebagainya, kita buat secara *banner* dan sebagainya tetapi apa saya kata tadi hebahan kepada semua anak qaryah melalui apa cara sekali pun. Saya boleh melihat tentang spesifik masalah Masjid Sungai Aceh, kita akan melihat bagaimanakah mereka menjemput anak kariah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Yang dulu pakai peraturan dan kaedah yang mana?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sama, sama.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Oh, sama juga?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Pasal bila Mesyuarat Agung pemilihan kita kena jaga sikit, takut orang bukan anak kariah mai mengundi tapi kalau Mesyuarat Agung biasa seperti tahun ini, untuk membentang dan sebagainya kita jemput, kita buat hebahan, pada hari Jumaat kita buat hebahan, kita buat *banner* tetapi apabila hadir dia mesti menandatangani kedatangan Mesyuarat Agung, taklah begitu *rigid* untuk kita lihat, tapi *Insyah-Allah* selepas tahun 2016 kita sedang usaha untuk kita menaikkan cara pendaftaran dan juga daftar data, data ini *more to sophisticated* sikit bukan tulis buku dan sebagainya, *Insyah-Allah* ini sedang kita usahakan. Agar mesyuarat agung mana pun kita dapat menggunakan data dan juga menandatangani kehadiran anak-anak kariah, dia sama, kaedah sama.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Maksudnya YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, bila ada mesyuarat untuk pemilihan nanti dia kena pakai nama pula.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tak,..bukan nama, memang sama,...semua sama.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dia kena ada pendaftaran...(gangguan)

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tak, dia memang sama,..pendaftaran memang ada pendaftaran.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Daftar pemilih di panggil....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Daftar pemilih memang ada,.. pendaftaran so saya dah katakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kenapa tidak digunakan sama.....(gangguan) nak pilih nak(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Sungai Aceh beritahu saya masjid mana? Saya akan menyiasat untuk penambahbaikan, penambahbaikan kerana dia bukan pemilihan, so kita tak payah, kita boleh untuk penambahbaikan... (gangguan). Baru hari ini saya dengar kes ini, kalau ada macam ini punya laporan, kita akan berbincang untuk penambahbaikan, okey? Boleh? YB. Sungai Aceh. Saya telah hadir ke Majlis Sumbangan Ehya Ramadhan di Masjid Sungai Bakau dan tidak benarliah peruntukan dikatakan dipindahkan oleh Kerajaan Negeri dari Masjid Sungai Bakau ke masjid yang lain. Kerja pembaikan untuk semua masjid dan negeri ini dan penyaluran kepada semua masjid-masjid mengikut keperluan berdasarkan permohonan. Bagi program 5S...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya dapat maklumat daripada anak kariah, dia kata sepatutnya, sepatutnya sudah ada peruntukan untuk membaiki, tiba-tiba oleh kerana pergi lain, dia tak jadi baiki...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Itu satu perkata yang tidak betul.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak apa, tak apa, sekarang kita perbetul, luluslah untuk baiki Masjid Sungai Bakau?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya biasa YB. Sungai Aceh minta saya ingat Dewan Undangan Negeri yang lepas, saya *approve* dan-dan, okey? Pasal kata tiris, saya *approve* dan-dan tapi kali ini adalah benda yang lebih besar kerana dia punya bumbung ada masalah, so pihak *technician* telah pergi buat *assessment* maka *Insya-Allah* kita dalam proses untuk kita buat meneliti permohonan itu, *Insya-Allah*.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Bukan diluluskanlah? Saya nak minta sebut diluluskan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tak, saya kena meneliti dulu....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tadi dah sebut dulu dah 2 kali saya mint....(gangguan). Kerana kejayaan, saya minta dekat Dato' Malik sebab tu mereka minta saya sampaikan...(gangguan). Mereka kata Dato' Malik pergi sana dah, biasanya kalau pergi sana mesti lulus, saya kalau pergi sana RM1 saya lulus jadi kalau Dato' pi kira luluslah ?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Insya-Allah, saya akan usaha, saya akan meneliti permohonan... (gangguan). Saya kena meneliti.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Dato' Malik kerana meluluskan permohonan Masjid Sungai Bakau....(gangguan).
Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Bagi program 5S di masjid SPS yang telah dianugerahkan kepada Masjid Daerah dan Bukit Panchor, MAINPP telah memutuskan untuk memberi sumbangan sebanyak RM3,000 kepada masjid yang ingin melaksanakan program 5S, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha untuk semua masjid-masjid di Pulau Pinang ini melalui program 5S dan *Insyah-Allah* kita boleh jadi sebuah negeri yang mana banyaknya masjid-masjid yang telah dianugerahkan sijil 5S, Insya Allah. Isu perkahwinan di bawah umur...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Batu Maung, yang ini pun, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Mereka pesan kat saya mereka kata mereka dah dapat anugerah itu, baguslah kita patut lulus peruntukan segera, mereka minta RM60 ribu nak buat Dewan terbuka saya harap depa dengar saya cakap ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Insyah-Allah saya akan meneliti permohonan itu, isu perkahwinan bawah umur. YB. Permatang Berangan membangkitkan tentang had umur perkahwinan bagi lelaki dan perempuan. Berapakah had umur perkahwinan bagi lelaki dan wanita Islam? bolehkah perkahwinan bagi belia bawah umur 16 tahun? Untuk maklumat YB. Permatang Berangan, menurut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang 2004 telah disebut iaitu tiada satu perkahwinan boleh di akad nikahkan dibawah Enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada 18 tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada 16 tahun kecuali Hakim Syarie yang memberi kebenaran secara bertulis dalam keadaan hal tertentu.

Ini bermakna di bawah Seksyen tersebut had umur lelaki adalah 18 tahun manakala perempuan adalah 16 tahun. Lelaki dan perempuan boleh berkahwin di bawah 18 tahun atau 16 tahun dengan syarat hendaklah mendapat kebenaran daripada Mahkamah Syarie terlebih dahulu. Mengikut rekod yang ada setakat ini sejak 2007 tiada perkahwinan dibawah umur 12 tahun yang telah diizinkan oleh Mahkamah Syarie di negeri ini.

Isu Guru Kafa. YB. Penaga membangkitkan tentang elaun Guru Kafa diberi RM900 oleh Kerajaan Persekutuan dan mencadangkan Kerajaan Negeri memberi sumbangan sedikit lagi untuk elaun mereka daripada RM50 kepada RM100. Maklumat untuk YB. Penaga, program Kelas Kafa adalah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab menyediakan kemudahan tempat belajar termasuk kelas dan sekolah walaupun Kerajaan Persekutuan telah menyediakan elaun sebanyak RM900, pihak Kerajaan Negeri telah menyumbang sebanyak RM50 sebulan bantuan khas kewangan serta ini mustahak serta bonus tahunan yang diberikan kepada guru-guru Kafa.

Tanah perkuburan...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

YB. Batu Maung, sebenarnya saya bangkitkan isu ini bukan apa sebab seperti ucapan saya berkaitan peranan Guru Kafa ini, jika bukan kerana "Guruku Tidaklah Aku Kenali Tuhanku". Itulah sebabnya saya rasa perlu Kerajaan Negeri memberi pertimbangan ke atas, sebenarnya saya diminta dibawa isu ini oleh guru-guru Kafa di Negeri Pulau Pinang dan untuk maklumat semua, keputusan Ujian Penilaian Kelas Kafa, UPKK pada tahun 2016, seramai 1,927 orang calon telah berjaya mendapat 8A berbanding 827 murid pada tahun 2015 dan ini adalah atas usaha mereka guru-guru Kafa. Itulah sebabnya saya rasa kita perlu hargai sumbangan mereka, saya harap Kerajaan Negeri dapat memberi pertimbangan sewajarnya.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Insyah-Allah. Ya, Kerajaan Negeri memang memberi pertimbangan yang sangat besar kepada guru-guru terutama guru Kafa kerana merekalah yang menjadi *front liner* yang mendidik anak-anak generasi masa depan kita, sebab itulah Kerajaan Negeri di atas cadangan Y.A.B. Ketua Menteri sendiri memulakan memberi bonus kepada guru-guru Kafa setiap tahun semasa hari raya dan *Insyah-Allah* saya rasa kita boleh memberi pertimbangan untuk melihat balik imbuhan-imbuhan kepada guru Kafa dari masa

ke semasa.

Isu tanah perkuburan. YB. Sungai Dua membangkitkan keperluan tanah perkuburan Islam yang semakin kurang di Pulau Pinang. Penjelasan kepada persoalan YB. Sungai Dua dalam menyelesaikan isu kekurangan tapak tanah perkuburan Islam ialah dengan membuat permohonan pengambilan balik tanah bagi tujuan menjadikan sebagai tapak perkuburan orang Islam, terbaru adalah permohonan pengambilan balik tanah yang dibuat pada tahun 2016 melibatkan sebahagian Lot 35, Mukim 12 Daerah Seberang Perai Selatan iaitu seluas $\frac{1}{2}$ ekar sebagai tapak perkuburan masjid lama Sungai Bakap, selain daripada itu Majlis Agama Islam mengwujudkan tanah perkuburan Islam berpusat, ini adalah konsep baru yang kita sedang utarakan iaitu konsep perkuburan Islam berpusat iaitu di Sungai Rusa Daerah Barat Daya 10.51 ekar, di Paya Keladi Daerah Seberang Perai Utara 7 ekar dan di Bandar Perda Bukit Mertajam Seberang Perai Tengah seluas 4.51 ekar.

Sehingga kini tapak kawasan perkuburan Islam di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah seluas 206.95 ekar. Permohonan tanah perkuburan yang akan memperpanjangkan lagi masyarakat kita tidak mengubah pemikiran kita untuk tanah perkuburan berpusat ini.

Bagi Daerah Seberang Perai Utara, tanah perkuburan berpusat disediakan terletak berdekatan Masjid Abdullah Fahim. Pihak kariah juga boleh membuat permohonan untuk membesarkan tapak-tapak perkuburan tetapi kita memberi keutamaan kepada tanah-tanah perkuburan berpusat.

Isu Ramadan. YB. Bayan Lepas meminta kerjasama Jabatan Agama Islam untuk memantau dan membuat penguatkuasaan ke atas premis-premis makanan semasa bulan Ramadan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Penjelasan. Tentang perkuburan berpusat, adakah akan dibuat empat (4) atau lima (5) kariah satu tempat? Adakah cadangan dibuat macam itu? Macam di Kepala Batas, di Masjid Abdullah Fahim itu mungkin yang jauh-jauh tidak akan pergi sana.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita ingin memajukan tanah-tanah perkuburan ini sebagai berpusat agar dia punya *management* dan *design* perkuburan kita adalah yang paling terbaik. Sebab itu, jika kita lihat sekarang jenazah tidak lagi diangkat tetapi di bawa dengan van, bila dibawa dengan van, tidak semestinya tanah-tanah perkuburan itu berdekatan. Kita sedang berusaha agar diperbanyakkan lagi tanah-tanah perkuburan berpusat agar dapat menyediakan kemudahan(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya rasa, selain daripada berpusat, konsep seperti di Masjid Badawi saya rasa boleh di *apply*, dilaksanakan di kawasan-kawasan lain. Kita tambun tanah, jadi tinggi dan dibuat bertingkat. Ini juga boleh dibuat kalau menghadapi masalah kekangan tanah.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Selain daripada sebab kita mengutarakan konsep kubur berpusat adalah untuk perancangan masa hadapan seperti mana cadangan YB. Sungai Dua. Kalau kita sudah merancang untuk mengadakan kubur bertingkat maka lebih mudah lagi untuk masa hadapan. Kalau kita tidak merancang terlebih dahulu maka agak susah untuk kita pergi kepada kubur berpusat. Penjelasan kepada YB. Bayan Lepas, Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Pulau Pinang akan mempertingkatkan seperti setiap tahun, mempertingkatkan pemantauan ke atas premis-premis makanan termasuk hotel dan juga kedai-kedai makan di Pulau Pinang dan terutama sekali yang mempunyai persijilan halal. Pada masa yang sama pihak JAIPP akan bekerjasama dengan penguatkuasa KPDNKK Pulau Pinang untuk menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 bagi memastikan semua restoran dan premis makanan mematuhi piawaian yang ditetapkan, terutama sekali menghormati bulan Ramadhan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, pihak portfolio saya yang juga merangkumi Perdagangan Dalam Negeri telah giat untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai pusat *Trade Event*, *Alhamdulillah* sehingga kini yang kita telah mulakan sejak tahun 2009 – 2017 kita telah memulakan *trade event* di mana kita telah meningkatkan sehingga 200 lebih penyertaan. Penganjuran Ramadhan Sogue juga telah kita perkenalkan pada tahun 2011 dan *Alhamdulillah* penjenamaan ini telah semakin lama semakin diterima oleh masyarakat dan dikunjungi oleh pengunjung-pengunjung dan pada tahun 2017 sudah hampir 110 penyertaan.

Selainnya adalah penyertaan pedagang-pedagang dalam program-program seperti Program Halal iaitu *Halal Expo* dan *Conference* anjuran Halal Penang dan sebagainya. Baru-baru ini kita telah ketengahkan *Penang Halal Expo and Conference* yang mana telah masuk tahun ke 8, *Alhamdulillah* kita telah berjaya menarik banyak penyertaan. Pihak Kerajaan Pusat juga telah memulakan satu badan iaitu Majlis Halal Malaysia ini yang dianggotai oleh saya mewakili Negeri Pulau Pinang. Majlis ini bertujuan untuk kita melihat aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan halal ini dijalan dengan baik.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sebelum itu saya mengucapkan Selamat Menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak dan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada penjawat-penjawat awam dan juga kepada semua yang telah menjayakan program-program dan juga aktiviti-aktiviti agama dan lain-lain dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam portfolio saya.

Sekian *Wabillahirtaufik Walhidayah, Assalamualaikum w.b.t.* Saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula esok jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 malam.